

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA**

**Bil. 43**                    **Selasa**                    **27 Oktober 2015**

## KANDUNGAN

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman	1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman	26)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b> Rang Undang-undang Perbekalan 2016	(Halaman	27)
<b>USUL-USUL:</b> Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman	26)
Anggaran Pembangunan 2016	(Halaman	27)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KETIGA**  
**MESYUARAT KETIGA**  
**Selasa, 27 Oktober 2015**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan apakah usaha kementerian dalam menambah baik sistem komunikasi terutamanya di kawasan luar bandar di mana banyak lagi kampung-kampung yang tidak mendapat rangkaian telekomunikasi dan akses internet seperti yang sepatutnya

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]:** *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga Yang Berhormat Baling, sahabat saya yang menanyakan soalan. Saya tidak jawab pantun, saya menjawab pertanyaan Yang Berhormat Baling.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohonkan keizinan untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Kubang Kerian yang bertarikh pada 4 November 2015 kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu berkaitan perkhidmatan komunikasi negara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam merapatkan jurang digital dan meningkatkan akses kepada perkhidmatan telekomunikasi dalam kalangan rakyat terutamanya di kawasan yang tiada atau kurang liputan, pihak kerajaan telah memperkenalkan beberapa inisiatif di bawah kerangka pemberian perkhidmatan sejagat dengan izin, *Universal Service Provision* di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Sehingga bulan September tahun ini, untuk makluman Dewan yang mulia, pihak kementerian melalui MCMC telah membina 993 buah menara telekomunikasi, 282 kilometer rangkaian *fibre optic*, 597 buah Pusat Internet 1Malaysia dan sejumlah 4,712 WiFi komuniti. Seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam Belanjawan 2016 baru-baru ini, sebanyak RM1.2 bilion lagi telah diperuntukkan oleh MCMC untuk menambah baik infrastruktur telekomunikasi negara. Antara lainnya adalah meningkatkan kelajuan internet luar bandar empat kali ganda sehingga 5 megabit sesaat iaitu UniFi sekarang ini kepada 20 megabit sesaat. *National Fibre Backbone Infrastructure*, jalur lebar berkelajuan tinggi dan sistem kabel dasar laut.

Bagi kawasan Parlimen Yang Berhormat Baling sendiri, kementerian melalui MCMC telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi meningkatkan perkhidmatan jalur lebar dalam kalangan masyarakat yang sehingga kini telah menelan belanja sejumlah RM28.8 juta. Antara inisiatif di Baling ialah:

- (i) telah membina enam buah Pusat Internet 1Malaysia;
- (ii) membina 43 WiFi komuniti; dan
- (iii) membina tujuh buah menara telekomunikasi yang mana dua lagi akan dibina dalam waktu terdekat.

Manakala menjawab soalan Yang Berhormat Kubang Kerian, sehingga suku kedua tahun ini, kadar penembusan jalur lebar negara telah mencapai 72.2% yang mana 7.9% telah disumbangkan oleh projek Komuniti WiFi. Pihak kementerian melalui MCMC telah menyasarkan sebanyak 500 WiFi komuniti akan dibina pada tahun ini. Sehingga ini, sebanyak 455 WiFi komuniti telah pun disiapkan dan selebihnya dalam proses pelaksanaan. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab dan saya ucapkan terima kasih kepada kementerian yang telah mengambil inisiatif yang proaktif khususnya di kawasan saya di Baling. Saya juga di kesempatan ini ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Pekan kerana melalui Bajet 2016, SKMM akan menyediakan RM1.2 bilion untuk meningkatkan kelajuan internet luar bandar khususnya di kawasan saya Baling empat kali ganda dari 5 megabait sesaat ke 20 megabait sesaat. *Insya-Allah*, saya mendoakan agar ia akan menjadi kenyataan melalui *National Fibre Backbone Infrastructure*, jalur lebar kelajuan tinggi dan sistem kabel dasar laut.

Soalan saya, apakah usaha-usaha pihak kerajaan bagi menurunkan caj internet oleh pembekal pemberi perkhidmatan atau *internet service provider* (ISP) untuk dapat memperkembangkan penyebaran ilmu kepada rakyat khususnya di kawasan luar bandar, golongan kurang berkemampuan? Ini soalan saya nombor satu.

Akan tetapi saya tertarik dengan apa yang dikeluarkan dalam TV3, Buletin Utama semalam. Ini juga berkaitan dengan apa yang kita semua sedia maklum termasuk di kawasan saya di Baling khususnya projek 1BestariNet yang telah menelan belanja RM663 juta tetapi akhirnya tidak dapat dimanfaatkan. Semalam kalau kita tengok berita, guru-guru mengadu, anak-anak murid mengadu, mereka kena tunggu empat jam dan sebagainya. Apa yang dijanjikan dalam program tersebut yang mana mereka harus memberi 4 megabait hingga 20 megabait sesaat tetapi akhirnya hari ini hanya boleh kita dapat 0.2 megabait hingga 3 megabait per saat.

Jadi saya hendak tanya kementerian. Ini adalah program *virtual learning experience* (VLE) ini tadi yang dibawa oleh pihak 1BestariNet melalui saya tidak tahulah ada NBOS atau tidak, kementerian mana yang bertanggungjawab.

## ■1010

Bagi saya, bagi orang kampung kita mestilah kata MCMC, kementerian Yang Berhormat Menterilah yang harus bertanggungjawab. Jadi hari ini saya hendakkan jawapan kalaulah di

bawah kementerian Yang Berhormat, sila ambil tindakan segera. Kalau bukan, tolong masukkan dalam *Hansard*. Ini untuk rekod, saya minta kementerian berkaitan iaitu Kementerian Pendidikan untuk menjawab secara lisan atau bertulis kepada saya soalan yang amat penting kerana telah mula diuar-uarkan dalam televisyen dan sebagai akhbar menyatakan bahawa program ini benar-benar lumpuh dan *fail* dan duit sudah dikeluarkan banyak, telah dibelanjakan. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih Yang Berhormat Baling. Jadi kalau kita lihat soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Baling itu memang menunjukkan bahawa beliau adalah seorang MP yang prihatin. Tahniahlah saya ucapkan kepada sahabat saya ini. Dua soalan saya cuba menjawab. Pertamanya berkaitan dengan menurunkan caj internet.

Sebenarnya untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebagai sebuah kementerian yang bertanggungjawab kepada komunikasi dan maklumat penting kerajaan, pihak kementerian mengakui bahawa internet ini adalah satu medium untuk menyebarkan maklumat dan dalam hal ini isu yang ditimbulkan adalah berkaitan caj. Sebenarnya harga caj internet ini adalah kompetitif. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebenarnya pihak kementerian melalui MCMC secara berterusan mengadakan perbincangan dengan penyedia pemberi perkhidmatan dan untuk makluman pakej mampu milik ataupun pakej Internet 1Malaysia yang berharga antara RM20 hingga RM25 telah pun disediakan.

Ia banyak digunakan terutamanya oleh para pelajar yang menuntut di institut pengajian tinggi dan manakala bagi meringankan golongan yang berada di kawasan luar bandar, pihak MCMC melalui program yang saya maklumkan tadi iaitu program WiFi Komuniti dan Pusat Internet 1Malaysia dibiayai oleh program USP. Ia telah memberikan kemudahan kepada terutamanya penduduk di luar bandar kerana ia boleh melayari internet di pusat-pusat tersebut secara percuma.

Keduanya bagi menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Baling, suka saya maklumkan bahawa sebenarnya di bawah kementerian ini iaitu terutamanya di bawah program pengurusan jalur lebar, kita tidak mengkhususkan mana-mana pemberi perkhidmatan untuk memberi perkhidmatan di satu-satu tempat. Maksud kata tidak ada elemen *exclusivity*. Maknanya kita membenarkan di bawah peruntukan akta elemen persaingan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini sebenarnya program 1BestariNet ini bukan di bawah kementerian ini. Ia tidak pernah jatuh di bawah kementerian ini kerana ia adalah satu projek seluruh negara yang diterajui oleh Mantan Menteri Pendidikan dahulu di bawah Kementerian Pendidikan...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ...Nampak.

**Dato' Jailani bin Johari:** ...Di mana dikhurasukan kepada satu syarikat yang diberi nama YTL. Seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat betullah peruntukan fasa pertama adalah berjumlah lebih kurang RM663 juta. Jadi bukan di bawah kementerian ini. Jadi soalan ini lebih khusus dan wajar dijawab oleh Kementerian Pendidikan. Terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Soalan tambahan. Allah, tidak mengapa. Dепа ada agenda dengan Yang Berhormat Pagoh, hendak serang Yang Berhormat Pagoh sekarang ini.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Boleh? Minta maaf Yang Berhormat Pokok Sena. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri mengenai projek Kampung Tanpa Wayar. Kita baca banyak laporan termasuk juga di kawasan saya, kita lihat kegagalan bagi projek Kampung Tanpa Wayar ini. Saya ingin tanya hala tuju kementerian, apakah projek ini akan diteruskan dan berapakah biaya atau perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh kerajaan. Apa sebabnya projek ini gagal mencapai matlamatnya? Terima kasih.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Sebenarnya untuk makluman Dewan yang mulia ini, projek Kampung Tanpa Wayar sebenarnya apabila kita perkenalkan ia adalah satu usaha untuk memberi kesedaran kepada masyarakat terutamanya pendedahan awal tentang internet. Jadi apabila ada timbul minat untuk melayari internet ia akan mendorong mana-mana rakyat atau pengguna di luar sana untuk *subscribe* atau melanggan mana-mana perkhidmatan yang diberikan oleh pemberi perkhidmatan di luar sana. Untuk makluman sebenarnya, seperti yang saya maklumkan sebentar tadi, sejumlah lebih kurang 4,712 telah disediakan.

Saya tidak bersetuju bahawa mengatakan program ini adalah gagal secara keseluruhannya kerana kadar penembusan jalur lebar kini adalah 72.2% di mana daripada 72.2%, sejumlah 7.9% telah disumbangkan oleh WiFi Komuniti ataupun Kampung Tanpa Wayar. Jadi sebenarnya ada beberapa kekangan yang dialami apabila kita melaksanakan program Kampung Tanpa Wayar ini kerana pertamanya ia disebabkan oleh faktor cuaca dan juga bekalan elektrik terutamanya di kawasan Sabah dan Sarawak.

Akan tetapi saya memberi jaminan kepada Yang Berhormat, pihak kementerian melalui MCMC, kita sedang mengkaji dan mencuba program yang terbaru iaitu program Pusat Internet 1Malaysia yang kita akan laksanakan *insya-Allah* di seluruh negara dalam masa terdekat ini. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila saya nampak soalan daripada Yang Berhormat Baling dan jawapan yang diberi oleh kementerian saya pun merasa dukacita kerana kalau di Semenanjung masih lagi belum ada kemudahan seperti ini, apa lagi di Sabah dan Sarawak termasuk kawasan Tuan Yang di-Pertua. Di Kalabakan, semua pengetua sekolah saya bagi seorang satu *laptop* tetapi mereka datang kepada saya, di luar bandar tidak boleh digunakan.

Jadi sampai bila kita mahu tanya kepada kementerian, sampai bila kemudahan internet ini, jalur lebar ini boleh dapat digunakan oleh penduduk-penduduk luar bandar di Sabah dan Sarawak? Kalau Semenanjung tidak ada, memang Sabah dan Sarawak 100 tahun mungkin belum ada lagi. Jadi, itu satu.

Kedua, Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tadi ada jawapan untuk Kementerian Pendidikan, mantan. Kita satu kerajaan, jangan sebut mantan, kerajaan, kementerian bukan mantan. [Tepuk] Kalau begini, lain kali orang kata, "Oh! Ini mantan punya". Mana ada mantan punya. Mantan itu kerajaan punya, bukan mantan punya. Terima kasih.

**Seorang Ahli:** Betul, betul.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan. Jadi saya perlu menjawab dua persoalan. Pertamanya berkaitan dengan Sabah. Jadi seperti yang kalau Yang Berhormat dengar awalan tadi apabila saya menjawab persoalan tadi, di bawah kementerian ini sebenarnya kita tidak ada sebarang pengkhususan mana-mana syarikat yang kita beri untuk memasuki mana-mana kawasan.

Jadi elemen persaingan itu kita benarkan. Jadi selain daripada program yang telah saya nyatakan ialah Program WiFi Komuniti, program pusat internet dan sebagainya di sekitar Sabah, Sarawak dan mana-mana memang ada tetapi hanya pengenalan kepada internet. Kita ingin memberi kesedaran. Jadi tidak timbul bahawa tidak ada langsung perkhidmatan yang diberikan oleh pihak *service provider* atau pemberi perkhidmatan dan terpulanglah kepada mana-mana pelanggan di luar sana apabila mereka berminat untuk melayari dengan kadar megabait yang lebih tinggi, *subscribe* ataupun melanggan mana-mana perkhidmatan yang diberi oleh pemberi perkhidmatan.

Untuk menjawab persoalan kedua berkaitan dengan isu 1BestariNet, ingin saya tegaskan memang tidak ada langsung di bawah kementerian ini. Memang ia di bawah Kementerian Pendidikan. Sama ada dipersoalkan oleh mantan dan sebagainya, itu tidak timbul kerana sekarang ini saya percaya isu utama adalah ditimbulkan oleh masyarakat ataupun para guru kerana tidak boleh menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan oleh satu-satu syarikat iaitu YTL untuk kemudahan internet di bawah program 1BestariNet. Ini yang perlu kita selesaikan oleh Kementerian Pendidikan. Terima kasih.

**2. Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan asas mengapa pemaju Melati Ehsan Holdings Bhd. diberikan tempoh tambahan untuk menyiapkan projek perumahan di Taman Melati Ehsan, Klang. Adakah kerajaan bercadang untuk memberi penjelasan kepada pembeli-pembeli rumah di situ.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Klang. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Klang pemaju Projek Melati Ehsan Klang iaitu Melati Ehsan Consolidated Sdn. Bhd. telah pun mengemukakan permohonan untuk lanjutan tempoh serahan milikan kosong ataupun *vacant possession* selama tiga bulan daripada pihak kementerian bagi fasa 1A(1) pertama bagi projek berkenaan.

■1020

Untuk makluman Yang Berhormat, permohonan ini adalah berasaskan kepada kejadian bencana ribut kuat yang telah pun berlaku pada 21 hari bulan Oktober 2014 yang menyebabkan

70 daripada 100 unit rumah yang sepatutnya diserahkan kepada tarikh yang berkenaan tidak dapat diserahkan kerana mengalami kerosakan.

Maka kerana itu Yang Berhormat, memandangkan jumlah unit yang rosak ini adalah banyak, 70 daripada 100 maka pihak pemaju memerlukan tempoh masa tambahan selama tiga bulan untuk membaiki segala kerosakan sebelum rumah berkenaan dapat diserahkan kepada pembeli. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga di bawah peraturan 11(3), Peraturan-peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989 jelas menyatakan bahawa jika pengawal perumahan berpuas hati bahawa oleh atas keadaan yang khas ataupun kesusahan ataupun keperluan mana-mana keperluan di dalam kontrak jualan tidak boleh dan tidak perlu dipatuhi ia boleh dengan pengakuan bertulis mengetepikan atau mengubahsuaikan peruntukan yang berkenaan.

Maka kerana itu Tuan Yang di-Pertua, permohonan ini seterusnya telah pun di bawa di dalam perbincangan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pertimbangan Perlanjutan Tempoh Serahan Milikan Kosong yang dipengerusikan oleh Timbalan Pengawal Perumahan iaitu Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara untuk pertimbangan dan setelah itu diangkat pertimbangan itu kepada Pengawal Perumahan iaitu Ketua Setiausaha (KSU) untuk pertimbangan dan setelah KSU berpuas hati dengan alasan dan perakuan jawatankuasa berkenaan sebagai pengawal perumahan, maka diberikan dan diluluskan permohonan itu.

Bagi memelihara kepentingan pembeli Tuan Yang di-Pertua, perlanjutan tempoh serahan pemilikan kosong selama tiga bulan ini diberikan kepada pemaju untuk membaiki unit-unit yang rosak dan juga projek seharusnya siap dan diserahkan kepada pembeli pada 21 Januari 2015. Untuk makluman Yang Berhormat juga, berdasarkan daripada rekod yang ada kepada kementerian pemaju telah pun menyerahkan keseluruhan rumah berkenaan yang berjumlah sebanyak 254 unit lebih awal daripada jadual iaitu pada 7 Januari 2015.

Tuan Yang di-Pertua, perjanjian jual beli rumah melibatkan dua pihak iaitu pemaju dan juga pembeli. Maka sehubungan dengan itu sekiranya terdapat sebarang perubahan di dalam mana-mana bahagian pada perjanjian jual beli berkenaan maka pihak pemaju perlu memaklumkan kepada pembeli secara terus ataupun melalui peguam cara pembeli. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan yang begitu lengkap oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin bangkit dua isu Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertama, mengenai S&P. Pertamanya, S&P ini telah ditandatangani pada 21 Oktober 2012. Ini bermaksud bahawa sebelum 20 Oktober 2014 iaitu dua tahun selepas itu *24 months*, kunci itu harus diserahkan kepada pembeli-pembeli. *That is the legal requirement* tetapi ribut ini berlaku selepas, ‘selepas’ *this is the key point*, selepas 20 Oktober 2014.

So, soalan yang ditanya pembeli ialah *what is the basis?* Sebenarnya kunci rumah itu harus diberikan sebelum bukan selepas, sebelum 20 Oktober 2014 *that is the question*. So, *the basis that we answer, make some sense*, itu satu. Kedua, tiga surat telah dikemukakan dan

dihantar kepada kementerian iaitu pada 17 Jun 2015, 3 Julai 2015, 20 Ogos 2015 tetapi tidak ada jawapan, tidak ada jawapan. Pembeli pun keliru. Kalau ada jawapan jelas yang berasaskan kepada undang-undang mengapa kerajaan khususnya kementerian tidak hendak kemukakan alasan itu, *so therefore the fault is the ministry.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah, cukup Yang Berhormat.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** So, minta penjelasanlah *question* ini.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** *Don't get emotional*, Yang Berhormat. *I answered your question.*

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** *[Bangun]*

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Nanti, nanti, *sit down, sit down.* Saya sudah jawab sudah. Mungkin Yang Berhormat tidak dengar agaknya.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Tidak ada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tidak ada jawapan. ...*Accuse the pemaju.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Klang.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Ya, ya. *You sit down, you sit down.*

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** *You accuse* kepada pemaju.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sebut di dalam jawapan saya tadi. Dia, pemaju sepatutnya serahkan projek ini kepada pembeli pada 21 Oktober 2014.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** ...20 bukan 21.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak boleh, Yang Berhormat. Yang Berhormat Klang sudah.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Yang Berhormat *sit down, let me answer the question, please.*

**Tuan Charles Anthony Santiago Klang]:** *You are misleading.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat....

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** *No, no I'm not misleading. Don't try to mislead my answers, please.* Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian, Jabatan Perumahan Negara telah menjalankan semakan dengan pihak syarikat dan pihak syarikat, pihak pemaju memaklumkan bahawa tarikh penyerahan kunci kepada pembeli ialah 21 hari bulan Oktober 2015. Saya mendengar apa pihak kementerian iaitu Jabatan Perumahan Negara mendengar apa yang pemaju maklumkan kepada pihak kementerian, bukan apa yang Yang Berhormat maklumkan kepada saya untuk dimaklumkan kepada kementerian.

Pemaju mengatakan bahawa projek itu sepatutnya diserahkan pada 21 hari bulan Oktober 2014, Tuan Yang di-Pertua. *Unfortunately*, malangnya tanpa diduga ujian Allah SWT ribut berlaku pada hari yang berkenaan. Jadi oleh kerana ribut berlaku pada hari yang berkenaan maka rumah itu tidak dapat diserahkan kepada pembeli pada tarikh 21 Oktober dan

kalau Yang Berhormat hendak tahu kejadian ribut itu, Tuan Yang di-Pertua telah menyebabkan kerosakan yang teruk kepada 70 rumah daripada 100 rumah yang ada.

Untuk makluman Yang Berhormat daripada Klang, tiga pembeli yang Yang Berhormat sebutkan tadi telah pun datang berjumpa dengan Jabatan Perumahan Negara dan kami telah pun memaklumkan apa tindakan yang sedang dijalankan di bawah peruntukan yang telah diluluskan melalui jawatankuasa yang dipengerusikan oleh KSU untuk memberikan tempoh lanjutan supaya baik pulih rumah itu dapat dilaksanakan. *So, please get your facts right.* Terima kasih.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak boleh Yang Berhormat. Q&A ya. Yang Berhormat Parit Sulong. Ya, Yang Berhormat Parit Sulong? kepada Yang Berhormat Parit Sulong fasal kes perumahan Taman Melati.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih. Soalan terus kepada soalan tambahan. Apakah prosedur tindakan yang diambil oleh pihak kementerian bukan sahaja di Klang tetapi juga di tempat-tempat lain jika menerima aduan pembeli mengenai kelewatan dalam sesuatu projek perumahan yang daripada tarikh yang dijanjikan? Adakah pihak kementerian ada membuat satu perbincangan sekiranya ada terdapat sebarang kelonggaran dari segi pembayaran pinjaman sekiranya ada masalah kelewatan? Terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada kawasan Parit Sulong. Tanya soalan macam ini lah bagus. Jangan tanya soalan dalam bentuk tuduhan ya, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat daripada Parit Sulong termasuklah Yang Berhormat daripada Klang, kalau tidak berpuas hati. Kepada mana-mana pembeli Tuan Yang di-Pertua, sekiranya mereka tidak berpuas hati ke atas mana-mana pelaksanaan projek, di mana mereka adalah merupakan pembeli kepada mana-mana projek perumahan yang ada. Kalau sekiranya mereka ada berlaku ketidakpuasan hati maka pembeli bolehlah membawa ketidakpuasan hati mereka itu kepada Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata ataupun kita panggil TPPS dan Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata ini Tuan Yang di-Pertua, dia boleh mendengar dua perkara, Yang Berhormat daripada Parit Sulong.

Pertama ialah tuntutan ke atas apa-apa bentuk tuntutan yang dinamakan tuntutan teknikal iaitu tuntutan yang disebabkan oleh apa-apa kecacatan kepada mana-mana mutu kerja ataupun bahan-bahan dan jika rumah ataupun *apartment* itu dibina tidak mengikut kepada pelan ataupun kepada butiran seperti yang dinyatakan kepada perjanjian jual beli ataupun S&P. Itu yang pertama tuntutan teknikal.

Kedua ialah tuntutan bukan teknikal iaitu tuntutan bagi mana-mana kelewatan penyerahan ke atas mana-mana unit yang ada iaitu penyerahan milikan kosong. Jadi, kepada mana-mana pembeli, sekiranya mereka tidak berpuas hati terhadap kondisi unit rumah yang dibeli, yang berlaku kecacatan dan sebagainya boleh mengemukakan tuntutan kepada Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan sekiranya berlaku perkara-perkara dari segi kelewatan

penyerahan unit juga boleh bawa kepada Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**■1030**

3. **Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) apakah perancangan kementerian untuk menaik taraf atau meluaskan jalan raya yang sedia ada memandangkan jumlah kenderaan besar semakin bertambah ekoran perkembangan dan pembangunan pesat di kawasan Bintulu sebagai kawasan perindustrian berat; dan
- (b) berapa jumlah jejambat (*flyover*) yang dirancang oleh pihak kementerian dan akan dibina dalam pelaksanaan RMK-11 (2016-2020) terutamanya di kawasan Bintulu untuk meringankan masalah kesesakan lalu lintas di kawasan Bintulu.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Bintulu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bintulu, kementerian memang mengambil maklum mengenai kepesatan pembangunan di Bintulu, Sarawak khususnya berkaitan dengan keperluan untuk mempertingkatkan infrastruktur jalan-jalan utama di kawasan tersebut.

Sehubungan dengan itu, terdapat empat projek baru yang dirancang dan yang telah dipohon oleh kementerian ini untuk dilaksanakan di Bintulu dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-11 iaitu:

- (i) Menaik taraf Jalan Tanjung Kidurong ke *Samalaju Industrial Park*, bermula daripada Kilometer 4 ke Kilometer 39.
- (ii) menaik taraf persimpangan di Jalan Nyabau, Jalan Kinda dan Bulatan Tanjung Kidurong.
- (iii) membina jejambat di persimpangan Jalan Medan, Jalan Tun Hussien Onn; dan
- (iv) membina jalan di Ulu Pandan, Bintulu, fasa yang kedua.

Di samping projek-projek konvensional JKR di atas, kerajaan juga dalam masa yang sama sedang membina Lebuh Raya Pan Borneo di Sarawak melalui kaedah Rakan Pelaksana Projek ataupun dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *Project Delivery Partner* atau singkatannya PDP. Fasa pertama melibatkan pembinaan di kawasan Bintulu iaitu menaik taraf persimpangan Jalan Nyabau ke persimpangan Jalan Bakun sepanjang 43 kilometer yang telah dimulakan pada bulan Mac 2015 yang lalu. Projek ini dijangka akan siap dalam bulan Disember 2017. Terima kasih.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih jawapan diberikan oleh Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri, mengenai isu ini, contoh *flyover*, isu ini, saya soal isu ini penggal kedua saya sudah soal isu ini sampai penggal keempat. Kita sudah masuk berapa kali sudah Rancangan Malaysia tapi sampai hari ini saya nampak belum lagi ada apa-apa. Contoh

macam *flyover* from Medan Jaya masuk ke Jalan Tun Hussien Onn. Satu lagi, *flyover* Jalan Tanjung Kidurong masuk ke Jalan Nyabau. Ini paling *heavy traffic* dengan izin. Sampai hari ini kita belum ada apa-apa lagi tindakan ataupun kita mengadakan satu *solution* menyelesaikan masalah ini.

Rakyat di Bintulu cukup sedih. Banyak pembangunan masuk tapi kemudahan kita buat tidak tahu saja. Tapi ada Yang Berhormat Menteri punya kawasan macam-macam masuk. Kalau tidak ada Yang Berhormat Menteri punya kawasan, sampai matilah tunggu sana.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Saya setuju.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Parit Sulong pun setuju. Ini masalah kita ada Projek Samalaju, SCORE project tapi kemudahan tiada. Saya mahu tanya jalan itu. Saya punya soalan, saya tanya ini, minta naik taraf jalan raya itu. Kita cerita sampai Bakun, Bakun itu Pan Borneo. Tidak payah ceritalah. Kita mahu cerita, contoh macam itu Jalan Tanjung Kidurong dari empat *lane* ke enam *lane*. Kita jumpa dan saya difahamkan anggaran daripada JKR ialah RM162 juta. Saya mahu tanya ini bila baru ada buat? Tiap-tiap pagi *traffic jam*, Tuan Yang di-Pertua. Satu jam lebih, dua jam. Barulah berapa kilometer saja, dua atau tiga kilometer, berjam-jam tunggu sana.

Macam contoh ini Tanjung Kidurong masuk Jalan Nyabau itu, ada *port* dekat sana. Berapa kali *accident* sana, berapa orang sudah mati sana. Yang Berhormat Menteri, kalau tidak percaya, mari Bintulu, saya bawa *you* pergi sana tengah malam *you* lalu sana, *you* pergi pun gelisah. Banyak orang mati sana. Janganlah *you* punya kementerian kongkalikung kali-kali tak faham. Sudah soal banyak kali. Jadi saya mahu tanya, ini cadangan bila...

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tidak payah dengan izin lah ini. Saya mahu tanya ini Yang Berhormat Menteri, bila? Saya mahu tahu dapat satu jawapan yang cakap bila baru mahu selesai masalah ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Saya juga Ahli Yang Berhormat mewakili Parliment. Kawasan saya sendiri pun kalau hendak tengok, memang berlaku *traffic congestion* dengan izin. Tapi...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Samalah. Jadi untuk itu, kalau kita melihat dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh Yang Berhormat, yang telah kita laksanakan untuk kawasan Bintulu khususnya, iaitu naik taraf Jalan Simpang Nyabau, bila saya sebut tadi, ini termasuk dalam pakej Pan Borneo. Dan dalam pakej Pan Borneo ini ada satu jambatan juga termasuk dalam kawasan tersebut. Seterusnya ialah untuk Rancangan Malaysia Kesebelas yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, pembinaan jejantas di Batu 5 *junction* di Nyabau *junction* Bintulu. Yang ini juga, di *mile* 5 ini tendernya akan dibuka, *insya-Allah*, pelaksanaannya- *insya-Allah*, mulanya bulan September tahun depan sebab tender proses dan sebagainya dan ini dijangka

bermula kerjanya September 2016 untuk keseluruhan pakej di kawasan tersebut termasuk pembinaan jejantas.

Manakala yang telah dibuat iaitu menaik taraf Jalan Tanjung Kidurong ke *Samalaju Industrial Park* bahagian Bintulu, yang ini sedang berjalan dan dijangka siap, kalau ikut perjanjian, pada 17 Julai 2016. Yang ini sepanjang empat kilometer. Menaik taraf Jalan Tanjung Kidurong ke *Samalaju Industrial Park* bahagian Bintulu, yang ini sudah bermula 16 Januari 2015 dan dijangka siap pada 15 Oktober 2016. Yang ini sepanjang 12 kilometer. Yang ini untuk naik taraf daripada dua lorong ke empat lorong. Manakala lorong memotong untuk di Jalan Tanjung Kidurong ke Samalaju, ada dua pakej sudah pun siap dalam tahun 2014. Ada lagi untuk Tanjung Kidurong ke Samalaju, ada 30 kilometer yang sedang kita pohon di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas. Jadi, ini yang telah kita laksanakan Yang Berhormat untuk apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Selain daripada itu, saya kira ada beberapa langkah awal ataupun langkah sementara yang telah dipohon oleh Yang Berhormat iaitu untuk *traffic light*, ada dua tempat saya kira yang telah dibangkitkan iaitu di persimpangan Kampung Jepak dan juga Ulu Sebauh. Yang ini kita menunggu JKR Negeri Sarawak untuk memuktamadkan dari segi pembesaran jalan dan menaik taraf *traffic light* tersebut yang dianggarkan kosnya ialah RM800,000 lebih. Ini, *insya-Allah*, kalau dapat peruntukan dan...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tak boleh bangun Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** ...Kelulusan JKR Sarawak, kita akan laksanakan Yang Berhormat .

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Itu Kampung Cepat punya *traffic light* itu sudah pasang lama sana Yang Berhormat.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Ada tambahan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Mana ada. Jalan raya satu *junction* saja masuk.

**4. Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah kes yang ditangkap dan disiasat di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) sejak undang-undang itu dipinda pada tahun 2013. Nyatakan juga jenis-jenis jenayah berat yang telah disiasat di bawah akta ini dan tindakan-tindakan yang telah diambil.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Masir Anak Kujat]:** Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan rekod Polis Diraja Malaysia (PDRM), semenjak pindaan Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) dikuatkuasakan mulai 2 April 2015 hingga Oktober 2015, seramai 975 orang telah ditangkap dan disiasat di bawah POCA. Antara jenayah berat yang telah disiasat di bawah akta ini adalah jenayah kongsi gelap, jenayah kekerasan, jenayah harta benda, dadah, pelacuran, perjudian dan juga penyeludupan migran.

Seterusnya, tindakan-tindakan yang telah diambil terhadap mereka yang telah ditangkap adalah seramai 143 orang telah dikenakan perintah tahanan; seramai 480 orang dikenakan perintah pengawasan polis dengan 68 orang daripadanya dikenakan syarat pemakaian peranti pengawasan elektronik atau EMD yang mula digunakan mulai 3 Ogos 2015; seramai 28 orang telah dituduh di mahkamah; seramai 131 orang telah dibebaskan selepas siasatan dijalankan; dan manakala baki seramai 153 orang masih lagi ditahan untuk siasatan lanjut.

■1040

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri ada menyebut bahawa sebanyak 975 kes jenayah berat telah ditangkap dan disiasat di bawah POCA ini. Akan tetapi yang saya risau ialah berkenaan dengan kes-kes yang kecil yang tidak sepatutnya ditangkap di bawah POCA tetapi ditangkap juga di bawah POCA. Saya bagi contoh. Pada 2 Ogos tahun ini, di kawasan saya Batu Gajah, lapan orang ditangkap kerana curi ikan. Adakah curi ikan itu boleh masuk dalam kategori POCA ini? Curi ikan daripada kolam. Mereka tangkap daripada kolam. Saya rasa pelik. Keluarga datang berjumpa dengan saya dan menangis. Reman 21 hari. Kemudian ditambah 38 hari. Akhirnya, semua lapan orang itu telah diambil tindakan. Tujuh orang daripadanya telah dibuang daerah dan seorang telah dibuang negeri. Saya rasa ini cukup kejam, Yang Berhormat Menteri.

Saya rasa mungkin ada penyalahgunaan kuasa dalam kes ini. Mungkin ada unsur-unsur lain yang menyebabkan polis terpaksa mengambil tindakan sedemikian. Saya rasa undang-undang ini cukup zalim di mana kita tidak memberi peluang kepada orang kena tangkap itu untuk membela diri mereka.

Yang Berhormat Menteri, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kementerian Dalam Negeri untuk memastikan bahawa ada langkah-langkah tertentu yang telah diambil oleh Kementerian Dalam Negeri untuk memastikan pihak polis ataupun mana-mana pihak untuk tidak menyalahkan...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tengok Speakerlah. Tengok Speaker.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Baik Yang Berhormat, baik Yang Berhormat.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Seorang Ahli:** Itu mantan Menteri punya.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Saya tidak pasti mengenai mereka yang menangkap ikan sama ada itu dikategorikan sebagai jenayah berat ataupun sebaliknya. Saya tidak pasti. Akan tetapi *I'll check* dengan polis apakah sebab mereka menahan ataupun mengambil tindakan di atas POCA untuk jenayah yang ringan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Minta Yang Berhormat Menteri siasat betul-betul kes ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ya. Cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Saya akan semak dengan pihak polis.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya soalan tambahan. Soalan saya, adakah pihak kerajaan telah menyediakan program yang khusus untuk memulihkan orang yang ditahan di bawah akta ini dan apakah perlindungan yang dijanjikan kepada mereka yang menjadi saksi? Terima kasih.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Jadi, untuk mereka yang kena tahan dua tahun, kita telah menyediakan kursus pemulihan untuk mereka yang kena tahan dua tahun dengan kerjasama pihak polis, penjara dan juga Kementerian Dalam Negeri. Modul-modul itu dibahagikan kepada tiga fasa (*three phase*) untuk memulihkan mereka supaya berkelakuan baik selepas mereka ditahan di penjara. Modul pertama akan menyentuh tentang orientasi, manakala yang kedua, sahsiah dan fasa yang terakhir adalah mengenai sahsiah berterusan ataupun yang lebih mendalam lagi.

Sekiranya mereka mendapat markah yang baik, mungkin pihak Lembaga Pencegahan Jenayah akan memberi kelonggaran dan membebaskan mereka tanpa memenuhi yang mereka kena tahan dua tahun itu.

Untuk saksi, saya tidak ada maklumat tentang ini. Jadi, saya akan beri jawapan bertulis untuk perkara ini, Yang Berhormat. Terima kasih.

**5. Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) apakah perancangan Kementerian Pertahanan dalam membantu persediaan para tentera yang bakal bersara minat dalam bidang pertanian memanfaatkan pertanian penggunaan tanah milik ATM terutama dalam kawasan Sekijang; dan
- (b) apakah ada sebarang bentuk bantuan atau geran disediakan untuk mereka yang berpotensi memajukan kawasan milik ATM ini melalui kerjasama NBOS antara Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan juga Kementerian Pertahanan.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Sekijang yang telah menyoalkan soalan ini. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Sekijang, Kementerian Pertahanan tidak lagi memiliki tanah di kawasan Sekijang kerana tanah ini telah dipindah milik kepada Kementerian Pengajian Tinggi untuk tujuan pembangunan kolej komuniti. Walau bagaimanapun, bagi membantu para tentera yang bakal bersara, kementerian melalui Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) telah menyediakan program latihan peralihan dalam bidang pertanian dan penternakan.

Program ini dilaksanakan di bawah program NBOS antara PERHEBAT dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Ini membolehkan latihan dalam bidang pertanian dilaksanakan dengan lebih berkesan melalui Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan. Ia berperanan menyediakan penempatan, latihan, peralatan serta tenaga pengajar yang mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang tertentu di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Bagi bakal-bakal pesara ATM juga dibenarkan mengikuti program latihan dalam bidang pertanian dan ternakan di mana-mana agensi swasta atau syarikat-syarikat persendirian dan ini membolehkan mereka diberi pendedahan di dalam bidang pertanian. Bagi bantuan kewangan pula, Kementerian Pertanian dan juga PERHEBAT di bawah Kementerian Pertahanan mempunyai program yang dinamakan Skim Biayaan Mikro Usahawan Veteran ATM yang boleh membantu dengan pembiayaan tanpa cagaran sebanyak RM50,000 bagi tujuan projek-projek pertanian yang akan dilaksanakan oleh mereka yang terlibat.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Cuma sayanglah tanah di Sekijang itu diserahkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi. Oleh sebab saya ingat hendak cadangkan kepada pihak kementerian supaya dapat diusahakan tapak untuk diberikan kepada bakal-bakal pesara tentera ini untuk menguruskan tanah tersebut. Kita sedia maklum bahawa persediaan untuk anggota tentera yang akan bersara diberikan latihan awal dan diberikan juga pilihan untuk mereka ambil pakej persaraan yang sesuai dengan mereka. Kita tahu bakal-bakal pesara tentera ini sebenarnya memang perlu diberikan ruang dan juga peluang untuk mendapatkan latihan awal sebelum mereka bersara.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah tahap sambutan pesara-pesara tentera yang telah menceburkan diri dalam bidang berkaitan dengan pertanian untuk tempoh dua tahun ini serta jenis pertanian apakah yang mereka ceburi, terutamanya dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Terima kasih.

**Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan itu. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, memang kita di bawah Kementerian Pertahanan sekarang ini melihat bahawa program-program latihan khasnya di bawah PERHEBAT perlu kita ubahsuai untuk memberi kesesuaian kepada mereka yang akan bersara. Terutama sekali kursus-kursus yang saya sendiri telah melawat PERHEBAT baru-baru ini dan saya dapati ada sesetengah kursus di situ memerlukan masa dan juga kepakaran yang tertentu untuk mereka apabila mereka keluar dan menceburkan diri dalam bidang-bidang yang mereka pilih.

Jadi, mereka terpaksa bersaing dengan mereka yang telah terlibat dalam bidang ini yang lebih lama yang telah menjadi akar umbi di dalam masyarakat kita. Bidang pertanian ialah bidang yang paling saya nampak adalah paling penting di negara kita ini kerana makanan ini diperlukan oleh rakyat di negara kita ini yang semakin hari semakin ramai.

Walau bagaimanapun, setakat hari ini saya dapati bahawa tidak ramai di kalangan mereka yang bersara ini minat dalam bidang pertanian. Mungkin kerana pendedahan sebelum ini tidak

ada iaitu prospek dalam bidang pertanian ini. Sebenarnya, bidang pertanian ini mempunyai prospek yang tinggi dengan menggunakan teknologi-teknologi yang ada sekarang ini. Mereka boleh memproses makanan dan juga menyediakan bahan-bahan lain untuk keperluan masyarakat di seluruh negara ini kerana ini amat diperlukan di masa akan datang.

■1050

Semasa saya di bawah Kementerian Pertanian dulu, saya dapat bahawa kita mengimport begitu banyak bahan makanan yang mana kita boleh sendiri proses terutama sekali macam sayur-sayuran, cili padi yang diimport daripada negara jiran. Jadi, perkara-perkara seperti ini sedang dilihat oleh kementerian dan *insya-Allah*, penekanan di dalam bidang pertanian ini akan terus diberi dengan kerjasama dengan pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dengan MARDI dan lain-lain lagi. Terima kasih.

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan terima kasih kepada Yang Berhormat Sekijang kerana menimbulkan persoalan ini yang sangat-sangat prihatin tentang kebijakan pesara tentera. Saya pun turut prihatin tentang kebijakan tentera.

Yang Berhormat Menteri, di samping kita memberi perhatian kepada sektor pertanian yang lazimnya selalu diberikan dalam sektor pertanian dengan latihan-latihan untuk kebijakan pesara tentera ini, tidakkah ada rancangan yang lain ataupun latihan-latihan yang lain, bidang-bidang lain yang diberi kepada pesara tentera ini? Even kalau dalam pertanian pun, adakah rancangan pihak kerajaan untuk mengenal pasti sesuatu kawasan tertentu untuk diberikan tanah ini kepada pesara tentera, seterusnya biar mereka berusaha dan seterusnya diberi milikan terus kepada mereka? Itu yang pertama Tuan Yang di-Pertua.

Keduanya, di samping mendapat manfaat keuntungan yang banyak Lembaga Tabung Angkatan Tentera, apakah faedah yang dapat dirasai ataupun diberi kepada pesara-pesara tentera ini? Terima kasih.

**Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, kursus-kursus yang ditawarkan kepada mereka yang bersara ini memang banyak kursus yang kita tawarkan terutama sekali di PERHEBAT. Kita ada kursus yang bermula daripada tiga bulan hingga 18 bulan dan ini dibahagikan kepada beberapa kategori. Kalau pegawai ber pangkat kapten ke bawah, ia sekurang-kurangnya enam bulan. Mejari ke atas, kita bagi tiga bulan dan seterusnya.

Bidang-bidang yang saya lihat di situ banyak iaitu terutama sekali dalam bidang vokasional iaitu *electrical*, pembaikan *aircond* dan memproses makanan, *catering* dan sebagainya sehingga pastri, membuat berbagai-bagai program yang telah kita buat selama ini. Walau bagaimanapun, seperti mana saya kata tadi, ada kursus-kursus yang perlu kita tambah baik penambahbaikan.

Mengenai tadi yang kedua itu ialah soalan mengenai Lembaga Angkatan Tentera. Memang Lembaga Angkatan Tentera banyak membantu bekas-bekas tentera ini bukan sahaja

daripada segi mereka hendak menempuh masa depan mereka melalui program-program latihan yang saya sebut tadi. Latihan ini pun sebahagiannya dibiayai oleh Lembaga Angkatan Tentera.

Selain itu, kebajikan mereka iaitu selepas mereka bersara, ada juga antara mereka ini yang telah cacat, yang telah mengalami banyak masalah kehidupan mereka kerana ada sesetengah mereka yang tidak berpencen. Ada yang tidak berpencen dan tentera ini berbeza sedikit. Ada sebahagian besar yang tidak berpencen.

Namun demikian, sumbangan-sumbangan daripada kerajaan dan juga daripada terutama sekali daripada LTAT. Tahun ini sahaja LTAT menderma sebanyak RM1 juta untuk tujuan ini. Jadi sebab itu dalam tiap-tiap tahun pada 31 Julai, tiap-tiap tahun kita ada Hari Pahlawan. Saya haraplah kepada semua pihak terutama sekali rakyat di negara kita ini memberi sumbangan kepada Tabung Angkatan Tentera ataupun Tabung Pahlawan ini kerana ia kita guna untuk kebajikan anggota kita.

**6. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan yang sudah dilakukan oleh Panel Jawatankuasa Tadbir Urus Indeks Syariah dalam mengukur tahap komitmen kerajaan dalam 8 sektorlai iaitu Perundangan, Pendidikan, Ekonomi, Budaya, Prasarana, Kesihatan, Politik dan Sosial.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini serentak dengan pertanyaan Yang Berhormat Shah Alam pada 17 November dan Yang Berhormat Pasir Mas pada 1 Disember 2015 kerana menyentuh isu yang sama berkaitan dengan tindakan pelaksanaan penyelidikan Indeks Syariah Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, indeks syariah Malaysia (ISM) telah pun dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 10 Februari 2015 yang lalu.

ISM adalah indeks yang dibangunkan oleh kerajaan untuk mengukur dan menilai tahap keseriusan usaha kerajaan dalam mencapai lima *maqasid* syariah atau objektif syarak iaitu memelihara agama, jiwa, keturunan, akal dan juga harta. Dalam usaha untuk memastikan ISM ini difahami sepenuhnya, Jawatankuasa Tadbir Urus ISM yang dilantik pihak kerajaan pada 10 Februari 2015 telah diberi tanggungjawab sepenuhnya sebagai badan perancang, penilai dan pemantauan ISM ini.

Tindakan yang telah dan sedang dilaksanakan setakat ini termasuklah pelaksanaan penyelidikan. Daripada segi penyelidikan, ISM dilaksanakan oleh lima buah universiti awam yang bermula pada bulan Julai 2015 dan dilaksanakan berdasarkan dengan izin, *roadmap* yang telah disediakan. Universiti-universiti yang terlibat termasuklah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam bidang pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dalam bidang perundangan Islam, Universiti Utara Malaysia (UUM) dalam bidang politik, Universiti Sains Islam

Malaysia (USIM) dalam bidang ekonomi dan kesihatan dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dalam bidang budaya, sosial, prasarana dan persekitaran.

Majlis menandatangani perjanjian kerjasama penyelidikan ISM bersama-sama kelima-lima buah universiti tersebut telah pun diadakan pada 8 September yang lalu. Mengadakan juga kerjasama dengan pelbagai agensi di peringkat agensi di peringkat Persekutuan dan negeri dalam memastikan penyelidikan ISM berjalan dengan lancar dan berjaya mencapai matlamat.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kaedah ataupun metodologi penyelidikan Indeks Syariah Malaysia yang banyak ditanya oleh Yang Berhormat daripada Shah Alam juga, ia berasaskan kepada kajian rintis yang telah dibangunkan oleh sekumpulan pakar yang diketuai oleh pakar-pakar dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia yang merangkumi prinsip *maqasid syariah*, mekanisme pembinaan ISM, metodologi dan juga pengiraan skor.

Kaedah penyelidikan ISM yang digunakan berasaskan dua metodologi ataupun kaedah iaitu:

- (i) analisis dokumen; dan
- (ii) kaji selidik.

Dalam konteks analisis dokumen, kaedah ini melibatkan penganalisisan dasar-dasar kerajaan, akta-akta yang digubal dan dilaksanakan meliputi lapan bidang pengukuran ISM.

Kaji selidik pula dibuat berdasarkan soalan-soalan yang digubal berkaitan bidang yang dikaji dan dikemukakan kepada responden sama ada melalui perbincangan berfokus, temu bual ataupun melalui borang kaji selidik. Analisis akan dibuat terhadap soalan-soalan yang telah dijawab.

Kesemua kaedah tersebut melibatkan tiga kategori responden iaitu pembuat dasar, pelaksana dasar dan penerima manfaat dasar yakni masyarakat. Panel pakar indeks yang dilantik dan menyelaraskan kesemua dapatan kajian untuk mendapatkan skor keseluruhan Indeks Syariah Malaysia adalah daripada universiti-universiti yang saya sebutkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kaedah pengukuran skor ISM diperoleh dengan mengambil kira purata pemberat (*variables*) ataupun angkubah-angkubah tiga indeks iaitu indeks syariah pembuat dasar, indeks syariah pelaksana dasar dan indeks syariah masyarakat. Kaedah pengukuran skor ini dibangunkan sekumpulan pakar yang diketuai oleh pakar statistik daripada UiTM. Kaedah ini boleh dirujuk dalam buku Model Tadbir Urus ISM yang dikeluarkan oleh JAKIM, yang pihak JAKIM ada sediakan dan akan diedarkan di luar Dewan sekejap lagi.

Berhubung dengan laporan ISM pula yang akan dibentangkan selepas dapatan penyelidikan yang dijalankan oleh kelima-lima buah universiti diperoleh, adalah dijangkakan daripada dapatan kajian akan dikemukakan kepada kerajaan pada awal tahun 2016 dan akan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia melalui pengumuman khas pada satu tarikh yang akan ditetapkan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, secara kebetulan, sistem yang kita amalkan adalah warisan zaman British yang paling banyak dipengaruhi oleh pengajaran Islam, hukum Islam dan ajaran Islam

kerana kajian orientalis. Namun, dipinggirkan roh dan akhlak, maka perkara yang... kita tidak banyak yang perlu diubah. Masukkan roh sahaja.

#### ■1100

Sejauh manakah pandangan institusi pusat pengajian tinggi yang dikemukakan kerajaan menjadi perkara yang wajib diterima oleh kerajaan bukan sebagai satu nasihat sahaja. Seterusnya ialah perkara yang tidak perlu diubah seperti pemisahan kuasa antara legislatif dan juga bidang kehakiman. Ini adalah sebahagian daripada ajaran Islam. Sejauh mana kita dapat melakukan pengasingan kuasa ini dengan cara yang tepat kerana masih wujud beberapa keceleruan. Di sana adalah perkara *maqasid* syariah yang sudah ditetapkan oleh Tuhan. Bagi orang Islam wajib menerima seperti hukuman qisas dan hudud, hukuman haramnya riba dalam ekonomi.

Dalam hukum qisas sebagai contohnya ialah pengampunan yang berhak mengampun ialah keluarga bukannya Lembaga Pengampunan yang dilantik. Hukuman bunuh menggunakan tali gantung yang menyeksakan ini bercanggah dengan Islam. Adalah tidak dibuat, mengkaji satu hukuman yang tidak menyakitkan mereka yang dijatuhkan hukuman itu. Masalah riba, sejauh mana kita meninggalkan riba dan perkara muamalah Islam dilaksanakan dengan sepenuhnya kerana menjadi model yang patut diikuti oleh semua pihak. Terima kasih.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Terima kasih Yang Berhormat Marang. Pertama sekali saya kira Yang Berhormat Marang pun cukup arif dalam bidang agama yang mana Nabi SAW bersabda bahawa... [Membaca sepotong hadis] “*Kebijaksanaan ataupun hikmah itu adalah mutiara yang hilang daripada orang mukmin*”. Ini boleh bertegas soal hadis itu sahih ataupun sebaliknya kita ambil pengajaran daripadanya. Cuma seperti mana Yang Berhormat maklum bahawa tidak semua tinggalan penjawah itu semuanya dianggap sebagai tidak patuh syariah. Ada perkara-perkara yang kita boleh manfaatkan sebagaimana yang disebut oleh Ibnu Asyur dalam bukunya al-Maqasid Israatul Islamiah, dengan izin. Ini yang mana memikirkan dalam satu bab bahawa pendekatan Nabi apabila mentadbir negara ada peningkatan disebut sebagai takrir, merubah segala-galanya berdasarkan paduan syarak.

Kedua takrir dia membuat *investment*, dengan izin tetapi modifikasi berasaskan apa yang diperintahkan oleh Allah dan apa yang diharamkan oleh Allah. Dalam konteks inilah saya kira inisiatif yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam mengadakan indeks syariah ini untuk dikaji oleh para penyelidik di universiti-universiti ini amat penting. Ini kerana hendak mengenal pasti dalam konteks negara kita sepanjang 58 tahun merdeka. Sejauh manakah dalam pelbagai bidang, yang saya sebutkan lapan bidang utama perundangan, ekonomi, pentadbiran, prasarana dan sebagainya.

Apakah kita sudah mencapai tahap pematuhan syariah sebagaimana *maqasid* syariah yang dikehendaki. Dalam konteks itulah barulah kita boleh bergerak ke hadapan bagaimana kita hendak melakukan pembaikan dan penambahbaikan dari semasa ke semasa. Dalam konteks ini saya kira kita tunggu lah daripada dapatan yang akan dibentangkan oleh para cendekiawan dan

penyelidik universiti sebelum kita membuat apa-apa *conclusive* ataupun kesimpulan. Terima kasih.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri yang memberi jawapan kepada soalan daripada Yang Berhormat Marang tadi. Untuk berlaku adil kepada kerajaan, saya ingin mengucapkan tahniah di atas pengeluaran ataupun pengenalan kepada Indeks Syariah Malaysia (ISM) oleh pihak kerajaan.

Namun demikian daripada banyak-banyak segmen ataupun *sectoral* yang perlu diteliti oleh Jawatankuasa Urus Tadbir ISM ini. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri atau kerajaan mengenai apakah kajian ataupun dapatan yang telah diperoleh daripada kajian terhadap mekanisme untuk melaksanakan sistem perundangan kita mengikut syariah. Ini yang khususnya saya hendak minta penjelasan ialah mengenai bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Sejauh mana kerajaan kita yang ada hari ini, telah mengkaji betapa perlunya bidang kuasa Mahkamah Syariah yang saya boleh sifatkan sebagai Mahkamah Tinggi Syariah, bidang kuasanya adalah kelihatan lebih rendah daripada Mahkamah Rendah dalam sistem perundangan sivil atau Mahkamah Majistret. Ini yang mana bidang kuasa jenayah ini contohnya cukup rendah. Tiga tahun RM5,000 dan enam rotan sahaja. Jadi, sejauh manakah kerajaan sedang mengkaji ataupun membuat tindakan untuk memperkasakan institusi Mahkamah Syariah. Terima kasih.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Kota Bharu. Saya kira inilah pentingnya indeks syariah ini bukan sahaja kita melihat dalam konteks perundangan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi itu salah satu aspek komponen daripada bidang yang kita kaji. Dalam konteks perundangan apakah, di tahap manakah dari segi pelaksanaan syariah di negara kita ini. Kita bercakap soal tadi dibangkitkan soal bidang kuasa Mahkamah Syariah. Itu semua termasuk di dalam kajian yang akan dinilai oleh pihak penyelidik hendak menentukan apakah dalam konteks perundangan ini di mana tahap kita dalam pematuhan syariah ataupun merealisasikan aspirasi syarak itu sendiri. Sama ada hukumannya bersifat hududnya, qisasnya takzir dan sebagainya.

Akan tetapi yang paling penting sekali saya kira, kita harus melihat secara holistik. Negara ini adalah negara Islam sebagaimana definisi Perlembagaan Perkara 3 dan saya kira penting untuk peringkat permulaan ini kita lihat bukan sahaja perundangan tetapi juga dalam aspek ekonomi, politik, kesihatan, budaya, sosial, prasarana, persekitaran. Ini semua kita harus menilai sejauh manakah kerajaan ini yang telah melaksanakan pelbagai dasar Islam semenjak kita merdeka benar-benar mematuhi dan merealisasikan aspirasi dan hasrat syariah ataupun *maqasid* syariah sebagaimana yang disebutkan di dalam Surah Anbiya [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] “*Tidaklah kami turunkan kepada kamu itu kepada Nabi Muhammad kecuali rahmat kepada seluruh alam.*” Makna bukan sahaja kepada orang Islam tetapi juga kepada rakyat yang berbilang kaum, berbilang bangsa, berbilang agama. Sekian terima kasih.

7. **Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan status projek Singapore-Kunming Rail Link (SKRL) iaitu pembinaan laluan kereta api sejauh 6,617.5 km yang menyambungkan 8 buah negara iaitu Kemboja, Lao PDR, Malaysia, Myanmar, Republik Rakyat China (RRC), Singapura, Thailand dan Vietnam.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera salam 1Malaysia. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua projek Singapore-Kunming Rail Link (SKRL) yang akan menghubungkan 8 buah negara melalui laluan kereta api ini telah dibangunkan bertujuan untuk menggalakkan aktiviti-aktiviti perdagangan, pelancongan dan perjalanan antara negara projek SRKL. Berdasarkan laporan yang dibentangkan pada Mesyuarat Special Working Group SKRL pada 25 Ogos 2015 yang lalu kesemua negara yang terlibat telah menunjukkan komitmen yang memberangsangkan terutama bagi projek menaik taraf dan pemulihian. Pun begitu bagi projek sambungan dengan izin, *missing link* hanya sambungan yang menghubungkan Kemboja dan Thailand sahaja yang menunjukkan prestasi yang memberangsangkan.

Jajaran antara Konsipkao Junction di Thailand dan sebuah bandar Alana Patit juga di Thailand melalui Kloangmit Thailand dijangka siap sepenuhnya pada Februari 2016. Manakala bagi seksyen Pow Pet dan Phnom Penh Kemboja dijangka siap pada tahun 2017. Sementara itu projek sambungan *missing link* yang lain antara Myanmar dan Thailand, Kemboja dan Vietnam, Vietnam dan Republik Rakyat Cina dan Myanmar dengan Republik Rakyat China masih dalam peringkat cadangan serta peringkat rundingan dengan pihak ketiga untuk pembiayaan.

#### ■1110

Keseluruhan *missing link* yang masih belum siap ialah 1,780 ribu kilometer daripada keseluruhan 6,617.5 kilometer iaitu 27% yang masih belum siap. Terima kasih.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya Yang Berhormat Tumpat, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ya Yang Berhormat Tumpat. Saya tengah tengok, tunggu Yang Berhormat Rompin bangun.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Saya berterima kasih kepada sahabat saya, Yang Berhormat Rompin. Saya jangkakan beliau akan menanyakan berkaitan dengan di mana kedudukan Rompin dalam jangkauan laluan sepanjang 6,600 lebih kilometer ini sebab saya harapkan dengan soalan tambahan beliau itu akan membantu hasrat saya untuk melihat bahawa jalan raya dan laluan kereta api sepanjang mana sekalipun akan melalui Pantai Timur Semenanjung Malaysia kita ini.

Oleh itu, saya harapkan bahawa Yang Berhormat Menteri Pengangkutan mengambil kesempatan ini walaupun ada *missing link* di negara-negara lain, akuilah dalam negara kita pun ada *missing link* laluan kereta api ini. Selain daripada di Sabah dan Sarawak, di Tanah Melayu Semenanjung ini pun terdapat *missing link* nya.

Jadi saya harapkan bahawa oleh kerana ianya belum siap lagi, maka jawatankuasa yang terlibat dengan kereta api di peringkat Malaysia kita ini mengambil kira supaya laluan kereta api yang dinamakan Singapore-Kunming Rail Link ini akan lalu dan menggunakan laluan dari Stesen

Sungai Golok melalui Rantau Panjang, Pasir Mas dan turun ke Gua Musang. Kalau sebolehnya melalui Rompin baru turun ke Singapura. Adakah Yang Berhormat Menteri sanggup memberi komitmen tersebut? Terima kasih.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Terima kasih Yang Berhormat Tumpat mengenai SKRL. Sebenarnya dalam SKRL ini iaitu Singapore-Kunming Rail Link, di Malaysia tidak ada *missing link* kerana kita telah menghubungkan antara Singapura, Johor Bahru sampai ke Thailand. Malah setiap hari ada servis perkhidmatan dari Kuala Lumpur, Padang Besar hingga ke Hatyai. Setiap hari juga daripada Butterworth, Padang Besar terus ke Bangkok. Itu setiap hari. Jadi maknanya tidak timbul *missing link* antara Singapura, Malaysia dan Thailand sehingga ke Kunming.

Jadi mengenai apa yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat Tumpat melalui Pekan Golok, memang kita tidak ada, bukan tidak ada, kita telah menutup laluan Pasir Mas ke Rantau Panjang disebabkan nasihat daripada pihak MKN daripada pergolakan yang berlaku di Selatan Thailand. Jadi ini kita kena mendapatkan persetujuan daripada pihak Kerajaan Thailand sekiranya untuk menghubungkan laluan di sebelah timur. Terima kasih.

**Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]:** Ya. Tuan Yang di-Pertua, ini saya hendak cuba bagi satu budaya baru di Parlimen ini, memberi peluang kepada rakan saya, rakan lama saya Yang Berhormat Tumpat ini, memberi soalan tambahan. Soalan tambahan saya, dijangkakan bilakah projek ini siap sepenuhnya? Apakah ia memberi kesan impak ekonomi yang besar kepada negara kita, Malaysia. Terima kasih.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai rancangan projek ini, sepatutnya disiapkan selama 20 tahun. Projek ini *Singapore-Kunming Rail Link (SKRL)* ini bermula pada tahun 1996 hingga tahun 2015. Akan tetapi seperti yang saya sebutkan tadi, oleh kerana banyak *missing link* yang masih di peringkat cadangan khususnya di kawasan negara Indochina tadi, maka Kerajaan Malaysia akan mengemukakan satu tindakan baru untuk penyiapan keseluruhan. Lebih-lebih lagi Malaysia adalah merupakan pengerusi tetap kepada Jawatankuasa *Special Working Group SKRL* ini. Terima kasih.

Mengenai impak ekonomi, pastinya ianya memberi impak ekonomi yang baik kerana dengan siapnya *rail* ini, pengangkutan barang dapat diangkut dengan lebih mudah kerana satu gerabak kereta api boleh membawa muatan sebanyak 1,600 tan berbanding dengan satu lori hanya lebih kurang 30 tan. Ianya juga dapat mempercepatkan pergerakan barang ini. Ini sekali gus akan mewujudkan peluang supaya barang ini dapat dijual dengan lebih murah.

Di samping itu juga, ianya dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas dan juga mengurangkan kemalangan di jalan raya. Jadi ianya akan memberi impak yang baik kepada ekonomi dan kesejahteraan negara kita. Terima kasih.

**8. Tuan Wong Ling Biu [Sarikei]** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Hospital Sarikei mempunyai pegawai perubatan mencukupi. Senaraikan jenis doktor-doktor pakar yang terdapat di Hospital Sarikei.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Sarikei. Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah soalan yang cukup spesifik, khas untuk Hospital Sarikei.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Hospital Sarikei ialah hospital berpakar minor yang mempunyai 182 katil dengan kadar penggunaan katil ataupun *Beds Occupancy Rate* (BOR) 38.9% sahaja. Purata kemasukan pesakit seramai 19 orang sehari. Purata kedatangan pesakit luar sebanyak 128 orang sahaja sehari.

Buat masa ini, dengan beban tugas yang sedia ada, bilangan pegawai perubatan di Hospital Sarikei adalah mencukupi. Sehingga 31 Ogos 2015, secara keseluruhan terdapat sebanyak 32 jawatan pegawai perubatan di Hospital Sarikei dan pengisian ialah 25 orang iaitu 78.1%. Bilangan kepakaran yang ditawarkan oleh lima orang pegawai perubatan pakar adalah satu, di Bahagian Perubatan Am, ini pakar ya. Kedua, Bahagian Perbidanan dan Sakit Puan, Anestesiologi, Oftalmologi dan juga Ortopedik. Manakala perkhidmatan kepakaran seperti Oftalmologi, Sakit Puan, Nefologi, Psikiatri dan Ortopedik diberikan secara berjadual oleh pakar perubatan yang datang daripada Hospital Sibu dan juga Hospital Umum Sarawak, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sarikei.

**Tuan Wong Ling Biu [Sarikei]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Di kawasan Parlimen Sarikei mempunyai sebuah Klinik 1Malaysia tetapi tidak banyak pesakit melawat sana, menerima rawatan di sana kerana klinik tersebut tidak mempunyai doktor berkelayakan atau pegawai perubatan. Hanya ada pembantu perubatan. Soalan saya ialah bilakah kerajaan dapat menggaji satu doktor berkelayakan berkhidmat di klinik itu supaya ramai pesakit dapat manfaat daripada klinik tersebut. Minta penjelasan. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, di daerah Sarikei ini selain daripada Hospital Sarikei ada tiga klinik kesihatan (KK), ada tiga klinik desa (KD) dan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, satu Klinik 1Malaysia. Kalau ikut dasar yang ada sekarang, oleh kerana kita kekurangan doktor lagi, masih lagi kurang, jadi kalau Klinik 1Malaysia itu mendapat lebih daripada 100 pesakit sehari, kita akan bagi seorang doktorlah.

■1120

Jadi, kalau yang kurang daripada 100, kita perhatikan dan kalau memang meningkat cepat kita boleh berunding semula dengan pihak kesihatan negeri. Kalau perlu sangat kita hantar juga untuk klinik ini Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Terlebih dahulu saya mengalu-alukan rombongan wanita daripada Machang ke Parlimen kita. Baju warna merah.

9. **Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan:

- (a) berapakah jumlah terkini orang kurang upaya (OKU) yang mendaftar dengan Jabatan Khidmat Masyarakat mengikut jenis kelainan upaya; dan
- (b) apakah usaha yang telah dilakukan oleh kementerian dalam membantu golongan ini untuk mendapat pekerjaan di dalam sektor awam mahupun swasta.

**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Sehingga September tahun ini, sejumlah 354,874 orang OKU telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya. Pendaftaran OKU adalah dibuat secara sukarela meliputi tujuh kategori ketidakupayaan iaitu masalah pembelajaran ada 126,511 orang, fizikal ada 121,175 orang, penglihatan 31,756 orang, pendengaran ada 29,061 orang, mental ada 28,282 orang, pelbagai ada 16,353 orang dan pertuturan ada 1,736 orang.

Kerajaan telah memperkenalkan dasar 1% peluang pekerjaan di sektor awam kepada OKU pada tahun 1988 lagi. Bagi memastikan keberkesanan pencapaian pelaksanaannya, dasar ini telah diperkuuhkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2010 yang mula berkuat kuasa pada 15 September tahun 2010. Selain daripada itu, kerajaan telah menyasarkan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas agar seramai 16,000 OKU memenuhi pengisian jawatan dalam sektor awam menjelang tahun 2020.

Dalam usaha untuk membantu golongan OKU untuk mendapatkan pekerjaan dalam sektor awam, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menubuhkan *task force* pemantauan isu ketidakupayaan yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun iaitu Timbalan Menteri saya. Jadi, Kementerian juga telah mengadakan program advokasi mengenai OKU melalui taklimat mengenai *disability equality training*.

Bagi membantu golongan OKU bekerja di sektor swasta pula, kementerian melalui kerjasama antara Jabatan Kebajikan Masyarakat dan *JAPAN International Cooperation Agency* (JICA) telah memperkenalkan program yang kita namakan *Job Coach* pada tahun 2012. Bagi tempoh Mac 2012 hingga September tahun ini seramai 431 orang OKU telah menyertai Program *Job Coach* dan kekal dalam pekerjaan mereka hingga kini. Program ini telah menimbulkan kesedaran kepada majikan bagi mengajikan OKU di perusahaan mereka.

Sebanyak tujuh buah syarikat telah mengajikan OKU dalam perusahaan mereka seperti Giant, Cold Storage, Guardian, KFC Holdings, Mohd Mydin Holdings, Shangri-La Hotel, McDonalds, Aeon Big, Aeon yang dahulunya Jusco. Ada dua Aeon. Aeon Big dahulunya Carrefour dan Aeon dahulunya Jusco. Kementerian dalam usaha memberi sokongan kepada OKU untuk mendapat pekerjaan, kita mengambil inisiatif dengan mengadakan latihan kemahiran dan mengeluarkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) melalui institusi OKU seperti Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan di Bangi.

Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat juga memberikan geran pelancaran kepada OKU bagi menggalakkan mereka berdikari dan menjana pendapatan dalam meningkatkan taraf ekonomi mereka. Terima kasih.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang mungkin sebahagian besar orang OKU mendengar jawapan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri. Kita menyedari hampir lebih daripada dua juta OKU dalam Malaysia. Manakala yang berdaftar 280, setelah berdaftar mendapat kad OKU. Soalan saya, sejauh mana kementerian memastikan pihak kerajaan, kementerian-kementerian kerajaan dan juga swasta menghormati kad OKU yang dipegang oleh pihak OKU supaya tidak menyusahkan, memastikan mereka sebenarnya memang OKU.

Dalam masa yang sama kita dapatti adakah kementerian hendak menguatkan undang-undang bagi meningkatkan hukuman kepada orang-orang yang menggunakan OKU sepenuhnya dalam negara seperti meminta sedekah di tepi jalan. Minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Datuk Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Pertama Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat. Memang betul apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu begitu ramai OKU. Kita memang bila sah OKU itu di dalam semua tujuh jenis, tujuh kategori ketidakupayaan memang kita keluarkan kad. Kad itu kad OKU ya Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat.

Di dalam kad OKU itu sebenarnya ada 25 keistimewaan yang bila tunjukkan kad *insya-Allah* mereka boleh menikmati 25 keistimewaan. Namun, terima kasih Yang Berhormat sebab Yang Berhormat telah memaklumkan kepada saya bahawa ada juga jabatan atau pejabat-pejabat yang mungkin tidak berapa – dia akui sebenarnya Yang Berhormat. Saya *check* Yang Berhormat semalam, dia akui kad OKU itu tetapi mereka, kita cakap secara terus ya Yang Berhormat iaitu Jabatan JPJ. Dia mengakui kad OKU itu bermakna itu memang sah OKU tetapi ia memerlukan satu lagi pengesahan khususnya daripada Jabatan Kesihatan sebab ini isu lesen memandu kereta.

Jadi, OKU itu dia sudah tahu OKU itu tetapi dia memerlukan satu lagi dokumen Yang Berhormat sebab semalam kami *check* di mana adakah OKU ini betul-betul boleh memandu kereta. Mungkin dia hendak *check* lebih dia punya penglihatan. *Maybe* dia hendak *check* lebih dari segi dia pegang stereng macam mana.

Jadi Yang Berhormat kami tanya sebab sedih juga bila kami dengar bahawa kalau JPJ tidak menggunakan keistimewaan itu, kad OKU. Jadi dia kata, bukan. Dia *acknowledge*, dia iktiraf. Akan tetapi dia hendak ada dokumen lagi untuk ini.

Namun Yang Berhormat, Yang Berhormat bawa itu memang saya sangat mengalu-alukan. Bukan sahaja daripada Yang Berhormat Gerik tetapi semua lah Yang Berhormat. Kalau ada sesuatu yang didapati lagikekangan sila maklum supaya kami membawa Mesyuarat Majlis OKU. Kami ada Majlis OKU Yang Berhormat yang *insya-Allah* dua hari bulan ini saya akan mempergerusikan majlis tersebut. Di dalam majlis saya ini memang OKU sendiri yang menjadi

anggota. Jadi, mereka lagi lebih vokal membawa apa yang kurang tetapi pada masa yang sama saya sangat-sangat mengalu-alukan maklum balas.

Dari segi Yang Berhormat katakan tadi hukuman Yang Berhormat ya. Sebenarnya, pertama Yang Berhormat kalau hendak kira kami ini tidak puas hati sebagai contoh *parking* kereta untuk OKU. Kami nampak banyak *parking* kereta ini dia bagi tanda besar *parking* itu untuk OKU tetapi Yang Berhormat tengoklah siapa yang sebenarnya *parking* dekat situ? Bukan OKU tetapi orang yang *very able*.

Jadi ini sebenarnya kami memerlukan juga kerjasama daripada PBT, *local government* sama-sama membantu dan memastikan. Kalau tidak ada OKU yang pakai *car park* itu tidak apalah, biarlah di situ, sebab itu memalukan sebenarnya sebab ada juga pelancong-pelancong datang tengok ini kah keadaan kita. Manakala yang keluar daripada kereta itu kita tengok memang sempurna segala-gala. *Maybe* dia OKU pembelajaran.

#### ■1130

OKU pembelajaran itu nampak normal tetapi dia sebenarnya autistik, *dyslexia* dan sebagainya. Akan tetapi ini sebenarnya Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat membawakan isu ini sebab ini adalah isu yang sebenarnya berlaku. Terima kasih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ramai OKU mereka sebenarnya berminat untuk bekerja tetapi masalahnya ialah tiada kenderaan untuk hantar mereka ke tempat kerja. Bagi saya, saya hendak tanya adakah kementerian beri peruntukan kepada persatuan OKU setempat itu supaya mereka boleh mengadakan kenderaan untuk hantar OKU pergi bekerja.

Kedua ialah saya rasa hairan hanya 70 buah syarikat besar di Malaysia ini yang menggaji OKU. Jadi bolehkah kementerian memberikan cadangan kepada pihak kerajaan supaya adakan potongan cukai ataupun insentif bagi syarikat yang menggaji OKU sebagai pekerja mereka.

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai kenderaan itu Yang Berhormat, memang kita banyak mengambil *engagement* bersama dengan persatuan-persatuan yang terlibat secara langsung dengan OKU ini. Jadi sebenarnya Yang Berhormat, kita menggalakkan supaya banyak kita buat CSR. Kadang-kadang kita bagi geran tetapi geran yang kita bagi ini *for operasi, you know sometime* untuk mengadakan aktiviti, kadang-kadang untuk makanan, peserta-peserta dan sebagainya.

Jadi kalau sampai kepada pengangkutan dan sebagainya, sebenarnya NGO ini Yang Berhormat dia pandai, dia memang banyak dapat *funding* daripada pihak-pihak yang bermurah hati. Akan tetapi *the only thing* Yang Berhormat, yang kita sebenarnya ada juga bincang dalam Majlis OKU adalah kenderaan awam, *public transportation* di mana kalau dapat adalah *public transportation* yang lebih mesra kepada OKU, *I think that's the word*. Lebih mesra kepada OKU sebab ini memang disuarakan setiap kali ada mesyuarat dan pegawai yang ada di dalam majlis ini juga datang daripada Kementerian Pengangkutan.

So di sini Yang Berhormat, memang saya pun selalu mengatakan boleh katakan ramai daripada kita ini sudah pergi ke luar negara kita boleh nampak kadang-kadang ada *public transportation* memang khusus, besar logonya untuk OKU dan sebagainya. Akan tetapi ini pun kami juga sentiasa menyarankan supaya selain daripada persatuan itu ada kenderaan sendiri untuk membawa penghuni di dalam institusi yang mereka jaga tetapi *public transportation*. Ada di luar negara *special taxi* Yang Berhormat untuk OKU, ia ada *special ramp*, masukkan *wheel chair* dan sebagainya. Jadi itu juga harapan kami dan ini memang sentiasa disuarakan.

Yang Berhormat, memang betul Yang Berhormat di bawah Job Coach punya program, tujuh buah syarikat tampil ke hadapan dan kami harap jangan sahaja tujuh tetapi ramai lagi *should come forward* dan kami sebenarnya ada anugerah tetapi mungkin anugerah *is not enough*, dengan izin. Akan tetapi Yang Berhormat, terima kasih atas cadangan itu, *maybe* kita melihat kepada insentif-insentif yang lain. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat itu sesi soal jawab lisan untuk pagi ini.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

#### **RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN 2015**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan Akta Penggalakan Pelaburan 1986; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### **USUL**

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.35 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 9.30 malam dan selepas itu

Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Rabu, 28 Oktober 2015.”

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2016**

**Bacaan Kali Yang Kedua**

**DAN**

**USUL**

#### **ANGGARAN PEMBANGUNAN 2016**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2016 ini dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis”.

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lima puluh dua bilion ringgit (RM52,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2016, dan bagi tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2016, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 42 Tahun 2015, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.” **[26 Oktober 2015]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya jemput Yang Berhormat Lenggong untuk 20 minit lagi.

#### **11.36 pg.**

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung perbahasan saya semalam. Saya hendak respons apa Yang Berhormat Sungai Petani sebut. Jangan kita lihat apabila sesebuah negeri tidak dapat pembangunan berbentuk fizikal, maka rakyat dalam negeri tersebut dinafikan haknya. Itu pandangan yang tidak tepat. Saya banyak kali menyebut dalam perbahasan di awal tadi, semalam saya sebut bahawa apa juga hujah yang kita hendak sebut mestilah berdasarkan kepada fakta yang tepat dan sahih.

Angka-angka yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pekan semua termasuk rujukan-rujukan, pengiktirafan-pengiktirafan yang disebut itu semuanya ada kredibiliti kerana ia dilakukan oleh badan-badan penarafan antarabangsa.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]*

Misalnya *Fitch Ratings*, daripada *Moody's*, daripada *Standard and Poor's*, daripada *World Economic Forum* yang menyatakan negara kita pada tangga 18 berbanding dengan 140 dalam Laporan Daya Saing Global 2015-2016. Ini menunjukkan bahawa ada kredibiliti. Pandangan yang mengatakan bahawa ada negeri yang tidak dapat langsung itu tidak tepat. Sebahagian juga disebut oleh Yang Berhormat Bagan kerana kita kena lihat kalau disebut ada bantuan-bantuan berbentuk kebajikan, semua negeri dapat termasuk Pulau Pinang. Kalau disebut soal kenaikan gaji kakitangan awam, semua dapat termasuk Pulau Pinang.

Kalau sebut soal bantuan sekolah, pelbagai aktiviti, program-program termasuklah bantuan rumah, pendidikan, *cluster* sekolah, pertanian, pasar tani, semua dapat. Tidak ada langsung kerajaan bagi syarat bahawa yang dapat hanya warna biru, warna hijau yang terbaru ini warna oren tidak dapat. Tidak ada.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Beruas bangun.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sekejap Yang Berhormat Beruas, saya habiskan ayat ini dulu, sekejap lagi saya bagi. Jadi pandangan itu tidak tepat. Jadi sebab itu saya kata bahawa kita harus realistik dalam soal ini supaya apa yang kita sampaikan juga sebenarnya berdasarkan kepada pandangan-pandangan yang betul dan ada kredibiliti. Okey, jangan panjang sangat Yang Berhormat Beruas ya.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Lenggong, sebenarnya kita dari negeri Perak juga telah diabaikan. Kalau kita nampak daripada ucapan Yang Berhormat Pekan, kita dapat kerajaan sudi menggunakan wang sebanyak lebih kurang RM80 bilion untuk LRT dan MRT untuk kawasan Kuala Lumpur dan kawasan persekitarannya tetapi untuk jalan-jalan luar bandar hanya RM1.4 bilion untuk 700 kilometer jalan di luar bandar.

Ini termasuk kebanyakan tempat di negeri Perak di mana JKR tidak ada duit untuk menurap semula jalan tetapi tampal sahaja tempat-tempat yang ada kerosakan jalan. Saya juga hendak tanya Yang Berhormat Lenggong, setuju atau tidak dan didapati Yang Berhormat Pekan mengumumkan bahawa pembangunan pesat akan... *[Disampuk]* Saya tanya pendapat setuju, di kawasan KLIA, Cyberjaya dan dari Nilai ke Negeri Sembilan.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid [Lumut]:** Yang Berhormat Lenggong, Lumut.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Jadi kita dari negeri Perak mesti pertahankan hak kita untuk pembangunan lebih seimbang. Setuju atau tidak?

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid [Lumut]:** Yang Berhormat Lenggong, bagi Yang Berhormat Lumut tanya.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pemberitaan suara]*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Setuju atau tidak? Lenggong dari Perak, kalau tidak nanti balik ke negeri Perak beritahu rakyat di sana kita tidak diabaikan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya dah sebut tadi bahawa jangan lihat kalau satu perkara kita tidak dapat, itulah gambaran bahawa kerajaan tidak bantu.

#### ■1140

Saya sebut kalau dia membantu. Sebenarnya Kerajaan Barisan Nasional membantu rakyat membawa pembangunan bukan hanya peruntukan di bawah Bajet 2016. Rancangan Malaysia Kesebelas, Rancangan Malaysia Kesepuluh semua ada. Jadi, yang dimasukkan di sini ialah melengkapkan lagi keperluan-keperluan di kawasan mana-mana yang perlu dipertingkatkan. Jadi, pandangan daripada Yang Berhormat Beruas itu sama sekali saya tolak Yang Berhormat. Minta maaf banyak-banyak.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Lenggong. Cerita semalam, cerita semalam.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sekejap, sekejap. Sekejap lagi saya bagi. Saya hendak habiskan satu perkara lagi. Termasuklah soal berkaitan dengan kejatuhan nilai ringgit. Saya pun tengok hujah-hujah yang diberi oleh rakan-rakan juga tidak bersandarkan kepada fakta yang tepat dan sebagainya.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** *[Bangun]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya ini ada aura. Tengok dia hendak bangun saya tahu sebab saya tengok ....*[Ketawa]* Kalau kita tengok kejatuhan nilai ringgit, itu bukan berlaku dalam negara kita sahaja, melibatkan juga kejatuhan mata wang di pelbagai negara.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Hujah sampai India.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sebab itu saya tidak bersetuju pandangan daripada Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya tidak setuju sebab -saya akui bahawa faktor dalaman ada barangkali hanya sekitar 10% hingga 15% sahaja. Persepsi antaranya - antara persepsi dibawa oleh rakan-rakan sekalian. Akan tetapi maksud saya, saya lebih berminat kalau kita berhujah soal ekonomi ini mesti berasas dan bersandar pada fakta yang tepat. Baru ada kredibiliti Yang Berhormat Beruas.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Selepas ini Yang Berhormat Lumut, Yang Berhormat Lenggong. Tidak 'aci'.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sekejap.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Yang Berhormat Lenggong, saya ingin merujuk kepada kejatuhan wang ringgit ini seperti Yang Berhormat Lenggong beritahu dia bawa oleh Yang Berhormat Permatang Pauh dan Yang Berhormat Bagan. Mereka dalam masa yang sama telah *quote* Zeti Akhtar Aziz sebagai mengatakan bahawa salah satu masalah ringgit ini adalah 1MDB tetapi mereka tidak *quote* pula yang lain, apa Zeti cakap pada bulan Ogos. Ini apa Zeti cakap bulan Ogos mengenai kejatuhan wang ringgit.

Dia mengatakan bahawa dia *believe the weakening of economy to be a short term problem*. Apa pula Zeti beritahu pada bulan September? Ini dia Zeti beritahu. Dengan izin saya *quote* dalam bahasa Inggerisnya supaya mudah difahami, supaya *balance* apa kata Zeti itu tidak diambil *half bit*, sekerat sahaja. Ini yang diberitahu oleh Zeti pada bulan September. Apabila ditanya tentang *declining ringgit, she has to say. Zeti noted "The global development was still highly volatized. Adding that Malaysia was affected by this volatility"*. Ini maknanya beliau memberitahu bahawa ringgit kita ini jatuh disebabkan keadaan dunia itu.

Akan tetapi bukan itu sahaja Yang Berhormat Lenggong, sedikit sahaja. Hendak beritahu, *Bloomberg* pada bulan Jun memberitahu bahawa untuk 30 tahun kebelakangan ini, lambakan minyak adalah paling banyak sekali menyebabkan *all they produced* secara banyak menyebabkan pertama, harga jatuh, harga minyak jatuh, komoditi kita jatuh, ...*devalue* dan banyak perkara ini bukan 1MDB sahaja Yang Berhormat Lenggong. Adakah Yang Berhormat Lenggong bersetuju bahawa tidak boleh disalahkan?

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Lenggong, sama, sama Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sebab itu saya sebut tadi bahawa jangan ambil satu pandangan yang kalau ia menguntungkan kita. Kalau setakat ada pandangan yang menguntungkan dia, dia kata "*Itu ada kredibiliti*" tetapi pandangan-pandangan lain tidak mahu ambil. Sebab itu saya sebut tadi, saya bersetuju dan memang betul pun itu yang disebut oleh Gabenor Bank Negara. Kalau pandangan itu ditolak, ia tidak betul. Sebab itu asas-asas yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Pekan dan pandangan-pandangan yang disebut oleh Yang Berhormat Setiawangsa tadi itulah yang menunjukkan kedudukan ekonomi negara kita. Kalau Yang Berhormat Permatang Pauh atau Yang Berhormat Bagan ataupun sesiapa juga sebelah sini sebut bahawa ia faktor-faktor tertentu sahaja, ia tidak tepat sama sekali.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** [Bangun]

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Setengah minit sahaja Yang Berhormat Lumut.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Yang Berhormat Lenggong, terima kasih. Ini cerita semalam. Apakah alasan ataupun jawapan Yang Berhormat Lenggong berhubung dengan peruntukan yang bertambah di Jabatan Perdana Menteri? Kalau kita teliti peruntukan yang lepas, peruntukan mengurus 2015 adalah sebanyak RM6.2 bilion. Peruntukan mengurus tahun ini RM5.9 bilion, menurun tetapi peruntukan

pembangunan meningkat sehingga RM14.3 bilion. Sebab itu Yang Berhormat Beruas, peruntukan kita di Perak untuk buat jalan tidak dapat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kerana ada sebab.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Oleh kerana Perdana Menteri control, JKR tidak dapat, siapa pun tidak dapat. Sebab itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bila pergi ke mana-mana boleh isytihar bagi jambatan, bagi peruntukan tebatan banjir, macam-macam sebab dikawal oleh Perdana Menteri.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Okey, okey. Saya jawab, saya jawab. Saya faham sebab saya sudah jawab semalam.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Okey terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya sudah sebut semalam, Jabatan Perdana Menteri ini agensi. Badan berkanunnya banyak. Pusat sahaja ada 46 Yang Berhormat. *[Disampuk]* Banyak. Ada JPA, Parlimen, Majlis Keselamatan Negara, hal banjir, SPRM, SPR, JAKIM di situ. Berderet-deret agensinya. Jangan lihat-saya tengok rakan-rakan di sini, kepala dia tengok pejabat Perdana Menteri sahaja. Sebab itu dia kritik kenapa Pejabat Perdana Menteri banyak sangat peruntukan. Saya percaya Yang Berhormat tahu tetapi sengaja menutup kebenaran untuk mengaburkan dan memutarbelitkan dan memfitnah.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *[Bangun]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sila.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Pembangkang ini memanglah kena *check* telinga dia. Bercakap 10 kali pun dia tidak dengar juga. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Lenggong. Saya berbalik pada cerita susut nilai ringgit tadi, kita dengar ada kata-kata yang mengatakan ia disebabkan oleh 1MDB. Akan tetapi susut nilai ringgit ini bukan Malaysia sahaja. Kita lihat di Rusia, di Australia, di Brazil juga susut dan tidak ada 1MDB pun. Setuju atau tidak dengan saya yang ini bukan disebabkan oleh 1MDB? Ini kata-kata yang salah.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Betul! Setuju sangat Yang Berhormat Bagan Serai. Sebab itu sekali lagi saya ulang...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *[Bangun]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Nanti sekejap Yang Berhormat Beruas. Selagi tidak habis, saya tidak cerita hal Lenggong nanti, mengamuk orang Lenggong dengan saya. Saya kena cerita juga Yang Berhormat. Sebab itu, apa juga hujah yang kita hendak buat, mesti bersandar kepada fakta yang tepat daripada kejatuhan nilai ringgit. Kenapa rupiah jatuh? Switzerland pun jatuh, banyak negara yang jatuh. Apakah di negara-negara berkenaan ada 1MDB? Ada 1MDB? Yang Berhormat Beruas, ada atau tidak ada? Tidak ada Yang Berhormat. Sebab itu faktor ini bukanlah faktor utama.

Akan tetapi, saya katakan tadi bahawa memang persepsi, apabila putar belit dibuat dan ia akan menyebabkan keyakinan dan sebagainya tetapi itu bukan faktor. Sebab itu antara

perkaranya komoditi jatuh, harga minyak jatuh. Apabila Amerika Syarikat misalnya uar-uarkan untuk menaikkan *interest ratenya*, itu semua faktor yang menyebabkan kejatuhan nilai mata wang di kebanyakan negara terutama di negara-negara yang banyak perdagangan dalam bidang komoditi.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Bukan faktor, tetapi salah satu faktor.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat, saya sebut tadi bahawa "Itu bukan faktor".

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tadi Yang Berhormat sebut 'bukan faktor utama'. Itu saya kata bahawa "Betullah ia bukan faktor utama, tetapi salah satu faktor".

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat, saya sebut tadi bahawa 'itu bukan faktor' yang menyebabkan. Sebab itu diputarbelitkan oleh Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat sebut, "Itu bukan faktor utama". Itu perkataannya.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Hendak cakap ikut peraturan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Maknanya bukan faktor utama, bermakna bahawa salah satu faktor.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Hendak cakap ikut peraturan. Itu sebabnya - Yang Berhormat Pokok Sena ini, hati dia warna oren Yang Berhormat, dia punya hati. Akan tetapi dia tidak berani duduk sana. *[Disampuk]* Hati dia oren sebenarnya, dia bukan hijau. Tanya Yang Berhormat Bukit Gantang, Yang Berhormat Bukit Gantang tahu. Akan tetapi Yang Berhormat Bukit Gantang ini dia ke sini pun ada, ke sini pun ada. *[Sambil menunjukkan isyarat tangan]/[Ketawa]* Yang betul-betul *genuine*, ini Yang Berhormat Kota Bharu. Itu saya percaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebut sekali lagi dalam Dewan yang mulia ini...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Itu bukan faktor kejatuhan nilai ringgit. Akan tetapi itu sangat jelas maksud kejatuhan ringgit itu bahawa 1MDB salah satu faktor, tetapi bukanlah faktor utama. Saya bersetujulah Yang Berhormat Lenggong bahawa ia bukanlah faktor utama.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Bukan faktor.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Berbelit-belit.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Apa yang saya hendak sebut tadi bahawa kejatuhan nilai ringgit ini macam disebut oleh Yang Berhormat Setiawangsa. Faham Yang Berhormat Pokok Sena? Jangan putar belit di luar.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ubah tajuk. Ini banyak lagi tajuk lain.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *[Bangun]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Nanti dahulu, sat lagi...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Satu soalan sahaja.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Nanti Yang Berhormat Beruas cakap bila *turn* Yang Berhormat Beruas.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Boleh percayakah? Saya tidak percaya DAP ini.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Perak 20 saat...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya tidak percaya.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Perak 20 saat sahaja.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya hendak cakap perkara yang penting yang disebut dalam bajet ini ialah berkaitan dengan kos sara hidup. Ini perkara penting yang memang ditekankan oleh Yang Amat Berhormat Pekan, Yang Berhormat Beruas. Ini disebabkan Yang Amat Berhormat Pekan memang memberikan tumpuan bagaimana hendak meningkatkan dan melaksanakan aktiviti ekonomi supaya ia boleh memberikan kesejahteraan rakyat kerana kenaikan kos sara hidup ini memang menjadi topik dan perbincangan rakyat.

#### ■1150

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Boleh 20 saat, bagilah *chance*.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tidak bagi karang dia kata kerajaan...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Bagilah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lenggong...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya tidak bagi, saya tidak bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ada enam minit lagi.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya cuma hendak sebut begini, satu isu sahaja Yang Berhormat iaitu berkaitan dengan isu perumahan. Saya mengucapkan banyak terima kasih dan tahniah kepada kerajaan kerana memberikan tumpuan kepada soal perumahan baik kepada golongan miskin tegar hingga ke peringkat pegawai-pegawai jabatan kerajaan semua diberikan tumpuan. Maknanya kita hendak bagi betul-betul rumah kepada rakyat. Itu satu langkah yang amat dipuji, memang patut kita sokong dan diteruskan. Namun demikian, kita juga kena melihat isu-isu yang ada di sebalik projek-projek ini supaya manfaatnya benar-benar diperoleh oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok kajian daripada Institut Penyelidikan Khazanah yang membuat pendedahan bahawa harga rumah ini tinggi dan tidak mampu dimiliki oleh kumpulan-kumpulan tertentu. Kalau kita lihat pula hari ini, kajian juga dibuat bahawa golongan yang sangat memerlukan rumah ini adalah golongan muda sebab itu harga rumah yang tinggi ini kalau mengikut Kongres Kesatuan Sekerja dalam perkhidmatan awam, CUEPACS misalnya, telah tampil satu kajian yang mendapati bahawa 60% kakitangan awam berpendapatan di bawah RM3,000 dan tidak mampu memiliki rumah sendiri. Oleh sebab itu saya meminta supaya kerajaan benar-benar membuat kajian supaya golongan kakitangan kerajaan di bawah kumpulan yang disebutkan tadi benar-benar dapat memiliki rumah.

Oleh kerana itu saya memohon supaya syarat-syarat berkaitan dengan pinjaman, syarat-syarat contohnya wang pendahuluan dan perkara-perkara yang menjadi isu itu perlu dipermudahkan supaya kita benar-benar memastikan agar kakitangan kerajaan dan juga golongan belia benar-benar mendapat rumah sebagaimana yang kita hasratkan. Hari ini kita lihat rumah yang dibuat ini, skim ini ditawarkan lebih, skim ini terhad dan ditawarkan kepada 25,000 buah sahaja berkonsepkan siapa cepat, dia dapat. Sebab itu saya minta supaya ia diperhalusi lagi.

Kalau kita tengok data yang ada, dianggarkan terdapat 210,000 pasangan yang berkahwin setiap tahun dan tentunya keperluan memiliki rumah ini perlu dipastikan supaya mereka dapat. Oleh sebab itu saya harap supaya kita menurunkan sedikit syarat kelayakan misalnya menurunkan sedikit syarat kelayakan gaji bagi isi rumah bermula daripada RM2,000 hingga RM10,000. Jadi, isu rumah ini saya berharap benar-benar ditangani.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut sekali lagi bahawa misalnya hari ini apabila menyebut soal jerebu, heboh. Apabila Kementerian Pendidikan memaklumkan bahawa sekolah cuti sehari, ada orang putar belit cuti sebulan dan sebagainya. Ini semua kesan daripada penyalahgunaan media sosial. Sekali lagi saya hendak bertanya kepada kementerian yang berkaitan, bila lagi hendak bawa akta, pinda beberapa fasal dalam Akta Komunikasi dan Multimedia ini. Kita memberikan kebebasan kepada rakyat untuk berhujah dan memberikan pandangan, tidak apa sebagai memenuhi kehendak rakyat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Inspirasi rakyat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** ...Akan tetapi, kita sertakan dengan tanggungjawab. Maknanya hendak bagi pandangan, bagilah. Hendak kritik, kritiklah, boleh, tidak ada masalah tetapi bertanggungjawab. Oleh sebab itu tanggungjawab itu mesti kita sertakan dengan beberapa undang-undang supaya apa yang dibuat, dihujahkan dan ditulis dalam apa juga bentuk laman sosial ini mempunyai tanggungjawab dan pihak yang berkenaan boleh dikenakan apa-apa tindakan. Saya bimbang, kalau kita tidak melakukan perkara sebegini rupa maka perkara-perkara yang berkaitan dengan fitnah akan berleluasa. Yang Berhormat Pokok Sena, bukan main-main perkara ini. Jadi sebab itu kita mesti bawa undang-undang dalam Dewan ini untuk— saya tidak ada masa, kalau Tuan Yang di-Pertua bagi saya bagi, tidak ada masa.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kalau Yang Berhormat bagi, Tuan Yang di-Pertua bagilah.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tidak ada masa, tidak ada masa.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ...Yang ada undang-undang pun, Perdana Menteri tidak berani ambil tindakan saman pun, yang ada undang-undang sudah.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sekejap, saya hendak minta supaya kementerian kemukakan dalam Dewan ini supaya kita meminda sedikit akta ini agar kebebasan yang diberikan kepada rakyat mesti disertakan dengan tanggungjawab. Tuan Yang

di-Pertua, sekali lagi saya berharap supaya kita mestilah memberikan pandangan berhujah berasaskan pandangan yang tepat dan fakta yang betul. Janganlah kita memutar belit isu-isu ini. Faktor-faktor yang tidak relevan, janganlah kita jadikan itu faktornya.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ...Sekejap kata salah satu faktor utama, sekejap kata tidak.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** ...Yang Berhormat Pokok Sena ini, dia jenis tidak mengikut peraturan Yang Berhormat sebab itu saya kata dalam jiwa dia kuning, oren bukan hijau. Kalau hijau ini jadi macam itu, dia macam Yang Berhormat Rantau Panjang, dia tertib. Macam Yang Berhormat Bukit Gantang, senyum tertib. Ini yang tertib ini memang oren.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ...Tadi cakap lain dekat Yang Berhormat Bukit Gantang. *[Ketawa]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya juga hendak minta supaya kerajaan memberikan tumpuan. Saya wakil rakyat luar bandar Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya tengok banyak rumah hendak buat ini. Perturunkan juga di Lenggong bawah projek perumahan rakyat. Tanah-tanah ada, tidak ada masalah, boleh diberikan. Saya minta juga untuk Menteri Pelancongan, segerakan pembangunan Lembah Lenggong, Tapak Warisan Dunia dan saya minta juga supaya menaiktarafkan Kolej Kemahiran Tinggi Mara ini.

Saya juga hendak mencadangkan kepada kerajaan, kita beri bantuan BR1M iaitu Bantuan Rakyat 1Malaysia, satu pemberian yang walaupun ada pihak kata tidak bagus tetapi sebenarnya bagus. Cuma mungkin boleh ditambahbaikkan daripada segi kaedah pemberiannya. Mungkin kita pakai kad yang boleh menyebabkan kerajaan boleh mengawal supaya wang yang diperoleh oleh rakyat itu tidak disalahgunakan. Kalau dapat RM500, dia beli rokok sahaja pun, rugi juga. Jadi, sebab itu kena ada kaedah yang membolehkan supaya perbelanjaan itu dikawal dan tidak berlaku pembaziran dan menepati sebagaimana yang dikehendaki.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Setiawangsa, hendak cakap..

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sekali lagi saya...

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Yang Berhormat Lenggong...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sila.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Yang Berhormat Lenggong, mengenai BR1M ini untuk mengelakkan ketirisan penyalahgunaan, itu satu idea yang baik. So, kita akan *introduce* debit kad ataupun kupon untuk mereka membeli barang-barang asas supaya mengelakkan apa ini. Adakah Yang Berhormat Lenggong bersetuju ke arah itu?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya bersetuju sangat supaya, kita hendak setiap wang yang diberikan kepada rakyat bukan hanya dibelanjakan begitu sahaja tetapi juga memberikan impak kepada rakyat sendiri dan juga memberikan kebaikan kepada

ekonomi negara kita. Oleh sebab itu saya bersetuju supaya kaedah-kaedah ini diperhalusi dan saya berharap pihak kementerian yang berkaitan dapat merangka cadangan terbaik supaya ia dapat benar-benar memberikan manfaat kepada semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya berharap supaya rakyat dapat manfaat daripada bajet yang baik ini. Bukan mudah seorang Perdana Menteri dan kerajaan untuk mengemukakan bajet yang dalam keadaan ekonomi dunia sedemikian rupa. Dalam keadaan kejatuhan harga komoditi, dalam keadaan kejatuhan harga minyak, pendapatan negara susut, bukan mudah kerajaan hendak mengemukakan bajet sedemikian rupa.

Akan tetapi yang penting sekali ialah saya berharap semua kementerian, agensi memastikan pelaksanaannya dapat benar-benar sampai ke bawah dan rakyat merasainya. Tidak hanya di peringkat dasar tetapi tidak sampai ke akar umbi. Ini kerana hari ini, rakyat mahu merasai bajet yang terbaik dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Pekan. Saya menyokong, terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ini kira hebat daripada Yang Berhormat Bagan Serai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pandan, 30 minit ya.

#### 11.59 pg.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia. Saya hendak mula dengan satu perkongsian realiti ekonomi rakyat supaya perbahasan kita di dalam Dewan ini tidak syok sendiri.

#### ■1200

Jangan kita jadi macam Yang Berhormat Bagan Serai semalam, sampai keluar urat mempertahankan GST. Sedangkan, duta GST yang kita sayangi daripada Pontian pun sekarang ini tidak berani mempertahankan GST kerana dia tahu rakyat bencikan GST.

Antara pembentangan belanjawan tahun 2015 dan kali ini, ada satu laporan ekonomi yang cukup bermakna kepada rakyat yang dilancarkan dalam bulan November 2014 yang bertajuk "*Malaysian Human Development Report 2013*". Pengarangnya ialah pakar-pakar ekonomi terkemuka kita, Dr. Muhammed Abdul Khalid, Pengarah Institut Kajian Khazanah, Dr. Lee Hwok Aun dari Jabatan Ekonomi Universiti Malaya dan juga Tan Sri Profesor Dr. Kamal Salih, Profesor Anjung di Universiti Malaya juga. Ada beberapa penemuan yang didedahkan yang mengejutkan negara yang kita perlu ambil kira sebagai wakil rakyat di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, laporan itu mendedahkan kesenjangan pendapatan ataupun dengan izin, *income inequality* di Malaysia ini adalah antara yang paling buruk di rantau ini dan telah kekal buruk begitu sejak tahun 1990. Sehingga pendapatan boleh belanja dengan izin, *disposable income*. Maknanya gaji ditolak bayaran-bayaran wajib seperti rumah, kereta, makanan dan lain-lain itu dipanggil pendapatan boleh belanja. Pendapatan boleh belanja

bagi golongan satu peratus yang paling kaya di negara ini, mengikut laporan itu, adalah 22 kali ganda lebih tinggi daripada pendapatan boleh belanja golongan 40 peratus terbawah.

Gaji pula tidak naik seiring dengan pertumbuhan ekonomi negara. Sebenarnya, ia telah menjadi semakin buruk semenjak tahun 1996. Ini bermaksud, walaupun negara makin kaya, syarikat makin untung lebih besar tetapi keuntungan itu tidak dikongsi dengan pekerja. Maka, keuntungan itu disimpan oleh syarikat-syarikat dan golongan pemodal yang kebanyakannya ialah kroni-kroni kerajaan.

Maka daripada segi pendapatan negara, apabila melihat kekayaan dan pendapatan negara, hanya 28 peratus daripada pendapatan negara itu adalah gaji terkumpul rakyat. Selebihnya itu ialah kekayaan kroni, kekayaan syarikat, harta kerajaan dan lain-lain. Ini adalah cukup rendah berbanding dengan negara-negara lain. Kita ambil contoh India. India yang kita kata tidak maju macam kita tetapi sebenarnya rakyatnya mempunyai pegangan kekayaan negara yang lebih tinggi.

Sebanyak 30 peratus daripada kekayaan negaranya itu adalah dalam bentuk gaji rakyat. Ambil contoh Singapura, 42 peratus daripada kekayaan negara adalah bentuk gaji yang dibayar kepada rakyat dan berbanding dengan China, 48 peratus gaji menjadi kekayaan negara berbanding dengan hanya 28 peratus di negara ini.

Oleh sebab itu, Dewan yang mulia, oleh sebab gaji yang rendah, tidak seiring dengan peningkatan produktiviti, ini Yang Berhormat Kuala Langat cukup faham, sebab itulah juga rakyat negara ini tidak mempunyai simpanan. Laporan itu menunjukkan bahawa 53 peratus daripada rakyat di negara ini sebenarnya tidak mempunyai apa-apa simpanan. Maka kita dalam Dewan ini, sedang kita hendak bercakap tentang ekonomi global, tentang kejatuhan mata wang, perlu kita kembali ke kampung, desa dan bandar, tanya orang. Hakikat realitinya ialah 11 peratus orang terkaya di negara ini memiliki 50 peratus daripada kekayaan negara ini. Saya tidak pasti sama ada, ada mana-mana Ahli-ahli Dewan yang tergolong di dalam 11 peratus itu. Saya tidaklah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengajak Dewan menghayati realiti tersebut supaya perbahasan kita tidak menyimpang daripada perspektif sebenar yang dihadapi oleh rakyat. Oleh sebab itu, kalau kita bercakap berdegar-degar tetapi tidak menzahirkan hasrat dan juga kepayahan rakyat di luar, kita dilihat sebagai syok sendiri.

Dapatan-dapatan ini sebenarnya menunjukkan satu perkara iaitu rakyat Malaysia yang marhaen sebenarnya saban hari melalui keterdesakan ekonomi. Apabila gaji tidak naik, simpanan tidak ada, pendapatan boleh belanja yang begitu kecil, maka sebab itulah kalau Yang Amat Berhormat Pekan mengumumkan sedikit sahaja kenaikan kos, itu menekan rakyat.

Kalau tol naik RM2, ada Menteri sebelah sana yang kata kalau tidak mampu, cari jalan lain. Bagi anggota Dewan ini yang tidak faham dalam keadaan realiti rakyat yang terdesak ekonomi begini, kenaikan RM2 itu cukup besar. Cukai GST enam peratus cukup besar kerana mereka sudah memang tidak ada apa-apa simpanan. Apa yang ada hanya sedikit sahaja. Oleh sebab itu mereka cukup sensitif kepada sebarang kenaikan harga barang.

Dewan yang mulia dan Tuan Yang di-Pertua, sebab itu sepanjang saya menyertai Dewan ini sejak tahun 2013, kritikan saya yang paling kasar terhadap pentadbiran Yang Amat Berhormat Pekan ialah tindakan beliau melaksanakan GST pada kala kerajaan beliau gagal menaikkan gaji pekerja setaraf dengan sumbangan peningkatan produktiviti pekerja.

Saya ambil contoh pembentangan belanjawan kali ini bagi tahun 2016. Ada celahan kah? Boleh ada celahan? *[Ketawa]* Baik, saya teruskan.

Saya bagi contoh bagi tahun 2016, Yang Amat Berhormat Pekan mengunjurkan kerajaan akan mengutip RM39 bilion dalam bentuk GST daripada rakyat. Saya hendak bawa balik pandangan dan juga ingatan Dewan kepada perbahasan dalam sesi-sesi yang lepas. Ini kerana setiap kali kita membincangkan tentang kewajaran GST, sudah tentu akan ada anggota dan ahli dari seberang sana yang bangun mempertahankan GST. Selalunya hujah mempertahankan GST ini ada dua. Jadi saya hendak ingatkan balik Ahli-ahli Dewan seberang sana.

Pertama, selalu diulang berkali-kali bahawa GST ini bukan cukai baru, GST ini hanyalah cukai menggantikan SST, selalu disebut. Kalau semak *Hansard*, berkali-kali disebut. Akan tetapi kalau dilihat, sekarang ini kita sudah ada angka-angka yang boleh kita gunakan untuk bandingkan di antara GST sekarang dengan SST sebelum ini. Dalam tahun 2014, sebelum GST dilaksanakan, pentadbiran Yang Amat Berhormat Pekan mengutip RM17 bilion dari SST, cukai jualan dan perkhidmatan. Akan tetapi dalam tahun 2016, apabila GST dilaksanakan sepenuhnya, unjuran kutipan adalah sebanyak RM39 bilion. Maknanya, apabila GST dilaksanakan, kerajaan akan mengutip RM22 bilion cukai tambahan daripada rakyat.

Ini berlaku kerana, seperti yang kami telah ulang berkali-kali dan ingatkan berkali-kali, SST adalah cukai yang terhad kepada perkhidmatan dan barang tertentu sahaja, sedangkan GST ini cukai yang kena semua. Songkok Tuan Yang di-Pertua pun kena GST juga. Oleh sebab itu apabila GST ini mengenakan kepada semua barang dan perkhidmatan, itu adalah cukai baru kerana barang-barang dan perkhidmatan yang sebelum ini tidak dikenakan cukai, sekarang ini dibayar cukai. Jadi saya harap tidak ada Ahli Dewan daripada seberang sana yang mengulangi hujah tempang kononnya GST ini bukan cukai baru kerana terbukti GST sekarang ini adalah cukai baru yang dikenakan kepada rakyat.

Hujah kedua yang selalunya digunakan oleh Ahli Dewan seberang sana ialah GST ini tidak akan menaikkan harga barang. Kalau saya ingat, rakan saya Yang Berhormat Pontian dengan segala keyakinannya dalam Dewan ini menyebut, *“Malah, GST bukan sahaja tidak akan menaikkan harga barang, GST akan menurunkan harga barang”*.

## ■1210

Saya yakinlah sekarang ini seluruh Malaysia semua tahu bahawa GST akan menaikkan dan telah menaikkan harga barang. Sebab itu saya juga yakin, tidak ada seorang pun, hatta Yang Amat Berhormat Pekan sekalipun yang berani sekarang ini memberitahu rakyat kononnya GST tidak akan menaikkan harga barang. Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Yang Berhormat Pandan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Sila Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu lagi yang ketiga hujah yang dibawa oleh mereka. SST 15%, 10 campur 5. Orang kampung – “Oh tinggi!” GST 6%. Jadi, GST lebih rendah, lebih menguntungkan kalau kita tukar. Orang kampung percaya tuan-tuan. Jadi Yang Berhormat Pandan, macam mana?

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Saya senyum kerana saya tidak bimbang kalau orang kampung yang percaya. Saya bimbang kalau Menteri yang percaya. Apabila dia menceritakan dengan sepenuh keyakinan bahawa SST 10% campur 5% – 15%, dulu itu lebih tinggi daripada 6%. Saya bimbang takut Menteri yang tidak faham tentang GST bila dibanding dengan SST. Sebab saya nampak Yang Amat Berhormat Pekan apabila membentangkan belanjawan baru-baru ini pun nampaknya masih belum faham tentang GST. Dia mengatakan bahawa Pakatan Harapan memasukkan di dalam Belanjawan Alternatif kami – GST. Oleh kerana seolah-olah dia tidak faham, cara terbaik untuk menghapuskan GST selepas ini ialah dengan menurunkan kadar GST kepada semua barang dan juga semua perkhidmatan pada kadar sifar.

Kalau Yang Amat Berhormat Pekan tidak faham. Sifar “0” kali RM50 – kosong. Tidak ada cukai lepas itu. Jadi, kalau hendak jawab apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kuala Krai tadi, saya yakin daripada selepas satu tahun GST dilaksanakan, rakyat boleh membezakan dahulu 10 atau lima peratus itu hanyalah di barang-barang tertentu yang jauh lebih sedikit. Ia hanyalah cukai satu peringkat berbanding dengan GST yang ada sekarang ini cukai pelbagai peringkat. Jadi, walaupun enam peratus kadarnya nampak lebih rendah tetapi apabila dikenakan di pelbagai peringkat daripada kilang sampai ke kedai, sudah tentu jumlah akhir yang ditanggung oleh rakyat itu juga lebih tinggi. Saya bagi Yang Berhormat Kuala Langat dahulu, kemudian saya bagi Yang Berhormat Wangsa Maju.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Sila Yang Berhormat Kuala Langat.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Biar Tuan Yang di-Pertua bersuara itu bermakna kita boleh teruskan ucapan. Terima kasih Yang Berhormat Pandan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Ini satu contoh yang baik ya.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** *[Ketawa]* Dahsyat. Yang Berhormat Pandan, saya hendak ke belakang balik apa yang Yang Berhormat Pandan cakap tadi di antara mengimbangi pendapatan dan perbelanjaan. Mengikut daripada Laporan Rancangan Malaysia ke-11, Yang Berhormat Pandan ya. Yang Amat Berhormat Pekan telah mengatakan bahawa pada tahun 2020, pendapatan per kapita setiap pekerja itu ialah RM2,500. Hari ini pengumuman dibuat, dari masa beberapa hari yang lepas, gaji minimum untuk di Sabah dan Sarawak RM920. Manakala di Semenanjung RM900, Penjawat Awan RM1,200.

Apakah dengan keadaan demikian, dengan cukai GST yang dikenakan, dengan perbelanjaan yang diperlukan wajib, termasuk pendidikan yang saya khuatir akan memberi beban baru kepada penjaga ibu bapa kerana bila tidak cukup universiti duit, dia akan *collect* melalui yuran, berbagai-bagai dikenakan kepada penjaga. Jadi, isunya sekarang ini ialah mana mungkin dalam keadaan itu, kita boleh menyatakan bahawa kita hendak mencapai negara maju menjelang 2020. Dalam keadaan ekonomi yang tenat, dalam dasar yang kerangka yang begitu rapuh membolehkan negara ini bermegah mengatakan bahawa kita akan maju pada 2020. Apa pandangan Yang Berhormat Pandan? Terima kasih.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Terima kasih Yang Berhormat Ahli Parlimen Pandan dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. GST maknanya *goods and services tax*. Pada bulan lalu, saya pergi bank saya ambil RM2,000 wang tunai untuk bayar *cash*. Itu pun kena GST. Bolehkah bagi sedikit penjelasan Yang Berhormat Ahli Parlimen Pandan atau Menteri Kewangan.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Yang Berhormat Pandan sekejap. Yang Berhormat Pandan.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Ya. Yang Berhormat Penampang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Hajji Ismail bin Hajji Mohamed Said]:** Sila. Sila.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ingin menambah juga Yang Berhormat Pandan bahawa kami di Sabah pun di *we are also*, dengan izin, *suffering on cost* di Sabah sebab ada polisi kabotaj selain daripada GST. Ini membebankan rakyat Sabah, terlebih lagi orang pendalaman di Sabah. Terima kasih.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Kuala Langat tadi menyentuh tentang kerajaan Yang Amat Berhormat Pekan yang gah mahu menjadi negara maju sedangkan realiti di luarnya rakyat tertekan, terhimpit gaji tidak mencukupi, kos sara hidup terus naik. Sebab itu, kita kena selalu ingatkan dan satu perkara yang saya belajar daripada Mantan Ketua Pembangkang Permatang Pauh. Beliau menjadi Mantan Menteri Kewangan yang lama dan yang terbaik yang pernah kita ada. Nasihat beliau kepada kami apabila merangka pelan ekonomi yang dibentangkan oleh Pakatan Harapan ialah begini;

Jangan terlalu taksuh kepada angka-angka besar, pertumbuhan berapa, rizab negara berapa, untung berapa. Yang lebih penting ialah bagaimana kedudukan rakyat kebiasaan yang terbanyak. Oleh kerana negara boleh menjadi maju, pertumbuhan boleh besar. Akan tetapi kalau kesenjangan atau perbezaankekayaan itu di antara yang miskin dengan yang kaya, pekerja dengan majikan, luar bandar dan bandar tidak diselesaikan. Maka, kita ada satu masyarakat yang tidak seimbang dan tidak adil, yang itulah saya nampak kegilaan Yang Amat Berhormat Pekan sekarang.

Beliau tidak kesah, kalau rakyat susah di luar asalkan beliau boleh maklumkan kepada IMF, kepada dunia bahawa beliau telah mencapai beberapa angka pertumbuhan, mencapai beberapa angka defisit, yang boleh dia mengaku kononnya negara kita telah jadi maju.

Yang Berhormat Wangsa Maju tadi menyebut tentang yuran GST yang dia kena bayar apabila dia mengeluarkan duit RM2,000. Saya nasihatkan Yang Berhormat Wangsa Maju jangan

kecil hati sangat kerana saya pasti Yang Amat Berhormat Pekan kena bayar GST lebih tinggi kerana dia bayar 2.6 bilion – tukar duit dia.

Yang Berhormat Penampang tadi, ada menyebut tentang dasar kabotaj yang berkali-kali kita sebut di Sabah, dah bertahun-tahun. Dasar ini maknanya Dewan, kerajaan menetapkan bagi penghantaran barang melalui kapal mesti melalui Pelabuhan Klang dahulu. Ia tidak boleh pergi secara terus kerana ini satu pertimbangan untuk melindungi industri kapal-kapal kecil kita. Saya setuju dengan yang dibawa oleh Yang Berhormat Penampang selama ini bahawa kita perlu cari jalan selain daripada kita batalkan GST yang baru ini. Kita juga kena selesaikan dasar-dasar yang sudah berpuluh-puluh tahun, menyebabkan harga barang naik, terutamanya kepada rakan-rakan di Sabah dan Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, Saya mohon untuk teruskan. Saya...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Pandan. Yang Berhormat Pandan. Yang Berhormat Pandan.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Ya. Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Yang Berhormat Pandan

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Silakan Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Ya, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Pandan menjawab macam Menteri pula, setiap soalan yang ditujukan. Saya ingin membawa perhatian Yang Berhormat Pandan. Pada awalnya yang telah membawa kempen turunkan harga kereta. Itu adalah yang dipopularkan oleh Yang Berhormat. Ketika GST dilaksanakan, difahamkan harga kereta akan turun. Saya mendapat maklum balas baru-baru ini mengatakan tahun depan harga kereta akan naik. Bagaimana GST yang semasa di debat di dalam Dewan, Menteri telah mengatakan *confirm* harga kereta akan turun, ramai rakyat boleh beli tetapi sekarang ada kemungkinan harga akan naik pada tahun 2016. Ulasan Yang Berhormat Pandan. Terima kasih.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Komponen yang terbesar saya rasa dalam bentuk cukai yang menyebabkan harga kereta kita tinggi ialah cukai eksais. Sebab itu, daripada awal kalau kerajaan tidak membatalkan cukai eksais yang kadarnya 100%, 80%, 150%. Harga kereta, telah berkali-kali kita ingatkan Yang Amat Berhormat Pekan, tidak akan turun. Dalam keadaan sekarang, walaupun GST ini enam peratus berbanding dengan cukai jualan dahulu 10%. Oleh sebab merudumnya nilai mata wang ringgit, barang ataupun komponen yang diimport untuk memasang kereta di negara ini dibayar di dalam *dollar*.

Apabila kadar mata wang kita jatuh. Maka, harganya naik. Ini jadi beban berganda kerana apabila komponen itu kos tinggi, kos pemasangan tinggi, cukai juga walaupun 6% akan tetap tinggi. Sebab itu Persatuan Automobil telah pun mengumumkan akan ada kereta dan jenama yang mungkin harganya naik sehingga 20% tahun depan.

Jadi saya tak perlu ungkitlah kerana Menteri-menteri yang terbabit kita pun tahu jawapannya tetapi rakyat di luar juga yang jadi mangsa kerajaan Barisan Nasional tidak mahu menurut tuntutan yang kita buat sejak tahun 2011 lagi.

Saya ada dalam 10 minit lebih Tuan Yang di-Pertua, jadi saya perlu teruskan. Berbalik kepada perbahasan ya.

**Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Rompin bangun ya.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Baik Yang Berhormat Rompin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila.

**Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]:** Yang Berhormat Pandan hanya melihat *tax* sebagai satu beban kepada rakyat tetapi Yang Berhormat Pandan tidak melihat dari segi satu aspek lagi iaitu *tax* sebagai *distribution of income*. Bagaimana pendapatan negara itu diagihkan semula kepada rakyat. Sudah pasti pembangkang melihat dari segi satu sudut sahaja.

Kalau kita lihat, yang penting cukai itu dikutip bagaimana cukai itu dipulangkan balik kepada rakyat. Kalau kita melihat bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan, ia memulangkan balik apa yang dikutip kepada rakyat. Itu yang penting.

Saya tidak nampak Yang Berhormat Pandan menggariskan apakah langkah-langkah untuk menentukan bahawa pendapatan B40 itu naik. Sedarkan Yang Berhormat bahawa *depreciation of ringgit* menguntungkan orang luar bandar, sebenarnya menguntungkan masyarakat luar bandar yang bergantung kepada harga komoditi yang tidak begitu stabil tetapi alhamdulillah dengan ringgit yang lemah berbanding dengan USD sangat-sangat menguntungkan masyarakat luar bandar yang bergantung kepada harga komoditi. Ini sudah lihat.

Harga ringgit harus dibiarkan semacam Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz kata, biar digerakkan berdasarkan kepada pasaran dan ekonomi semasa. Banyak negara mengambil pendekatan untuk campur tangan, Singapore umpamanya menggunakan berbilion-bilion Singapore Dollar untuk *interfere*, menguatkan ringgit dalam keadaan ia sebuah negara yang paling standard.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Saya kesuntukan masa Yang Berhormat Rompin ya. Baik.

Saya setuju sebenarnya memang cukai itu adalah sepatutnya dipulangkan kepada rakyat. Itu masalah utama dengan Yang Amat Berhormat Pekan. Dia mencukai dalam keadaan rakyat tidak layak dicukai kerana rakyat tidak berkemampuan untuk dicukai. Kemudian setelah dicukai sedemikian rupa, tidak pulangkan kepada rakyat. Itu masalah dia. *[Tepuk]* Satu lagi contoh Yang Berhormat Rompin, tahun ini kutipan GST RM39 bilion bermakna setiap keluarga perlu membayar RM19 GST tiap-tiap hari secara purata. Itu yang kita bayar kepada kerajaan. Berapa Yang Amat Berhormat Pekan umumkan sebagai berita baik kepada rakyat...

**Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Saya tidak benarkan Yang Berhormat Rompin.

**Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]:** *Misleading.* RM19...

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Biar saya sudahkan kerana saya kesuntukan masa. Apa yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan sebagai gula-gula kepada rakyat, kenaikan BR1M sebanyak RM0.14 sehari. Dia cukai kita RM19 sehari GST, dia pulangkan balik 14 sen sehari. Itu pun yang kena bayar GST semua keluarga yang dapat BR1M hanya berapa kerat keluarga.

Jadi saya setuju dengan Yang Berhormat Rompin cukai perlu dikutip tetapi perlu dipulangkan dengan adil, bukannya buat belanjawan. Dia punya kementerian paling banyak, orang lain semua kena potong macam Yang Amat Berhormat Pekan buat.

Baik Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh benarkan celahan seterusnya, saya kena sudahkan. Semasa membentangkan belanjawan baru-baru ini Yang Amat Berhormat Pekan akhirnya mengakui bahawa GST ini lah yang menyelamatkan dia. Kalau tidak kerana GST ini, kerajaan tidak boleh bayar gaji. Ini yang diungkit dan diakui oleh Yang Amat Berhormat Pekan sendiri.

Sebab itu saya kesal, tindakan beliau itu sebenarnya adalah satu tindakan mengambil jalan pintas mengutip wang daripada rakyat melalui GST kerana itu bukan sahaja mencekik rakyat, mengutip GST daripada rakyat itu sebenarnya mencekik rakyat tetapi tindakan beliau itu juga sebenarnya membahayakan ekonomi negara.

Dalam keadaan pasaran minyak mentah dan komoditi yang kurang memberangsangkan, berlatar belakangkan pula prospek ekonomi dunia yang malap dan tidak menentu, pertumbuhan ekonomi di negara kita ini sebenarnya bergantung kepada kemampuan rakyat biasa untuk berbelanja. Selalu dirujuk sebagai pergantungan kepada dengan izin, *domestic consumption*.

Sebab itu belanjawan 2016 ini menjadi bukti sebenarnya Yang Amat Berhormat Pekan telah buntu untuk mencari jalan keluar daripada masalah keberhutangan negara. Hutang negara terus meningkat dan jangan nafikan perkara ini kerana belanja membayar faedah dan juga kos-kos mengurus hutang telah mencecah RM27 bilion dalam belanjawan ini iaitu 10% daripada belanjawan, hanya untuk membayar faedah hutang.

**Seorang Ahli:** Dahsyat.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Kemudian, Yang Amat Berhormat Pekan juga terhimpit kerana ruang fiskalnya semakin sempit. Apabila ruang fiskal itu sempit, sukar bagi kerajaan untuk mengambil hutang baru kerana paras hutang yang sudah pun tinggi dan juga kerana krisis kredibiliti 1MDB dan dana RM2.6 bilion yang dihadapi oleh Yang Amat Berhormat Pekan.

Sebab itu Yang Amat Berhormat Pekan gagal membersihkan nama beliau sehingga sekarang daripada skandal 1MDB. Gagal membersihkan nama beliau daripada skandal RM2.6 bilion. Gagal menambah hasil kerajaan, lalu jalan pintas dia, dia kutip GST daripada rakyat biasa.

**Seorang Ahli:** Dahsyat.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Sebab itu saya hendak ingatkan kepada Yang Amat Berhormat Pekan, biar masuk di dalam Penyata Rasmi, tidak malu kah Yang Amat Berhormat Pekan apabila angka yang paling ketara daripada pembentangan beliau tahun ini ialah rakyat bayar GST setiap keluarga RM19 sehari, kenaikan BR1M 14 sen sehari. Rakyat tidak boleh lupa perbandingan yang cukup besar itu.

Sebab itu bagi saya, belanjawan ini yang paling ketaranya ialah peralihan dari segi pendekatan kerajaan mendapatkan hasil daripada menggunakan aset negara, daripada bergantung kepada hasil minyak kepada bergantung kepada rakyat kebiasaan melalui kutipan cukai GST.

Saya hendak rekodkan juga Tuan Yang di-Pertua, supaya Yang Amat Berhormat Pekan beri jaminan hasil yang diunjurkan ini adalah berdasarkan harga minyak mentah USD48 setong. Kalau ikut laporan dunia, banyak penganalisis menyatakan harga minyak mentah boleh jatuh ke paras USD20 setong tahun depan. Kalau itu berlaku maknanya akan ada lompong yang besar dalam hasil kerajaan.

Saya hendak Yang Amat Berhormat Pekan berjanji dalam Dewan ini, kalau harga minyak jatuh di bawah USD48 setong, kerajaan tidak akan menaikkan kadar GST. Kalau kerajaan kurang hasil, Yang Amat Berhormat Pekan kena potong peruntukan dia yang berjumlah RM21 bilion itu. Sokong atau tidak Dewan yang mulia?

**Beberapa Ahli:** Sokong. *[Tepuk]*

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Baik. Bahagian yang terakhir Tuan Yang di-Pertua. Saya juga kesal kerana sedang rakyat terpaksa mengubah cara hidup kita untuk menanggung beban kewangan kerajaan ini, pentadbiran Yang Amat Berhormat Pekan nampaknya tidak mengubah cara mereka. Pengurusan tetap sama. Ketirisan, pembaziran tetap berlaku.

Dua hari lepas saya tanyakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri tentang belanja jet baru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ACJ320, saya minta senaraikan ke mana pergi, tujuan, berapa harga, siapa yang naik. Dia tidak mahu jawab. Akan tetapi kita boleh buat anggaran kerana maklumat ini telah bocor kepada kita.

Anggaran saya bagi tempoh enam bulan yang lalu, kos sewa jet tersebut RM13.3 juta, kos penyelenggaraan, operasi dan pengurusan jet baru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri RM23 juta, kos perjalanan luar negara dan lain-lain oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri RM4.5 juta. Maknanya Yang Amat Berhormat Pekan dalam kita kena perah dan cekik bayar GST, dia belanja RM40.8 juta wang rakyat untuk bayar kapal terbang peribadi dia sahaja.

**Seorang Ahli:** Woo dahsyat!

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Kemudian saya lihat Tuan Yang di-Pertua, amalan menganugerahkan projek kepada kroni melalui perjanjian-perjanjian konsesi yang berat sebelah masih berterusan.

■1230

Sedangkan kita tahu masalah kita dengan lebuh raya sampai kena naik tol, bayar pampasan berpunca daripada anugerah perjanjian konsesi yang berat sebelah. Saya ambil contoh, saya dulu pernah mendedahkan bagaimana UiTM terpaksa menanggung bayaran sewa tahunan yang tinggi. Apabila kampus-kampus UiTM diswastakan di enam kampus di seluruh negara.

Saya hendak Yang Berhormat Menteri terbabit jawab kerana ini satu pendedahan yang dimaklumkan kepada saya. Saya mendapat maklumat bahawa salah satu pemegang konsesi itu bagi UiTM Shah Alam, syarikat yang dimiliki oleh Tan Sri Rozali Ismail kini menghadapi masalah untuk menyempurnakan projek. Lalu, ada kes saman yang dibawa oleh satu kontraktor terhadap syarikat konsesi sudah sampai ke mahkamah.

Akan tetapi saya semak dan mendapat maklumat, walaupun yang disaman itu adalah syarikat konsesi milik Tan Sri Rozali Ismail yang menyamannya ialah kontraktor kepada syarikat konsesi, saya dibisik-bisikkan bahawa sudah ada arahan daripada Kementerian Kewangan supaya yang kena bayar ganti rugi kepada Tan Sri Rozali Ismail bukannya– minta maaf. Yang kena bayar ganti rugi kepada kontraktor yang menyaman bukannya syarikat Tan Sri Rozali Ismail, UiTM diarahkan menanggung bayaran ganti rugi itu.

Oleh sebab itu kita tidak pernah cukup duit. Sudahlah perjanjian berat sebelah. Bila ada masalah, kontraktor saman pemegang konsesi, kerajaan suruh bayar, UiTM yang bayar kepada subkontraktor!

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, sedikit. Ada dua helai lagi sahaja ini. Saya juga hendak tanya mengenai perkara yang sama. UiTM Puncak Alam juga, benar atau tidak kerajaan akan menganugerahkan projek penswastaan Hospital UiTM Puncak Alam juga kepada syarikat konsesi yang dimiliki oleh Tan Sri Rozali Ismail. Kalau kita tahu sudah tahu dia bermasalah, sampai masuk mahkamah, sampai kena bayar pampasan. Kalau yang tidak canggih macam kampus pun bermasalah, apatah lagi hospital yang pernah diumum sebagai hospital paling mahal dan paling hebat di Malaysia ini.

Saya mendapat maklumat begini Tuan Yang di-Pertua, penting ini untuk di dalam dan di luar dengar. Saya dimaklumkan bahawa perjanjian konsesi yang akan dianugerahkan itu melibatkan kos pembinaan hospital sebanyak RM599 juta sahaja. Saya pasti ramai Ahli Dewan sebelah sana pun tidak tahu, sebab itu sana hendak berkongsi. Kos RM599 juta, tetapi melalui perjanjian penswastaan konsesi ini, kerajaan terpaksa membayar jumlah RM8.2 bilion dalam tempoh 22 tahun. Kos RM599 juta, bayar konsesi RM8.2 Bilion. Duit siapa? Duit GST kita.

Baik, Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah amalan-amalan beginilah, keborosan, ketirisan, penyelewengan yang menyebabkan perbelanjaan kerajaan terus menaik. *"Ini bawa bala kepada rakyat!"*. Terutamanya apabila hasil negara jatuh merudum, apabila hasil seperti minyak mentah juga jatuh.

Jadi saya hendak gulung dan simpulkan begini. Mengambil kira semua ini, wajarlah rakyat di luar sana, marah dengan kepimpinan Yang Amat Berhormat Pekan. Bukan sahaja soal

1MDB, bukan sahaja soal RM2.6 Bilion. Akan tetapi soal kepayahan yang disebabkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan. Oleh sebab itu populariti beliau adalah paling rendah dalam sejarah di kalangan Perdana Menteri kita. Dalam bulan Ogos 2015, rakyat yang bersetuju dengan beliau hanya 23%. Maknanya hanya satu orang daripada lima orang rakyat di negara ini yang bersetuju dengan Yang Amat Berhormat Pekan. Empat orang tidak setuju. Baik dari sana, mahupun di sini.

Oleh sebab itu kita sebagai wakil rakyat, saya yakin kita perlu zahirkan suara rakyat tersebut di dalam Dewan yang mulia ini. Jadi saya hendak tutup, *landing* begini Tuan Yang di-Pertua, kalau suara rakyat dil luar empat daripada lima mahu yang Yang Amat Berhormat Pekan letak jawatan, kita perlu zahir dalam Dewan ini. Oleh sebab itu saya ajak rakan-rakan sebarang sana kali ini kita tolak belanjawan Yang Amat Berhormat Pekan supaya kita ada Perdana Menteri yang baru, *insya-Allah*, selepas sesi ini. Terima kasih, dan saya mohon dipertimbangkan. *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih, sila Yang Berhormat Sekijang.

### **12.35 tgh.**

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Pembekalan 2016 ataupun Bajet 2016 yang dibentangkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada minggu lepas. Kita tahu Bajet 2016 ini merupakan langkah pertama negara dalam memastikan segala pelan serta perancangan kerajaan seperti yang direncanakan melalui Rancangan Malaysia Kesebelas dalam mencapai matlamatnya untuk kita terus menuju ke wawasan 2020.

Bajet ini yang memperuntukkan sejumlah RM267 bilion bukan sahaja memperlihatkan keseimbangannya yang menepati keseluruhan sasaran. Malah adalah bersesuaian dengan keadaan fiskal serta kedudukan ekonomi semasa negara. Bajet 2016 yang bertemakan ‘Mensejahterakan Kehidupan Rakyat’ dilihat telah berjaya mengetengahkan sebilangan besar harapan serta aspirasi yang dimahukan oleh rakyat, baik yang tua ataupun yang muda, di bandar maupun di desa.

Saya dengan ini memberikan sekalung penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, walaupun tadi Yang Berhormat Pandan sebut macam-macam tapi saya kira ini adalah kaedah terbaik memberikan penekanan terhadap golongan berpendapatan rendah malah turut memperuntukkan sebahagian perancangan kepada golongan menengah yang sering kali dilihat begitu diberikan perhatian seperti yang sebelumnya. Sudah tentu perkara ini dinantikan oleh mereka dan boleh dikatakan dengan izin, *it's about the time.*

Tuan Yang di-Pertua saya teruskan perkara ini yang saya sampaikan. Fenomena lembap harga komoditi di Malaysia seperti kelapa sawit dan getah telah menyebabkan ramai pekebun kecil komoditi ini tertekan akibat daripada pendapatan dari hasil jualan yang tidak menentu. Usaha berterusan sama ada untuk jangka masa pendek dan panjang perlu kita lakukan bagi memastikan kepentingan pekebun kecil ini dapat dijaga dan terus kita sama-sama bela.

Untuk rekod, terdapat lebih daripada 532 ribu pekebun kecil getah di Malaysia yang ketika ini menghadapi masalah fenomena lembap harga komoditi tersebut. Keputusan kerajaan untuk mengguna pakai mekanisme pelaksanaan insentif pengeluaran getah pada awal tahun ini, sememangnya telah banyak membantu pekebun kecil dalam mengurangkan beban ekonomi selain ia mampu menambah pendapatan mereka.

Justeru, pengumuman oleh Perdana Menteri untuk meluluskan penggunaan mekanisme ini pada tahun hadapan adalah tepat. Memandangkan harga getah semasa masih tidak menentu. Keadaan naik dan juga keadaan turunnya.

Pertambahan 100% peruntukan dana IPG ini kepada RM200 juta berbanding dengan tahun ini sebanyak RM100 juta selain dari menaikkan paras harga pengaktifan IPG sama ada untuk getah SMR 20 mahupun getah skrap bukan sahaja membantu pekebun kecil malah mampu mengukuhkan pembangunan industri hiliran getah terutamanya dari segi memastikan bekalan bahan getah mencukupi bagi industri hiliran.

Namun begitu, saya berharap agar jawatankuasa pemantauan pelaksanaan IPG ini dapat terus memainkan peranan mereka secara tulus dan dinamik bagi memastikan dana yang diperuntukkan ini mencapai sasaran serta objektifnya selain memastikan tiada langsung bentuk penyelewengan dalam pelaksanaan.

Malaysia merupakan ahli kepada Persatuan Negara-negara Pengeluar Getah Asli ataupun ANRPC, juga harus secara berterusan menekan rakan-rakan ahli yang lain untuk terus mempergiat kerjasama bagi mengatur langkah untuk mengekang kejatuhan melampau harga getah dunia sehingga mendatangkan kesan negatif kepada ekonomi. Memandangkan pengeluaran getah asli Malaysia yang berjumlah 1.26 juta tan setahun bukanlah satu jumlah yang kecil dan sememangnya hasil daripada pengeluaran ini memainkan peranan yang penting dalam mencorakkan kedudukan ekonomi negara.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, agensi-agensi berkaitan getah di Malaysia seperti Lembaga Getah Malaysia dan juga RISDA juga haruslah bekerjasama rapat memikirkan kaedah baru yang lebih maju dan moden dalam usaha menghasilkan barang hiliran berasaskan getah sebagai langkah jangka panjang untuk menstabilkan harga getah di pasaran tempatan dan seterusnya mampu mempengaruhi harga pasaran getah kita di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, projek pembangunan bandar raya getah ataupun *rubber city* yang dicadangkan dibangunkan di Kedah dijangka mampu mewujudkan 20 ribu peluang pekerjaan baru selain mampu memberi impak ekonomi terhadap komoditi getah di Malaysia.

#### ■1240

Seperti yang saya sebutkan sebelum ini, pembinaan jalan raya menggunakan getah dijangka mampu memberikan sinar harapan baru kepada pengusaha ladang serta kebun getah di Malaysia. Jadi sudah tentu pembinaan jalan raya getah ini harus diuji tahap efisiennya. Maka sesuai dengan namanya, saya ingin mencadangkan agar *Rubber City* ini dapat dijadikan projek perintis bagi pembinaan jalan raya getah ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari getah kita beralih kepada kelapa sawit. Tidak banyak yang ingin disentuh mengenai kelapa sawit. Cuma saya ingin mengalu-alukan penubuhan Majlis Negara-negara Pengeluar Minyak Sawit (CPOPC) yang dipersetujui secara bersama antara Perdana Menteri dan Presiden Indonesia seperti yang diumumkan ketika lawatan rasmi beliau ke Jakarta baru-baru ini. Majlis tersebut dijangka akan diumumkan secara rasmi penubuhannya pada Sidang Kemuncak ASEAN di Kuala Lumpur 15 November depan adalah suatu yang tepat pada masanya bersesuaian dengan status negara kita dan Indonesia yang menguasai lebih 80% pengeluaran minyak sawit dunia.

Antara isu pokok yang diharapkan dapat dicapai melalui penubuhan majlis ini adalah berkaitan dengan kestabilan harga minyak, meningkatkan imej komoditi tersebut dan menyeragamkan dasar industri sawit. Penubuhannya juga diharap dapat membincangkan serta memperinci usaha-usaha dalam mempertingkatkan amalan persekitaran mampan di dalam industri minyak sawit, di samping dapat meningkatkan kerjasama dalam bidang penyelidikan dan pembangunan industri sawit itu sendiri. Ia juga membolehkan produk daripada hasil kelapa sawit dapat terus bersaing, terutamanya dengan negara Eropah dan juga negara-negara Barat.

Selain daripada itu, masalah jerebu yang melanda negara ini serta negara ASEAN yang disebabkan oleh pembakaran terbuka di Indonesia adalah berkait rapat dengan pembukaan hutan bagi membolehkan aktiviti perladangan dijalankan. Penubuhan majlis ini diharap dapat mencari satu formula serta solusi berkaitan perkara ini memandangkan masalah jerebu akibat daripada pembukaan hutan melalui pembakaran terbuka di negara jiran ialah isu saban tahun melanda negara kita. Ini termasuklah dengan menetapkan satu peraturan baru yang dipersetujui secara bersama antara negara anggota berkenaan berkaitan dengan pembukaan hutan bagi memberi laluan kepada aktiviti perladangan.

Selain daripada itu, agensi-agensi berkaitan juga diharapkan mampu memikirkan satu kaedah bagi membantu pekebun kecil dalam mengeluarkan hasil tanaman lain sementara menunggu tuaian hasil sawit ataupun getah. Pepatah ada menyebut, '*Berjagung-jagung dahulu sementara menanti padi masak*'. Kursus pendedahan tentang bagaimana pekebun kecil ini boleh menghasilkan produk tanaman lain untuk mendapatkan *side income* dengan izin, haruslah dilipatgandakan. Jika ini berjaya dilakukan, pekebun-pekebun kecil ini dijangka mampu mendapat pendapatan bulanan secara berterusan dan tidaklah bergantung sepenuhnya kepada tanaman sawit serta getah sedia ada.

Saya juga mengalu-alukan penambahan 50 lagi pasar tani dan mewujudkan 150 Agrobazaar Rakyat 1Malaysia oleh FAMA, yang mana harga barang dijual ialah dianggarkan 5% hingga 30% lebih rendah daripada pasaran. Maksudnya tiada GST ini. Di Sekijang, saya pernah mohon program seperti ini di tapak penyembelihan milik veterinar.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Sekijang.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Mohon juga jasa baik daripada pihak kementerian supaya dapat melihat perkara ini agar kita dapat mewujudkan agro besar, agro berkaitan dengan pertanian di kawasan Sekijang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bagan Serai bangun.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Berkaitan apa itu?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tadi sebut GST itu, saya hendak bangunlah.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Ya, silakan.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Boleh? Terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Saya bila sebut GST itu, bergegarlah saya terfikir. Boleh dikatakan Tuan Yang di-Pertua, satu 'NO' yang besar, satu 'TIDAK' yang besar. Kalau GST mendera rakyat - saya hendak tanya Yang Berhormat Sekijang, adakah 160 buah negara yang telah melaksanakan GST hendak mendera rakyat? Sudah sah sudah orang yang cakap ini memang tidak matang dan tidak faham ekonomi sebenarnya. Sebab GST adalah satu sistem *transfer taxes* untuk melayani *expenditures*, perbelanjaan rakyat. Kalau rakyat menggunakan, maka kita juga patut *consume and pay*. GST ini ialah mengikut strata *income* kita, yang kaya guna lebih, yang kaya bayar lebih. Kerajaan telah menyusunkan berbagai-bagai cara untuk menyelamatkan orang-orang yang tidak dapat berbelanja lebih dalam GST ini. Saya hendak tanya Yang Berhormat Sekijang, GST ini bagus atau tidak bagus?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Sekijang. Yang Berhormat Sekijang, sedikit. Sedikit sahaja.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Saya jawab dahulu.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** GST juga.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Biar saya jawab dahulu, sabar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Boleh jawab sekali.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Lepas saya jawab ini, saya beri kepada Yang Berhormat Kapar. Terima kasih sahabat saya dari Bagan Serai. *[Disampuk]* Bukan hendak jawab, hendak bantu jawab. Saya setuju dengan sahabat saya Yang Berhormat Bagan Serai. Saya sudah baca tadi daripada dua atau tiga muka surat, ada beberapa kebaikan. Contohnya, berkaitan kita minta insentif untuk bantu pekebun-pekebun kecil. Saya sebut pekebun kecil sebab saya datang dari kawasan luar bandar Yang Berhormat Bagan Serai. Saya tidak tahu lah Yang Berhormat Kapar. Oleh sebab itulah saya bersetuju jika sekiranya GST yang dikutip oleh kerajaan ini dapat kita gunakan untuk kebaikan rakyat, kalaupun bukan sepenuhnya kepada pekebun kecil, tetapi sekurang-kurangnya insentif itu dapat diberikan, saya rasa itu pun sudah cukup baik. Jadi, saya setujulah dengan GST itu dapat dikutip dan diberikan kepada rakyat.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Sedikit, sedikit sahaja. Yang Berhormat Sekijang, sedikit sahaja.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Kapar dahulu.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Ramai ini. Yang Berhormat Kapar dahulu.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya ataupun saya hendak menuntutlah, kalau dibenarkan GST ini ruang atau peluang untuk memilih hendak membayar atau tidak, saya rasa rata-ratanya semua rakyat akan memilih untuk tidak membayar GST. GST sekarang dibayar kerana terpaksa bayar. Kalau diberi peluang, memang tidak ada orang hendak bayar sebab tekanan hidup ketika ini, bukan tidak hendak membantu kerajaan. Kita tahu semua kerajaan perlu mengutip cukai untuk mentadbir negara tetapi dalam keadaan ekonomi yang tertekan, duit mata wang yang sedang menjunam, ekonomi yang parah, lagi kita bebankan rakyat dan menderitakan rakyat. Itu menjadi persoalan. Itu yang kena dijawab oleh Yang Amat Berhormat Pekan. Ulasan.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Yang Berhormat Kapar.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Yang Berhormat Sekijang.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Minta sedikit.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Sedikit sahaja Yang Berhormat Sekijang, sebab hendak tanya tentang komoditi. Sedikit sahaja.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Okey Dr.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Ini kerana saya rasa Yang Berhormat Sekijang mengakui bahawa beliau dari kawasan pengeluar getah dan kawasan luar bandar, maka beliau saya rasa paling baik untuk jawab soalan ini. Tadi ada Yang Berhormat sebelah sana membangkitkan bahawa merudumnya ringgit berbanding US Dolar, sangat menguntungkan orang kampung. Saya minta itu diulas sebab saya tidak faham dan tidak sempat hendak tanya tadi. Terima kasih.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Sedikit lagi Yang Berhormat Sekijang. Sedikit boleh? Sedikit sahaja.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Boleh, boleh.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Terima kasih. Yang Berhormat Sekijang, terima kasih. Isu saya hendak Yang Berhormat Sekijang tolong ulas balik yang disebut oleh Yang Berhormat Bagan Serai tadi, GST bagus atau tidak bagus, boleh atau tidak kalau kita berikan pandangan, kita kata bagus dan tidak bagus ini bukan hanya akal kita yang menentukan tetapi juga gabungan dengan syariat. Kalau kita lihat konsep zakat dalam Islam, zakat ini sistem cukai yang diambil berdasarkan pendapatan, bukannya perbelanjaan. GST berdasarkan perbelanjaan. Itu bezanya. Minta pandangan Yang Berhormat Sekijang.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Sekijang.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Sekijang, sedikit sahaja.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Beri saya jawab dahulu boleh?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sama sahaja, lebih kurang. Boleh jawab sekali.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Tidak apa. Saya rasa cukuplah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Masa tidak lama ini, ada lebih kurang dalam dua atau tiga minit. Saya banyak lagi hendak sebut ini.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ulas sekali sahajalah berkaitan dengan GST, berkaitan dengan ringgit dan sebagainya itu, semua perkara ini ada pro dan juga ada kontranya. Jadi, mana yang pro itu, kita rasa lebih baik untuk kerajaan, baguslah. Akan tetapi kalau mana yang kontra itu, mungkin ada beberapa perkara perlu menjadi teguran, saya rasa pihak kerajaan bersedia untuk memperbaiki perkara-perkara tersebut.

Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sentuh tentang penubuhan Majlis Perundingan Agropreneur Muda, antara lain berperanan menggalakkan penyertaan belia di bawah umur 40 tahun dalam bidang usahawan tani. Penglibatan golongan muda ini adalah sangat rendah iaitu sekitar 14% sahaja. Jadi suntikan RM70 juta yang diberikan di bawah program Agropreneur Muda ini, saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan. Ini dijangka akan dapat menarik lebih ramai lagi generasi belia yang berpotensi untuk mewujudkan golongan pelapis muda dalam sektor pertanian.

Agropreneur Muda ini juga bukanlah menjurus kepada aktiviti pertanian bercucuk tanam dan sebagainya, tetapi ia lebih kepada berasaskan kepada pertanian yang boleh diterokai oleh golongan muda seperti penternakan, perikanan dan juga pemasaran.

Justeru dengan kewujudan Majlis Perundingan Agropreneur Muda ini, ia mampu memberikan perhatian tentang bagaimana jumlah 14% ini dapat ditingkatkan lagi pada masa hadapan dan hasrat kerajaan untuk menyasarkan pendapatan petani-petani muda ini ataupun Agropreneur Muda ini mendapat pendapatan RM5,000 sebulan akan mendapat kejayaannya. Kita minta juga jasa baik daripada pihak kementerian supaya mempermudahkan urusan berkaitan dengan kelulusan dan pemberian geran, terutamanya berkaitan dengan Agropreneur Muda ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita sering kali mendengar kononnya parti pembangkang di Malaysia mengangkat aspirasi serta mewakili suara golongan muda serta belia di negara ini.

#### ■1250

Namun apa yang dilaungkan tidak langsung diterjemahkan melalui bajet alternatif mereka. Bajet alternatif yang tidak lebih daripada sekadar pandangan, bukan sahaja tidak memperuntukkan apa-apa untuk golongan belia, malah perkataan belia juga langsung tidak disebut dalam teks bajet mereka. Yang ada cuma perkataan golongan muda. Itu pun sekali sahaja disebut dan ia bukan dalam apa-apa bentuk peruntukan pun.

Justeru *Alhamdulillah*, Kerajaan Malaysia yang ada pada hari ini sentiasa mendukung aspirasi golongan muda. Ini terbukti apabila kerajaan memperuntukkan lebih RM930 juta kepada golongan ini melalui Kementerian Belia dan Sukan, serta agensi yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di Malaysia telah mula diasaskan lebih 40 tahun dahulu. Melalui dua buah institusi pada 1964, TVET kini terus berkembang dengan penubuhan lebih 500 institusi awam...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Sekijang, boleh sekejap sahaja?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Shah Alam bangun.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Berkenaan apa itu?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini fasal belia.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Ya, silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya rasa... Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Inilah masalah dia bila dianggap bahawa belia ini sukan. Belia ini hendak program-program yang seperti itu. Sebenarnya kebanyakannya daripada belia sudah tidak sokong dengan GST. Apa pandangan Yang Berhormat Sekijang mengenai itu?

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Pusing dia pergi kepada GST pula. Saya hendak sebutlah ini, hasil kutipan GST itu apa kebaikannya yang saya sebut ini tadi, dapat peruntukan RM930 juta untuk golongan muda. Kemudian ini, fasal TVET ini pun salah satu perkara yang baik juga. Sebab itu saya hendak sebut....

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Akan tetapi belia tidak setuju dengan GST.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Dia tidak setuju sebab pembangkang momokkan jadi perkara yang tidak baik.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Ketawa]*

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Kalau kita momokkan benda itu jadi perkara yang baik, memanglah orang muda akan setuju.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Akan tetapi katakan setuju...

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Dengar dulu Yang Berhormat Sekijang hendak bentang satu persatu...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Peka kepada kehendak belia, belia tak nak tolak lah....

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Dengar dahulu, dengar dahulu. Okey, untuk TVET ini, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, untuk rekod 164,000 orang pelajar telah memilih bidang berkaitan dengan kemahiran ini sebagai bidang pilihan mereka pada tahun 2013 berbanding 113,000 maksudnya sudah bertambah jumlah mereka yang berminat dalam bidang berkaitan dengan kemahiran ini. Peningkatan sebanyak 51,000 ini adalah satu jumlah yang besar.

Jadi selaras dengan sasaran negara melahirkan 900,000 orang pekerja berkemahiran TVET menjelang 2020, kerajaan dilihat memberi penekanan yang cukup tinggi melalui dana yang besar. Saya rasa kebanyakannya adalah golongan muda kepada pendidikan TVET dalam Bajet 2016 ini yang melibatkan peruntukan sebanyak RM1 bilion. Buat masa ini, tujuh kementerian mentadbir institusi berkaitan dengan TVET dan hampir semua kementerian ini menawarkan

kursus yang sama sejak penubuhannya dan tidak mempunyai bidang TVET yang khusus mengikut kepakaran. Ini telah menyebabkan sistem TVET di negara ini menjadi tidak bersepadan dan tiada sistem penarafan seragam antara penilaian prestasi institusi TVET awam itu sendiri.

Justeru, keputusan kerajaan untuk menubuhkan jawatankuasa ini untuk menyelaras program adalah suatu yang sangat tepat pada masanya serta antara perkara paling penting untuk kita realisasikan. Selain daripada itu, tadbir urus pendidikan TVET ini juga kini terletak di bawah dua bidang agensi, iaitu MQA dan JPK, di dua kementerian berbeza. Perkara ini telah menyebabkan timbul keraguan pihak industri dan awam berhubung kualiti program serta sistem pensijilannya sehingga menyebabkan rangka perjalanan bagi menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi menjadi terhad. Maka dengan penubuhan jawatankuasa kemahiran institusi ini saya mengharapkan perkara ini dapat diatasi seterusnya dapat meyakinkan lebih ramai lepasan SPM untuk memilih TVET sebagai bidang pilihan mereka bagi peringkat yang lebih tinggi.

Suntikan dana sebanyak RM350 juta, yang ini saya hendak ucap terima kasih kepada kerajaan kepada Perbadanan Tabung Pendidikan Kemahiran (PTPK). Sering kali saya berjumpa dengan rakan-rakan yang mengambil bidang kemahiran ini mereka minta supaya taraf PTPK ini dapat kalaupun tidak sama diberikan lebih seperti PTPTN. Ia juga diharap mampu menyelesaikan masalah kekurangan dana seperti yang pernah saya bangkitkan sebelum ini. Sudah tentu jumlah ini bakal menjadi pemangkin minat lebih ramai orang muda untuk mencebur入 bidang TVET memandangkan terdapat akses yang memudahkan mereka membuat pinjaman melalui PTPK ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu Nabi ada bersabda 9/10 rezeki adalah datang daripada perniagaan. Bajet 2016 memberikan beberapa peluang kepada orang muda serta belia yang mahu menjadikan perniagaan sebagai mata pencarian pendapatan mereka. Antaranya ialah Agropreneur Muda seperti yang saya sebutkan tadi, serta peruntukan dana sebanyak RM30 juta melalui beberapa buah agensi bagi membolehkan golongan muda ini menjalankan program keusahawanan. Generasi muda hari ini tidak lagi mahukan ikan semata-mata, malah mereka mahukan joran yang boleh digunakan untuk mengail. Apa yang penting melalui pengumuman Perdana Menteri ini adalah mengurangkan kerenah birokrasi serta mempermudah laluan kepada golongan ini bagi mendapatkan bantuan yang diperlukan.

Saya berharap kerajaan melalui agensi-agensi yang dapat peruntukan dana ini dapat mengadakan promosi serta hebahan yang lebih banyak agar ramai dapat mengetahui peluang-peluang yang disediakan ini. Tidak ramai orang muda yang mengetahui saluran-saluran yang ada untuk mereka ini kerana kurangnya hebahan yang dibuat. Selain daripada dana RM30 juta, belia di luar bandar juga turut berpeluang mendapatkan geran menjalankan perniagaan melalui *Rural Business Challenge* yang memperuntukkan peruntukan RM70 juta pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, dunia kini mengiktiraf peranan golongan muda. Baru-baru ini rakyat Kanada telah memilih seorang Perdana Menteri baru yang berusia hanya 44 tahun iaitu Justin Trudeau. Pemilik *Facebook*, Mark Zuckerberg merupakan orang muda terkaya di dunia yang

terbukti kejayaannya. Ini telah menunjukkan bahwasanya orang muda juga jika diberi peluang yang sewajarnya mampu menjadi ejen perubahan yang kritikal.

Malaysia juga tidak ketinggalan dalam mengangkat suara orang muda untuk diketengahkan sesuai dengan Pelan Transformasi Belia melahirkan lebih ramai orang muda yang berdaya saing tinggi. Seperti yang telah kita sedia maklum, Perdana Menteri ketika membentangkan Bajet 2016 sekali lagi telah menyatakan komitmen kerajaan untuk memastikan sekurang-kurangnya 30% penglibatan wanita di peringkat pembuat dasar baik di sektor awam mahupun swasta dapat dicapai. Namun begitu, suka atau tidak kita tidak menafikan betapa pentingnya untuk kerajaan melibatkan golongan muda secara lebih proaktif dalam proses membuat dasar dan juga keputusan.

Saya ingin mengingatkan negara kita kini berada di selekoh terakhir mencapai status negara maju. Maka dengan itu, negara sangat memerlukan idea segar dan lebih berbentuk moden dalam memastikan agenda negara ini dapat dicapai. Justeru, saya ingin mencadangkan agar golongan muda di negara ini turut diberikan tempat dalam peringkat membuat dasar dan keputusan sekurang-kurangnya sebanyak 20% baik dalam sektor awam mahupun swasta. Sudah tentu melalui idea serta gaya pemikiran baru dan segar, sistem penyampaian kerajaan dapat dipertingkatkan melalui penyertaan lebih ramai golongan muda ini. Sudah tiba masanya kita memberikan peluang kepada mereka selari dengan Pelan Transformasi Belia Negara yang dicanangkan selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, saban tahun bajet yang dibentangkan pastinya akan memberi penumpuan terhadap pembangunan infra dan juga kemudahan luar bandar terutamanya dalam usaha mempertingkatkan *inclusivity* selari dengan perkembangan ke arah negara maju. Ini termasuklah dengan merangsang aktiviti ekonomi yang berdasarkan pembangunan tanah dan juga sumber asli. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah mengumumkan pembinaan asrama penuh di dalam Daerah Segamat. Cuma cadangan membina sebuah MRSM di dalam kawasan Sekijang yang katanya dibentangkan pada RMKe-11 lalu dapat disegerakan kerana sudah tentu pembangunan kedua-dua projek ini bakal merancakkan lagi kedudukan sosioekonomi masyarakat setempat dan sekitarnya. Apatah lagi tanah milik MARA yang berjumlah 70 ekar itu jika terbinanya MRSM nanti, saya yakin bandar MARA yang dicanangkan untuk diwujudkan akan dapat dilaksanakan secara bersama.

Saya juga ingin meminta jasa baik daripada pihak Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja raya untuk memperlihatkan semula Fasa 1A yang merupakan sambungan pelebaran antara Segamat-Tangkak yang sepatutnya telah dapat dilaksanakan, tetapi oleh kerana masih belum dapat dilaksanakan oleh pihak JKR. Jadi kita minta jasa baik daripada pihak KKR supaya dapat melihat semula keperluan untuk melaksanakan projek Fasa 1A ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha memastikan legasi golongan muda terutamanya di tanah rancangan FELDA dapat dikurangkan. Saya menyambut baik pengumuman kerajaan untuk membina 20,000 buah rumah bagi generasi kedua FELDA selain pengurangan harga maksima daripada RM90,000 kepada RM70,000. Ini adalah peluang yang sememangnya dinantikan oleh

kami generasi kedua FELDA. Perdana Menteri juga turut mengumumkan peruntukan peruntukan RM200 juta bagi projek menaik taraf jalan raya di kawasan FELDA di seluruh negara.

Sejak ditubuhkan pada tahun 1956, FELDA kini mempunyai 11 buah wilayah yang merangkumi 317 bidang tanah rancangan di seluruh negara. Ini bermakna secara puratanya jika setiap tanah rancangan ini menerima peruntukan RM200 juta itu, sebanyak RM 630,000 bagi setiap projek menaik taraf jalan raya di setiap tanah rancangan FELDA. Terima kasih saya ucapan atas pengumuman peruntukan ini.

Selain daripada itu, jika dilihat keadaan semasa tidak banyak kenderaan awam yang melalui kawasan tanah rancangan FELDA di seluruh negara.. Mungkin kerana kurangnya permintaan serta kos pengendalian yang tinggi maka perkara ini terjadi. Namun begitu, kurangnya permintaan tidak bermakna ia tidak diperlukan. Keputusan kerajaan memperuntukkan RM67 juta bagi projek kenderaan bas MARA bagi kawasan-kawasan seperti ini adalah sangat dialu-alukan.

Saya mohon jasa baik daripada pihak MARA agar meneliti semula penarikan balik perkhidmatan bas MARA Linear di Felda Pemanis dan beberapa buah kawasan lain di kawasan FELDA dan juga kawasan kampung-kampung untuk menambah perkhidmatan tersebut dan dapat diteruskan pelaksanaannya.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga telah memperuntukkan RM150 juta bagi tujuan membina dan membaik pulih 11,000 buah rumah daif di luar bandar. Di kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua terdapat juga beberapa buah rumah yang berada dalam kawasan keadaan yang memang agak perlu diperbaiki pada kadar segera selain ia perlu dibina semula. Justeru, saya mohon agar sebahagian peruntukan kecil RM150 juta ini dapat disalurkan kepada rumah-rumah yang berada dalam keadaan yang memerlukan ini agar kualiti hidup mereka kita dapat pertingkatkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sekijang, panjang lagi?

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Sedikit lagi, akan tetapi minta...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kita boleh sambung selepas jam 2.30 petang ini.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah Yang Berhormat, kita tangguhkan mesyuarat kita sehingga jam 2.30 petang.

**[Mesyuarat ditempohkan hingga jam 2.30 petang]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempengerusikan Mesyuarat]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya jemput Yang Berhormat Sekijang untuk menyambung perbahasan. Lima, enam minit Yang Berhormat.

### **2.32 ptg.**

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung semula berkaitan dengan kos sara hidup. Keputusan kerajaan untuk menambah baik pelaksanaan sistem GST termasuklah dengan mengenakan cukai pada kadar sifar bagi produk ubat-ubatan terkawal sudah tentu melegakan ramai pesakit yang menderita penyakit kanser, kencing manis, darah tinggi serta sakit jantung.

Kita harus akui harga ubat bagi penyakit sudah semestinya tinggi dan dengan adanya GST ia menambah beban sedia ada mereka. Kadar sifar GST ini pastinya sedikit sebanyak mengurangkan kos perbelanjaan harian serta bulanan mereka...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: [Bangun]**

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** ...Dan lebihan dari wang tersebut dapat digunakan...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Sekijang.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** ...Untuk perkara bermanfaat lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bagan Serai bangun.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Boleh?

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Tentang GST?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ha, GST. Terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Saya terpanggil balik untuk cerita fasal GST yang sangat penting ini. Tentang ubat-ubat yang telah tidak dikenakan GST. Ini adalah benda-benda keperluan. Saya hendak tanya Yang Berhormat Sekijanglah, apa pendapat Yang Berhormat Sekijang sebab barang keperluan memang tidak kena GST. Barang-barang yang kemahuan baru kena GST. So ada beza dengan izin, *the needs and the wants*.

Orang kaya yang banyak kemahuan dia kena bayar lebihlah, dia kena lebihlah. Ini bukan dera. Lagipun agensi-agensi *rating* seperti *Fitch*, *Moody's* dan *Standard & Poor's* mengucapkan tahniah. *World Bank* mengucapkan tahniah atas keputusan negara kita mengadakan GST. Banyak sarjana dan juga *economist* dalam dunia ini menyatakan tahniah, *congratulate* kerana Malaysia mengenakan GST. Jadi Yang Berhormat Sekijang apa Yang Amat Berhormat Pekan buat adalah perkara yang berani, yang betul dan tepat pada masanya untuk menunjukkan Yang Amat Berhormat Pekan mementingkan rakyat dan masa depan negara.

Cuba bayang Yang Berhormat Sekijang kalau orang sebelah sanalah jadi *rating agency* maka banyaklah negara-negara yang akan diklasifikasikan sebagai dera. Jadi ini tidak betul. Jadi saya rasa salahlah – bukan Yang Amat Berhormat Pekanlah patut letak jawatan tetapi orang sebelah sanalah yang mengatakan benda ini tidak betul, ini yang letak jawatan. [Tepuk] Apa pendapat Yang Berhormat Sekijang.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Sudah macam Yang Berhormat Bagan Serai pula yang berbahas.

**Seorang Ahli:** [Ketawa]

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih sahabat saya dari Bagan Serai. Saya tertarik dalam perkataan yang beliau sebut itu tentang kehendak dan juga keperluan. Maksudnya barang yang dikatakan keperluan itu memang kita sasarkan untuk sifar GST tetapi barang yang dikatakan kehendak, contohnya barang yang sepatutnya tidak perlu kita beli tetapi kita hendak beli, memang patutlah kita kenakan GST. Terima kasih sahabat saya dari Bagan Serai.

Saya sambung berkenaan dengan BR1M. Pemberian BR1M yang diteruskan pada tahun hadapan sememangnya dinantikan rakyat terutamanya dengan golongan berpendapatan rendah dan juga miskin. Cakap-cakap pembangkang kononnya BR1M tidak langsung membantu golongan ini adalah satu tafsiran yang salah dan jauh terpesong daripada keadaan sebenar. Mungkin Ahli-ahli di seberang sana kebanyakannya menang di kawasan bandar, maka denyut nadi rakyat berpendapatan rendah di kawasan luar bandar kurang diketahui oleh mereka.

Saya bertanya kepada rakan-rakan terutamanya penduduk di kawasan saya sama ada ada BR1M yang diberikan kerajaan dapatkah membantu kalaupun bukan banyak sedikit mereka ini. Hampir semua jawapan yang diterima menyatakan BR1M sememangnya dapat membantu walaupun dengan jumlah yang diberikan tidaklah terlalu banyak. Purata penggunaan elektrik contohnya dan juga air bagi sebuah rumah keluarga miskin dan berpendapatan rendah di luar bandar adalah di antara RM60 hingga RM80. Secara puratanya setiap keluarga penerima BR1M menerima RM83 sebulan menerusi pemberian BR1M tersebut.

Jika wang tersebut digunakan untuk membayar bil elektrik serta air ini maka mereka tidak perlu lagi menanggung bil-bil ini selama setahun dan penggunaan mereka sepanjang tahun boleh dikatakan adalah percuma. Adakah itu dikatakan tidak membantu? Ada beberapa keluarga yang ditanya menyatakan walaupun selepas membayar bil mereka masih mempunyai baki yang membolehkan mereka membeli barang keperluan harian yang lain. Sekali lagi persoalannya adakah BR1M ini tidak membantu. Sudah tentu ia membantu. Terima kasih kepada kerajaan atas pelaksanaan pemberian ini. Ia sampai terus kepada mereka yang memerlukan dan ia memang membantu mereka terutamanya di kawasan luar bandar. Saya juga ingin...

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Yang Berhormat Sekijang. Yang Berhormat Sekijang, Hulu Rajang.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Sila Yang Berhormat Hulu Rajang.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Saya teringin kerana Yang Berhormat Sekijang mengenai BR1M. Saya baharu ketika menghantarkan duit BR1M ke hulu-hulu seperti Hulu Rajang ini, orang tua menangis, tangan bergegar kerana menerima duit BR1M yang telah diberi oleh kerajaan. Jadi saya berkata kepada mereka, "*Undilah Barisan Nasional untuk kita lebih banyak BR1M*". [Tepuk] Inilah satu daripada kebaikan pentadbiran atas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Jadi saya mohon Yang Berhormat Sekijang teruskan BR1M ini. Saya kata undi Barisan Nasional untuk terus menerus supaya BR1M ini sasarannya kepada rakyat di pendalaman. Terima kasih.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Yang Berhormat Hulu Rajang kita minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan untuk teruskan BR1M, bukan saya. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih atas keprihatinan kerajaan dalam memberi perhatian lebih kepada keluarga di bawah senarai eKasih. Saya rasa rakan-rakan yang menguruskan pengundi-pengundi di kawasan luar bandar memang ramai senarai eKasih ini.

Ini termasuklah dengan meneruskan Rancangan Makanan Tambahan ataupun RMT yang pada tahun hadapan merangkumi sekali dengan sarapan pagi. Tuan Yang di-Pertua kos keseluruhan RMT yang diperuntukkan pada tahun hadapan adalah sebanyak RM423 juta yang bakal membantu sebanyak 550,000 orang murid di seluruh negara. Pada tahun hadapan bilangan hari persekolahan adalah sebanyak 215 hari dan ini bermakna setiap murid yang mendapat bantuan RMT ini bakal mendapat peruntukan sebanyak RM3.50 sehari.

RM3.50 ini sebenarnya adalah satu jumlah yang sangat mencukupi bagi menyediakan makanan yang enak serta baik kualitinya. Justeru saya mengharapkan pihak kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia dapat menjalankan pemantauan menyeluruh dan berterusan terhadap kontraktor penyedia makanan RMT tersebut agar kualiti makanan yang disediakan adalah sesuai dengan harga yang dibayar. Pihak kementerian harus memastikan bantuan yang diberikan kerajaan ini benar-benar mampu membantu mengurangkan beban keluarga pelajar terbabit.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2016 yang mengetengahkan lima keutamaan di dalamnya dilihat telah menyentuh pelbagai aspek.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Boleh habiskan Yang Berhormat. Habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Sikit lagi. Apa yang penting ketika ini adalah keberkesanan sistem penyampaian kerajaan agar segala yang dirancang dalam dilaksanakan dengan baik dan telus. Oleh yang demikian pihak kerajaan perlulah sentiasa menjalankan pemantauan dan penambahbaikan sepanjang masa agar apa yang menjadi hasrat bagi kerajaan mahupun rakyat mendapat kejayaan yang sepatutnya. Sebagai langkah pertama dalam pusingan terakhir menuju status negara maju menjelang 2020, sudah tentulah Bajet 2016 ini bakal menjadi titik tolak sama ada wawasan negara yang diidamkan selama ini mampu tercapai atau tidak.

Oleh yang demikian, di sinilah letaknya kepentingan kerjasama antara kerajaan dan juga rakyat. Akhir kata Tuan Yang di-Pertua saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2016

seperti yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekian, terima kasih.  
[Tepuk]

■1440

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

**2.40 ptg.**

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. 1MDB merupakan isu saya rasa yang tidak henti disebut-sebut oleh semua pihak sama ada di sebelah sana atau pun di sebelah sini ataupun media tempatan dan juga media antarabangsa. Akan tetapi sampai hari ini walaupun pelbagai bukti dan juga dokumen-dokumen telah pun terbongkar yang jelas menunjukkan kesalahan ataupun penyelewengan ataupun pecah amanah telah pun berlaku dalam 1MDB tetapi perkara ini masih tetap dinafikan tanpa bukti yang disampingi oleh pihak 1MDB sama ada presidennya Encik Arul Kanda ataupun menteri-menteri di sebelah sana.

Saya hendak tumpukan kepada satu contoh yang paling jelas sekali yang langsung tidak masuk akal yang berlaku dalam 1MDB dan kita minta penjelasan daripada Menteri Kewangan supaya perkara ini dapat diperbetulkan. Kalau saya di sini ataupun rakan-rakan saya di sini salah dari segi maklumat ataupun butiran-butiran, sila perbetulkan supaya kebenaran dapat diberitahu kepada orang ramai. Kita lihat 1MDB telah pun mendapat pinjaman USD3.5 bilion pada tahun 2012 bulan Mei dan juga bulan Oktober bagi tujuan untuk membeli dua buah syarikat penjana kuasa bebas iaitu Tanjong dan juga Genting Sanyen, USD3.5 bilion. Pembelian itu saya tidak ada masalah, harga tinggi sedikit itu perkara lain tetapi USD3.5 bilion ini telah pun diperolehi melalui Goldman Sachs melalui *issuance of bond*, pengeluaran bon.

Kita sudah tahu sebelum ini lebih kurang 10% daripada jumlah tersebut dibayar kepada Goldman Sachs sebagai dengan izin, *certain commission fees and charges*. Ini merupakan kadar yang cukup tinggi kerana bon-bon yang serupa oleh syarikat-syarikat kerajaan di negeri setaraf dengan Malaysia hanya membayar kadar lebih kurang 0.1% sehingga 0.2% daripada nilai bon yang dikumpul. Akan tetapi 1MDB bayar lebih kurang 10%, 9% iaitu USD300 juta daripada USD3.5 bilion. Tidak mengapa.

Untuk memperoleh bon ini, Kerajaan Persekutuan tidak memberikan sebarang jaminan. Itu perkara baik, kita sokong tetapi pada masa yang sama walaupun 1MDB tidak dapat jaminan daripada Kerajaan Malaysia oleh sebab mereka tidak dapat sokongan daripada pihak pelabur di luar, mereka terpaksa mencari syarikat lain untuk memberikan jaminan. Mereka mendapat jaminan yang diberikan oleh anak syarikat kepada Kerajaan Abu Dhabi iaitu International Petroleum Investment Corporation. Wah! Baik. Kerajaan Malaysia tidak bagi jaminan, anak syarikat kerajaan lain yang bagi jaminan macam sahabat yang paling baik sekali, paling akrab sekali tetapi ada syarat-syarat, bukan percuma. *It's not good will, nothing to do with good will.*

Syarat apa? Sebanyak 40% daripada dana yang dipinjam terpaksa diletak dengan IPIC iaitu lebih kurang USD1.4 bilion. 1MDB tidak boleh sentuh wang tersebut. Tidak ada faedah yang dibayar kepada 1MDB oleh IPIC, percuma kepada IPIC. Kita bayar faedah, IPIC dapat menggunakan wang tersebut. Okey, tidak mengapa.

So, USD3.5 bilion tolak USD300 juta, USD3.2 bilion tolak lagi USD1.4 bilion tinggal USD1.8 bilion sahaja yang boleh diguna pakai oleh 1MDB. Tidak mengapa. Akan tetapi selain daripada USD1.4 bilion yang diletakkan dengan IPIC ada lagi diberikan kepada IPIC opsyen bagi anak syarikat IPIC iaitu Aabar Investment untuk membeli anak-anak syarikat 1MDB yang baru Powertek Investment yang memegang saham Tanjong dan juga 1MDB Energy (Langat) yang memegang saham Genting Sanyen, 49% daripada syarikat-syarikat itu.

So, selain daripada bagi deposit USD1.4 bilion, bagi lagi opsyen kepada IPIC untuk membeli 49% daripada kedua-dua syarikat 1MDB ini. Masalah tiba, apa jadi? 1MDB sekarang hendak menyenaraikan syarikat-syarikat tenaga mereka. Tidak dapat senarai kerana opsyen diberikan kepada Aabar Investment terpaksa pula untuk membatalkan opsyen tersebut ataupun membeli balik opsyen tersebut.

Untuk membatalkan opsyen tersebut dan pampasan pula kena dibayar kepada IPIC ataupun Aabar. Apakah pampasan yang dibayar oleh 1MDB kepada IPIC atau Aabar? Kita tidak tahu. Ada tertulis dalam laporan audit 1MDB di mana lebih kurang USD1.2 bilion yang ditebus daripada *Cayman Islands* iaitu setengah daripada dana yang ada di *Cayman Islands* ditebus pada awal bulan November terus sebahagian besar darinya lebih kurang USD1 bilion dibayar kepada Aabar untuk membatalkan opsyen tersebut.

Itu yang dilaporkan dalam Laporan Audit 1MDB. Akan tetapi apa yang tidak dilaporkan dalam laporan audit yang berlaku, yang diketahui semua adalah pada bulan September sebelum November itu 1MDB telah pun meminjam sebanyak USD975 juta daripada Deutsche Bank ataupun bank-bank yang diketuai oleh Deutsche Bank bagi tujuan yang menebus opsyen tersebut. So, dua kali kena bayar kepada IPIC.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, are you extracting laporan audit yang dibuat oleh Ketua Audit?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Bukan, Laporan Audit Syarikat 1MDB, bukan Laporan Audit PAC minta maaf. Laporan audit yang disebut tadi adalah Laporan Audit 1MDB bertarikh Mac 2014.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Baik.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya tidak akan sentuh apa-apa PAC punya barang, jangan bimbang. Saya pun takut nanti kena tendang keluar. *[Ketawa]* Okey, so sekarang macam ada dua bayaran kepada IPIC. USD1 bilion melalui dana yang diperolehi daripada *Cayman Islands*, USD1 bilion lagi melalui pinjaman yang dibuat melalui Deutsche Bank. USD2 bilion bayar. Adakah USD2 bilion dibayar untuk menebus opsyen tersebut?

Saya tanya Menteri Kewangan semalam meminta supaya jumlah bayaran yang telah pun dibuat oleh 1MDB untuk menebus opsyen, apakah jumlahnya dan jawapan tidak jawab. *Just give*

*the number. I'm not asking for sama ada baik atau tidak baik. Saya minta angka sahaja berapa yang dibayar untuk tebus? Tidak jawab langsung.*

So, kita sekarang kalaularah USD2 bilion itu telah pun dibayar fikirkan. Tadi saya sudah tolak USD3.5 bilion tolak USD300 juta, tolak USD1.4 bilion, tolak lagi USD1 bilion yang dibayar melalui Cayman, tolak lagi USD1 bilion yang dibayar melalui Deutsche, negatif. *USD1.8 minus USD1, minus USD1 lagi, negatif USD200 juta.* 1MDB pinjam USD3.5 bilion dapat negatif USD200 juta. Macam mana? You pinjam wang untuk beli rumah, pinjam RM1 juta selepas itu sebelum beli rumah RM1 juta sudah hilang.

**Seorang Ahli:** Malaysia boleh.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Mana boleh macam itu. So, kalau bukan kedua-dua USD1 bilion itu dibayar, kedua-dua USD1 bilion itu hanya merupakan USD1 bilion sahaja iaitu Laporan Audit 1MDB pada bulan Mac 2014 telah pun dipalsukan.

#### ■1450

*It is false accounting* yang mungkin sebenarnya tidak dituntut, ditebus daripada Cayman Islands untuk bayaran *options* sebab sudah tidak ada wang di Cayman Islands. Wang yang digunakan adalah wang daripada Deutsche Bank dan secara pelik sekali, pengurusan 1MDB tidak melaporkan bahawa 1MDB telah pun meminjam sebanyak USD975 daripada Deutsche Bank. Tidak ada dalam Laporan Audit walaupun ia dalam masa diaudit oleh Deloitte dan Deloitte tidak tahu.

So, ini merupakan satu muslihat daripada 1MDB. Apa yang lagi pelik, Laporan Audit yang telah pun difailkan dengan Suruhanjaya Syarikat pada bulan November 2014 ada sebut jumlah yang ditebus daripada Cayman Islands sebanyak RM1.22 bilion dengan izin, “...is substantially set-aside to pay for Aabar Offshores”. Akan tetapi Laporan Audit yang telah pun diberikan kepada bank-bank yang buat pinjaman seperti Maybank, RHB Bank, Alliance Bank telah pun dipalsukan.

Apa yang disebut sebagai ‘*substantially set-aside to pay for Aabar Offshores* ditukar menjadi ‘*substantially set-aside*’. So, apa yang ditulis dalam Laporan Audit kepada SSM adalah ‘*substantially utilised to pay for options*’. Apa yang dibagi kepada bank adalah *substantially set-aside to pay for options*. Ini merupakan satu perbezaan yang cukup besar. Satu kata wang sudah habis digunakan dan satu lagi kata wang masih ada, akan digunakan untuk pembayaran kepada bank-bank dan lain-lain.

Sampai hari ini tidak ada penafian daripada pihak 1MDB, kenapa? Saya bukan tanya masalah yang cukup rumit, susah hendak jawab. Jelaskan sahaja, bagi angka, ada atau tidak dokumen yang diberikan kepada bank itu dipalsukan dengan perkataan-perkataan yang saya telah sebut? Katakanlah memang dipalsukan hanya ada RM1 bilion sahaja yang telah pun dibayar kepada IPIC, bukan RM2 bilion, RM1 bilion sahaja. So RM1.8 bilion tolak RM1 bilion, 1MDB masih boleh pakai lebih kurang USD800 juta.

Akan tetapi bila kita lihat Laporan Audit syarikat IPIC yang dilaporkan di *London Stock Exchange*, ada Laporan Audit yang dibuat oleh Ng Shen Yang, bukan syarikat audit kucing

kurap. Dalam Laporan Audit Ng Shen Yang itu ada tertulis bahawa pada bulan Disember 2014, 1MDB masih lagi hutang sebanyak USD481 juta kepada IPIC. Maksudnya, walaupun 1MDB telah bayar RM1 bilion kepada IPIC, masih lagi hutang USD481 juta.

So, kalau kita lihat USD800 juta yang tinggal, tolak lagi USD481 juta, hanya USD320 juta yang tinggal untuk dapat digunakan oleh 1MDB. Pinjam 3.5 bilion, hanya boleh guna tidak sampai 10% daripada dana tersebut. Macam mana hendak *explain*? Kalau boleh *explain*, tolong *explain*, sebab saya tidak faham macam mana satu institusi kerajaan ataupun anak syarikat kerajaan boleh buat pinjaman 3.5 bilion dolar tetapi hanya dapat USD320 juta untuk guna dan yang lain tidak, tidak tahu pergi mana. Ini lebih teruk daripada apa yang orang Cina kata pinjaman along.

Sekarang 1MDB kata “*Jangan bimbang. Kita ada pelan rasionalisasi*”. We have *rationalisation plan*, jangan bimbang. Asalkan kita jual semua aset penjana kuasa, kita akan dapat selesaikan masalah pinjaman. Saya tanya kepada pihak sebelah [*Merujuk kepada blok kerajaan*] jumlah yang dipinjam oleh 1MDB untuk membeli aset tenaga. Mereka beli aset tenaga adalah dengan harga RM12.1 bilion, RM12 bilion singkat, RM12 bilion. Syarikat Tanjong, Syarikat Genting Sanyen dan Syarikat Jimah, tiga buah syarikat RM12 bilion. Mahal tidak apa, kira RM12 bilion. Yang dipinjam untuk beli RM12 bilion ini adalah USD3.5 bilion yang saya sebut tadi, tambah lagi RM8 bilion.

Kalau ikut kadar penukaran RM4 bersamaan USD1, USD3.5 bilion itu adalah RM14 bilion. RM14 bilion itu campur lagi RM8 bilion, jumlah yang dipinjam adalah RM22 bilion. Pinjam RM22 bilion untuk bayar aset yang dibeli RM12 bilion. *Where is the balance?* Wang semua sudah digunakan. *Where is the balance?* Kalauolah 1MDB berjaya menjual semua aset tenaganya dengan harga yang dibeli, sepatutnya harga sudah kurang sebab tempoh konsesi sudah lebih pendek, sudah dua tahun lepas sudah. Sudah lebih pendek, harga aset tenaga ini sepatutnya lebih kurang.

Tidak apa. Katakan ada orang bodoh, harap bukan Tenaga beli daripada 1MDB dengan harga asal RM12 bilion, bayar 1MDB. 1MDB selesaikan hutang RM12 bilion tetapi pinjaman yang dibuat untuk beli aset-aset ini ialah RM22 bilion. Masih ada baki RM10 bilion yang tidak dapat diselesaikan. So, I do not understand the rationalisation plan. Belum dijelaskan macam mana penjualan aset sebanyak RM12 bilion. Apa yang dalam buku hanya RM11 bilion sahaja boleh ataupun dapat menyelesaikan hutang, hutang yang diambil untuk membeli aset-aset ini iaitu lebih kurang RM22 bilion.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Indera Mahkota bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Cepat ya.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Sedikit sahaja soalannya. Saya hendak tahu, jadi pinjam RM22 bilion, guna RM12 bilion, RM10 bilion lagi mana? Saya tanya siapa yang salah ini? DAP kah atau Anwar Ibrahim yang salah? *[Ketawa]*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Salah DAP, salah Anwar Ibrahim, salah Tony Pua kerana kita bangkitkan isu ini. *[Tepuk][Dewan riuh]* Kalau tidak bangkit orang tidak tahu. Kita bangkit, kita yang salah.

Satu lagi 1MDB kata kita telah pun berjaya menyelesaikan hutang sebanyak lebih kurang USD4.5 bilion. Macam mana dia selesaikan? Dia kata, “*IPIC telah pun membuat bayaran awal USD1 bilion untuk mengambil alih aset daripada 1MDB*”. Okey, IPIC bayar USD1 bilion kepada 1MDB tetapi bila kita melihat perjanjian yang sebenarnya dibuat antara 1MDB dengan IPIC, ia berbunyi sebegini kerana ia dilaporkan di *London Stock Exchange*.

Dengan izin, saya bacakan. “*On 4th of June 2015, IPIC provided USD1 billion to 1MDB for 1MDB to utilise immediately to settle certain liabilities*”. IPIC bayaran awal USD1 bilion kepada 1MDB. “*On 5th of June, IPIC has assumed the obligations to pay (on an interim basis) all interest due under two loans IPIC guaranteed 1MDB financing amounting to USD3.5 billion in aggregate principal amount*”.

Perkara ketiga, “*Upon the completion of the transfer of assets as described below, IPIC will directly assume liability for all payment obligations under the notes and forgive certain financial obligations of the 1MDB Group to the IPIC Group*”. Maksudnya, 1MDB memang ada hutang kepada IPIC. 1MDB kata tidak ada tetapi memang ada. Di sini sudah tulis jelas ada hutang kepada IPIC. Hanya kalau 1MDB berjaya menukar milik aset-aset tertentu kepada IPIC, pada suatu masa nanti, hutang-hutang ini akan dilupuskan oleh IPIC.

Okey, *all the three points above* apa maksudnya? Maksudnya, IPIC setuju untuk mengambil alih aset lebih kurang USD4.8 bilion daripada 1MDB. Wah! Baik, memang baik. Kalau berjaya memang baik tetapi apakah syaratnya? *By 30th of June 2016, IPIC is to have received a transfer of assets with an aggregate value of an amount which represents the sum of the Cash Payment, the Assumption of Debt and the Debt Forgiveness*.

#### ■1500

Syaratnya, 1MDB perlu pada 6 Februari 2016, tahun depan, bukan sekarang, tahun depan, menukar milik aset yang bernilai USD4.8 bilion kepada IPIC. *This is not free money*. Belum selesai lagi. Arul Kanda kata sudah berjaya. Mana berjaya? Aset belum *transfer* lagi. Hanya ada panjangkan masa kepada 1MDB untuk mencari aset bernilai USD4.8 bilion untuk bagi kepada IPIC. IPIC hanya buat bayaran awal kepada 1MDB sahaja. Percumakah? Bukan.

Saya baca lagi... *[Membaca petikan]*

“*1MDB and MoF...*” – Kementerian Kewangan “...*Have agreed to perform the obligations contemplated in the Binding Term Sheet and to indemnify IPIC and Aabar for any non-performance in the matter.*”

Maksudnya, kalau datangnya 30 Jun 2016 1MDB gagal memberikan aset yang bernilai USD4.8 bilion kepada IPIC, ganti rugi perlu dibayar. Oleh siapa? Oleh MoF. Ini merupakan Kerajaan Malaysia telah pun memberikan jaminan kepada IPIC bahawa kalau 1MDB gagal, Kerajaan Malaysia akan tanggung hutang USD4.8 bilion itu. *[Disampuk]* Itulah GST.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan isu-isu, angka-angka, fakta-fakta yang tidak didoktorkan. Saya gunakan semua dokumen tulen yang disenaraikan di *London Stock Exchange* dan yang difaiklan oleh 1MDB kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Angka-angka ini semua ada dekat dalam.

Kalau saya sebagai seorang Ahli Parlimen yang tidak pernah belajar undang-undang ataupun *accounting* dapat bangkitkan angka-angka ini, saya hendak tanya, kenapa pihak penguat kuasa sampai hari ini tidak dapat meneliti ataupun menilaikan perkara-perkara ini dalam dokumen-dokumen ini? Apa polis buat? Apa MACC buat? Semua macam ikat tangan, ikat kaki sahaja. Buat tak tahu.

Saya hendak bangkitkan satu perkara lagi. Ini dibonggar oleh pihak *Sarawak Report*. Minit mesyuarat lembaga pengarah dalam 1MDB dan diperakui oleh Arul Kanda walaupun perakuan dia berbunyi macam tulen. Dia tidak kata tulen ataupun benar, dia kata macam benar. Macam takut hendak sebut ia benar. Macam benar, tapi saya tahu kalau tidak benar, cakap tidak benar sudah.

Dalam minit-minit mesyuarat itu, jelas lembaga pengarah marah kepada pegawai-pegawai eksekutif 1MDB kerana telah pun menandatangani perjanjian dengan Syarikat PetroSaudi pada 28 September 2009 tanpa keizinan ataupun kelulusan daripada lembaga pengarah. Lembaga pengarah hanya memberikan nasihat dan juga syarat-syarat yang perlu ditetapkan sebelum perjanjian dibuat. Akan tetapi, pegawai-pegawai eksekutif daripada 1MDB terus tandatangan. Mereka berjumpa dengan 1MDB pada 23 September. Kemudian pada 28 September, perjanjian ditandatangani, dan pada 30 September, wang dikeluarkan untuk bayar USD1 bilion. Bukan angka yang kecil, USD1 bilion.

Apa lagi? Dalam minit mesyuarat ini terbukti bahawa 1MDB telah pun membuat bayaran sebanyak USD700 juta kepada pihak yang tidak diluluskan oleh lembaga pengarah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Sungai Petani bangun. Ya, *five minutes more*.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, saya hendak tanya. Ini bermaksud pegawai-pegawai mengambil keputusan tanpa kelulusan *board* dan ini *is illegal*. Adakah itu maksud Yang Berhormat Petaling Jaya Utara? Ini ialah keputusan yang *illegal*. Terima kasih.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Ini jelas merupakan keputusan yang salah dalam sudut undang-undang dan pada saya dan saya rasa semua rakan-rakan yang ada di sini, di sebelah sana dan di sini, merupakan *criminal breach of trust, CBT*. Jelas.

Ketua Eksekutif pada masa itu Datuk Shahrol Halmi telah pun meluluskan bayaran USD700 juta kepada pihak yang tidak diiktiraf ataupun dipersetujui oleh lembaga pengarah, yang kita tahu bayaran itu dibuat kepada *Good Star Limited* yang dikuasai Low Teck Jho ataupun lebih dikenali sebagai Jho Low yang merupakan penasihat kepada Pengurus Penasihat Lembaga 1MDB iaitu Yang Amat Berhormat Pekan sendiri. Kenapa sampai hari ini Datuk Shahrol Halmi masih belum disiasat? Jelas dari minit, jelas. Dan *board of directors* marah, dua minggu

kemudian, *The Star* ada buat laporan, Penggerusi 1MDB, Dato' Mohd Bakke, sekarang CEO kepada Sime Darby, letak jawatan, marah. Tiga bulan kemudian, bekas penggerusi kepada EPF, Datuk Azlan Zainol letak jawatan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Itu ada prinsip itu. *People of integrity.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** So, kita hendak tahu, kenapa tidak ada tindakan langsung? Sudah ada bukti-buktii jelas, minit jelas.

Apa lagi dalam minit? Penipuan dibuat kepada lembaga pengarah. *The Executive Director*, Pengarah Eksekutif bagi 1MDB masa itu Casey Tang. Dia sebut kita buat pelaburan bersama dengan PetroSaudi kerana PetroSaudi merupakan anak syarikat kepada Kerajaan Saudi Arabia, yang langsung tidak benar. Syarikat PetroSaudi merupakan sebuah syarikat yang hanya ada *paid-up capital* tidak melebihi USD300,000 tapi boleh dapat pelaburan sebanyak USD1 bilion daripada 1MDB.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Ya, Yang Berhormat Bayan Baru. Saya akan habiskan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Saya hendak tanya Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, siapa yang lebih besar, Pengarah atau *Chairman 1MDB Board* atau Penasihat 1MDB? Siapa yang lebih berkuasa? Hendak mintak penjelasan Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Yang paling berkuasa sepatutnya merupakan lembaga pengarah. Akan tetapi, sama ada, ada *interference* daripada pihak-pihak yang lain, saya terpaksa menunggu siasatan daripada PAC yang selama ini telah pun tergendala. Kita harap siasatan ini akan dapat disambung semula secepat mungkin dengan penuh hasrat yang *sincere*, murni.

So, akhir sekali, saya hendak sebut, perkara ini kalau tidak diatasi memang menjelaskan ekonomi Malaysia. Persepsi wujud adalah disebabkan kemelut 1MDB sebegini. Jangan salahkan persepsi. Persepsi tidak terbangkit tanpa asas. *There is no smoke without fire and the fire here is burning like an inferno.* Hanya tidak nampak saja sebelah sana. Kita harap kerajaan akan mengambil langkah untuk mengatasi masalah ini. Mengatasi masalah ini bukan maksudnya *swept under the carpet*. Mengatasi masalah ini maksudnya pihak yang bersalah diambil tindakan di mahkamah supaya Malaysia sekali lagi boleh *stand with our heads up* bahawa kita ada undang-undang, kita ada *governance* dan kita tidak sekali pun tunduk kepada penyelewengan dan rasuah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Labuan.

**3.09 ptg.**

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahaskan Bajet 2016 yang baru saja dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kita.

**■1510**

Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Malaysia yang telah dapat menyiapkan satu bajet yang...

**Seorang Ahli:** Cukup baik!

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Cukup baik. Pandai. Komprehensif, realistik, sesuai dengan keadaan semasa.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang tidak ada tandingan di dunia!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Ini bukan perkara baru sebenarnya. Setiap tahun. Dari satu tahun ke satu tahun... *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Hasilnya ialah kita telah mencapai satu negara yang cukup impresif. *[Disorak]* Kalau dibandingkan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Diam Ahli Yang Berhormat ya.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Bagi saya panas sikit.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Labuan. Boleh penjelasan?

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Tunggu dulu, tunggu dulu. Nanti kasi. Bajet yang dibentangkan setiap tahun memang selalunya (*always*) *realistic, achievable* dan sama juga dengan ini. Setelah kita melihat keadaan semasa, keadaan global, keadaan cabaran di dalam dan di luar, memang hebatlah. Hebat negara kita.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Labuan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rasah bangun, Yang Berhormat. Hendak bagi Yang Berhormat Rasah?

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Kita adalah sebuah negara yang mempunyai sistem yang sentiasa diperbaiki. Ada *check and balance* dan boleh ditegur. Boleh ditegur. Tidak ada masalah dan saya ucapkan terima kasih. Banyak teguran yang baik-baik dari sebelah sana. Tidak semua oranglah. Tidak semua sebab teguran yang baik selalunya akan mendapat reaksi yang baik juga.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Akan tetapi Yang Berhormat Pagoh kena pecat dari kerajaan. Yang Berhormat Pagoh kena pecat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Hendak bagi jalankah?

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Akan tetapi kalau teguran itu ialah teguran yang tidak ikhlas, lebih-lebih dan bertujuan jahat, maka selalunya akan mendapat reaksi yang ekstrem juga. Jadi, ini tidak baik untuk negara kita sebenarnya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Labuan. Yang Berhormat Labuan, boleh tanya atau tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, hendak bagi Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat?

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Jadi, pemberian negara ini perlukan...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Labuan, sikit sahaja. Sikit sahaja.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** *[Bangun]*

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ramai yang bangun. Hendak bagi jalankah, Yang Berhormat?

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Peningkatan kepada penambahbaikan ini perlu diadakan *in the both sides*. Sana pun kena penambahbaikan. Bagi pembangkang yang lebih baik dan yang sini pun kena terima teguran.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Labuan, Yang Berhormat Labuan.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Kita bukannya kerajaan yang sempurna.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Hendak sokong ini. Hendak sokong ini.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Banyak juga ruang-ruang yang perlu diperbaiki. Kita akui.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh sikit?

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Mukadimah pun tidak habis lagi. Tunggulah!

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak apa. Mukadimah pun tidak apa. Bolehlah.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Boleh minta laluan?

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Tunggu dulu, tunggu dulu, tunggu dulu.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Labuan, hendak sokong sikit. Hendak sokong ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Duduk, Yang Berhormat. Tidak bagi jalankah itu. Tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Memang sesuatu yang kita perlukan sangat untuk kita mencapai negara maju.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar, duduk Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Selepas ini ya. Selepas ini ya.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Ingin sangat untuk mencapai negara maju dan memang berpotensi. Memang boleh capai. Jadi, dalam keadaan global sekarang, perlu memperteguh ketahanan ekonomi negara. Meningkatkan produktiviti, inovasi dan teknologi hijau. Ini mesti untuk jadi negara maju. Mempersiap siaga modal insan. Memperkasa agenda bumiputera, meringankan kos sara hidup rakyat. Memang lima perkara yang paling penting untuk ditekankan untuk lima tahun akan datang ini bermula dengan tahun ini.

Seperti saya katakan tadi, walaupun baik, walaupun impresif, bukan semestinya tidak boleh ditegur. Memang perlu ditegur. Memang perlu ditegur supaya ia menjadi bertambah baik. Saya pun sebenarnya ingin mengambil peluang di sini untuk memperingatkan perkara-perkara yang saya rasakan tidak ada seorang pun di sini yang akan memperingatkan. Benda yang *passionate* bagi saya. Sama juga macam tadi Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Dia ada *passion* dia, topik dia. Saya juga ada.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Tidak. Ini saya hendak bercerita mengenai *the Federation of Malaysia*. *[Disorak]* Malaysia ini dibentuk sebagai sebuah federasi, dulu berasaskan sudah ada satu federasi. Waktu itu *Federation of Malaya* dan pada tahun 1963, setelah perundingan demi perundingan dan setelah mengambil kira macam-macam faktor, maka Malaysia dibentuk bersama dengan Singapura, Sabah, Sarawak, Brunei sikit-sikit lagi tetapi tidak jadi. Semasa pembentukan itu dibuat, kita dapat lihat juga sebenarnya kerisauan di sebelah pihak yang sebelah Borneo terutamanya. Sabah dan Sarawak dengan mana diadakan penambahbaikan ubah suai *constitution*, termasuklah dengan mengadakan *Malaysia Agreement 1963*. Di mana di sana juga kita dapat lihat dan membayangkan bahawa kerisauan ataupun *feeling of insecurity* itu, dengan izin, memang ada dan memang nampak.

*Lately*, baru-baru ini pun kita macam banyak terdengar. Kita terdengar berbagai-bagai suara. Ada yang ekstrem, ada yang *reasonable* hendak melihat balik (*revise*) *Malaysia Agreement 1963*. Adakah *complied* atau tidak selama ini. Ada juga mengatakan Sabah dan Sarawak ini perlu diberikan autonomi yang memang sudah menjadi persetujuan semasa *Malaysia Agreement 1963* tetapi ia mula terhakis. Permintaan-permintaan dan kita juga dapat melihat pihak Kerajaan Persekutuan telah mula sedar dan melihat mungkin memang perlu perhatian yang lebih diberikan. *Alhamdulillah* kesedaran itu pun datang tetapi perlu diingatkan juga bahawa perkara ini adalah perkara yang sangat penting.

Ini kerana secara fizikalnya, secara geografinya pun Malaysia ini terbahagi kepada dua tanah yang terpisah begitu luas oleh Laut China Selatan. Jadi, sebenarnya memang perlu kita adakan langkah-langkah penting untuk memastikan *federation* ini akan terus menjadi kukuh dan bukan menjadi rapuh. Dengan adanya gerakan-gerakan yang merasakan ia lebih baik sampai ada ekstrem yang mahu jadi *independent*. Akan tetapi apa yang kita mahukan adalah Malaysia yang terus kukuh dan bersatu padu walaupun dua wilayah ini terpisah begitu jauh.

Jadi, apa yang saya ingin perkatakan di sini lagi ialah pada tahun 1984, satu keputusan yang besar, satu langkah yang besar atau *a big friendship gesture*, dengan izin, yang telah

dibuat ataupun pengorbanan besar yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri Sabah dengan menyerahkan Labuan kepada Kerajaan Persekutuan. Ia sebenarnya adalah satu peluang besar kepada Kerajaan Persekutuan untuk membuat rangka strategi ataupun usaha-usaha yang lebih mudah untuk membuatkan ia di rasa lebih rapat oleh rakyat di kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak.

■1520

Bukan senang untuk Sabah dan Sarawak membuka pintu dia dengan mudah, dengan *feeling of insecurity* yang saya katakan tadi. Orang Semenanjung hendak bekerja di Sabah dan Sarawak kena ada permit, hendak bermiaga kena ada permit. Akan tetapi Sabah berkorban dengan menyediakan satu tempat yang mana tempat ini menjadi tempat yang natural untuk siapa-siapa sahaja pun boleh bertapak di sana dan mengambil peluang dan sekali gus ia menjadi satu tempat yang mana integrasi nasional di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung menjadi bertambah baik.

Jadi, peluang ini perlu diambil. Wilayah Persekutuan Labuan yang tidak begitu besar itu sepatutnya dibangunkan dengan secukupnya. Sepatutnya ia adalah sebuah tempat yang diiktiraf dan diberi *treatment* yang istimewa. Lebih istimewa daripada kawasan-kawasan lain sebab ia adalah tanah yang dimiliki oleh semua negeri yang ada di Malaysia. [Tepuk] Sekarang sudah 32 tahun berlalu. Akan tetapi objektif ataupun peluang itu nampaknya macam kita sudah lupa ataupun terlepas pandang. Banyaknya yang lupa, ramai yang lupa.

Ia sepatutnya dilihat sebagai *special* oleh semua kementerian. Ia sepatutnya menjadi pusat pembangunan, pusat perdagangan yang boleh menjadi perangsang kepada pembangunan di sekitar sana, di Sabah dan Sarawak yang membuatkan banyak peluang pekerjaan, peluang-peluang pembangunan yang akan membuatkan rakyat di Sabah dan Sarawak merasakan mereka adalah orang yang tidak dianaktirikan, yang membuatkan mereka merasa penyerahan Labuan kepada *Federal Government* itu ialah sesuatu yang berbaloi, sesuatu yang membawa perubahan, bukan sahaja untuk Labuan tetapi seluruh negara. Jadi apa yang saya ceritakan ini ialah isu nasional sebenarnya.

Labuan sepatutnya menjadi hab pelabuhan. Di Sabah, selalu kita dengar mereka bising mengenai *cabotage policy* dan sebagainya. Untuk memperhebatkan Pelabuhan Klang dan syarikat-syarikat dalam negara, maka kita kena adakan *cabotage policy*. Jadi untuk membuatkan mereka merasa perkara ini adil, sepatutnya Labuan juga dijadikan di antara hab selain dari Pelabuhan Klang. Labuan memang sesuai untuk menjadi pelabuhan pun. Nama pun labuhan, daripada perkataan *anchorage*, dengan dia punya *natural deep harbour*, dengan izin *maintenance* yang *very minimum*. Akan tetapi nampak macam Labuan ini cuma *just another extension of Kuala Lumpur*, meluaskan kawasan wilayah sahaja. Sepatutnya kalau kita mempunyai pusat komersial di sini Kuala Lumpur, di sana kita ada Labuan, sepatutnya begitu.

Labuan sepatutnya diberikan - kita *push* sikit. Kita tidak boleh cerita penduduk berapa sahaja, tidak *viable*. Tidak ada. Labuan adalah *special*. Kita kena tolak dengan kuat sehinggalah ia mencapai dia punya *tipping point* dan yang akan menjadi pusat pembangunan yang kuat.

Sepatutnya ia menjadi pusat hab pelajaran. Di dalam Akta Labuan dikatakan pusat pelanconganlah, hab pelajaranlah, tetapi yang kita ada *branch campus* UMS sahaja. Itu pun pasal kita paksa disebabkan dulu ada pembangunan yang dibuat untuk menempatkan pejabat-pejabat kerajaan. Kita kata, kita tidak perlu lulus buat masa ini. Apa yang kita perlu adalah untuk sebuah kampus universiti diadakan.

*Alhamdulillah*, UMS telah dibawa ke sana dan sekarang saya mohon demi Malaysia sebenarnya, *branch campuses* kepada IPTA-IPTA yang ada di Malaysia terutamanya yang belum mempunyai *branch campus* yang cukup banyak seperti Universiti Islam Antarabangsa, USM, UiTM yang memang suka hendak banyak membenarkan dia punya kampus, UM, UKM kena letak di Labuan.

Saya ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri KKLW baru-baru ini apabila saya ceritakan perkara ini kepada dia, maka dia pun merasakan memang sesuai Labuan dijadikan tempat untuk integrasi nasional. Maka dia umumkan untuk mengadakan MRSM di Labuan. Ramai orang kata "*Labuan population cuma 100,000 orang. Buat apa hendak tarik MRSM pergi sana?* Di Kinabat pun sudah ada, dengan Lawas pun akan dia bagi. Tidak, Labuan *special*. Kita letak di Labuan bukan untuk orang Labuan. Orang Labuan kena belajar di luar, barulah *open minded* sikit.

Pergi KL, bagaimana hidup dan Labuan ini untuk orang Semenanjung datang, orang Sabah datang dan orang Sarawak datang. Di pertemuan generasi baru di satu tempat yang natural ini akan dapat menjadi kilang ataupun tempat yang akan melahirkan generasi baru yang mempunyai *brain* yang baru, yang akan membantu menjayakan visi negara kita sebagai sebuah negara yang bersatu padu, negara yang mempunyai rakyat yang *integrated, integrasi*.

Akan tetapi walau itu sepautnya ada di Labuan, malangnya, bajet demi bajet ini hendak memperingatkan, bajet hebat. Akan tetapi itulah lagi hebat kalau sekiranya kerajaan ingat perkara ini pasal benda ini adalah benda yang penting. Benda yang akan mendekatkan di antara tanah sini dengan tanah sana. Kaki sebelah sini satu, kaki sebelah sana satu. Akan tetapi apabila bajet diumumkan, selalu Labuan ini terlepas pandang, lupa sahaja. Pan Borneo, beberapa bilion kita akan buat. Terima kasih, terima kasih tetapi di Borneo sepautnya adalah cabang ke Labuan.

Ini dari Sarawak, terus ke Tawau. Dia lupa Labuan. *[Disampuk]* Sayang! Labuan kita sudah mempunyai *airport* yang cukup canggih. *Airport* yang sudah ada *international wing* yang belum dipakai. Beratus-ratus juta kita buat. Sepautunya *Airport* Labuan itu juga menjadi *airport* kepada orang Dusun. MP Beaufort pun ada di sini. Sepautunya kita punya *airport* itu juga *airport* kepada orang Sipitang, orang Kuala Penyu. Sama juga kita punya pelabuhan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Labuan..

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Dan sepautnya..

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Labuan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Jalan sikit. Okey, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Labuan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Labuan. Yang Berhormat Labuan, kerajaan tubuhkan Labuan ingin menjadikan Labuan satu *financial hub* yang penting di rantau ini dan memang ada kejayaan sedikit. Akan tetapi saya pun hendak tanya, kenapa kerajaan tidak bersungguh-sungguh untuk menjadikan ia, contohnya 1MDB, RM3 bilion, RM42 bilion itu, kalau kita boleh mendapatkan *financing* daripada Labuan, daripada pergi ke New York atau cari daripada *Goldman Sachs*, baik kita cuba *raise the money from Labuan*. Ia akan membangunkan institusi-institusi kewangan di Labuan. Apakah pendapat Yang Berhormat Labuan tentang isu ini?

■1530

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Okey, dia sebenarnya *capital market* ini memang luas. Labuan salah satu tempat yang boleh memberikan perkhidmatan tersebut tetapi seperti yang saya katakan Labuan ini selalu dilupakan. Dia orang terlepas pandang, dia orang lupa. Boleh ambil di Labuan tetapi sebenarnya tidak salah untuk ambil di tempat lain termasuklah *Cayman Islands* dan sebagainya. Ini sebab Labuan pun kita perlukan pusat yang berdaya saing kompetitif tetapi apa yang kita mahu diberikan *special treatment* kepada Labuan ini lebih kepada-bagilah kita *push*, bagilah kita peruntukan yang cukup untuk membolehkan kita berada di satu tempat yang lebih di atas dan setanding dengan yang lain.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Labuan.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Jadi kalau 1MDB tidak dikacau...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pandan bangun Yang Berhormat.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Boleh jadi 1MDB satu hari boleh *finance Labuan* punya *development*. Boleh jadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat Labuan hendak bagi jalan Yang Berhormat Labuan?

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Terima kasih Yang Berhormat Labuan. Saya sebenarnya bersetuju dengan sentimen Yang Berhormat Labuan bahawa Labuan yang dicitakan satu ketika dahulu sebagai pusat kewangan pesisir pantai negara telah ditinggalkan. Saya selalu ke Labuan Yang Berhormat dahulu dan selalu ambil bot daripada Labuan ke Menumbok pun, jadi saya faham keadaan Labuan. Cuma saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Labuan, apa pandangan dan perasaan wakil rakyat Labuan jika saya sebutkan bahawa status Labuan sebagai pusat kewangan pesisir luar pantai antarabangsa itu sekarang ini buruk.

Ini kerana ditinggalkan malah disenaraihitamkan di negara-negara utama kerana banyak masalah dari segi *Anti-Money Laundering Act (AMLA)* yang mana kerajaan tidak mampu untuk membawa Labuan ke satu peringkat pematuhan yang diperlukan untuk bawa pelabur-pelabur ke situ. Apa pandangan dan perasaan Yang Berhormat Labuan ditinggal dan dilupakan sehingga status pesisir luar pantai pun makin ke belakang sekarang.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Sebenarnya Labuan ini kadang-kadang saya sendiri pun cakap. Labuan ini macam tempat *register* sahaja aktivitinya, *marketingnya* dan semua *officer-officer*, *bankers-bankers* berada di tempat lain di Kuala Lumpur ataupun sekarang malah dibolehkan juga mereka beroperasi di Iskandar. Labuan sebagai pusat pesisir biasalah, seperti juga pusat-pusat pesisir di seluruh dunia memanglah dia menjadi magnet kepada mereka yang mempunyai aktiviti-aktiviti yang ada kaitan dengan *money laundering* (AMLA) dan sebagainya.

Saya ucapkan tahniah juga kepada Labuan sebab saya dengar Labuan memang telah berjaya untuk memperbetulkan imejnya dengan– malah menukar namanya daripada LOFSA kepada Labuan FSA sebab LOFSA itu *offshore* itu kena *money laundering* dan sebagainya. Memang industri ini memang begitulah di seluruh dunia di mana-mana pun. Jadi kita akan terus perbaiki, kita tidaklah seberjaya kawasan-kawasan lain sebab kita berhati-hati. Kita tidak mahu duit-duit kotor masuk ke Labuan dan ke negara ini. Oleh sebab itulah saiz kita jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan lain lebih kecil saiz *marketnya*. Kita juga banyak menumpukan kepada *Islamic banking* punya produk dan sebagainya.

Jadi balik kepada bajet yang dibentangkan, kita ingin mempersiagakan modal insan dengan program TVET dan sebagainya. Di Labuan, kita mempunyai Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan kolej vokasional tetapi dalam keadaan yang kapasitinya terlalu kecil. Sepatutnya kita kena besarkan. Untuk kita dapat membantu Labuan mencapai apa yang kita ingin capai. Hendak capai ini bukan untuk Labuan sahaja sebenarnya untuk Malaysia saya lahirkan balik.

Untuk Kerajaan Persekutuan, ini dekat dengan wilayah di sebelah sana Sabah dan Sarawak yang kadang-kadang merasakan begitu jauh dan mereka merasakan tidak diberikan *treatment* yang sama dengan kawasan di sebelah sini. Jadi, kalau Labuan itu sudah menjadi satu tempat pembangunan yang merangsang pembangunan-pembangunan lain, kita patut, Kerajaan Persekutuan patut bangunkan Menumbok, bangunkan kawasan-kawasan yang dekat barulah ada sinergi dan seterusnya dia akan beri *inflows* ekonomi di sekitar serantau itu.

Akan tetapi yang betul-betul menjadi pemacu perubahan sebenarnya jambatanlah. Kita buat jambatan jadi kita punya *airport*, kita punya *port* ini menjadi *port* kepada seluruh kawasan dan Labuan sudah menjadi mempunyai himpunan yang lebih luas. Malah Labuan menjadi dua jam sahaja daripada Kota Kinabalu. Labuan akan menjadi PJ of KK dan ia akan memperluaskan lagi kawasan-kawasan yang rancak ekonominya dan seterusnya ia akan menyejahterakan ekonomi di kawasan tersebut. Saya berharap MP-MP ataupun Ahli-ahli Parlimen daripada Sabah terutamanya juga dari kawasan-kawasan yang lain menyuarakan, menjadikan perkara ini adalah perkara yang nasional terutamanya kepada Ahli-ahli Parlimen Sabah. Labuan *is your project*, Labuan *is* Sabah punya projek yang masih berjalan jadi perlu diingatkan Kerajaan Persekutuan.

Sekarang ini semua kementerian kena ingat, Kementerian Kesihatan satu contoh. Labuan ini sebagai sebuah pulau, sudahlah sebuah pulau tetapi kita punya hospital itu. Saya malaslah hendak cerita dia punya *long list* tetapi kita punya syarikat-syarikat minyak dan gas yang melabur ke Labuan dia akan datang ke hospital dan *check* kita punya hospital dan bertanya

macam mana kita hendak *exit*? Macam mana kita hendak keluarkan pesakit supaya kita boleh diterbangkan ke *Singapore* ataupun ke Kota Kinabalu secepat mungkin. Mereka sudah nampak ianya tidak cukup baik untuk standard of *those community*lah dengan izin.

Sekarang kita contoh lagi satu, kita ada baru sahaja dapat sudah 32 tahun dengan wilayah baru awal tahun ini dapatlah *city circuit*, baru dapat *city circuit*. Baru dapat awal tahun itu pun tidak cukup dengan ada satu *software* yang harga dia cuma RM100,000 lebih. Ini yang mana sekiranya *software* itu ada ramai, berpuluhan-puluhan orang dalam sebulan pesakit di Labuan itu tidak payah ke Kota Kinabalu. Akan tetapi itu pun kita punya hospital susah hendak dapat.

Jadi semua kementerian saya harap nanti jawapan semua kementerian akan menjawablah sebab saya sebut sekali sahaja, semua kementerian terutamanya Kementerian Wilayah. Kena *fight*, kementerian-kementerian yang lain kena bagi. Kementerian Wilayah kena *fight*, kena pastikan objektif sebenar, objektif asal dan sesuatu yang sangat penting yang mesti kita pastikan ianya berjaya. Supaya *Federation of Malaysia* ini menjadi sebuah negara yang cukup mantap bersatu padu walaupun jauh tetapi dia di hati Menteri dekat. Ini sebab apa, di sana ada Kuala Lumpur, Putrajaya, kita ada Labuan di sini.

Banyak service sebenarnya yang boleh diadakan di Labuan yang tidak payah mereka-mereka ini hal kecil pun kena terbang ke Putrajaya. Termasuklah *court*, pasal kita ada Labuan patutnya kita ada satu *Federal Court* di Labuan di mana kes-kes Sabah dan Sarawak sepatutnya boleh pergi ke Labuan. Kebetulan Labuan kita sudah ada penjara. Siapa yang salah terus masuk penjara sahajalah.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** *[Menyampuk]*

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Yang Berhormat Putatan kena *fight* ini selalu lupa. Kadang-kadang...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *[Menyampuk]*

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Sabah mula melihat Labuan *competitor* pula. Silap, walaupun kita sudah di bawah pentadbiran Persekutuan kita sentiasa berada di depan pintu Sabah. Memang kita ini secara fizikalnya masih Sabah dan Sarawaklah sampai sekarang. Sebanyak 30% penduduk daripada 100,000 itu sebenarnya adalah orang Sabah. Bagi yang ingin balik ke Sabah setiap minggu...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Boleh Yang Berhormat Labuan?

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Silakan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ini saya sokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

#### ■1540

Soal pembangunan Labuan ini walaupun kita daripada Tanah Besar Sabah ini selalunya ke Labuan. Kita melihat pembangunan Labuan ini kalau dianggap sudah membangun atau tidak, mungkin itu tidak kita berapa kelihatan tetapi memang ada perubahan semenjak ia di

federalizekan dengan izin. Akan tetapi kalau kita tingkatkan lagi ekonomi Labuan itu mungkin satu janji yang dijanjikan oleh mantan Perdana Menteri dulu.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Okey, faham sudah soalan. Sudah faham. Mari saya jawab.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigo [Putatan]:** Soalan dia, adakah jambatan dari Pulau Batam seterusnya kepada Membakut boleh dilaksanakan dengan mungkin bukan pada akan datang ini tetapi bajet yang akan datang lagi.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih. Memang betul, memang betul. Orang kata Labuan memang sudah membangun pun. Seluruh negara pun membangun. Kalau setakat tanam bunga lebih cantik, *enhancement of* apa yang ada, itu baik jadi sebahagian dari Sabah sahaja. Oleh sebab banyak perkara, kalau hendak bercakap untuk orang Labuanlah, banyak barang yang dulu kita nikmati sebagai sebahagian dari Sabah, kita sudah kehilangan.

Sekarang ini kita sudah dikorbankan dan kita sanggup menjadi wilayah yang dimiliki oleh semua. Kita mahukan Labuan dan pembangunannya adalah pembangunan yang strategik, langkah-langkah strategik yang boleh memacu perubahan bukan sahaja untuk Labuan tetapi untuk ekonomi Sabah, Sarawak dan Malaysia tetapi *politically it is a political decision* juga untuk memantapkan lagi *The Federation of Malaysia*. Jadi semua kena *fight* bukan untuk saya sebenarnya, untuk kita semua. Jadi, saya mengharapkan itu.

Sebelum saya mengakhiri perbahasan saya, ada satu benda yang sebenarnya *immediate* kena bagi perhatian adalah *empowerment*. Kita bukan hendak *empowerment* macam Sabah Sarawak. Kita ini hendak bagi *empowerment* kepada *federal agency* juga pasal kita *federal*. Kementerian Wilayah ini perlu diberi bajet yang cukup dan dia lah yang tahu untuk mengadakan Labuan, untuk membangunkan Labuan melalui Perbadanan Labuan.

Ini, kita punya pelancongan ciput punya. Kalau hendak banding dengan Langkawi, Oh! Padahal Labuan patut lebih *special* daripada Langkawi. Langkawi tetap Kedah punya, Labuan kita sudah serahkan sudah. Orang Kedah punya juga Labuan ini sebenarnya. Jadi, kena bantu. Kementerian Wilayah, *please fight for Malaysia* dan pembangunan-pembangunan yang sebenarnya waktu kita *blooming*, tiga tahun lepas kita *blooming by accident*. Saya terus terang sahaja, *by accident*. Tidak adapun benda-benda strategik yang difikirkan supaya dia *blooming*.

Kita jumpa minyak dan gas di lautan Sabah dan Sarawak dan disebabkan Labuan sudah bersedia untuk menjadi *supply gas, logistical hub* untuk *oil and gas* yang dahulunya susah hendak bergerak, jadi dia telah membangun. Kita menjadi sibuk membangun sehingga kita *shortage of hotel, shortage of houses*. Semua *shortage* sekarang. Masih *shortage* lagi sebenarnya.

Akan tetapi pembangunan-pembangunan yang sepatutnya dibangunkan oleh pihak swasta disebabkan *demand* itu sudah adapun *slow* disebabkan hal-hal yang berkaitan dengan urusan tanah. Tanah sekarang kita semua pun dikawal oleh *federal*. *Federal* banyak mungkin perkara-perkara yang dia hendak selesaikan di Kuala Lumpur, maka Labuan dilihat sebagai tidak kurang penting, kurang penting.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan Yang Berhormat.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Jadi ini sangat penting, saya berharap satu *structural change* kena buat. Mesti kena ada exco tanah Labuan sendiri barulah kita boleh bergerak dengan lebih baik. Bukan kita tak boleh urus dengan baik, kita pun boleh ada *governance* dengan baik dengan meletakkan komiti-komiti yang mempunyai kaliber dan sebagainya. Jadi, ini amat penting. Saya harap bajet-bajet yang diadakan untuk 2016 di kesemua kementerian akan mula melihat dan refleks kepada perkara penting ini. Bukan untuk Labuan tetapi untuk *The Federation of Malaysia*. Jadi dengan itu saya menyokong Bajet 2016. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kelana Jaya.

### 3.45 ptg.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang membahas isu-isu dasar bajet tahun 2016. Saya akan memberi fokus kepada dua perkara dalam perbahasan saya. Fokus pertama saya adalah isu-isu ekonomi mikro dan tentang kemelut *confidence crisis* yang kami sedang hadapi. Satu situasi yang cukup bahaya dan mungkin menjadi lebih teruk pada masa yang terdekat. Saya akan memberi satu penjelasan mikro ekonomi bagaimana dan sebab-sebabnya ia berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *I will first explain the origin of the current confidence crisis because before we can find solutions, we need to understand the causes and the problems.* Fokus kedua saya adalah mengenai beberapa butir Bajet 2016 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan Jumaat lalu. Saya akan memberi kritikan saya, *constructive criticism* dengan niat baik bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan dan saya akan memberi sebab-sebab saya kenapa saya tidak boleh bersetuju dengan bajet itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya bermula dengan isu *confidence crisis* ataupun krisis keyakinan yang berdepan dengan Malaysia sekarang. Saya teringat kembali kepada krisis ekonomi tahun 1997. Pada masa itu saya berumur 28 tahun, sekarang sudah tualah.

**Seorang Ahli:** Sudah kahwin?

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Eh sudah kahwin sudah, dua kali, dan bekerja sebagai seorang peguam korporat di Kuala Lumpur pada masa itu. Peristiwa krisis ekonomi 1997 walaupun dekat 20 tahun yang lalu, masih dengan izin, *fresh in my mind* ia bermula pada bulan Ogos 1997 dan bermula dengan kejatuhan nilai mata wang ringgit dengan cara yang mendadak. Kejatuhan itu diikuti dengan ketidakupayaan syarikat-syarikat korporat Malaysia membuat bayaran faedah kepada bank-bank tempatan dan juga bank-bank asing.

Ini kemudian menimbulkan satu risiko bahawa berapa bank-bank tempatan juga akan tenggelam. Dengan keretakan sistem bank-bank Malaysia pada tahun 1997, masalah itu mula merebak ke semua aspek ekonomi negara. Syarikat-syarikat yang tidak ada kena mengena dengan spekulasi ataupun dengan apa-apa *financial instrument* mengalami satu *confidence crisis*

yang teruk sekali sampai ke satu tahap di mana institusi kewangan dan bank naik faedahnya melambung sampai melebihi 30%.

Dengan izin, *the currency crisis, we started as a currency crisis* menjadi satu *banking* dan *financial crisis* dan *became a full blown economic crisis*. Pasaran Bursa Malaysia pada masa itu dinamakan KLSE hilang surut nilai melebihi 70%. Pada satu ketika, KLSE turun ke paras bawah 300 poin.

Tuan Yang di-Pertua, krisis 1997 bermula pada bulan Ogos 1997 tetapi keperitannya hanya dirasai, saya ingat dirasai dengan ketara sekali sembilan bulan kemudian iaitu di pertengahan bulan Mei 1998. Krisis mata wang, permulaan, sembilan bulan kemudian menjadi krisis ekonomi yang teruk sekali dengan izin, *it's started as a currency crisis in 1997. It became a deep economic recession in the middle of 1998...*

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Kelana Jaya, boleh sedikit?

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** *Just let me finish. At the speed and severity never seen before.* Ya, silakan.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Yang Berhormat Kelana Jaya. Saya juga masih ingat bahawa apabila melambungnya kadar faedah melebihi 30%, itu sebenarnya adalah arahan daripada bekas Yang Berhormat Permatang Pauh yang ketika itu menjadi Menteri Kewangan. Saya juga masih ingat peristiwa itu. Apa pendapat Yang Berhormat?

#### ■1550

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar. Yang Berhormat Kuala Kangsar, itu tidak benar sebab sebagai Menteri Kewangan ia tidak boleh mengarah faedah. Faedah cuma boleh diarah oleh Bank Negara. Jadi, sila semakkan *history* peristiwa kita. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, kesusahan dan keperitan rakyat semasa empat tahun daripada tahun 1997 sampai tahun 2001 tidak dapat dilupai. Ramai kita tahu ada banyak yang kehilangan kerja, kilang tutup, beratus-ratus ribu menjadi muflis. Sehingga sekarang kita daripada *professional class*, saya sebagai seorang peguam dan juga kalangan peniaga sampai sekarang kita masih tidak dapat merasa pemulihan daripada krisis tahun 1997.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sekiranya kita tidak melakukan perkara-perkara yang drastik dalam bajet ini krisis ekonomi semacam 1997 bakal berulang lagi tahun hadapan. Saya tidak mahu kegawatan berlaku dengan izin *once in my life time is more than enough*. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua terdapat banyak sekali petanda-petanda ekonomi bahawa krisis keyakinan yang kita sedang hadapi, *we are facing a confident crisis* boleh menjadi satu krisis mata wang yang telah kita hadapi dan terus menjadi lebih besar.

Oleh itu, dalam pembentangan bajet ini baru-baru ini Yang Amat Berhormat Pekan sepatutnya memberi kita semua dalam Dewan ini satu *route map* untuk mengatasi atau mengelakkan krisis itu. Akan tetapi malangnya bukan sahaja Yang Berhormat Pekan tidak

memberi apa-apa cadangan proaktif untuk mengelakkan satu krisis, malah beliau jelas masih di dalam satu *denial mood*. Ini malang. Ini malang kepada kami di Dewan, malang juga kepada beliau sebagai Menteri Kewangan.

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua *in the final analysis*, kedua-dua krisis tahun 1997 dan sekarang ada persamaannya iaitu pada dasarnya kedua-dua berpunca daripada masalah pinjaman berlebihan, *too much borrowing* dan kehilangan *investor confident* bahawa pinjaman itu boleh dibayar balik. Jadi, apakah perkara yang sama dengan tahun 1997 dan apa pula perkara yang berlainan dengan 1997?

Tuan Yang di-Pertua, yang lain adalah sistem kewangan dan sistem perbankan kini tidak terancam oleh spekulasi saham seperti tahun 1997. *We are in the better position because there is no speculation*. Yang sama tetapi negatif ialah pegangan saham dan bon-bon negara kita ada banyak di dalam tangan pelabur asing pada tahap yang tinggi sekali. Saham dan bon ini telah dijual dalam enam bulan hingga sembilan bulan ini secara jual murah, keluar sahaja. Bagi pemegang-pemegang saham dan bon asing ini mereka hendak cepat-cepat jual sahaja, tukar ringgit ke Dollar Amerika, bawa balik kepada negara asal mereka.

Apa yang lebih teruk daripada tahun 1997 ialah tahap pinjaman rakyat di 1997 cuma sampai ke 46% ke GDP ke KDNK. Akan tetapi hutang isi rumah kini mencapai 88% ke GDP. Situasi ekonomi itu lebih teruk dari segi hutang isi rumah. Tambahan, yang juga lebih teruk ialah tahap pinjaman kerajaan. Pada tahun 1997 Kerajaan Malaysia tidak pinjam banyak. Dia cuma sampai ke 41% ke GDP. Sekarang kita mencapai RM650 bilion hutang kerajaan *direct government debt* iaitu 54.5% ke GDP. Ini belum lagi kita kira *debt exposure to contingent liability* sebanyak RM173 bilion daripada *letters of guarantee*. Ini semua adalah *explicit guarantee*.

Perkara tentang *letters of support*, ini adalah satu perkara yang memang bahaya sebab *letters of support* tidak di *capture* dari Bank Negara, tidak dimasukkan sebagai *contingent liability*. PKFZ pakai *letter of support*. Berapakah jumlah hutang *letter of support* ini pada hari ini Dewan yang mulia ini masih tidak tahu. Tidak pernah diceritakan oleh Menteri. Banyak kali kita tanya, kita tidak tahu. Jadi, kalau kita buat satu anggaran bahawa *letter of support* itu RM170 bilion juga, maknanya kita hutang *debt exposure* kerajaan secara eksplisit dan implisit adalah mencapai RM950 bilion, dekat RM1 trilion.

Tuan Yang di-Pertua, yang lagi teruk daripada tahun 1997. Tahun 1997 kita mengamalkan isu tentang *trade surplus* kita dan *short term debt* kita. Dalam satu cara, skala untuk *measurement* ini ialah dinamakan *Guidotti-Greenspan rule*. Namanya Guidotti ini adalah seorang *economies*, Greenspan ialah Alan Greenspan yang *famous*. *Guidotti-Greenspan rule* adalah perkiraan *trade surplus* berbanding *short term debt* iaitu *short term debt* satu tahun.

Keadaan tahun 1997 kita lebih baik. *Guidotti-Greenspan rule* pada masa itu *ratio* kita 1.4. Sekarang *ratio* kita di bawah 1. Apabila kita sampai ke tahap bawah *ratio* 1, ini menunjukkan bahawa sekiranya terdapat *capital out flow* yang cepat sekali, Malaysia tidak boleh *protect* mata wang kita lagi. Jadi, yang lain yang lebih teruk ialah krisis ini ialah krisis *real economy*. Krisis

kejatuhan *commodity press* Pada tahun 1997 ia adalah krisis spekulasi. Orang beli saham, goreng saham. Itu bahaya tetapi tidak menjelaskan ekonomi kita secara terus.

Sekarang kita lihat kejatuhan komoditi adalah sangat bahaya kerana ekonomi kita banyak bergantung pada minyak dan gas dan juga minyak kelapa sawit. Yang lain juga krisis 1997 ini masalahnya berpunca daripada krisis spekulasi dan syarikat-syarikat. Silakan.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Kelana Jaya. Dalam pencelahan salah seorang daripada *Member of Parliament* Barisan Nasional tadi dari Rompin mengatakan bahawa kejatuhan nilai mata wang ringgit kita *is good* untuk orang kampung. Jadi, saya tidak berapa faham. Boleh Yang Berhormat Kelana Jaya cerita sedikit macam mana boleh jadi ikut itu. Oleh sebab di tempat saya orang kampung memang menggelupur. Jadi, macam mana kejatuhan ini baik untuk orang kampung khususnya yang ada ladang dan sebagainya? Terima kasih.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Saya hendak jawab *on behalf of* Yang Berhormat Rompin. Yang Berhormat Rompin ini dia itu pakar ekonomi. Saya bukan. Saya *just* peguam korporat tetapi saya faham apa yang dia cuba katakan. Apabila harga komoditi jatuh, satu benda yang membuat stabil harga komoditi kita ialah mata wang jatuh.

Bila mata wang jatuh harga *palm oil* itu boleh *defend* pada tahap 2,000, 2,001, 2,002 satu tan tetapi itu adalah satu penipuan. Bukan penipuan lah, ia memberi satu bayangan yang salah. Oleh sebab bila mata wang jatuh semua kos benda lain naik. Harga sawit stabil, itu sahaja. Akan tetapi semua kos lain naik. Takkan kita makan kelapa sawit tiap-tiap hari. Kita kena makan coklat, kena makan kek. Jadi, 95%, 99% *of everything else goes up but the price of palm oil is save by a falling ringgit*. Baik...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rompin bangun Yang Berhormat.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Oh Yang Berhormat Rompin. Silakan.

**Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]:** Terima kasihlah menjawab bagi pihak saya tetapi jawapan itu tidak menyeluruh. Saya ingin memberitahu Yang Berhormat bahawa keadaan tahun 1997 dan sekarang berbeza bila bekas Perdana Menteri *to insulate all economy*, dia mengambil pendekatan *insulate all economy and pegging USD*.

Ternyata pendekatan itu tidak berapa tepat, tidak berapa kesannya, lambat *to recover*. To *insulate economy pegs USD* untuk *protect* ekonomi kita ternyata tidak memberi kesan yang begitu baik kerana negara-negara di sekitar kita yang tidak melaksanakan dua pendekatan ini *recover* lebih cepat daripada kita. Betul kata Yang Berhormat tadi kesannya masih terasa. Suasana tahun 1997 sekarang berbeza.

*Foreign debt* kita sangat rendah. Ini kalau hendak cerita panjang Yang Berhormat. Saya ingat saya akan minum teh dengan Yang Berhormat Bagan dengan Yang Berhormat kerana *exposure* kita di dalam negara. So, *the ratio is different, exposure* tangguh di luar negara, hutang kita di luar negara banyak tetapi *exposure* kita kali ini di dalam negara.

■1600

*So rating atau proportionate formula yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu tidak begitu tepat kerana berbeza, suasannya berbeza.*

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Rompin, saya terima pandangan Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ada yang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Nanti kena tambah sikitlah, lima minit.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Pendek sahaja Yang Berhormat Kelana Jaya. Saya terkejut dengar kenyataan Yang Berhormat Rompin tadi, jadi saya hendak minta pendapat Yang Berhormat Kelana Jaya kerana Yang Berhormat Rompin mungkin lebih tua daripada kami berdua, saya lebih muda. Jadi mungkin saya masih ingat berbeza dengan Yang Berhormat Rompin yang sudah lupa. Yang Berhormat Rompin mengatakan tadi bahawa tindakan menambat mata wang itu adalah seolah-olah digambarkan keputusan Yang Berhormat Permatang Pauh. Itu adalah keputusan daripada mantan Perdana Menteri tetapi saya faham begitulah usulnya dalam UMNO ini.

Apabila pimpinan yang lepas itu sudah tidak sebulu dengan pimpinan sekarang, maka yang dulu pimpinan dan wakil rakyat menjulang keputusan Tun Mahathir untuk menambat mata wang, sekarang ini Yang Berhormat Rompin mengatakan itu satu kesilapan yang telah berlaku. Minta Yang Berhormat Kelana Jaya, ingatkan Yang Berhormat Rompin.

**Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]:** Itu pendapat peribadi saya. Bukan semua *support* kerajaan.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Rompin, nanti kita pergi minum teh tarik, boleh bincang panjang-panjang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pandan sekali Yang Berhormat ya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Bersama dengan Yang Berhormat Pandan juga tetapi Yang Berhormat Pandan memang betul. Polisi yang telah diamalkan pada tahun 1998 itu ialah polisi Tun Mahathir, bukannya saudara Anwar Ibrahim. *Check* balik peristiwa itu. Saya masih ingat. Baik, isunya pada tahun 1997 adalah terlalu banyak wang pinjaman, mengejar spekulasi saham. Ini telah menimbulkan satu ekonomi pada permukaannya di Bursa Malaysia nampaknya baik, kuat tetapi pada hakikatnya satu *bubble* ekonomi sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2015 ini kita menghadapi satu situasi yang sama. *It's different but at the same it is the same.* Sama dari segi situasi pinjaman berlebihan tetapi kali ini pinjaman itu bukan korporat-korporat Malaysia, peminjam itu lain bukan lain Kerajaan Malaysia dan juga 1MDB. Ratio ataupun *skill* berapa pinjaman ini kita boleh dapat dengan Yang Berhormat Rompin nanti, *over teh tarik* tetapi yang saya hendak ceritakan, *that exposure* kita RM950 bilion daripada kerajaan sahaja. Apabila kerajaan buat 1MDB, caranya mengendalikan 1MDB itu teruk,

*investors confidence evaporated immediately.* Adakah semua RM950 bilion ini mengamalkan sistem *governance* yang sama dengan cara 1MDB?

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya berbahas lanjut tentang hutang-hutang pinjaman kerajaan, saya hendak memberi sokongan lebih penting iaitu hutang pinjaman isi rumah yang terlalu tinggi. Kita boleh debat sama ada pinjaman kerajaan boleh bayar atau tidak boleh bayar, adakah ini lebih teruk daripada spekulasi pada 1997 tetapi hakikatnya pinjaman isi rumah pada hari ini adalah jauh lebih tinggi daripada dulu, daripada 1997. Perbahasan ini tentang isu ini akan menyentuh beberapa aspek Bajet 2016 terutamanya tentang GST. Pinjaman tinggi isi rumah ini disebabkan oleh beberapa faktor. Faktor utama ialah kenaikan harga barang terutamanya harga rumah.

Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua daripada Sabah ya, mungkin tidak tahu sangat tentang persekitaran *Klang Valley*. Saya hendak cakap sahaja senang, satu *terrace house* di Petaling Jaya semasa pentadbiran Yang Amat Berhormat Pekan bermula, RM500,000. Sekarang rumah yang sama RM1.2 million. Itu kadar inflasi yang paling tinggi sekali tetapi tiap-tiap tahun apabila kita tengok CPI kita, 2%, 1%, 3%, ini semua tidak *logical*.

Lagi satu Tuan Yang di-Pertua selain daripada harga rumah yang tinggi ialah harga kereta di Malaysia adalah di antara yang paling tinggi di dunia. Kononnya untuk memberi *protectionism* kepada Proton tetapi selepas 32 tahun, Proton masih tidak boleh bersaing dalam pasaran domestik, apatah lagi di pasaran antarabangsa. Dua perkara ini, satu rumah dan satu kereta. Kedua-duanya merupakan 70% hingga 80% jumlah penuh hutang setiap individu rumah.

Faktor utama kenaikan hutang rakyat adalah kenaikan semua harga barang. Harga rumah, harga kereta naik disebabkan oleh GST. Apa Yang Berhormat Ahmad Maslan kata selepas *GST price of car will drop*, itu tidak benar sekarang. Saya masih ingat isu tentang GST ini semasa dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan. Dia memberitahu Dewan tahun lalu semasa pembentangan Bajet 2015 bahawa beban rakyat Malaysia itu tidak banyak melalui GST. Cuma RM690 juta sahaja. Itulah dalam kepala otak Yang Amat Berhormat Pekan pada masa itu. Setiap penduduk Malaysia... [Dewan riuh]

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Gunalah perkataan yang elok sikit.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Dalam fikirannya, *sorry*. Itulah dalam fikiran Yang Berhormat Pekan. Kepala otak, bukan *hotak*. Okey. Dia kata setiap penduduk Malaysia kena RM23 sahaja seorang, *no problem*. Cuma RM690...

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Tadi Yang Berhormat Kelana Jaya sebut tentang harga kereta yang meningkat bila GST dikenakan. Akan tetapi sedarkah Yang Berhormat Kelana Jaya bahawa pada ketika harga GST diperkenalkan, beberapa syarikat kereta yang besar Toyota, Perodua, Proton telah memperkenalkan harga baru kereta yang jauh lebih rendah sebelum GST diperkenalkan. Jadi tidakkah itu satu bukti bahawa kalau semua pengeluar mengikut kaedah GST yang sebenarnya, maka harga akan turun lebih rendah daripada harga semasa. Jadi tadi Yang Berhormat kata harga kereta naik. Ini yang saya tidak faham. Minta penjelasan.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Okey Yang Berhormat Tasek Gelugor, terima kasih soalan yang baik ya. Akan tetapi Yang Berhormat Tasek Gelugor, sebelum GST diperkenalkan semua syarikat di Malaysia sama ada jual kereta, jual makanan atau jual apa-apa membuat *pre GST sale*. Jadi sebab itulah harga kereta turun sebelum GST. Selepas GST kalau tidak percaya pergi beli kereta baru. Susahnya.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Penjelasan.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Okey Yang Berhormat Kota Tinggi boleh tapi *short one please*, boleh sebab dia kawan baik saya.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih kawan baik saya Yang Berhormat Kelana Jaya. Cuma dia cakap kepala otak itu saya kena betulkan sikit. Saya hendak tanya kalau sebab GST maka naik. Tadi Yang Berhormat Kelana Jaya cakap harga rumah naik dan harga kereta naik, ini berlaku bertahun-tahun. Jadi bukan sebab GST sahaja, pertama. Sabarlah dahulu.

Keduanya, Yang Berhormat Kelana Jaya ini suka bercakap. Kadang-kadang ke luar negara, ke Hong Kong pun cakap, belum ada bukti dah cakap. Jadi saya hendak kata, itu sebab kita ada Akta Pencatutan, rakyat minta supaya bila Akta Pencatutan dengan GST, maka kita dapat monitor naik harga setiap tahap daripada pembekal, penjual, pemborong dan sebagainya supaya kita dapat kawal harga. *Nothing*, tidak akan merubah kecuali kita *increase the supply side*.

Untuk perumahan contohnya, bila kita tambah unit, maka *the supply side increase, the take up will be moderated* dan harga akan turun. Ini semua usaha yang dibuat bukan pakai cakap, kena ada *frame work* yang jelas. Itu sebabnya kita ada PR1MA, kita ada pembangunan perumahan yang banyak. Ini lebih realistik untuk menangani harga naik daripada kita bercakap tentang GST tanpa fakta yang besar, yang jelas sebab ini berlaku selama berpuluh tahun, bukan sebab GST sahaja. Dengan SST pun harga naik juga. Jadi saya tengok tetapi saya hormatlah sahabat saya. Terima kasih Yang Berhormat Kelana Jaya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi, terima kasih. Yang Berhormat Kota Tinggi, saya bukan katakan GST itu menyebabkan semua harga barang naik. Harga barang naik itu... Dengar dulu, *relax*.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Ini nak kena lagi ini. *[Ketawa]*

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Dengar dulu, jangan *get excited*, cerita belum habis lagi. Pertama... *[Disampuk]* Saya kata GST itu menyebabkan harga barang naik, betul. Kalau pihak dari sebelah sana tidak setuju, saya tidak tahu lah realiti mana yang pihak Ahli Parlimen sebelah sana pakai. Kita semua tahu GST menaikkan harga barang tetapi banyak faktor lain menyebabkan harga barang naik sebelum GST, itu tahu. Faktor pertama ialah *greed, corporate greed and the failure of regulators which is your government, to measure and to stop corporate greed*. Semua itu faktor kita tahu, cuma GST ini menambahkan keperitan kepada rakyat,

menambah RM79 bilion tahun depan. Kalau itu tidak menambahkan harga barang naik, apa lagi yang akan tambahkan harga barang naik.

**■1610**

Saya rasa kesuntukan masa ini, saya tidak akan membenarkan apa-apa lagi *interruption unless it's very urgent*.

**Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]:** *Urgent*, Yang Berhormat...

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Rompin, *later* Yang Berhormat. Saya sudah beri tiga kali Yang Berhormat Rompin.

**Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]:** Yang Berhormat Pandan, saya hendak *explain* kepada Yang Berhormat Pandan.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** *No, no. [Disampuk]* Nanti masa Yang Berhormat Rompin bahas boleh. Tuan Yang di-Pertua, *sorry*, saya akan cuba *speed up* sedikit. Tuan Yang di-Pertua, isu tentang RM39 bilion GST ini, kita semua tahu, kalau kita kira di Malaysia ini terdapat 31 juta penduduk. Kalau kita bahagikan *flat*, kita dapati tahun hadapan setiap orang kena bayar RM1,250 GST, tidak kira sama ada bayi, nenek, yang berusia, yang kerja, budak belajar, semua orang kena bayar RM1,250. Jika terdapat enam orang dalam satu keluarga, setiap keluarga kena bayar RM7,500 setahun. Saya risau sebab Yang Berhormat Pekan...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Kelana Jaya, hendak mencelah sedikit, boleh?

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Tidak boleh Yang Berhormat Kota Tinggi, nantilah.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Sebab dia punya fakta itu *misleading*.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** *It's not misleading, it is mathematically correct.*

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Kalau *average out*, minta maaf Yang Berhormat Kelana Jaya, berapa ramai sahaja yang membayar cukai. Jangan kita *misleading* Dewan.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** *No, no.*

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Kita cakap fakta. Kita terima *but do not mislead the Dewan because average...*

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Purata, *you take RM39 billion you divide 31 million population, you dapat RM1,250.* Matematik, pakai kalkulator.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Tidak boleh, itu *misleading*. Sahabat saya Yang Berhormat Kelana Jaya, kita pergi sekolah, tidak boleh semua macam itu.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** GST adalah *consumption tax...*

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Tidak boleh macam itu, jadi *misleading*. Saya minta tolong Tuan Yang di-Pertua, kenyataan itu mesti dibetulkan balik, terima kasih.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Dia tahu GST itu *consumption tax*. Siapa yang *consume* sahaja bayar *tax*. *How come you do a purata. You such a smart guy.*

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Hei! Takkan Yang Berhormat *consume*? Yang Berhormat cari satu orang di Malaysia. Takkan 31 juta orang tidak *consume* satu benda langsung.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** *I know but you can't do a purata, that is misleading.*

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** *No, it is not misleading.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** *You can't do average, Average don't work, come on. You are far better than that...*

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** *I think you better take a degree on statistik.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** *No, you should, you should. How come you do a consumption base on purata? Langsung tidak logik.*

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Okey, baik. Kalau tidak boleh buat *consumption on purata...*

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Yang Berhormat Kelana Jaya...

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Ini adalah satu debat yang tidak masuk akal langsung. Kalau tidak buat purata macam mana hendak beritahu berapa seorang kena GST? *How do you know? In every single 31 million population, two year old baby going to come and declare I used RM6 last year. Come on, be logical. The statistical standard, that is normal. You take the GST rate RM39 billion divide 31 juta orang Malaysia, you dapat RM1,250.*

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Yang Berhormat Kelana Jaya.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Kelana Jaya, saya hormat tetapi statistik itu tidak boleh pakai. *[Ketawa]*

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** *[Bangun]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ramai yang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Tidak, tidak, tidak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Semua kawan baik saya, tidak apalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lenggong, duduk Yang Berhormat Lenggong.

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Lenggong, mana kerusi?

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Tuan Yang di-Pertua, saya cuma risau satu perkara. Kalau Matematik macam ini tidak boleh diterima oleh di sebelah sana, macam mana hendak mengendalikan ekonomi kita dengan baik? Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bincang sedikit

tentang kadar hutang isi rumah sampai tahap kritikal 88% ini. Kita semua tahu, orang hutang banyak di Malaysia. Ini fakta. Apakah solusi ataupun *solution* yang boleh kita beri kepada rakyat? Satu *solution* yang senang sekali ialah naikkan gaji dan dalam aspek ini saya terima dengan baik cadangan Yang Berhormat Pekan untuk menaikkan gaji minimum. Akan tetapi menaikkan gaji minimum RM1,000 itu tidak cukup.

Bagi saya lebih baik kita fokus untuk menurunkan harga barang dahulu, maknanya kalau boleh ikut cadangan kita buat sifar GST. Terima tidak terima tidak apa. Ini cadangan saya. Pada masa yang sama menaikkan gaji semua orang tetapi yang penting bukan lagi gaji minimum tetapi mencari satu *living wage, move towards a living wage, it's very important*.

Selain daripada itu, bagi kita dalam situasi drastik macam keadaan ekonomi sekarang ini, kita juga menguar-uarkan atau mencadangkan kepada pihak sebelah sana untuk melakukan *monetary policy* yang baik dan *monetary policy* yang terbaik adalah memastikan Gabenor Bank Tan Sri Zeti, kalau boleh kontrak dia dipanjangkan dua tahun lagi. Ini akan memberi kestabilan kepada *investors confidence* dalam isu ini sebab tidak apalah, pada sesiapa yang tidak setuju dengan Tan Sri Zeti, boleh bagi tahu saya nanti ditarik atau kopi kah. *[Disampuk]* Tan Sri Zeti memang adalah seorang tokoh yang telah *recognized internationally* sebagai Bank Gabenor yang baik sekali.

Saya hendak ceritakan sedikit tentang mekanisme untuk membuat satu pindaan daripada minimum *wage* kepada *living wage*. Ia boleh dilakukan dengan dua cara. Pertama ialah memperkasakan hak-hak pekerja-pekerja melalui *trade union* atau kesatuan pekerja. Ini boleh dilakukan sekiranya Malaysia ingin mendapat satu *develop nation* status dan Tuan Yang di-Pertua, saya memberi contoh negara Korea Selatan. Dalam jangka masa pendek 30 tahun kita telah melihat negara Korea Selatan berkembang daripada *system military dictatorship* menjadi salah satu ekonomi demokratik yang kuat sekali di dunia. Korea Selatan sekarang mengeluarkan barang-barang canggih *industrial and technological* daripada Samsung dan LG dan juga *soft power* melalui Korean... dan K-pop. Bukan sahaja ekonomi mereka secara keseluruhan *confidence level* Korea Selatan naik, main bola sepak pun meningkat.

Pendek kata Korea Selatan yang dahulunya di belakang Malaysia telah mencapai status *develop nation*. Apa yang ramai tidak ingat ialah pada masa 1990-an, ini Yang Berhormat Sungai Petani beritahu kita semalam, pada masa 90-an Korea Selatan melalui pelbagai protes pekerja dan pekerja mogok. Apabila krisis ekonomi melanda Korea Selatan 1997 masa yang sama dengan kita, hak-hak pekerja diarahkan dipertingkatkan oleh IMF kepada *western standards*. Dengan adanya hak pekerja yang lebih ia telah memberi rakyat Korea Selatan gaji yang lebih dan ini menaikkan *dignity of the workers* dan produktiviti terus meningkat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, boleh habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Oh! Banyak lagi. *[Ketawa]* Baiklah. Macam ini sahajalah *I will fast forward my speech*, dengan izin. Bagi saya, saya telah sentuh isu tentang GST. Saya akan sentuh sedikit tentang BR1M. Saya faham ramai rakyat Malaysia perlukan

BR1M. Kalau kita ada *living wage* BR1M itu tidak perlu lagi. Itu adalah kesimpulan yang senang difahami. Kalau kita kerja bersama, Kerajaan Malaysia dengan pembangkang untuk memastikan terdapat *living wage* itu RM1,500 setiap orang paling miskin. Kalau ini boleh berlaku, tidak payah bayar BR1M langsung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Orang kampung saya minta kerja dengan kerajaan, Yang Berhormat.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Siapa yang tidak kerja?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ada yang tidak kerja.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Ada yang tidak kerja? Yang tidak kerja itu kita kena cari lebih peruntukkan, sosial *welfare*.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pemberesar suara]*

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Bukan, BR1M you sekarang bayar RM4.7 juta penerima. Takkan 4.7 juta orang tidak kerja di Malaysia? Itu tidak betul. Susahlah cakap macam ini. *[Ketawa]*

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Boleh mencelah tidak?

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Tidak.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Saya hormat.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi saya dua minit lagi. Saya hendak gulung sedikit tentang PR1MA sebab Yang Berhormat Kota Tinggi timbulkan PR1MA tadi. PR1MA Ini saya faham bahawa kita cuba memberi rumah murah kepada golongan termiskin. Ini adalah satu benda yang baik, aspirasi dasar yang baik. Akan tetapi Yang Berhormat Pekan membuat *announcement* pengumuman tentang PR1MA dia kata dia hendak bagi RM1.6 bilion untuk *subsidize* 20% harga 175 ribu rumah PR1MA. Malangnya apabila saya buat kajian mendalam, kita dengar, kita percaya atau tidak kita buat kajian. Saya dapat angka-angka yang diberi oleh Yang Berhormat Pekan dengan izin adalah tidak benar.

Sekiranya setiap rumah, 175,000 buah rumah PR1MA menerima subsidi 20%, ini bersamaan dengan 9,143 subsidi setiap rumah. Kalau ini adalah 20%, we reverse the calculation, maka harga rumah yang PR1MA akan jual di bawah *announcement* Yang Berhormat Pekan adalah 46,000 sebuah.

■1620

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Saya terpaksa mencelah ini, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Ini *misleading* lagi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** *Sit down lah, please...*

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Minta maaf. Yang Berhormat sentuh tadi Kota Tinggi. Dua puluh peratus daripada *market value*. Kalau RM200,000, maka 20 peratus ialah RM160,000. Tak ada kena mengena dengan RM1.6 bilion, RM476,000. Itu semua *facilitate fund* untuk memudah cara.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Bukan.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Jadi dekat sini saya minta tolong, ini salah lagi ini. Ini *misleading the Dewan* lagi.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Bukan *misleading*...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Kita nak dengar fakta-fakta yang jelas, bukannya *misleading* Dewan.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Kota Tinggi...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Sahabat yang saya hormati, *please cakap fakta yang tidak misleading the Dewan*.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Saya memberikan fakta yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Pekan.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Bukan.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Transkrip dia di sini. Kita boleh baca.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Saya dengar. Saya dengar 20 peratus daripada *market value*.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** You boleh dengar, you baca transkriplah.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Bukan 20 peratus subsidi, bukan. Salah itu Yang Berhormat Kelana Jaya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Boleh habiskan Yang Berhormat.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Salah Yang Berhormat Kelana Jaya. Tarik balik.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Saya tidak tarik balik sebab ini transkrip dia.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Okey. Yang Berhormat Kota Tinggi, terima kasihlah. Nombor yang diberikan adalah daripada Yang Amat Berhormat Pekan. Dia kata dengan jelas sekali dalam transkrip pun ada, RM1.6 bilion dana untuk memastikan 175,000 rumah dapat subsidi 20 peratus. Apabila kita kira semula, maknanya rumah yang di *offer* oleh PR1MA adalah RM46,000 sebuah. Akan tetapi saya pergi ke *website*, saya tengok yang paling murah pun rumah PR1MA harganya RM100,000. Apabila saya membaca surat khabar, *surf internet*, cari terus, CEO PR1MA kata, rumah kita adalah dalam golongan RM100,000 sehingga RM400,000. Jadi, kenyataan macam ini memang menjelaskan kredibiliti Yang Amat Berhormat Pekan sendiri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Jadi oleh itu Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita perlu dalam bajet ini saya hendak kata adalah satu *sense of financial discipline* daripada Yang Amat Berhormat Pekan. *Financial discipline* bukan hanya kerja mengetatkan bajet sehingga ke 3.1 peratus defisit. *Financial discipline* bermakna tahun depan, Yang Amat Berhormat Pekan tidak boleh menggunakan bajet-bajet tambahan. *Financial discipline* bermakna mengadakan satu sistem perolehan yang *transparent and accountable*. Harapan rakyat jelata dan harapan semua Ahli-ahli Parlimen Pakatan Harapan adalah Yang Amat Berhormat Pekan boleh mengamalkan disiplin.

Tuan Yang di-Pertua, yang paling sedih, berdasarkan kepada prestasi Yang Amat Berhormat Pekan sebagai ketua 1MDB, kemungkinan besar apa yang kita semua harapkan adalah sesuatu yang mustahil. Oleh yang demikian, saya mendukung pendirian Yang Berhormat Permatang Pauh iaitu Yang Amat Berhormat Pekan perlu meletakkan jawatan sebagai Menteri Kewangan dan kita semua menolak bajet ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanah Merah.

#### 4.22 ptg.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberikan saya peluang untuk turut berbahas, *insya-Allah*, yang akan menyentuh hampir 10 buah kementerian.

Seperti mana yang diduga, pembentangan Bajet 2016 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 23 Oktober yang lalu mendapat pelbagai reaksi daripada pelbagai pihak. Dalam kalangan rakyat sudah pasti memuji, manakala dalam kalangan pembangkang sudah pasti mengejinya. Buatlah 1,000 kebaikan, barislah 1,000 jasa pun yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional, namun sudah tentu tiada pujian yang akan dihamburkan oleh pembangkang.

Walau bagaimanapun, kita tidak perlu gundah gulana apatah lagi tidur tidak lena. Biarlah pembangkang dengan kerena politik mereka. Pembangkang tetap pembangkang. Apa pun yang mereka katakan, biarpun apa yang mereka ucapkan, itu sama sekali tidak akan menjadi kudis kepada Kerajaan Barisan Nasional yang akan terus bersedia menempuh apa juga rintangan demi kesejahteraan rakyat Malaysia keseluruhan tanpa mengira agama, kaum maupun fahaman politik.

Tuan Yang di-Pertua, meneliti satu demi satu perkara-perkara yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang bermatlamatkan '*Mensejahtera Kehidupan Rakyat*', tiada siapa pun boleh menafikan ketulusan, keikhlasan dan kejujuran kerajaan dalam berusaha sebaik mungkin memberi kesejahteraan kepada rakyat secara keseluruhan biarpun berhadapan dengan cabaran global yang cukup getir.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). Walaupun pada permulaan pelaksanaan sistem cukai ini mendapat tentangan, namun sudah terbukti ia sebenarnya menjadi penyelamat kepada ekonomi negara. Kita harus memahami

Malaysia akan mengalami defisit belanjawan yang ketara jika kerajaan tidak mengambil langkah melaksanakan GST. Ini jelas kerana Malaysia bergantung sepenuhnya kepada hasil minyak dan komoditi yang mengalami penurunan harga mendadak lebih 50 peratus daripada paras USD100 setengah pada tahun 2014.

Saya melihat pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa kerajaan tidak akan mengenakan GST ke atas beberapa barang keperluan termasuk ubat-ubatan dan makanan adalah amat positif. Ini kerana langkah itu akan mampu meminimumkan kesan ke atas isi rumah berpendapatan sederhana dan rendah. Bagaimanapun, saya ingin menggesa kerajaan supaya bersikap memilih dan menumpukan kepada siapa yang harus manfaat dan diberikan bantuan sebelum meluluskan sebarang permintaan untuk meminta barang berkadar sifar GST.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai Kementerian Kesihatan, saya menyokong penuh hasrat kerajaan seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk terus memperjuangkan kualiti perkhidmatan kesihatan yang terbaik dan bertaraf dunia. Saya mengalu-alukan langkah kerajaan untuk membina hospital baru di Pasir Gudang, Kemaman, Pendang, Maran dan Cyberjaya.

Bagaimanapun di Dewan yang mulia ini, saya mengharapkan Kementerian Kesihatan akan membuat kajian menyeluruh mengenai keadaan dan keperluan hospital-hospital kerajaan yang sedia ada, bukan sahaja daripada segi tenaga kerja khususnya beban para doktor, pegawai perubatan tetapi juga infrastruktur.

Pada kesempatan ini, saya ingin membangkitkan masalah Hospital Tanah Merah yang saya berpendapat sudah tiba masanya dibina semula dengan infrastruktur yang lebih lengkap. Kekurangan katil bagi pesakit dan tempat meletakkan kenderaan masih lagi menjadi beban yang masih menghantui hospital tersebut. Malah, kelengkapan di Hospital Tanah Merah perlu ditingkatkan demi keselesaan pesakit. Saya ingin tahu, bilakah cadangan bangunan tambahan yang akan menyelesaikan kekurangan katil yang telah saya mohon kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada Mac 2013 semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri datang ke Tanah Merah dapat dibina?

Pada sesi penggal lepas, Yang Berhormat Menteri Kesihatan memaklumkan kepada saya bahawa mesin CT scan yang telah diluluskan akan dipasang di Hospital Tanah Merah pada bulan November, bulan depan. Jadi kah CT scan ini dipasang pada bulan depan?

Masalah kekurangan katil ini tidak harus dibiarkan kerana saya difahamkan di sesetengah hospital, ada pesakit yang sekadar duduk di atas kanvas atau kerusi roda bagi mendapatkan rawatan. Keadaan ini saya difahamkan berlaku di Hospital Sungai Petani. Saya tidak mahu keadaan ini berlaku di mana-mana hospital termasuklah di Hospital Tanah Merah kerana saya sentiasa berpendapat bahawa rakyat berhak mendapatkan perkhidmatan kesihatan terbaik daripada hospital-hospital kerajaan.

Begitu juga jalan untuk ke Hospital Tanah Merah yang terletak atas bukit adalah begitu sempit. Jalan yang sempit inilah digunakan untuk keluar masuk semua kenderaan termasuk lori-lori yang membawa tong-tong gas yang cukup berbahaya seandainya kemalangan berlaku.

Maka, saya memohon sebuah jalan baru perlu dibina dengan segera sebelum satu bencana terjadi.

Saya ingin menegaskan, pembangunan semula Hospital Tanah Merah bukan sukar untuk dilaksanakan kerana sudah ada tanah yang sesuai bagi tujuan berkenaan. Apa yang diharapkan ialah kelulusan daripada Kementerian Kesihatan menyediakan peruntukan secukupnya bagi membolehkan ia dilaksanakan. Saya ingin memohon satu keperluan yang amat mendesak agar pembinaan klinik kesihatan jenis dua dengan kuarters yang telah dirancang dalam RMKe-11 dapat dibina. Harap ia dapat dibina dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyentuh soal tenaga kerja di hospital-hospital pula, saya percaya dan yakin bukan sahaja bebanan ini ditanggung oleh doktor-doktor di Hospital Tanah Merah tetapi juga di hospital-hospital di tempat lain. Kementerian Kesihatan perlu mengkaji penempatan doktor secara saksama bagi mengelak berlakunya kekurangan tenaga doktor di sesebuah hospital. Contohnya, di sesetengah hospital, doktor yang ditempatkan di Unit Kecemasan adalah kurang berbanding jumlah yang diperlukan. Termasuklah di Hospital Tanah Merah, kekurangan doktor atau MO kini ada sekitar 36 orang, perlu ditambah kepada 50 orang. Saya mohon Kementerian Kesihatan tolong pertimbangkan keperluan tambahan yang mendesak ini.

Saya ingin mengucapkan tahniah juga kepada Pengurus Tabung Haji yang juga sahabat saya, Yang Berhormat Baling dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom kerana berjaya melaksanakan tugas yang begitu cemerlang dalam memimpin Lembaga Tabung Haji. Tahun ini, sekali lagi jemaah haji Malaysia di bawah kelolaan Tabung Haji mendapat pujian daripada Kerajaan Arab Saudi kerana dianggap sebagai jemaah yang paling teratur dan berdisiplin.

Bagaimanapun, pada kesempatan ini, saya mengucapkan takziah kepada ahli keluarga mangsa yang terkorban dalam tragedi kren tumbang di Masjidil Haram ketika musim haji yang lalu yang turut melibatkan mangsa yang terkorban dan tercedera daripada Parlimen saya.

Seperti mana yang diketahui, pemerintah Arab Saudi telah berjanji akan memberikan pampasan kepada ahli keluarga jemaah haji yang terkorban dan jemaah haji yang tercedera. Dalam hal ini, saya berharap Tabung Haji akan mengadakan rundingan secepat mungkin dengan pemerintah Arab Saudi bagi memastikan pampasan yang dijanjikan dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, setiap umat Islam di negara ini amat berhasrat untuk menjelaskan kaki ke Tanah Suci bagi melaksanakan Rukun Islam kelima itu. Bagaimanapun, kekangan kewangan sering menjadi hambatan. Sebelum ini, mulai tahun 2013, pencarum-pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) diberikan kemudahan dalam soal menunaikan ibadah haji.

#### ■1630

Kemudahan pertama ialah pengeluaran secara langsung dari akaun dua untuk menampung sebahagian kos menunaikan haji sehingga RM3,000. Manakala kemudahan kedua, membolehkan seorang ahli KWSP membuat pendaftaran haji dengan Lembaga Tabung Haji

tanpa perlu mendepositkan simpanan minimum sebanyak RM1,300 dalam akaun Tabung Haji. Bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, berikutan kenaikan kos sara hidup yang semakin meningkat, saya percaya ramai pencarum KWSP tidak dapat menyimpan wang di Tabung Haji bagi memenuhi impian mereka mencukupkan jumlah yang dikehendaki bagi menunaikan ibadat itu. Malah ada di antara mereka mungkin berhasrat memenuhi impian ibu bapa mereka untuk menunaikan haji.

Justeru itu, di Dewan yang mulia ini saya ingin mencadangkan agar kerajaan melalui KWSP supaya membenarkan pencarum-pencarum KWSP menggunakan akaun dua untuk membayar kos haji sepenuhnya. Bagi mengelakkan sebarang salah guna terhadap kemudahan tersebut jika ia dilaksanakan, saya mencadangkan supaya wang itu dibayar terus ke Tabung Haji tanpa perlu melalui akaun peribadi ataupun akaun Tabung Haji pencarum. Selain itu, kemudahan ini jika dilaksanakan harus terhad kepada mereka yang menunaikan haji buat kali pertama sahaja ataupun bertujuan untuk menghantar ibu bapa kandung mereka menunaikan haji. Saya percaya dan yakin jika kemudahan ini dilaksanakan ia akan memberi ruang dan peluang kepada ramai umat Islam di negara ini menunaikan ibadat berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Larut atas pelantikan beliau sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Saya sama sekali tidak meragui keupayaan beliau untuk menerajui kementerian yang dianggap amat rapat dengan rakyat ini. Bagaimanapun saya percaya bahawa Yang Berhormat Menteri amat memahami tanggungjawab berat beliau mengemudi sebuah kementerian tersebut. Walaupun kerajaan telah meningkatkan kadar pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), namun saya percaya usaha perlu ditingkatkan melalui KPDNKK untuk terus mengurangkan beban rakyat.

Saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat Lenggong tadi pagi bahawa kaedah pemberian BR1M perlu diberi dengan kaedah lain. Oleh kerana penerima BR1M kini tidak menggunakan BR1M untuk membeli barang-barang asas tetapi dihabiskan dengan membeli rokok dan *handphone* pintar. Maka, cadangan Yang Berhormat Lenggong dan dicelah oleh Yang Berhormat Setiawangsa, kita harus mencari jalan kaedah membayar penerima BR1M melalui mungkin dengan kad debit ataupun kupon yang saya anggap merupakan satu cadangan yang bernalas, yang akan mencapai tujuan asal BR1M. Ini kerana hari ini wang ini telah banyak disalahgunakan.

Saya juga ingin mencadangkan agar jumlah Kedai Harga Patut, Kedai Kain 1Malaysia, Kedai Rakyat 1Malaysia dan Restoran 1Malaysia ditambah jumlahnya. KPDNKK disarankan untuk menggiatkan lagi untuk menarik lebih banyak pasar raya-pasar raya bagi terlibat dalam program Kedai Harga Patut. Dalam masa yang sama, usaha juga perlu dilakukan bagi memastikan penduduk-penduduk di kawasan luar bandar, khususnya yang tidak mempunyai pasar raya-pasar raya besar menikmati harga barang keperluan dengan harga rendah bagi mengurangkan bebanan kos sara hidup mereka.

Bagi penduduk luar bandar, saya menggesa KPDNKK untuk berusaha meningkatkan kewujudan kedai-kedai runcit melalui Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR). Seperti mana yang diketahui sejak diperkenalkan tahun 2011, sebanyak 616 buah kedai menyertai TUKAR lebih daripada setahun. Sebanyak 77% daripada mereka telah mencatat peningkatan jualan melebihi 100%.

Angka ini menunjukkan Program TUKAR yang dilaksanakan oleh kerajaan bukan sahaja memberikan keuntungan kepada pekedai tetapi juga mampu mengurangkan beban rakyat, khususnya di kawasan luar bandar. Selain itu, KPDNKK diharapkan akan menggiatkan lagi Kempen Turun Harga melibatkan pasar raya-pasar raya supaya ia boleh menjadi alternatif kepada rakyat untuk mendapatkan barang keperluan dengan harga yang lebih murah.

Tuan Yang di-Pertua, ilham kerajaan mewujudkan KR1M dulu adalah mengurangkan bebanan golongan berpendapatan rendah yang terpaksa menanggung kos kehidupan yang agak tinggi, terutama di kawasan-kawasan luar bandar akibat peningkatan harga minyak. Di KR1M rakyat berpeluang belanja dengan kos rendah berbanding dengan pasar raya-pasar raya lain. Bagaimanapun rangkaian KR1M yang belum menyeluruh menjadikan pengguna yang berpendapatan rendah dan sederhana terpaksa berbelanja di tempat-tempat lain yang tidak semuanya menawarkan harga berpatutan.

Dalam keadaan ramai merungut tentang harga barang-barang, salah satu cara melawan sikap sesetengah peniaga yang liat menurunkan harga barang adalah dengan memperbanyakkan dan memperkasakan Kedai Rakyat 1Malaysia. KR1M perlu memperluaskan operasi mereka di merata-rata tempat dengan menambah jumlah premis perniagaan.

Bagaimanapun dalam usaha memastikan KR1M benar-benar berperanan seperti mana yang diharapkan oleh kerajaan, pengendali atau operator KR1M mestilah memperbanyakkan jenis barang yang dijual supaya pengguna dapat membeli apa yang diingini dan mempunyai banyak pilihan. Bukannya terpaksa beredar ke premis lain disebabkan ketiadaan dua atau tiga barang yang diperlukan dalam satu masa. Saya juga percaya KR1M juga tidak akan menghadapi masalah jika barang-barangan dijual di premis tersebut dibekalkan oleh pengeluar dengan harga patut seperti mana premis-premis lain untuk memastikan KR1M dapat menjual dengan harga lebih murah. Pelbagai inisiatif mesti dilakukan termasuk meminimumkan tenaga pekerja kerana boleh menjimatkan kos operasi kedai.

Pihak pengusaha KR1M juga mestilah berusaha mendapatkan barang-barangan basah secara terus daripada pengusaha pertanian atau petani. Dengan cara ini turut membantu mengurangkan kos pembelian di samping membantu petani yang tidak tahu hendak dilonggokkan ke mana hasil sampingan mereka di tanah-tanah lapang sekitar rumah atau di kawasan-kawasan lapang berskala kecil. Jika usaha-usaha ini mendatangkan masalah, pihak KR1M boleh bekerjasama dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) agar mereka memperoleh barang dengan harga rendah. Dalam pada itu FAMA mestilah bersedia membekalkan bahan-bahan keperluan KR1M agar kedai tersebut sentiasa mendapat barang murah daripada pembekal.

Namun begitu, dalam apa keadaan sekalipun KR1M perlu memastikan tidak kira apa pun barang yang hendak dijual ia mestilah mempunyai kualiti yang tinggi dan bukannya bertaraf asal ada sahaja. Ini memandangkan kita tidak mahu sebarang perniagaan barang yang tidak berkualiti di KR1M menyebabkan rakyat memandang serong kepada kerajaan. Beberapa isu yang sebelum ini timbul mengenai kualiti barang di KR1M perlu dipastikan oleh pihak pengurusan tidak berulang. Pihak pengurusan KR1M haruslah memastikan perkhidmatan dan kualiti KR1M benar-benar menepati hasrat kerajaan dan rakyat.

Di pihak KPDKKK pula, saya mencadangkan supaya lawatan berskala dilakukan dari semasa ke semasa di premis KR1M bagi memantau perjalannya. Melalui langkah ini saya percaya KPDKKK dapat mengetahui bagaimakah taraf perkhidmatan KR1M kepada rakyat dan apa pula harapan rakyat kepada KR1M.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan harga barang pula, saya menyokong penuh pengumuman Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada Ahad lalu bahawa 3.2 juta orang ahli RELA akan membantu pegawai penguat kuasa KPDKKK dalam melakukan pemantauan dan operasi kawalan harga supaya lebih berkesan dan menyeluruh. Tindakan ini adalah tepat memandangkan ketika ini masih ada peniaga-peniaga tamak yang terus mengambil kesempatan menaikkan harga barang-barang mereka sesuka hati dengan pelbagai alasan.

Bercakap soal harga barang ini juga, seperti mana yang kita ketahui harga bahan bakar negara berubah setiap akhir bulan. Ada ketikanya naik dan ada ketikanya turun. Apabila bahan bakar ini naik, peniaga-peniaga akan cepat menaikkan harga barang mereka dengan alasan kos meningkat. Akan tetapi yang anehnya, soal kos tidak pula diperkatakan apabila harga bahan bakar itu turun. Dalam bahasa mudah, peniaga hanya tahu menaikkan harga sahaja tetapi liat untuk menurunkannya.

Dalam berhadapan dengan situasi ini, saya ingin menggesa KPDKKK bukan sahaja meningkatkan penguatkuasaan tetapi berusaha mencari jalan berunding dengan pasar raya-pasar raya bagi mewujudkan kerjasama dengan menjadi pilihan pengguna berikutan harga bahan bakar yang tidak menentu tersebut.

Melalui jalinan kerjasama itu, pasar raya-pasar raya terlibat tetap menjual barang mereka dengan harga yang lebih murah berbanding premis-premis perniagaan lain tanpa mengira kedudukan harga bahan bakar setiap bulan. Kalaupun kenaikan harga terpaksa dilakukan kerana harga minyak naik tetapi barang-barang di pasar raya-pasar raya terlibat tetap masih rendah.

Tuan Yang di-Pertua, kita masih lagi mendengar rungutan berhubung caj perkhidmatan 10% yang dikenakan oleh restoran dan hotel-hotel. Ramai yang berpendapat dalam situasi ekonomi sekarang, pengusaha restoran dan hotel perlu mempunyai sikap prihatin bagi bersama-sama mengurangkan beban rakyat. Oleh itu bagi pendapat saya caj perkhidmatan tidak lagi wajar dikenakan pada masa sekarang. Kalau dahulu caj diwujudkan sebab gaji pekerja rendah iaitu RM450 sebulan.

Oleh kerana itu kerajaan mewujudkan perjanjian bersama. Akan tetapi sekarang gaji minimum akan dinaikkan kepada RM1,000. Justeru itu, sudah tidak ada keperluan untuk terus mengenakan caj perkhidmatan itu. Malah gaji pekerja seharusnya ditanggung oleh majikan bukan pengguna yang telah membayar untuk makan dan minum. Kalaupun tidak boleh dihapuskan, saya menggesa supaya KPDKKK mengadakan rundingan dengan pengusaha restoran dan hotel, mengurangkan kadar yang dikenakan mungkin sekitar antara 5% hingga 8% sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya gembira dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam soal pemilikan rumah melalui pembinaan oleh PR1MA, Rumah Mesra Rakyat, Perumahan Penjawat Awam, membina pangaspuri dan rumah teres di bawah program Perumahan Rakyat oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

#### ■1640

Bagaimanapun saya berharap pelaksanaan semua projek itu bukan sahaja di kawasan bandar tapi juga di kawasan luar bandar termasuklah di Parlimen Tanah Merah. Melalui cara itu ia akan membuka peluang kepada rakyat sama ada di bandar maupun di luar bandar memiliki rumah sendiri.

Dalam masa yang sama, saya ingin menggesa KPKT supaya mengadakan perbincangan dengan bank-bank supaya tidak mewujudkan banyak halangan ataupun kerenah birokrasi bagi pembeli-pembeli rumah terutama bagi yang kali pertama mahu memilikinya. Berdasarkan pernyataan saya, negara kita sehingga kini tidak mempunyai dasar pemilikan rumah yang digubal atau di warta secara undang-undang di Dewan Rakyat. Malah, rakyat yang berpendapatan sederhana dan rendah terperangkap dengan polisi institusi kewangan yang diluluskan oleh kerajaan terutamanya membabitkan pinjaman perumahan hingga terpaksa membayar sehingga 30 tahun.

Apa yang kita ada sekarang ialah dasar perumahan negara untuk pemain industri perumahan dan harta tanah. Oleh itu, saya berpendapat sepatutnya sudah sampai masanya kerajaan menggubal dasar pemilikan rumah untuk rakyat. Kalau kita ada tabung pendidikan seperti Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN), kenapa tidak boleh wujudkan skim tabungan untuk perumahan.

Dalam soal perumahan ini juga, saya ingin menggesa kerajaan memandang serius kenaikan harga rumah di kawasan bandar-bandar yang kadangkala boleh kita anggap tidak masuk akal, kerana ini menjadikan orang Melayu dan bumiputera semakin berkurangan di kawasan-kawasan bandar. Mereka hanya mampu membeli di kawasan-kawasan pinggir bandar. Itu pun dengan harga yang tinggi sehingga ada yang di antara mereka tidak mampu memiliki rumah sendiri kerana kekangan pendapatan. Oleh itu, saya ingin mencadangkan agar kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengkaji atau mencari satu mekanisme bagi memastikan kegilaan harga rumah yang melampau di kawasan-kawasan bandar tidak lagi berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, saya juga ingin menggesa perhatian terus dipertingkatkan dalam soal kebajikan anggota bomba khususnya daripada segi gaji, elaun dan perumahan. Pada Mei yang lalu, Yang Berhormat Menteri pernah menyatakan kebajikan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat akan dipertingkatkan merangkumi elaun kritikal dan elaun bantuan kebajikan. Saya berharap ia dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh. Ini memandangkan jasa anggota bomba dan penyelamat amat besar kepada rakyat dan negara ini. Selain kebakaran, mereka juga bertanggungjawab bagi operasi-operasi menyelamat seperti yang berlaku di Kelantan ketika banjir besar yang tahun lalu.

Justeru itu, jasa anggota bomba perlu dihargai termasuklah memastikan perumahan yang disediakan untuk mereka dalam keadaan selesa dan sempurna. Kita tidak mahu mereka mendiami berek-berek, atau kuarters-kuarters yang sudah usang sedangkan pasukan keselamatan lain mendiami kediaman yang selesa yang disediakan oleh kerajaan melalui peruntukan berjuta-juta ringgit setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melalui Bajet 2016, kerajaan akan terus melaksana usaha membangun infrastruktur luar bandar. Ini termasuklah antaranya peruntukan RM1.4 bilion bagi membina serta menaik taraf jalan luar bandar sepanjang 700 kilometer di seluruh negara, RM878 juta untuk projek bekalan elektrik luar bandar dan meneruskan program *World Business Challenge*. Dalam memperkatakan soalan ini, saya berharap pelaksanaan usaha menaik taraf jalan di luar bandar harus dilakukan dengan bersungguh-sungguh dengan memastikan hanya kontraktor yang benar-benar layak sahaja diberi tanggungjawab tersebut.

Ini memandangkan sesetengah jalan di kawasan luar bandar mempunyai kualiti pembinaan yang cukup rendah. Jalan itu mudah rosak dalam masa yang singkat. Kerana ini sudah tentulah bukan sahaja menyusahkan pengguna atau rakyat luar bandar tetapi juga menyebabkan kos yang meningkat. Oleh itu, saya ingin mencadangkan pemilihan kontraktor dilakukan secara berhati-hati dan hanya melantik kontraktor yang benar-benar layak bagi memastikan usaha kerajaan untuk menaik taraf jalan-jalan di kawasan luar bandar tidak menjadi sebuah impian yang tidak menjadi kesampaian dan dianggap “*melepaskan batuk di tangga*” sahaja.

Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan terima kasih dan melafazkan seribu kesyukuran.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Yang Berhormat Tanah Merah. Yang Berhormat Tanah Merah. Sini depan. Sungai Siput.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Boleh tidak saya hendak habiskan? Saya ini muka, *then I give you laluan ya. Definitely, I will give it to you.* Terima kasih.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Okey. Thank You.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan terima kasih dan melafazkan seribu kesyukuran apabila pembentangan Bajet

2016, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan Parlimen Tanah Merah merupakan antara empat kawasan yang akan diwujudkan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM). Kewujudan MRSM ini amat besar ertiya kepada penduduk-penduduk Tanah Merah yang sebelum ini terpaksa menghantar anak-anak mereka ke luar daerah bagi meneruskan pengajian di MRSM. Apatah lagi keputusan kerajaan agak tepat memandangkan Tanah Merah merupakan antara daerah yang turut mencatatkan keputusan cemerlang setiap kali UPSR diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya gembira dengan kewujudan MRSM tersebut, namun dalam masa yang sama saya merasa gusar dengan jumlah pengangguran yang semakin meningkat dalam kalangan graduan. Sementara kita akui, ada kalangan mereka yang memilih pekerjaan, namun kelemahan dalam penguasaan bahasa Inggeris dilaporkan menjadi salah satu faktor kegagalan mereka untuk mendapatkan pekerjaan. Berdasarkan maklumat yang saya perolehi, ramai graduan gagal ketika sesi temu duga pekerjaan kerana bahasa Inggeris.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan Tinggi mewujudkan satu program khas bagi tempoh antara tiga bulan hingga empat bulan atau satu semester dengan memastikan semua mahasiswa mengikuti kelas Bahasa Inggeris secara intensif. Ini bermakna, apabila mereka mendaftar diri sebagai mahasiswa di mana-mana juga IPTA, mereka harus diwajibkan menyertai kelas ini. Saya percaya dan yakin melalui langkah ini ia akan dapat membantu mahasiswa khususnya yang datang dari kawasan luar bandar menguasai bahasa Inggeris dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, pada Khamis lalu di Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi telah memaklumkan jumlah pelaburan dalam bidang pendidikan mencatat pulangan sebanyak 5.6% selepas meraih perolehan RM5.33 bilion dalam tempoh 2007 hingga 2014. Pendapatan ini merupakan hasil kutipan daripada perkomersialan produk dan idea meliputi perkhidmatan konsultasi dan sepanjang tempoh berkenaan.

Oleh itu, saya menggesa kerajaan untuk terus meningkatkan dana yang disediakan oleh kerajaan kepada universiti awam bagi tujuan penyelidikan. Langkah ini penting bagi memastikan usaha penyelidikan yang dilakukan oleh universiti tidak tergugat atau menghadapi kekangan kerana masalah kekurangan dana. Adalah penting dana kepada lima universiti penyelidikan seperti Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia terus ditingkatkan dari semasa ke semasa. Ini kerana melalui penyelidikan yang dilaksanakan ia akan dapat menjadi satu batu loncatan dalam usaha untuk merangka strategi bagi mempertingkatkan dan memperkuuhkan lagi kedudukan IPTA, institusi tempatan di peringkat antarabangsa sekali gus meningkatkan kedudukan atau ranking di kalangan universiti terkemuka dunia seperti dalam penarafan *Times Higher Education Supplement*.

Ia juga selaras dengan hasrat Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang menyasarkan sekurang-kurangnya tiga institusi pengajian tinggi disenaraikan di antara satu universiti terbaik dunia dan satu antara 50 universiti terbaik dunia menjelang 2020. Saya bagi laluan. Terima kasih.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Yang Berhormat Tanah Merah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak balik kepada isu ketirisan dana dalam membekalkan infrastruktur pada kawasan desa. Bolehkah kita cari kaedah di mana kita jadikan masyarakat luar bandar sebagai *partner* kita untuk kawal ketirisan ini dengan kita memberi transparensi. Kita memberitahu *a population* yang disasarkan apakah spesifikasi projek itu. Jika jalan kah, jika sekolah kah apa spesifikasinya. So *then*, mereka digalak untuk memantau dan beritahu kita jika ada lari daripada spesifikasi itu. So, *you need them partners in the whole process*. Apa macam kaedah itu? Terima kasih.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Terima kasih Yang Berhormat. Kaedah yang skim yang ada pada hari ini adalah baik cuma masalah yang saya bangkitkan tadi pemilihan kontraktor. Cadangan Yang Berhormat Sungai Siput saya boleh saya harap boleh dikaji dan dipertimbangkan oleh kerajaan. Cuma masalah kaedah kontraktor yang dipilih kadang-kadang disebabkan tender menyebabkan kita memilih kontraktor yang tidak berwibawa dan kontraktor mungkin saya kita memahami sebagai kontraktor mereka ingin mendapatkan keuntungan yang maksimum menyebabkan mutu kerja mereka tidak memuaskan.

Sebab itulah, saya meminta Kementerian Luar Bandar untuk memastikan jalan-jalan di luar bandar, kita memilih kontraktor-kontraktor yang berwibawa dan mempunyai rekod yang baik agar penduduk luar bandar tidak *suffer*, tidak merana kerana baru sahaja jalan hari ini buat dalam beberapa bulan jalan sudah mengalami kerosakan. Terima kasih cadangan pandangan Yang Berhormat Sungai Siput agak baik. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua. Keamanan memainkan peranan yang amat penting dalam menentukan kestabilan negara. Kita tidak boleh membiarkan sebarang anasir luar mahupun dalam merosakkan keamanan dan ketenteraman yang dikecapi sekarang. Semua negara mengetahui ancaman yang diwujudkan oleh militan negara Islam (IS). Tahniah saya ucapan pada Polis Diraja Malaysia (PDRM), khususnya bahagian *Anti Terrorism* yang berjaya menahan beberapa individu termasuklah warga asing yang terlibat dengan kumpulan pengganas berkenaan.

#### ■1650

Bagi memastikan usaha memerangi keganasan terus berjaya, saya ingin mencadangkan supaya Bahagian *Counter Terrorism* dinaikkan taraf sebagai sebuah jabatan tidak lagi sekadar salah satu bahagian di bawah Cawangan Khas PDRM.

Saya mengemukakan cadangan ini kerana berdasarkan maklum balas yang diterima, sudah tiba masanya Bahagian *Counter Terrorism* ini diletakkan secara berasingan dan mempunyai pengaruhnya sendiri. Satu ketika dahulu bahagian ini sememangnya diletakkan berasingan daripada Cawangan Khas tetapi setelah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dimansuhkan, Kementerian Dalam Negeri melihat tiada keperluan bahagian tersebut diasangkan. Berikut itu, beberapa tahun lalu ia diletakkan di bawah cawangan tersebut.

Bagaimanapun, dengan meningkatkan ancaman keganasan ditambah pula dengan kewujudan Akta Anti Keganasan, maka sewajarnya Bahagian *Counter Terrorism* ini dikembalikan atau dinaikkan taraf sebagai sebuah jabatan.

Dalam masa yang sama, bahagian ini perlu diperkuuhkan dengan penyertaan semula unit yang bertanggungjawab mengesan pengubah wang haram yang kini diletakkan di bawah Jabatan Jenayah Komersil. Melalui langkah itu, ia akan memberikan Bahagian *Counter Terrorism* mengesan kemasukan dana-dana dan bagi tujuan aktiviti keganasan dengan lebih cepat.

Tuan Yang di-Pertua, pada kesempatan ini juga demi kebaikan rakyat dan bagi mengelakkan ketirisan hasil negara, saya ingin menggesa Kementerian Dalam Negeri mempercepatkan proses penubuhan agensi tunggal bagi mengawal sempadan. Cadangan ini sudah pun diumumkan kementerian sebelum ini dengan menaikkan taraf Unit Pencegah Penyeludupan sebagai sebuah agensi mengawal sempadan.

Kewujudan agensi itu dengan ini amat penting bagi memastikan kawalan di kawasan sempadan termasuklah di negeri saya Kelantan akan lebih efisien dan berkesan serta menghapuskan sebarang kegiatan penyeludupan dalam apa jua bentuk.

Tuan Yang di-Pertua, dari semasa ke semasa kegilaan media sosial semakin menjadi-menjadi. Perbagai dakyah, tohmahan dan fitnah disebarluaskan sehingga boleh menggugat keselamatan dan perpaduan kaum serta keharmonian agama di negara ini.

Oleh itu saya ingin menggesa Kementerian Komunikasi dan Multimedia mewujudkan Pasukan Petugas Khas di Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia bagi menangani masalah ini. Sudah tiba masanya kegilaan penyebaran maklumat yang boleh mengancam kedamaian rakyat Malaysia diperangi habis-habisan. Ia tidak boleh lagi dilakukan sambil lewa seperti menanti laporan semata-mata. Sebaliknya, melalui pertubuhan Pasukan Petugas Khas ini mereka akan mampu memberi tumpuan penuh bagi mengesan dalang-dalang yang melakukan perbuatan tersebut.

Dalam suasana ledakan teknologi maklumat kini, satu catatan sahaja dalam *Facebook*, *Twitter* atau SMS boleh menghuru-harakan negara atau mewujudkan tegangan kaum dalam masyarakat. Ini ialah perkara yang sama sekali tidak boleh kita kompromi.

Kewujudan Pasukan Petugas Khas ini akan bertanggungjawab mengawal portal-portal berita ataupun blog yang dengan sengaja menyiaran berita-berita tidak benar khususnya melibatkan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rakyat Kelantan saya mengalu-alukan langkah kerajaan menubuhkan agensi khas bagi menangani bencana banjir. Langkah ini amat tepat sekali bagi menggalakkan bantuan yang disalurkan kepada mangsa-mangsa banjir akan dapat dilakukan dengan segera.

Apa yang berlaku ketika bencana banjir akhir tahun lalu memberi seribu satu pengajaran kepada kita bagaimana hendak menangani bencana yang berlaku di luar jangkaan. Sepertimana yang kita ketahui, ketika banjir itu berlaku ramai mangsa banjir terputus bekalan makanan dan keperluan asas.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan diwujudkan pusat pengumpulan barang-barang makanan dan keperluan asas ataupun *one-stop centre* di negeri-negeri yang berisiko dilanda banjir. *One-stop centre* ini perlu diwujudkan apabila musim tengkujuh bermula dengan dilengkapi segala kemudahan pengangkutan bagi membolehkan bantuan disalurkan dengan segera.

Selain itu, dicadangkan satu bancian penduduk dilakukan bagi menentukan jangkaan jumlah mangsa banjir jika banjir berlaku. Melalui kaedah ini, pihak berkuasa dapat mengenal pasti dengan tepat jumlah mangsa bagi memastikan bekalan yang dihantar adalah mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menggulung perbahasan ini dengan menyatakan bahawa tiada sesiapa pun boleh menafikan niat ikhlas Kerajaan Barisan Nasional dalam meningkatkan taraf hidup rakyat dan kesejahteraan kehidupan mereka. Namun kita perlu akui kadang kala hasrat itu tergendala atau terbantut bukan kerana kerajaan yang membuat dasar, tetapi disebabkan masalah di peringkat pelaksanaan. Akibat daripada keadaan itu, ia telah mewujudkan persepsi yang tidak baik kepada kerajaan.

Oleh itu, saya ingin menggesa kerajaan supaya mewujudkan jawatankuasa khas bagi memantau segala perancangan yang terkandung dalam Bajet 2016 dilaksanakan mengikut apa yang diputuskan kerajaan, diselesaikan tepat pada waktunya.

Kita tidak boleh lagi membiarkan wujudnya tafsiran kononnya kerajaan hanya bijak mengumumkan sesuatu agenda mahupun program tetapi di peringkat pelaksanaan ia entah ke mana.

Jawatankuasa ini harus disertai oleh semua agensi termasuklah Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) bagi memastikan tiada ketirisan dan penyelewengan berlaku sepanjang program-program yang digariskan oleh kerajaan dijalankan.

Walaupun bajet ini seperti biasa mendapat pelbagai kritikan daripada pakatan pembangkang, tetapi saya percaya mereka hakikatnya bagaikan cacing kepanasan kerana Bajet 2016 mendapat reaksi positif daripada rakyat. Mereka bimbang penerimaan rakyat terhadap Bajet 2016 berbanding bajet Mat Jenin mereka akan menyebabkan rakyat terus memberi sokongan kepada Barisan Nasional.

Oleh itu, mereka berusaha mengalih pandangan rakyat kepada pembentangan Bajet 2016 dengan membangkitkan perkara-perkara yang tidak relevan yang *misleading* Dewan seperti yang dikatakan oleh kawan-kawan tadi. Sepatutnya jika benar mereka pembangkang yang bertanggungjawab, mereka bukan hanya tahu mengecam dan mengkritik sahaja sebaliknya perlu memberi pandangan membina bagi menambah baikkan lagi pelaksanaan Bajet 2016. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masih dalam senarai di hadapan saya, saya kena panggil Yang Berhormat Bandar Kuching. Akan tetapi sebelum saya panggil Yang Berhormat Bandar Kuching, saya ingin ingatkan kembali, kelmarin saya dikunjungi oleh Ketua-ketua Whip daripada pembangkang yang mohon supaya pada hari ini setengah-setengah jam. Esok kita sudah mula hadkan masa kepada 20 minit. Ini permintaan daripada wakil-wakil rakyat sendiri.

Jadi suka saya ingatkan kalau berhujah itu, kalau tidak lebih setengah jam pun boleh, padatkan hujah. Bersikap adil kepada teman-teman yang ingin berhujah. Silakan Yang Berhormat Bandar Kuching. Elakkan juga kekecohan kerana itu menghabiskan masa. Silakan Yang Berhormat Bandar Kuching. Kalau provoke pun...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Provoke sedikit-sedikit boleh lah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sedikit-sedikit lah. *[Ketawa]* Jangan banyak sangat. Jangan sampai orang sebelah lontar, boleh lah.

#### 4.57 ptg.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas Bajet 2016.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpanggil untuk berbahas di sini untuk memperbetulkan satu persepsi yang tidak betul yang diberikan kepada Yang Amat Berhormat Pekan oleh Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Datuk Patinggi Haji Adenan Satem semasa Yang Amat Berhormat Pekan melawat Sarawak.

Persepsi yang tidak betul itu yang saya akan sebut ini adalah bahawa orang Sarawak sokong Yang Amat Berhormat Pekan supaya terus menjadi Perdana Menteri. Ini adalah apa yang dikatakan oleh Ketua Menteri Sarawak semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, *"Prime Minister, you are not alone. This is the time we show him that we are behind him. We are now affair whether friend. We support you when you are down. Never doubt our loyalty. When the time comes, we will show that we can be thankful to our Prime Minister unlike some people in UMNO who do not know how to be grateful"*.

Ini adalah perkataan Ketua Menteri Sarawak semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melawat Sarawak. Seolah-olah orang Sarawak memberi sokongan yang sepenuhnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Saya ingin memberitahu...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Bandar Kuching, boleh minta penjelasan?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ya.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soal apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bandar Kuching sebentar tadi. Saya ingat Yang Berhormat Bagan telah memuji Yang Berhormat Bandar Kuching. Soal Lebuhraya Pan Borneo, akan dilaksanakan akan diwujudkan di Sabah dan Sarawak kerana Yang Berhormat Bandar Kuching membawa perkara ini seolah-olah Yang Berhormat Bandar Kuching ini sebagai hero kepada Lebuhraya Pan Borneo.

Adakah Yang Berhormat Bandar Kuching setuju dengan saya, oleh kerana Yang Berhormat Bagan puji Yang Berhormat Bandar Kuching bahawa Sarawak sudah berterima kasih kerana Lebuhraya Pan Borneo ini akan dilaksanakan, akan dibina.

■1700

Itu saya rasa rakyat Sarawak berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Setuju atau tidak? Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Saya akan, saya akan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Bandar Kuching nanti dahulu! Yang Berhormat Bandar Kuching belum pun masuk dengan soalan Pan Borneo. *You prey and sue.*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Lebih-lebih lagi dia tanya yang soalan yang tidak ada kaitan lagi. Tiada standard.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, silakan Yang Berhormat Bandar Kuching teruskan.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Okey, tidak apa. Ya, saya ingin beritahu Dewan yang mulia ini sebelum kita bersidang hari ini, sesi ini. Salah satu soalan yang sering ditanya oleh kawan-kawan saya, pengundi-pengundi saya di kawasan Kuching, di Sibu, di Bintulu ada. Adakah itu *no confident motion* itu, *succeed. Were these no confident were shall succeed this time.* Mereka, ramai orang Sarawak yang hendak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Pekan supaya meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri. Oleh itu, saya ingin membetulkan satu persepsi yang tidak betul yang diberikan oleh Ketua Menteri Sarawak bahawa seolah-olah orang Sarawak sokong Yang Amat Berhormat Pekan sebagai, terus menjadi Perdana Menteri. Kita mahu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meletakkan jawatan itu dalam Menteri. *Please step down for the sake of country, for sake of our children.*

Isu yang kedua yang ingin dibangkitkan hari ini adalah mengenai kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentang bajet 2016 ini. Yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bajet ini adalah untuk memperhebat pembangunan Sabah dan Sarawak. Ini merupakan satu kenyataan “*bohong yang besar itu*” kerana saya ada angka-angka yang boleh membuktikan bahawa...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Bandar Kuching, semalam baru saya baca, saya rujuk *unparliamentary words* di *House of Commons* di England, di Australia, di Canada, New Zealand. *One of the words that they don't use and the Speakers asked to withdraw is* perkataan *liar*, bohong. *See you so, very normal, so if possible.* Elakkan perkataan-perkataan begitu.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Saya bukan sebut bahawa Yang Berhormat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebut sahaja saya tidak bersetuju. *Then, mengemukakan data.*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Okey, mengelirukan, mengelirukan. Bukan sahaja mengelirukan Dewan yang mulia ini tetapi mengelirukan orang Sarawak juga.

**Seorang Ahli:** Ya,betul. *[Menyampuk]*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Sepanjang masa ini, setiap kali, sejak zaman Tun Abdullah Ahmad Badawi semasa *Prime Minister*. Setiap kali semasa bajet

dibentangkan mereka akan sebut bahawa “*Oh ini adalah bajet untuk memperhebatkan pembangunan Sabah dan Sarawak*” dan pemimpin-pemimpin BN dari Sabah dan Sarawak akan memuji, sudah 10 tahun sudah. Tapi tahun ini, Ketua Menteri Sarawak sendiri mengatakan bahawa dalam media, beliau mengatakan bahawa sepanjang 52 tahun Sarawak telah dianaktirikan oleh Barisan Nasional.

Sepanjang 50 tahun dan saya nampak tahun ini, trend menganaktirikan Sarawak masih diteruskan. Apa yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya untuk memperhebatkan pembangunan Sabah dan Sarawak. Pertama projek untuk memperhebatkan pembangunan Sabah dan Sarawak ini adalah Lebuhraya Pan Borneo Sarawak yang dikatakan meliputi jajaran sepanjang 1090 kilometer dijangka siap sepenuhnya pada 2021 dengan anggaran kos sebanyak RM16.1 bilion. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga menyebut bahawa dan Sabah kos RM12.8 bilion.

Beliau telah memberikan satu angka yang begitu besar seolah-olah hendak beri satu persepsi bahawa banyak dana telah disalurkan untuk projek ini. Tapi kalau kita tengok itu buku, anggaran perbelanjaan di dalam buku ini yang disebutkan untuk lebih rakyat Pan Borneo untuk tahun depan hanya RM800 juta sahaja. Walaupun satu angka yang begitu besar RM28.9 bilion yang akan diperuntukkan untuk Pan Borneo *Highway* tetapi untuk tahun depan hanya RM800 Juta. Tidak sampai 3% daripada *total cost of building Pan Borneo Highway*.

Dan kalau kita meneliti lagi, jumlah anggaran harga projek untuk Lebuhraya Pan Borneo, jumlah anggaran harga projek hanya RM 10 bilion sahaja. Bukannya disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa ia akan memakan sejumlah RM 28.9 bilion. Yang disebut dalam buku anggaran perbelanjaan adalah RM10 bilion sahaja. Oleh itu, saya tanya adakah itu untuk *media consumption*, atau untuk memperdayakan, mengelirukan rakyat Sarawak sahaja.

Dan kalau kita tengok, di bawah JKR untuk jumlah membina jalan raya dan jambatan. Kita tengok *proportion* yang diperuntukkan Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah. Untuk tahun depan 2016, di bawah Kementerian Kerja Raya, peruntukan untuk membina jalan raya dan jambatan untuk Semenanjung ini, Semenanjung Malaysia adalah sejumlah RM 2.81 bilion diperuntukkan membina jalan raya dan jambatan di Semenanjung.

Di Sabah, hanya RM 425 juta sahaja dan di Sarawak lagi kurang RM281 juta sahaja diperuntukkan untuk membina jalan raya dan jambatan di Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, adakah ini RM 281 juta merupakan 8% daripada jumlah peruntukan yang diperuntukkan untuk membina jambatan dan jalan raya di seluruh Malaysia? Memandangkan keluasan Sarawak adalah 1/3 keluasan Malaysia.

Dengan peruntukan 8% sahaja sampai bila masa kita akan mengimbangkan tahap pembangunan daripada segi infrastruktur antara Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Dan trend ini telah diteruskan. Sudah lama sudah, tiap-tiap tahun begitu. Tahun lalu saya pun ada sebut, tapi tahun ini. Walaupun telah diuar-uarkan bahawa ini ada Ketua Menteri yang baru, kita Barisan Nasional akan memberi lebih *attention* peruntukan untuk Sarawak, tapi trend ini masih dilanjutkan.

Oleh itu saya kata, apa yang dikatakan kenyataan yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa untuk memperhebatkan pembangunan Sabah dan Sarawak ini adalah satu kenyataan mengelirukan. Saya tidak akan sebut bohong, saya mengikut *advice*, nasihat Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, tapi ini memang satu mengelirukan. Isu yang ketiga yang saya ingin sebut adalah bahawa satu *fact*, fakta bahawa Kerajaan Barisan Nasional benar-benar tidak ada duit lagi. Tidak ada wang lagi. Dia terpaksa mengutip GST daripada orang ramai, orang yang miskin, kanak-kanak kecil, semua kena bayar GST. Bahkan, orang mati pun mereka mahu bayar *income tax*, bukan GST. *Income tax!*

#### ■1710

Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu surat di sini. Ini yang dikeluarkan oleh *Inland Revenue* kepada seorang, Encik Pui Kim Hong supaya menuntut *income tax* sejumlah RM5,613. Akan tetapi ini surat diterima oleh isteri Encik Pui Kim Hong dalam tahun ini, April 2015. Padahal, Pui Kim Hong ini telah meninggal dunia dalam tahun 1997. Selama 18 tahun sudah meninggal dunia, *Inland Revenue* masih menuntut bayaran cukai daripada beliau. Adakah ini kerajaan gilakah ini? *[Dewan riuh]* Gila duit. Bukan gila, gila duit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *Desperate for money. This one desperate for money. This one desperate to the extend they want to collect back from a person who passed away for 18 years.* Selama 18 tahun sudah meninggal dunia, masih menuntut cukai daripada beliau.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat Bandar Kuching. Yang Berhormat Bandar Kuching, boleh mencelah?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Boleh, boleh.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Saya rasa tertarik dengan perbahasan Yang Berhormat Bandar Kuching yang mengatakan di mana orang yang sudah mati, tetapi *income tax* masih dikehjoran. Saya difahamkan bukan sahaja ini berlaku. Sekiranya kita mati hari ini, itu kain kapan untuk balut mayat, keranda, batu nisan, semua kena bayar GST. Sudah mati pun bayar GST. Bukankah ini keterlaluan? Setujukah Yang Berhormat Bandar Kuching, senarai barang yang disebut tadi dikecualikan daripada GST supaya rohnya *can rest in peace*. Sekian, terima kasih.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *[Ketawa]* Betullah, betul. Bukan sahaja bahan inilah, tetapi saya rasa Barisan Nasional harus mengikut apa yang kita cadangkan. *Zero-rated GST* untuk semua bahan dan servis perkhidmatan untuk tahun ini khasnya, kerana *we are facing the economy downturn*. Ini bukan satu *isolated case* Tuan Yang di-Pertua. Di samping *the late* Encik Pui Kim Hong ini, ada seorang lagi Mr. Ho Tiang Ling. Beliau masih hidup, tetapi beliau

terima tuntutan cukai untuk tahun lalu 2014, beliau terima tuntutan daripada IRD untuk tahun 1994-1995.

Tuan Yang di-Pertua, bukankah dalam Akta Cukai ada seksyen yang mengatakan bahawa seseorang hanya ada tanggungjawab untuk simpan dokumen-dokumen untuk cukai selama tujuh tahun sahaja. Nampaknya sekarang kerana Kerajaan Barisan Nasional tidak ada duit lagi, *Inland Revenue* mengejar atau menuntut cukai-cukai 20 tahun lalu, 15 tahun lalu, 18 tahun lalu. Ini adalah tidak adil kerana dalam undang-undang mengenai cukai ini, apa yang dituntut oleh *Inland Revenue*, orang yang dituntut ini perlu membuktikan bahawa dia tidak ada hutang cukai ini. *The burden of prove is only tax's payer to prove them I do not know, owe you the money.*

Akan tetapi kalau dia tidak ada apa-apa bukti, dia terpaksa membayar cukai itu. Walaupun amannya tidak besar, beribu-ribu, RM5,000, RM6,000, hendak jumpa seseorang peguam untuk *fight* kes itu pun rugi. Ini kerana fi peguam lebih tinggi daripada cukai yang dituntut. Akan tetapi hendak bayar pun, ini saya rasa tidak adil. Oleh itu, saya rasa kerajaan haruslah bertindak lebih adil sedikit terhadap rakyat. *Do not treat the people as your bottomless ATM machine, withdrawal as much money as you wish.*

Isu keempat yang saya ingin sebutkan adalah isu *Sarawak autonomy in education*. Kebelakangan ini, Kerajaan Negeri Sarawak ada menyebut bahawa Sarawak haruslah diberikan autonomi di *education*. *It was said in* Dewan Undangan Negeri Sarawak oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak, “*My only request to the Federal Government, one of our request is don't keep on changing education's policy every few years. People get confuses. Sometimes there is new Minister, they changed ideas etcetera, etcetera. There is no consistency. There is our request. It must be made to suit the requirement of future generations and poor facilities in our rural schools. Promises have been made every now and then, promises have not been fulfilled every now and then. Someone must speak for these people. I think the system ought to be changed somehow. Give the state some degree about autonomy in the field of education and the money to do it also. I think government and opposition is one on these points.*”

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: [Bangun]**

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya.**

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bandar Kuching. Saya hendak tanya Yang Berhormat Bandar Kuching, saya dapati baru-baru ini orang kampung saya di Sungai Petani yang kena *transfer* pergi ke Sarawak dan jauh di pedalaman. Subjek yang dia mengajar ini ialah Bahasa Malaysia sekolah rendah. Apa yang saya tidak faham ini, apakah kerajaan mesti menghantar anak-anak Malaysia yang *graduate* daripada Semenanjung untuk mengajar di Kuching ataupun di Sarawak, sedangkan adalah lebih baik untuk *recruit* anak-anak di Sarawak yang faham bukan sahaja budaya, tetapi *locality* menjadi guru-guru di sana. Bukan sahaja ia menjimatkan wang, tetapi juga masalah-masalah lain yang timbul akibat daripada pertukaran guru-guru daripada Semenanjung ini ke Sarawak. Apa pandangan Yang Berhormat Bandar Kuching tentang hal ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Saya rasa polisi ini haruslah direview dan tidak harus diteruskan. Kita pun ada sebut perkara ini. Terdapat beberapa ribu guru dari Semenanjung pergi ke Sarawak untuk mengajar di pedalaman Sarawak dan mereka ada mengalami *culture shock* di Sarawak. Padahal pada masa yang sama, ramai orang Sarawak yang graduated dengan *Bachelor of Education*, tidak dapat kerja, tidak diupah oleh kerajaan untuk menjadi guru di sekolah-sekolah di Sarawak. Ini tidak adil untuk orang Sarawak.

Saya akan sebut lagi, *I quote apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri di DUN Sarawak, "I glad that we emphasized on English in Sarawak. On average, I think Sarawakians can speak better English than people from West Malaysia. Only now, do they realize after they flip and flop, flip and flop of the language that English is important. Only now when they could have promoted both bahasa and English at the same time as we do, I remembered that then Prime Minister Tun Mahathir telling me that, Tun Rahman was very clever when he was Minister of Education in the 60s. He insisted on bahasa in West Malaysia but leave English in Sarawak, and the result is positive for us."*

Ini adalah kenyataan-kenyataan yang dibuat di DUN Sarawak yang membuktikan bahawa kepentingan *English* dan juga ada sedikit daripada kenyataan yang disebutkan adalah yang telah diomitted oleh Ketua Menteri ini. Walaupun Allahyarham Tun Rahman berasa *clever insisting that English in Sarawak*.

#### ■1720

Akan tetapi beliau juga merupakan seorang Menteri yang menghapuskan *English school in Sarawak* juga. Kerajaan Barisan Nasional, beliau juga sebagai Ketua Menteri pada masa 1980-an yang *closed down the English school, converted it into national school*. Oleh itu, kita ada seruan yang kuat di kalangan rakyat dan juga *both side of the House in Sarawak*, BN dan juga *opposition* bahawa kita perlulah *autonomy in education* di mana ada tiga perkara yang kita hendak autonomi ini di bidang pendidikan.

Pertamanya ialah memulihkan sekolah rendah dan sekolah menengah di mana bahasa pengantara adalah bahasa Inggeris. *Revive the mission school where English is a medium of the teaching. Medium of instruction.*

Keduanya ialah buku teks sekolah ditulis oleh kerajaan negeri yang memberi kepentingan dan *emphasis* atas unsur-unsur Sarawak. Saya masih ingat sesi yang lalu, saya ada bertanya satu soalan kepada bekas Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pagoh yang telah dipecat. Kenapa unsur-unsur Sarawak ini telah diabaikan dari teks Sejarah yang diajarkan di sekolah? Beliau berkata, "*Oh! We have a lot of things to teach, to include in the text book, so we have to pick and choose.*" Apa yang berlaku adalah unsur-unsur Semenanjung sini telah banyak dimasukkan, *at the expenses of the historical facts of Sarawak*. Oleh itu, lebih baiklah negeri Sarawak diberikan autonomi di bidang *education* so that we teach our own people our own history.

Ketiganya ialah pembangunan *hardware* ditentukan oleh kerajaan negeri sendiri. Tuan Yang di-Pertua, isu kelima yang saya akan bangkitkan ialah mengenai *air-ticket* di Sarawak. Ada

juga disebutkan sebagai untuk memperhebatkan pembangunan Sabah dan Sarawak salah satu langkah ialah menghapuskan GST. GST dikecualikan untuk *rural air services in Sarawak*. Tuan Yang di-Pertua, ya memang ia akan mengurangkan *air fare* di Sarawak tetapi apa yang membimbangkan rakyat dan pelanggan-pelanggan MAS adalah bukan GST tetapi surcaj-surcaj yang dikenakan.

Saya memberi satu contoh yang saya ada *print out* di sini. Untuk *flight* dari Kuching ke tempat lain di Sarawak pada hari 25 Oktober, pergi dari Kuching dan balik 26 hari bulan. Kuching ke Mukah, *to and fro fee per person is RM232, the fees surcharge RM32*. Kuching ke Sibu *to and fro* RM296 tetapi surcaj RM100. Kuching ke Miri tiada surcaj tetapi Sibu ke Miri yang lebih dekat dan pendek jaraknya berbanding dengan Kuching ke Miri, surcaj Sibu ke Miri pada hari yang sama dan *to and fro* surcajnya RM200. Bagaimana syarikat-syarikat penerbangan Malaysia ini mengenakan dan mengira surcaj-surcaj yang akan dikenakan ke atas pelanggan mereka. Saya rasa kerajaan harus memperhatikan perkara ini supaya satu *directive*, arahan diberi kepada syarikat penerbangan ini supaya tidak boleh sewenang-wenangnya mengenakan surcaj ke atas pelanggan-pelanggan mereka. Tidak masuk akal langsung. Sibu-Miri, Miri-Sibu, *to and fro* RM200 surcaj. Akan tetapi Kuching ke Miri tiada surcaj, Kuching ke Sibu ada surcaj, RM100.

Isu yang keenam yang saya ingin sebut adalah mengenai projek Pan Borneo Highway yang telah dianugerahkan kepada satu syarikat Lebuhraya Borneo Utara Sdn. Bhd. tanpa apa-apa tender. Siapa itu Lebuhraya Borneo Utara (LBU) ini? Siapakah LBU ini? Ia bukanlah satu kontraktor yang ada pengalaman. Itu satu *shelf company* yang ditubuhkan untuk dapat kerja ini. Tiada pengalaman langsung di dalam bidang *construction work*. Akan tetapi siapa pemegang sahamnya? Seorang yang bernama Mohd Zaidi. *Who is this person? He is also... saya membaca laporan di The Star yang memberi background of this company.*

*"Mohd Zaidi ialah seorang shareholder in LBU. A closed associate of well-known Sarawak businessman, Tan Sri Bustari Yusuf. The 46<sup>th</sup> year old chartered accountant... Chartered accountant diberi kontrak pembinaan atau construction was once the group executive director of OBYU Holdings Sdn. Bhd. which is Bustari's flagship company. OBYU is an investment holding company who has its finger in several industry including property construction, plantation and telecommunication. Before being appointed Director of LBU on December 2 last year, Mohd Zaidi was the Chief Financial Officer of Petra Energy Berhad. Bustari is a major shareholder of Petra Energy with a 27.47% indirect interest through Shorefield Resources Sdn. Bhd. Petra Energy also counts Datuk Mohamed Nizam Abdul Razak who is the brother of the Prime Minister, Dato' Seri Mohd. Najib bin Abdul Razak as a substantial shareholder with a 9.09% stake as at 17 April 2017."*

Nampaknya walaupun tiada *expertise*, tetapi ada *pedigree*. [Ketawa] Oleh itu LBU ini dapat kontrak untuk pembinaan Lebuhraya Pan Borneo di Sarawak, satu kontrak yang berjumlah RM16 bilion angkanya. Saya juga diberitahu, ada satu kontrak yang berapa lumayan kontrak ini yang akan dibayar kepada LBU. LBU ini mengikut kontraknya, dia berhak menerima satu *fee, consultant fee* 6% daripada jumlah kos pembinaan Lebuhraya Pan Borneo, 6% untuk buat apa?

Untuk *arrangement for consultant and engineer* itu semua untuk mengukur *design, supervise pembinaan Pan Borneo Highway*.

Akan tetapi apa yang disebut di dalam *agreement* ini adalah bahawa *consultant* yang dibiayai oleh LBU akan di *reimburse* kan oleh kerajaan lagi. Kerajaan *reimburse* semua *consultancy fees* yang dibayar oleh LBU. Mereka, kerajaan *reimburse* LBU, tambahan lagi bayar LBU 6%, *what fee I don't know. Consultant fee* atau *commission* kepada LBU, 6% buat apa? Dulu Pan Borneo Highway adalah *under Public-Private Partnership (PPP) arrangement* di mana LBU harus mencari *finance* sendiri.

#### ■1730

Akan tetapi selepas ini, ia dijadikan PDP atau *Project Delivery Partner*, di mana LBU langsung tidak ada tanggungjawab tugas untuk mencari *finance* sendiri. Projek ini akan di *finance* 100 peratus oleh kerajaan. Mereka tidak payah cari *finance*. Akan tetapi, fi mereka masih untung enam peratus. Apa yang berlaku sekarang, enam peratus ini atas anggaran kos yang mereka sendiri buat. Sendiri buat. Juga, kontrak-kontrak dibahagikan kepada 22 *packages* untuk LBU supaya menentukan siapa yang akan terima kontrak itu, *different packages* di Sarawak.

Kontraktor yang pertama, Sun Lim, *one of the crony of Barisan Nasional's cronies* di Sarawak iaitu syarikat pembalak yang besar yang *somehow the big six in Sarawak*, Sun Lim. Pakej kedua, Shin Hiang, juga *somehow the big six logging company in Sarawak*. Tidak ada *open tender*, tidak ada *open tender*. *Somehow* kasi abang adik. Ini saya rasa tidak patut.

Saya bangkitkan isu ini kerana menurut apa yang telah dianugerahkan iaitu pakej *one and two*, kontrak sudah dikeluarkan- pakej ketiga dan keempat itu belum lagi. Akan tetapi mengikut apa yang diawardkan kepada kedua-dua *company* ini, apa yang disebut RM16.1 bilion ini takkan mencukupi untuk sepanjang *Pan Borneo Highway* di Sarawak. Akhirnya, kos akan kita terpaksa bayar lebih tinggi, lebih banyak dan akhirnya kalau lebih banyak tidak ada duit, tidak ada bajet, apa boleh buat? *[Disampuk]* GST lagi. Bukan GST lagi tetapi projek ini akan terbengkalai.

Oleh itu, saya rasa kita haruslah *do away with this* LBU Sdn Bhd. *Do away with this* LBU Sdn Bhd. JKR sendiri yang *supervise* pembinaan Lebuhraya Pan Borneo itu supaya kita boleh menjimatkan kos dan menjimatkan komisen enam peratus yang dibayar kepada LBU ini. Untuk satu projek RM16 bilion, enam peratus ini beratus-ratus juta yang boleh kita jimat kalau kita *do away with the* LBU Sdn Bhd.

Juga, siapa ini Bustari? Siapa ini yang saya sebutkan Bustari yang disebut satu *close associate with the LBU shareholder*? Bustari ini adalah, saya tidak pasti abang atau adik kepada Menteri Kerja Raya, Yang Berhormat dari Petrajaya. Saya... *[Disampuk]* Oh, Yang Berhormat Ampang kata abang beliau. Bukankah ini satu praktis yang kita tidak harus menggalakkan, tidak nasihat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Okey. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dulu Yang Berhormat. Cuma saya ingin ingatkan dalam hujah-hujah Yang Berhormat itu saya biarkan, Yang Berhormat, kalau hujah itu *fair*. Cuma saya ingatkan bahawa apabila keluar hujah begitu, kalau ada dia sangkaan tidak baik ataupun *insinuation, then you go to standby by what you stated*. Itu cuma saya mengingatkan, *because* apatah lagi yang disebut tadi itu adalah individu-individu yang ada kaitan dengan menteri-menteri. So, *be careful*. Itu saya ingatkan.

Masa setengah jam itu sudah sampai juga. So, *I will let you close*. Jangan terlampau meleret sangat. Satu dua minit.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Okey, terima kasih. Saya terima baik nasihat Tuan Yang di-Pertua. Ya, bukan *insinuation* apa, saya hanya mengatakan fakta, *the facts of the case*. Ini yang memberikan persepsi kepada orang ramai dan juga pelabur-pelabur asing bahawa kita di Malaysia ini tidak mengamalkan satu *transparence system*, satu sistem yang sihat (*transparent*) dan *clean governance*. Ini yang akan memburukkan nama baik negara kita.

Oleh itu, saya rasa inilah kita mesti mengelakkan, bukan sahaja di sini yang kita sebut tetapi Kerajaan Barisan Nasional untuk haruslah mengelakkan pengamalan sebegitu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Keningau.

### 5.35 ptg.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2016 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan Malaysia.

Saya bersyukur kepada Tuhan Yang Maha Kuasa kerana dalam keadaan dunia dan iklim yang tidak menentu ini, kita di Malaysia masih mampu menyediakan bajet tahun 2016 yang telah mengambil kira keadaan semasa dan tidak melupakan golongan berpendapatan rendah terutama sekali kumpulan bawah 40 atau B40.

Tuan Yang di-Pertua, memang sahaja apabila sesuatu bajet yang disediakan dibentang untuk diterima atau diluluskan, biasanya apabila dibahaskan... [*Masalah sistem pemberitaan*]

**Tuan Yang di-Pertua:** *Technician* dalam Dewan, sila ambil perhatian.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]:** Agaknya saya terpaksa berpindah ya, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]:** Memang sahaja apabila sesuatu bajet yang disediakan dibentang untuk diterima atau diluluskan, biasanya apabila dibahaskan, ia akan menarik bermacam-macam komen dan tafsiran.

Bagi saya Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya, bajet tahun 2016 ini telah mengambil berat dan menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap keadaan yang dilalui dan dihadapi oleh rakyat terutama sekali golongan berpendapatan rendah. Justeru, di samping

pemberian bantuan-bantuan kewangan kepada mereka dan yang memerlukan bantuan...  
[Masalah sistem pembesar suara]

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Mike rosak lagi. Duduk sini punya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, bagi pihak *technician* Parlimen, saya mohon maaf atas ketidakselesaan ini. Sila teruskan. Saya janji ini tidak akan berulang balik.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Bagi saya, pada keseluruhannya, bajet tahun 2016 ini telah mengambil berat dan menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap keadaan yang dilalui dan dihadapi oleh rakyat terutama sekali golongan berpendapatan rendah. Justeru, di samping pemberian bantuan-bantuan kewangan kepada mereka dan yang memerlukan bantuan kewangan, pihak kerajaan telah mempertimbangkan permohonan untuk mengkaji semula tahap gaji minimum. Walau bagaimanapun, pihak kerajaan harus berhati-hati tentang kesan kemampuan tahap gaji minimum ini kerana peniaga-peniaga yang baru membangun mungkin keberatan pada tahap permulaan perniagaan mereka. Ini boleh melemahkan lagi usaha mereka untuk terus maju dalam perniagaan mereka.

#### ■1740

Tuan Yang di-Pertua, kita ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah menyatakan persetujuannya dan mempertimbangkan kepada negeri Sarawak dan negeri Sabah, permohonan *devolution of power*, dengan izin. Kenyataan ini telah diterima dengan begitu baik oleh rakyat kedua-dua negeri kerana dalam usaha kita untuk memastikan *delivery system* kita akan lebih cepat, tepat dan lebih efisien lagi ternyata keperluan *devolution of power* itu adalah diperlukan.

Janganlah pula masih berlaku di mana untuk menentukan keputusan kontrak pembekal *supplier of foods to schools* sahaja pun perlu keputusan daripada Kuala Lumpur. *Devolution of power* kepada negeri Sabah dan Sarawak perlu ditentukan secepat mungkin oleh jawatankuasa yang telah ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat banyak pula tafsiran berkenaan dengan implikasi *devolution of power*. Ada yang mengatakan bahawa ianya bermakna *delegation of power* atau *delegation of authority*. Memang ramai yang menanti-nanti penurunan kuasa autonomi yang juga membawa implikasinya tersendiri.

Kita semua sedia maklum bahawa pada suatu ketika dahulu Sabah mempunyai kuasa ke atas pendidikan dan kesihatan serta dengan kuasa yang lain juga. Pandangan ramai mahukan supaya jawatankuasa terus bersetuju untuk kembalikan autonomi kepada negeri-negeri Sabah dan Sarawak iaitu *reinstate the autonomy to the states of Sabah and Sarawak*, dengan izin, supaya perkara ini dapat diselesaikan dengan secara baik dan muktamad.

Tuan Yang di-Pertua, pastinya penyelesaian ini akan terus menyumbang kepada *efficiency and effective delivery in the implementation of government programmes*, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh dinafikan bahawa masih terdapat beberapa tafsiran dan

interpretasi terhadap asas, niat dan falsafah pembentukan negara Malaysia sehingga tarikh penubuhan Malaysia itu sendiri telah dan pernah dipertikaikan.

Kini masih lagi banyak pendapat yang berbeza, terutama sekali daripada golongan muda. Perkara 20 - Perjanjian Malaysia, Perkara 50 - peratus royalti minyak dan lain-lain masih hangat menjadi tajuk perbahasan dan politik. Perbahasan berorientasikan politik telah menimbul perasaan ketidakpuasan hati dan kemarahan juga. Memang keadaan seperti ini akan terus menyumbang kepada ruang-ruang kestabilan politik.

Saya sendiri tidak senang hati melihat keadaan sedemikian. Kenapa Singapura telah dikeluarkan dari Malaysia? Kenapa tiada rundingan semula Perjanjian Malaysia? *Why did the British Government allow the situation to deteriorate*, dengan izin. Sehingga sekarang Tuan Yang di-Pertua, ada perkara-perkara yang dipertikaikan terhadap interpretasi atau tidak dihormati atau tidak dipatuhi. Sedangkan perkara pembayaran sebanyak 40% *revenue* untuk Sabah selaras dengan Perkara 48 - Laporan Antara Kerajaan, *Inter-Government Report* telah dibiarkan tanpa ada *review* sejak tahun 2004.

Peruntukan yang diberi dibekukan atau *frozen* sebanyak tahap RM26 juta sahaja setiap bulan.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: [Bangun]**

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]:** Seharusnya jawatankuasa *review* dihidupkan semula untuk memastikan kehendak Perkara 48 - Laporan Antara Kerajaan itu dipatuhi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Keningau, Yang Berhormat Penampang berdiri. Ya, sila.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Keningau. Bolehkah saya bertanya kepada Yang Berhormat Keningau, bukankah semua perkara yang disebut pada perbahasan Yang Berhormat Keningau tadi, isu-isu yang dibawa oleh beliau sendiri waktu masa beliau Ketua Menteri Sabah pada tahun 80-an hingga 1994?

Bolehkah saya bertanya kepada Yang Berhormat Keningau, kenapakah hingga ke hari ini, perkara-perkara yang disebut Yang Berhormat Keningau itu belum dikenakan? Jika sedang dalam *committee* ataupun penubuhan *committee* yang disebut oleh Yang Berhormat Keningau, kenapakah buang masa? Patut kita buat ini seterusnya dan lebih lagi Yang Berhormat Keningau berada dalam kerajaan sebagai Timbalan Ketua Menteri? Terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab penyelesaian itu belum ada, kita bangkit di dalam Dewan yang mulia ini. Justeru, tidak hairanlah mengapa masih banyak suara-suara yang menunjukkan ketidaksenangan hati.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita meninjau kembali dokumen-dokumen, laporan-laporan, perjanjian-perjanjian dan perlombagaan seperti Malaysia Act 1963, Inter-Governmental Committee serta Cobbold Commission Reports, kita boleh buat kesimpulan bahawa Kerajaan

British telah bertindak secara tergesa-gesa kerana ingin melepaskan tanggungjawabnya ke atas tanah-tanah jajahan di Borneo.

Oleh sebab tergesa-gesa, cadangan pembentukan Malaysia terburu-buru dilakukan. Akibatnya, tindakan terburu-buru British Colonial Master, dengan izin, persediaan dan perlindungan untuk kita tidak sampai ke tahap yang memuaskan. Oleh sebab itu, timbulnya hari ini perasaan syak wasangka yang membawa kemarahan dan emosi terhadap pemerintahan Pusat. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *it is now incumbent upon the British Government to help clear the unhappiness in Sabah and resume and assume the responsibility of trashing out the controversies surrounding this contempt over the lost of safeguards and promises of Sabah rights within the Federation of Malaysia.*

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** [Bangun]

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]:** Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *I am urging the British High Commission to Malaysia to take serious note of our call and deliver the message of grievances to Her Majesty Queen of London. Please help to clear the doubts on the safeguards of Borneo Sabah. The safeguards and rights which was promised and help broker for us in its haste to relinquish its Colonial responsibilites.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Keningau, dua Ahli Yang Berhormat berdiri, Yang Berhormat Keningau.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Keningau, ada dua Ahli Yang Berhormat berdiri. Satu Yang Berhormat Batu, satu Yang Berhormat Penampang. Mahu kasi laluankah tidak?

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]:** Nanti saya teruskan dahulu. Tuan Yang di-Pertua, perasaan yang kurang senang dan masih terpendam di hati rakyat di negeri-negeri Borneo terhadap taksiran kuasa dan layanan yang tidak seimbang perlu perhatian serius oleh Kerajaan Pusat dan dengan hati yang terbuka supaya perundingan ikhlas akan menghasilkan yang terbaik dan adil. Kasi dialah, kau sudah.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Selepas itu sayalah.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kepada Yang Berhormat Keningau, ingin saya sampaikan simpati dan setuju dalam rundingan dalam pandangan perjanjian ini. Akan tetapi saya keliru sedikit kerana kita sudah merdeka lebih daripada 50 tahun.

■1750

Sepatutnya sebagai *colonial master* yang kita anggap mereka, kalau kita panggil dia penjajah, maksudnya dia tidak adil lah. Takkan lah kita anggap penjajah ini akan melakukan adil. Akan tetapi apakah kita tidak dalam *framework* sebagai keluarga Malaysia ini, Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri Sabah untuk *review* balik apa yang tidak adil, yang tidak patut dilakukan dalam, yang diabaikan dalam Perjanjian Malaysia ini dapat kita betulkan dan padahal sekarang

ini yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri disingkapkan sebagai seorang yang paling sensitif kepada keperluan Borneo. Tidak akanlah dalam keadaan ini kita tidak boleh wujudkan satu *framework*, satu rangka untuk menyelesaikan masalah yang telah disebut oleh Yang Berhormat Keningau tadi. Terima kasih.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Yang Berhormat Keningau, sekejap saja Yang Berhormat Keningau. Boleh mencelah sikit? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setujukah Yang Berhormat Keningau bahawa isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Keningau boleh diusulkan di Dewan Undangan Negeri Sabah dan jadi satu *motion* untuk berunding dengan Kerajaan Pusat terlebih lagi membawa usul itu ke Parlimen dan dibentangkan dan *didebatekan* di Parlimen. Terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]:** Tuan Yang di-Pertua, memang apabila kita membangkitkan perkara di sini ini kita mahu menggunakan suara daripada Parlimen ini untuk mengingatkan kepada kita bahawa ada perkara-perkara yang perlu diselesaikan dan itulah tujuan untuk kita membangkitkan perkara ini dan yang sebenar kita semua sedia maklum juga bahawa satu jawatankuasa telah pun dipersetujui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila Yang Berhormat *Foreign Minister* kita telah berjumpa dengan rombongan untuk mahu mengadakan perkara ini diselesaikan melalui jawatankuasa dan itu sudah ke tahap yang di mana kita hanya mahu menunggu.

Sekarang ini apa yang saya bangkitkan di sini ialah untuk menegur *British Government* supaya mereka akan membantu kerana kita ini ingin menyatakan bahawa salah mereka ini untuk terburu-buru melepaskan tangan Sabah ini kepada keadaan yang mana kita boleh begitu bersiap sedia. Dalam hati ini saya ini, saya mahu marah *British Government* ini dan oleh sebab itu kita bangkitkan di sini dan membawa perkara ini kepada *British High Commissioner* untuk *attention* beliau, okey. Biar saya mahu teruskan. Ini macam tersangkut di sini ini.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Yang Berhormat Keningau, kasi peluang Sandakan. Ada satu jawapan dari tentang 40 kutipan *tax* punya.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]:** Tuan Yang di-Pertua, *I think* apa yang telah disentuh sekarang ini, saya perlu ada bangkitkan, saya akan bangkit juga dan oleh sebab itu saya akan meneruskan hujah saya ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat saya faham. Yang Berhormat Sandakan, duduk Yang Berhormat Sandakan.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]:** Tuan Yang di-Pertua, perkara royalti minyak untuk negeri Sabah memang menjadi sebahagian daripada perkara-perkara yang hangat dibahaskan secara terbuka sekarang ini. Ini disebabkan bahawa perjanjian itu berat sebelah dan tidak adil. Rakyat di negeri Sabah dan Sarawak mahupun royalti minyak dinaiktambahkan daripada 5% dan dipertimbangkan sehingga tidak kurang daripada 40%. Kita semua sedia maklum dan mengikut sejarah perjanjian petroleum dengan Petronas telah ditandatangani dalam bulan Julai 1976.

Pada ketika itu kita baru sahaja ditimpa dengan kemalangan 6 Jun 1976 di mana kita telah kehilangan Ketua Menteri dan beberapa Menteri-menteri Kabinet negeri dalam naas penerbangan Nomad dan negeri Sabah masih lagi dalam keadaan berkabung. Justeru, apabila kita memikirkan keadaan yang sedih pada ketika itu, sepatutnya tidak berlaku upacara menandatangani perjanjian petroleum. Atas dasar adat resam dan kebudayaan serta mengimbangkan keadilan dalam perjanjian petroleum, perjanjian petroleum ini harus dirunding semula.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang isu keselamatan oleh kerana keselamatan merupakan faktor penting untuk kelincinan program pembangunan. Rakyat tidak akan menaruh kepercayaan kepada kerajaan jika mereka merasai keselamatan mereka tidak terjamin. Insiden pencerobohan Tanduo yang berlaku di Lahad Datu, Sabah tidak lama dahulu telah membantutkan pertumbuhan ekonomi negeri terutamanya dalam sektor pelancongan kita dan perwujudan ESSCOM sedikit sebanyak telah memastikan keselamatan negeri Sabah terkawal dan terjamin.

Namun demikian, memandangkan persisiran pantai laut yang terlibat begitu luas dan panjang serta bersempadan dengan perairan antarabangsa serta negara jiran terlalu rapat, maka perlulah lagi aset yang bersesuaian, udara, laut dan darat serta penggunaan teknologi maklumat yang canggih ditambah supaya keberkesanannya kawalan keselamatan yang sedia ada dapat dilengkapkan. Kita melihat memang dalam bajet ini ada juga peruntukan untuk menambahkan aset ini dan kita ucapkan ribuan terima kasih atas keprihatinan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada ketika berucap di sidang Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu baru-baru ini telah menunjukkan ketegasannya untuk menentang ancaman anasir-anasir ekstremis seperti IS. Saya berpendapat dasar luar untuk menampung 3,000 pelarian dari Syria perlulah dikaji semula dengan teliti memandangkan bahawa falsafah *prevention is better than cure* dengan izin, mempunyai kebaikan dan merit bersama dengan pendekatan *finding solution at the source of the problem* atau pendekatan *repeat in a blood* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Saya berpendapat dan mencadangkan kepada kerajaan supaya melakukan transformasi pemikiran dan lebih menumpukan usaha memberi bantuan dan kerjasama membanteras cetusan perang saudara ataupun *civil war* di sesebuah negara seperti Syria agar dengan keselamatan dan ketenteraman terpelihara. Tidak akan berlakulah beratus ribu pelarian keluar dari negara mereka sendiri dan mengakibatkan beban yang berat yang ditanggung pula oleh negara lain seperti yang sedang berlaku di Eropah yang kini dibanjiri oleh berjuta manusia penduduk pelarian. Dalam konteks keselamatan negara kita, Malaysia harus terus pastikan perang saudara di Filipina Selatan telah selesai dan berhenti supaya tidak timbul lagi kedatangan pelarian mahupun pendatang asing tanpa izin.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga kagum dengan usaha pihak polis dalam menangani gejala sikap ekstremis. Misalnya ia mengancam ketenteraman dalam negeri seperti insiden

perkauman, agama dan bangsa dan ini perlu ditangani dengan tegas demi keharmonian negara kita.

#### ■1800

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi keluhan dan rungutan rakyat negeri Sabah yang perlu diambil perhatian ialah kos barang yang amat tinggi berbanding dengan Semenanjung. Keadaan ini memang telah lama menimbulkan ketidaksenangan bukan sahaja di kalangan pengguna malah peniaga juga rata-rata kesal mereka dituduh sebagai puncanya.

Kita sedar dan faham sebagai negara berdaulat, industri perkapalan kita perlu dilindungi dengan dasar kaboutaj. Justeru, kita tidak boleh menyalahkan dan menuding jari sepenuhnya masalah ini kepada dasar kerajaan. Apa yang penting Tuan Yang di-Pertua ialah untuk mencari mekanisme pengawalan, caj dan pemantauan *efficiency* perkhidmatan perkapalan dalam negara dibentuk dan dikuatkuasakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, satu mesyuarat telah diadakan pada 16 Oktober 2014 di mana tercapainya permuafakatan untuk menujuhkan sebuah majlis pengawalan. Kita telah majukan cadangan untuk majlis tersebut yang akan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan dianggotai Menteri-menteri negeri Sabah dan Sarawak yang berkenaan serta terma-terma rujukannya sekali kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan kita berharap perkara ini akan diperkemas, dirundingkan dan seterusnya dapat dilaksanakan dengan kadar yang segera.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang bajet yang dibentangkan, saya berharap apa yang telah kita janjikan dan telah diumumkan kepada rakyat di senaraikan dalam bajet ini dan apa yang telah diambil kira itu ditulis dengan spesifikasi dan dengan terperincinya sebagai sebahagian peruntukan yang dibentangkan. Ini bagi memperkuatkan kepercayaan rakyat terhadap kita sebagai pimpinan pemerintah.

Tuan Yang di-Pertua, slogan kata ‘Rakyat Diutamakan, Janji Ditepati’ memberi harapan yang bermakna kepada rakyat jelata dan jika kita setakat berjanji dan berlengah-lengah melaksanakan janji dengan tepat dan cepat, maka akibatnya bila kita buat kesimpulan. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon jasa baik Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan memastikan peruntukan pembangunan yang telah diumumkan kelulusannya khususnya di kawasan pedalaman Sabah yang sebelum ini disenaraikan di dalam Bajet tahun 2016 yang baru dibentangkan termasuklah Sekolah Menengah Sains di Keningau dan SMK Desa Wawasan serta kolej KDN di Keningau supaya dapat dilaksanakan secepat mungkin tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang penting sekali, saya sesungguhnya juga meminta Kerajaan Pusat untuk menimbang dan melaksanakan cadangan-cadangan yang saya huraikan di atas sebentar tadi kerana itulah pemangkin yang akan memperkuatkan perpaduan dan mempercepatkan proses pertumbuhan dan pembangunan infrastruktur ekonomi dan sosial di negeri Sabah dalam konteks semangat bersama membangun negara Malaysia yang kita cintai ini. Saya yakin akan kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri

Kewangan memenuhi harapan ikhlas kita. Maka dengan takzim dan sukacitanya Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong Bajet Tahun 2016 itu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Bukit Gantang.

#### 6.05 ptg.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat petang. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. [Membaca beberapa potong ayat Al-Quran] Maksudnya, '*Hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh tujuh tahun berturut-turut. Kemudian, apa yang kamu ketam, biarkanlah dia pada tangkai-tangkainya kecuali sedikit dari bahagian yang kamu jadikan untuk makan. Kemudian akan datang selepas tempoh itu tujuh tahun kemarau yang besar yang akan menghabiskan makanan yang kamu sediakan baginya kecuali sedikit dari apa yang kamu simpan untuk dijadikan benih*'.

Saya mulakan dengan surah Yusuf, ayat 47 hingga 48. Alangkah baiknya jika kerajaan berhemah ketika kita kaya. Sepatutnya waktu kaya, kita beringat. Maka rakyat tidaklah susah. Konsep jimat ini merupakan arahan daripada Allah dan juga semua agama. Malangnya apabila miskin dan tidak ada wang, GST diperkenalkan yang disokong kuat oleh rakan saya dari Bagan Serai. Tahun 2015, GST memungut sebanyak RM27 bilion. Tahun 2016, dijangka sebanyak RM39 bilion.

Walaupun Perdana Menteri kita dengan penuh megah menganggap ekonomi kita seimbang, rizab antarabangsa kita kekal tinggi sebanyak RM418 bilion. Pelabur masih ramai datang tetapi realiti di bawahnya macam mana? Rakyat resah dan semput dada apabila matahari menyingsing. Cerah sahaja matahari, harga barang keperluan sentiasa naik akibat kejatuhan mata wang. Bermula dengan minum pagi, terasa harga barang sudah naik. Ia ditambah dengan masalah yang sedia ada iaitu cukai GST. Tambah pula dengan kenaikan tol. Pendek kata *Bismillah* sahaja, start kereta, melalui lebuh raya, awal amal, awal kalam, bayar tol dahulu. Minum belum, tol sudah minum dulu.

Pekerja di sektor swasta sentiasa resah memikirkan syarikat mereka. Terpaksa mengurangkan pekerja. Takut apabila sampai di pejabat, ada notis pemberhentian kerja. Terbaru, pekerja kilang Naza di Gurun, Kedah yang diberhentikan seramai 300 orang. Awal Julai 2015, Kilang GVC di Seksyen 20 Shah Alam ditutup. Sebelumnya pula, 6,000 orang pekerja MAS telah dibuang.

Saya mendapat maklumat, Tuan Yang di-Pertua, selepas ini bank pula akan membuang beberapa orang pekerja. Sudah mula, kata Yang Berhormat Batu. Begitu juga syarikat oil and gas akan membuang pekerja. Kita bimbang fenomena ini akan menimbulkan kesan sosial seperti perceraian, penyakit mental akan meningkat apabila memikirkan ke mana mereka hendak bekerja untuk menyelesaikan masalah hutang rumah, kereta dan sebagainya terutama bagi pekerja yang sudah lanjut usianya. Selepas ini pula, kadar faedah pinjaman akan dinaikkan.

■1810

Ini lumrah dalam dunia perniagaan kapitalis, menaikkan kadar faedah sebagai usaha menampung kos operasi apabila suasana gawat. Dengan itu sudah tentu akan meningkatkan

kadar inflasi negara. Kenapa ini terjadi? Sudah tentu gara-gara daripada apabila amanah tidak dilaksanakan dengan baik, maka akhirnya berbelanja dengan boros, rakyatlah yang akan terkena.

Tuan Yang di-Pertua, ini contoh pembaziran yang tak patut projek dibuat. Contohnya dalam isu dua ekor panda, Fu Wa jantan, Feng Yi betina yang tinggal di Malaysia atas dasar setia kawan serta pinjaman. Ia turut membabitkan kos kepada Malaysia. Untuk tempoh 10 tahun Malaysia perlu membayar kepada negara China sekitar RM3 juta setiap tahun. Ertinya dalam jangka 10 tahun Malaysia terpaksa menanggung sebanyak RM30 juta untuk diberikan kepada negara China untuk menempatkan pasangan panda yang dianggarkan RM25 juta dibelanjakan untuk membina kompleks panda gergasi di Zoo Negara.

Kita tidak faham apa nilai tambah kepada negara apabila kerajaan sanggup membayar dengan harga yang begitu mahal. Adakah panda dengan adanya panda, berlakunya peningkatan kadar pelancong di negara kita? Kita minta Menteri Pelancong tolong jawab. Saya bimbang takut projek beruang panda ini hanya akan menambahkan dana orang yang berwang sahaja. Bukan beruang, berwang.

Menurut Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, yang pelik lagi apabila anak panda yang baru dilahirkan baru-baru ini, Kerajaan Malaysia terpaksa membayar RM2.5 juta dan anak yang dilahirkan ini pula kena serah kepada negara China apabila meningkat umur dua tahun. Kalau anak itu menjadi milik kepada negara kita berbaloi juga. Ini tidak, kena beri RM2.5 juta, dua tahun dihantar ke negara China balik. Tak tahu lah apa perjanjian yang dibuat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Perjanjian panda.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Tuan Yang di-Pertua, perjanjian panda. Selain Perjanjian Pangkor, ini perjanjian panda. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan rumah mampu milik. Hak memiliki rumah merupakan hak asasi pengguna. Walau bagaimanapun, harga rumah di Malaysia ini terlalu tinggi hingga tidak mampu untuk dibeli oleh pengguna khususnya. Jika mengikut daripada taraf yang diletakkan oleh Bank Dunia, harga rumah sekurang-kurangnya untuk setiap rakyat ialah 30 kali gaji, ertinya 30 bulan gaji maka itu merupakan kelayakan ataupun harga yang patut dapat dimiliki oleh setiap rakyat.

Cuba bayangkan kalau rumah mampu milik pun RM300,000. RM300,000 ini bukan mampu milik, mampu tengok. Andaian kalau gaji RM2,500 bererti 120 bulan gaji sedangkan Bank Dunia meletakkan hanyalah 30 bulan gaji tetapi di Malaysia yang memiliki rumah mampu milik harganya sebanyak RM300,000. Ini kalau hendak pinjam mesti ada di dalam *pay-slip* dengan izin, sekurang-kurangnya gaji ialah RM8,000 sebulan, baru layak untuk bank memberi kita pinjam untuk mendapat rumah sebanyak RM300,000.

Cuba bayangkan kalau kawasan di Parlimen saya sendiri, harga rumah dua tingkat sendiri pun RM350,000. Kalau di Gombak, rumah dua tingkat sudah meningkat hampir dekat dengan RM1 juta. *[Disampuk]* Ha, rakan saya senyum sahaja, rumah burung pun RM300,000 Yang Berhormat Bagan Serai hoi. Walaupun bajet telah memperuntukkan RM1.6 bilion untuk 135,000 buah rumah PR1MA, dijangka 10,000 unit akan siap tahun depan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soal kemiskinan. Setiap kaji bajet ada sahaja macam mana untuk meningkatkan taraf hidup rakyat yang berpendapatan rendah. Peruntukan TEKUN RM600 juta. RM500 juta ialah untuk bumiputera. RM100 juta ialah untuk orang India. Cara menyelamatkan B40, yakni kebanyakannya B40 ini ialah terdiri dari kalangan orang-orang Melayu yang pendapatan mereka ialah berada di tahap miskin dengan membuatkan mereka bergantung kepada kerajaan. Mereka ini untuk menunggu duit jatuh sekali-sekala seperti mana BR1M. Hasilnya 58 tahun kita merdeka masih lagi gagal untuk mengatasi masalah kemiskinan.

Buktinya penerima BR1M meningkat dari setahun ke setahun. Tahun 2012, penerima BR1M seramai 4.2 juta dan meningkat sebanyak 4.7 juta. Sepatutnya 58 tahun kita merdeka supaya soal kemiskinan ini tidak dapat kita atasi merupakan satu perkara amat malang. Kita tak hendak soal kemiskinan ini dijadikan sebagai bahan politik semata-mata untuk hendak meraih sokongan ketika pilihan raya. Kita tidak mahu ini ialah satu bentuk penindasan ataupun bentuk ketidakadilan terutama kepada rakyat. Kita hendak supaya rakyat hidup dengan selesa dan baik.

Ini tugas kepada kerajaan kena memikirkan. Kita tak hendak kerana yang miskin ini kebanyakannya Melayu. Kabinet pula hampir 70% daripada kalangan orang Melayu, Exco sebahagian besar 80% orang Melayu. Pegawai tinggi kerajaan pula hampir 90% orang Melayu. Tiba-tiba kita melihat kemiskinannya ialah dihadapi oleh orang-orang Melayu sendiri. Maka dengan sebab itu dalam pemberian BR1M ini bukan tak baik, baik. Akan tetapi ini bukan penyelesaian kepada jangka panjang. Kita memberi kail, bukannya ikan. Kita beri kepada mereka bukan suruh goyang kaki. Sepatutnya mereka ini suruh kita berikan modal. Contohnya yang selalu saya buat ialah seperti mana Amanah Ikhtiar. Ini projek yang cukup baik yang saya rasakan projek ini walaupun kita daripada kalangan pembangkang, kita bersetuju tentang apa yang kerajaan buat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Bukit Gantang. Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang. Sebut Bagan Serai tiga, empat kali, kena bangunlah. Yang pertamanya tadi, tentang rumah tadi, saya undur sikit. Saya hendak tanya Yang Berhormat Bukit Gantang. Kerajaan menyediakan pelbagai agensi untuk menolong rakyat mendapat rumah. Jadi, kita kena "*ukur baju di badan sendiri*". Jangan kita gaji kecil, kita pergi beli rumah yang mahal. Ada rumah untuk pertengahan, ada rumah untuk bawah. Kita ada PR1MA, kita ada SPNB, kita ada PPA untuk golongan awam, kita ada rumah mesra rakyat dan sebagainya untuk menolong dan kerajaan memang menolong. Bukan kerajaan bagi semua. Kita bukan hendak bagi ikan, kita hendak bagi kail.

Kita bukan bagi BR1M untuk dia kaya, kita bukan. BR1M ini kerajaan bagi untuk pertolongan semasa, *acute*, *acutely* dan kerajaan dalam bajet yang kita tengok yang dibentangkan telah menyediakan berbagai-bagai agensi, berbagai-bagai cara untuk supaya rakyat dapat keluar dari kepompong yang menerima BR1M keluar daripada garis kemiskinan dan untuk hidup berjaya supaya negara hendak pergi negara maju. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Bukit Gantang, adakah bajet yang dibuat ini menepati apa yang disebut oleh Yang Berhormat Bukit Gantang tadi iaitu kerajaan memberikan BR1M. Yang Berhormat Bukit Gantang

sendiri kata BR1M itu bukan tak baik, baik. BR1M itu baiklah dan diberikan peluang-peluang ini. Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Sebab itu saya sebut BR1M ini bukan penyelesaian untuk jangka panjang. Itu maksud saya. Terima kasih kepada Yang Berhormat Bagan Serai.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkit tadi jam 11 pagi, kami mendapat kunjungan daripada 30 orang bekas pekerja Kilang Getah FELDA Lembah Bilut yang sudah bekerja selama 20 tahun di Kilang Getah FELDA *Rubber Industry Sdn. Bhd.* Lurah Bilut, Pahang.

Ada daripada kalangan mereka ini yang cacat anggota dia. Mereka sudah mendapat notis kena pindah dari rumah yang mereka duduk hampir 20 tahun.

#### ■1820

Persoalannya mereka ini ialah anak generasi kedua, anak FELDA. Keduanya pula mereka ini bekerja di kilang sudah hampir 20 tahun. Ketiganya mereka sanggup untuk hendak membayar kalau pihak FELDA hendak rumah yang mereka duduk itu. Rumah yang mereka duduk termasuk lagi mereka bawa kepada saya gambar dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *[Sambil menunjukkan beberapa keping gambar]* Gambar-gambar rumah mereka yang kita harapkan daripada pihak kerajaan tolong ambil perhatian berkenaan dengan ini.

Esok dua rumah akan diroboh. Daripada 30 buah rumah itu, dua rumah akan diroboh. Saya harapkan juga sahabat saya daripada Yang Berhormat Jerantut mungkin ini diletak di kawasan Parlimen Bentong. Mungkin boleh ambil perhatian sedikit, esok dua rumah akan diroboh. Kononnya sebagai persediaan untuk lawatan Perdana Menteri untuk hendak merasmikan tapak rumah generasi kedua di FELDA tersebut. Lainnya akan diroboh setelah notis tamat duduk iaitu pada 31 Januari 2016 nanti.

Tapak rumah mereka ini yang dibina untuk generasi kedua ini sebanyak 70 buah rumah. Malangnya pihak FELDA hanya berjanji untuk hendak beri di kalangan 30 rumah yang hendak diroboh itu hanya 10 sahaja. Apa salah berikan kepada mereka. Mereka sudah tua hendak pergi mana. Tanah di Pahang ini luas, banyak dunia dekat Pahang luas lagi, tanah itu yang hendak diambil. Inilah yang kita amat kesal sebab itu kita harapkan sangat supaya campur tangan daripada pihak kerajaan supaya janganlah merobohkan ataupun roundinglah atau berikan keutamaan kepada mereka ini yang sudah tua yang kita rasakan untuk hendak pergi ke tempat lain pun mereka tidak mampu. Paling penting mereka itu ialah merupakan anak kepada peneroka FELDA.

Tuan Yang di-Pertua, satu ialah berkenaan isu RM2.6 bilion yang menjadi perbincangan hangat sama ada dalam Parlimen ataupun di luar Parlimen. Rakyat sebenarnya keliru mengenai kedudukan wang ini. Ada yang menjawab wang ini digunakan untuk parti, ada dijawab wang ini hanya untuk hendak lawan zionis dan DAP. Ada pula yang jawab pula daripada Yang Berhormat Bagan Datok jawab dia sudah jumpa kenal sudah dermawan itu. Tiga sebab fasal apa dia bagi RM2.6 bilion. Pertama ialah kerana Malaysia ini mengamalkan akidah Ahli Sunah Wal Jamaah.

Kedua, kerana Malaysia ini mengamalkan konsep kesederhanaan dan yang ketiganya kerana Malaysia ini ialah melawan golongan *terrorist* ataupun golongan pelampau. Tidak apalah, kita terima benda itu baik kalau itulah. Persoalannya kenapa dimasukkan ke dalam akaun peribadi, inilah yang menjadi musykilnya.

Sepatutnya wang ini kalau hendak bercakap soal berkenaan dengan hal yang berkaitan dengan hal memperkuuhkan Ahli Sunah Waljamaah saya bersetuju diberikan kepada JAKIM. Ini untuk hendak mengembangkan tentang akidah Ahli Sunah Waljamaah. Kalau untuk hendak melawan golongan *terrorist* kita berikan kepada Kementerian dalam Negeri (KDN) ataupun Kementerian Pertahanan.

Ini kerana mereka itulah yang bergerak ke sana ke mari. Polis ini kalau boleh kita hendak suruh pakai BMW, kita tidak suruh pakailah Viva ataupun Persona, koman sangat. Fasal apa kita tengok perompak dia pakai... *[Disampuk]* Okey saya tarik baliklah, saya tarik balik. Okey selain daripada itu kita pakailah kereta yang agak hebat sedikit supaya polis dapat untuk hendak kejar penjenayah. Hendak kejar penjenayah, kita hendak ini yang sepatutnya kita lihat.

Tuan Yang di-Pertua, supaya perkara ini selesai dengan baik kerana kita tidak hendak dunia melihat kita. Dunia menyebabkan ia memberikan kesan terutama kepada pelabur-pelabur luar dalam konteks ini. Tuan Yang di-Pertua iaitu saya hendak membangkitkan berkenaan dengan kepentingan orang kurang upaya. Berdasarkan pembentangan Bajet 2016 berlaku pengurangan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat iaitu RM2.2 bilion dahulunya kepada RM2 bilion dalam Bajet 2016. Timbul persoalan di mana kesungguhan kerajaan untuk membangunkan masyarakat di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Walaupun saya lelaki, isteri saya itu perempuan, jadi saya kena cakap abang inilah. Ini suami yang baik ini Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Kuala Kangsar ini suami yang baik. Amat aneh dalam Belanjawan 2016 bilangan individu OKU yang akan mendapat faedahnya adalah seramai 150,000 berbanding tahun 2015 hanya 110,000. Ertinya peningkatan sebanyak 40,000 sedangkan peruntukan kepada KPWKM ini merosot.

Oleh sebab itu ini yang kita harapkan supaya perkara-perkara ini perlu diambil perhatian. Suka saya menarik perhatian Dewan ini berkenaan dengan elaun dan bantuan kendiri kepada golongan orang-orang cacat. Mencadangkan elaun agar pekerja cacat yang sedia ada pada hari ini dinaikkan daripada RM350 sebulan kepada RM550 sebulan. Jika kita selak kembali dialog-dialog yang dianjurkan oleh pihak KPWKM dan Komuniti OKU kenaikan tersebut telah pun dipersetujui oleh KPWKM dan seharusnya diterima pakai oleh pihak Kabinet dan juga kerajaan.

Cuma desakan ini sejak tahun 2014 diberikan perhatian dalam Bajet 2015, namun tidak diberikan perhatian sewajarnya kenaikan pada tahun 2015 yang lalu hanyalah daripada RM300 kepada RM350 dan RM150 kepada RM200 sahaja. Kita harapkan supaya naik terutamanya daripada RM350 kepada RM550 untuk OKU yang bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, kerana kita sering melaungkan Malaysia mempunyai pendidikan taraf dunia., namun perlu diinsaf masih banyak pendidikan yang boleh diikuti oleh kumpulan-

kumpulan OKU di luar negara tidak dapat dinikmati oleh OKU di negara ini. Saya mencadangkan pihak kerajaan iaitu mengambil perhatian hal-hal berikut amalan *educable* yang dihapuskan dalam Peraturan 2013 telus dan tidak bersembunyi di pelbagai peruntukan secara tersirat.

Peruntukan 2013 masih mengekalkan penilaian sekolah terhadap murid-murid keperluan khas sekali gus mendedahkan anak-anak OKU dalam amalan *educable* dalam Peraturan 1997. Dicadangkan pihak Kementerian Pendidikan benar-benar merangka program bagi memastikan tiada keciciran dalam aspek pendidikan asas kepada anak-anak OKU daripada pelbagai kategori.

Dicadangkan juga agar sejumlah peruntukan bagi menyediakan kemudahan dan perkhidmatan OKU di IPTA seluruh Malaysia. Memperuntukkan sejumlah dana bagi mewujudkan dan meningkatkan kelompok intelektual, akademik, dan profesional dalam kalangan OKU termasuk pengkhususan dalam bidang *disability*. Kajian-kajian dibuat oleh pelbagai pihak di peringkat IPTA, IPTS berkaitan dengan OKU perlulah melibatkan golongan OKU sendiri. Akhir sekali ialah mengembangkan bidang-bidang kemahiran bagi golongan OKU tanpa mengira kategori kecacatan khususnya dalam bidang sains pengkomputeran, sains perubatan, pertanian dan sebagainya yang berpotensi diteroka oleh golongan OKU yang selama ini kurang diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap berkenaan dengan aspek kepahlawanan negara. Menteri Kewangan mencadangkan bagi pesara kadar pencen minimum dinaikkan kepada RM950.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]*

Ini satu langkah yang baru, namun demikian ingin saya mencadangkan satu projek khas kepada kelompok kecil mereka yang telah menaburkan jasa yang sangat bernilai untuk keamanan negara. Saya baca satu tulisan yang disebut oleh bekas Timbalan Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Khoo Ah See pernah berkhidmat selama 20 tahun dalam Pasukan Polis Hutan (PPH) yang kini dikenal sebagai Pasukan Gerakan Am (PGA). Pada bulan September lalu beliau telah menulis dalam harian *The Star* meminta supaya pihak kerajaan memberi perhatian kepada pembelaan kepada bekas anggota PPH khasnya yang pernah terlibat di sekitar tahun 60-an ke 80-an yang bertempur dengan pengganas komunis demi mempertahankan keselamatan dan ketenteraman awam.

#### ■1830

Kelompok ini telah bersara lebih 10 tahun dahulu, ada yang lebih lama lagi. Masing-masing dalam usia yang lanjut. Pihak kerajaan dicadangkan agar memberikan keistimewaan kepada mereka dengan mewujudkan pakej persaraan yang lebih komprehensif dan melegakan setimpal dengan jasa mereka. Kenaikan 2% setiap tahun bagi mereka sangat kecil terutama di saat usia mereka yang memerlukan belanja yang lebih besar. Menurut Datuk Khoo, mereka ini

kebanyakannya ditimpa pelbagai penyakit di usaha tua lantaran terdedah dengan pelbagai risiko sewaktu mereka muda dulu berjuang untuk negara kita.

Berada dalam hutan belantara sepanjang masa, kadang-kadang terpaksa tidur dengan pakaian seragam, sarung kaki dan kasut yang basah memberikan kesan kepada mereka. Saya bersetuju dengan cadangan Datuk Khoo agar pencen ini di kelompok kecil dinaikkan sekurang-kurangnya 50%. Satu angka kenaikan yang kecil dalam perbelanjaan negara kita.

Contohnya, dalam hal sama iaitu wira-wira negara ini, saya ingin menarik perhatian penerima-penerima anugerah Seri Pahlawan Gagah Perkasa atau SP yang dianugerahkan oleh Yang di-Pertuan Agong. SP ini merupakan anugerah tertinggi dalam negara dan menurut protokolnya lebih tinggi daripada darjah Kerabat Diraja Malaysia. Ia telah diperkenalkan 29 Julai 1960 dan digazet pada 11 Ogos 1969. Ia dianugerahkan kepada mereka yang telah menunjukkan keberanian. Hari ini, cuma ada lapan penerima anugerah sahaja Seri Pahlawan Gagah Perkasa yang masih hidup. Enam daripadanya ialah Polis Diraja dan dua daripada Angkatan Tentera Malaysia. Mereka ialah;

- (i) Datuk Syed Mokhtar Syed Barakbah;
- (ii) Datuk Paul Kiong;
- (iii) Datuk Sia Boon Chee;
- (iv) Ngalinuh Bala dari Miri, Sarawak;
- (v) Etim Bijam dari Miri, Sarawak;
- (vi) ACP Razak Mohd Yusoff, satu-satunya masih berkhidmat di PDRM;

Dua daripada angkatan tentera iaitu;

- (i) Kapten Bersara Datuk Hamid Awang; dan
- (ii) Leftenen Jeneral Bersara Dato' Seri Zaini Mohamad Said.

Tuan Yang di-Pertua, penerima SP ini memperoleh elaun sekarang ini RM2,000 sebulan manakala Pingat Gagah Berani, RM1,500 sebulan. Maka saya mencadangkan supaya demi membuktikan kerajaan yang peka akan nasib mereka dan meletakkan mereka sebagai ikon kepahlawanan negara agar dinaikkan SP RM2,000 kepada RM5,000 sebulan dan PGB daripada RM1,500 kepada RM3,000 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap sedikit berkenaan dengan TPPA. TPPA ini satu bentuk penjajahan moden kalau kita buat dan kalau kita laksanakan. Memang ada baik tetapi mudaratnya lebih besar daripada manfaat. Maka dengan sebab itu kita mengharapkan supaya kerajaan kalau boleh tolak TPPA ini kerana kita anggap ini merupakan satu bentuk perjanjian kalau kita setuju bererti maruah negara dan juga rakyat negara kita akan terjajah maka tidak ada makna 58 tahun kita merdeka tetapi sebaliknya berlakunya penjajahan ekonomi yang lebih berat. Maka kita harapkan supaya dalam hal ini, daripada sebelah sini dan juga sebelah sana bersetuju untuk kita menolak TPPA ini.

Pertama, kita lihat kesan kepada automotif. Kita tahu sebagaimana yang kita maklum, antara yang memberi kesan ialah kenderaan Proton kita yang mana automobil kita yang tak mampu untuk bersaing terutama daripada keluaran-keluaran produk daripada negara-negara

yang maju seperti mana Amerika yang lebih banyak untuk menghantar ke negara kita seperti Jepun. Kedua...

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Yang Berhormat Bukit Gantang.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Masa hendak habis sudah.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Kejap sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Setiawangsa.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Mengenai kereta ini, adakah Yang Berhormat Bukit Gantang sedar bahawa di AFTA ini atau ASEAN Free Trade Area, kereta-kereta yang datang daripada negara ASEAN ini pun sebenarnya pun sudah mula kurang dalam erti kata *tax* nya, bukan kerana TPPA ini.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Kalau Asia pun kita nampak sudah berat, cuba bayangkan esok Amerika. Okey, yang keduanya ialah berkenaan dengan piawaian halal juga akan digangu kerana kita tahu esok dia akan ikut senarai hak dia. Hak yang JAKIM pakai, kalau kita banyak-banyak sangat *songeh*, kalau banyak-banyak sangat meragam maka ia boleh untuk ambil tindakan daripada segi undang-undang.

Ketiganya, kita lihat nasib golongan pekerja kita. Mereka boleh menentukan hendak ambil pekerja-pekerja asing dan kita tak ada lagi syarat untuk hendak mengambil pekerja-pekerja dari dalam. Keempatnya soal alam sekitar juga. Esok mungkin ada bahan-bahan baru setelah mereka buka 20 tahun kilang di sini, dia letakkan bahan-bahan yang menyebabkan alam sekitar rosak, kita saman, kita tak benarkan maka mereka juga boleh saman kerajaan kita kerana kita mengganggu apa yang mereka lakukan.

Akhir sekali ialah berkenaan dengan keselamatan makanan dalam negeri juga akan berlaku terutama berkenaan dengan masuknya bahan-bahan pertanian dari luar. Lambakan yang begitu banyak, maka sudah tentu yang akan memberi kesannya ialah kepada rakyat kita dan juga sektor pemakanan kita.

Akhirnya sedikit Tuan Yang di-Pertua, iaitu saya hendak mengadu hal berkenaan dengan apa yang berlaku di kawasan saya. Pertama ialah untuk hendak meminta berkenaan supaya Menteri Pelancongan, kebetulan Padang Rengas ini sempadan dengan Bukit Gantang sahaja. Cuba pergi tengok, jenguk jeti dekat Kuala Sepetang. Jeti ini yang agak daif, tandas pun tak ada di jeti itu. Tempat pelancongan dan juga nelayan-nelayan. Kalau hujung minggu, kita boleh tengok beratus orang pergi ke situ dengan keadaan yang cukup daif. Saya telah meminta dahulu, tahun lepas tetapi dia kata bajet tidak ada dan kita harapkan tahun ini dapat diberikan untuk kepada prasarana di Jeti Kuala Sepetang kerana di situ terdapatnya kelip-kelip, ikan *dolphin*, hutan bakau, gua arang. Jadi itu yang saya pohon.

Keduanya berkenaan dengan hal yang berkaitan dengan hidupan kelip-kelip juga di Kampung Dew yang sekarang ini telah berlakunya pencerobohan. Baru-baru ini ada kilang di sebelahnya, dia telah menceroboh di tanah yang berdekatan dengan tempat yang menjadikan pembiakan kepada kelip-kelip di situ telah digangu sehinggakan ini menyebabkan habitat ini

terganggu dan kita harapkan supaya untuk demi memelihara alam habitat yang payah hendak dapat kecuali di Parlimen Bukit Gantang dan juga di Parlimen Kuala Selangor yang ada kelip-kelip ini tetapi yang di Bukit Gantang lebih cantik daripada Kuala Selangor pasal wakil rakyat dia orang PAS. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih. Yang Berhormat Sabak Bernam.

### 6.38 ptg.

**Tuan Haji Mohd Fasiah bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang untuk membahaskan Bajet 2016. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia selaku Menteri Kewangan yang telah membentangkan Bajet 2016. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi yang telah dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri kerana itu adalah merupakan jiran Sabak Bernam. Mudah-mudahan dengan semangat jiran, perkembangan seiring dengan Bagan Datok.

Saya mulakan perbahasan Bajet 2016 dengan memetik sebahagian ayat ke-26 surah Al-Imran, “*Katakanlah wahai Muhammad, wahai Tuhan yang mempunyai kuasa memerintah, Engkaulah yang memberikan kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan daripada sesiapa yang Engkau kehendaki*”. *Insyah-Allah* dengan pemerintahan yang jujur dan ikhlas dan adil oleh Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri, Allah akan merahmati dan memberkati pemerintahan negara ini dan mengizinkan kepimpinan negara berterusan demi menjaga kedaulatan Islam, kepentingan semua rakyat tanpa mengira agama, bangsa dan keturunan.

### ■1840

Bajet 2016 meneruskan agenda membela rakyat. Malah, Bajet 2016 ini adalah bajet yang terbaik pernah dibentangkan kerana berteraskan keseimbangan di antara *capital economy* dan *people economy*.

Saya ingin juga mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana di sebalik cemuhan dan fitnah yang ditaburkan kepada kerajaan termasuklah mengatakan negara akan menjadi bankrap kerana pengurusan kewangan negara yang tidak berhemah selain cabaran ekonomi negara dan domestik yang mencabar. Sebaliknya, kerajaan telah mengemukakan enam pencapaian utama sebagai bukti penanda kejayaan antaranya.

Bagi menjayakan pelaksanaan Bajet 2016 ini, kerajaan telah menunjangkan lima keutamaan iaitu memperteguh ketahanan ekonomi negara, meningkatkan produktiviti inovasi dan teknologi hijau, mempersiagakan modal insan, memperkasakan agenda bumiputera dan meringankan kos sara hidup.

Tuan Yang di-Pertua, keutamaan pertama, memperteguh ketahanan ekonomi negara. Saya ingin menyentuh berhubung keutamaan pertama Bajet 2016 iaitu memperteguh ketahanan ekonomi negara. Saya mengalau-alukan lima langkah untuk memperkuuhkan ketahanan ekonomi negara.

Pertama, saya ingin menyentuh berhubung dengan langkah kerajaan untuk membangunkan perusahaan kecil dan sederhana yang sebagaimana maklum, PKS, bukan sahaja yang penting kerana menyumbang kepada KDNK sebanyak 33 peratus pada masa kini dan dijangka 41 peratus menjelang tahun 2020. Bagaimanapun, perkembangan PKS agak perlahan di kawasan luar bandar seperti di Sabak Bernam yang banyak bergantung pada aktiviti pertanian sebagai sumber ekonomi.

Saya ingin mencadangkan agar kerajaan membangunkan lebih banyak PKS di kawasan luar bandar seperti di Sabak Bernam khususnya yang berasaskan pertanian dengan mewujudkan lebih banyak kawasan perindustrian. Langkah ini bukan sahaja akan menggiatkan kegiatan pertanian tetapi juga akan menyediakan peluang pekerjaan serta melahirkan lebih ramai usahawan PKS di kalangan penduduk setempat terutamanya golongan muda.

Berhubung dengan PKS ini, kerajaan bercadang untuk mengambil beberapa langkah seperti tambahan Skim Dana Pembiayaan PKS Patuh Syariah, Pelan Induk PKS, Skim Anjakan Usahawan, *SME Technology Transformation Fund* dan memperluaskan Projek Transformasi Kedai Runcit ataupun TUKAR dan Projek *Automotive Workshop Modernisation* atau ATOM.

Sehubungan dengan ini, saya ingin mendapatkan penjelasan bilangan kedai runcit di bawah Program TUKAR yang telah berjaya diwujudkan termasuk rancangan untuk memperluaskan Projek TUKAR ini di luar bandar. Begitu juga dengan Projek ATOM, saya ingin mendapat penjelasan bilangan usahawan bumiputera yang telah terlibat dengan Projek ATOM ini sehingga kini dan cadangan bagi tahun 2016.

Tuan Yang di-Pertua, keduanya, saya ingin menyentuh berhubung langkah kerajaan untuk menambahbaikkan infrastruktur logistik bagi tahun 2016. Saya ingin mendapat penjelasan berhubung dengan kemajuan cadangan Lebuhraya Pantai Barat daripada Taiping ke Banting sepanjang 276 kilometer dengan kos RM5 bilion. Saya ingin mendapat penjelasan status terkini projek Lebuhraya Pantai Barat daripada Taiping ke Banting ini dan bilakah dijangka projek ini akan dimulakan pelaksanaannya? Saya juga ingin mendapat penjelasan berhubung jajaran baru lebuh raya ini terutama jajaran daripada Tanjung Karang ke Sabak Bernam supaya projek ini benar-benar memberi manfaat kepada rakyat.

Ketiga, saya ingin menyentuh berhubung dengan langkah kerajaan untuk menambahbaikkan infrastruktur telekomunikasi termasuklah cadangan untuk meningkatkan kelajuan internet luar bandar empat kali ganda daripada 5 megabit sesaat kepada 20 megabit sesaat dan meningkatkan keupayaan jalur lebar berkelajuan tinggi.

Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan bilangan menara pencawang telekomunikasi yang baru yang akan dibina sepanjang tahun 2012 khususnya di kawasan luar bandar. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, setakat ini, berapa peratuskah kawasan yang telah

diliputi oleh *high speed broadband* di seluruh negara? Saya juga ingin mendapatkan penjelasan kerajaan apakah langkah kerajaan untuk meningkatkan keupayaan jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan luar bandar terutama di Parlimen Sabak Bernam.

Keempat, saya mengalu-alukan langkah kerajaan untuk terus melaksanakan pembangunan infrastruktur kawasan luar bandar seperti peruntukan RM1.4 bilion bagi membina dan menaiktarafkan jalan luar bandar sepanjang 700 kilometer di seluruh negara. Saya mohon kepada kerajaan agar dapat memperuntukkan bagi membina serta menaiktarafkan jalan di luar bandar di kawasan Parlimen Sabak Bernam.

Saya ingin mengambil kesempatan untuk memohon kepada kerajaan bagi menimbaangkan dua projek jalan yang penting iaitu:

- (i) melebarkan jalan dari simpang empat Kampung Sungai Apong ke Sekolah Berasrama Penuh Integrasi di Sungai Lang dalam kawasan Parlimen Sabak Bernam sepanjang 2.5 kilometer dengan kos dianggarkan RM3 juta; dan
- (ii) melebarkan jalan utama Sungai Tengar sepanjang lima kilometer dengan kos dianggarkan RM2.5 juta.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat mengalu-alukan langkah kerajaan untuk memajukan aktiviti pertanian bagi meningkatkan pendapatan petani, pesawah dan nelayan dengan cadangan peruntukan sebanyak RM5.3 bilion kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Saya memohon kepada kerajaan khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dapat melaksanakan program pertanian berimpak tinggi di kawasan Parlimen Sabak Bernam. Selain itu, saya memohon agar Agrobazaar Rakyat 1Malaysia dapat diwujudkan di kawasan Parlimen Sabak Bernam selain melaksanakan Program Pembangunan Agropreneur Muda di kawasan Parlimen Sabak Bernam.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, langkah kerajaan dalam merangka pembangunan pertanian yang lebih efektif bagi meningkatkan pendapatan petani, pesawah, nelayan yang kini dianggap berada dalam *low and medium income trap*.

Berhubung dengan nelayan ini, saya ingin membangkitkan nelayan Parlimen Sabak Bernam yang kini berjumlah 1,700 orang dan lebih daripada 400 orang adalah nelayan tradisi yang sebahagiannya mempunyai lesen dan tidak mempunyai lesen. Sehubungan dengan ini, saya mohon kerajaan khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk menimbaangkan permohonan nelayan-nelayan ini iaitu:

- (i) bantuan sampan *fiber glass*, enjin pukat dan peralatan penangkapan ikan sebanyak RM20,000 setiap satu untuk 20 orang nelayan;
- (ii) bantuan baik pulih rumah sebanyak RM10,000 untuk 30 orang nelayan dan bina baru rumah nelayan sebanyak RM40 bagi 30 nelayan;
- (iii) pembinaan jeti berbumbung di belakang *Sabak Bernam Convention Centre* yang dianggarkan RM350.

Keutamaan kedua, meningkatkan produktiviti inovasi dan teknologi hijau. Saya mengalukan langkah kerajaan untuk lonjakan inovasi dan kreatif dengan menyasarkan pertumbuhan produktiviti buruh sebanyak 3.7 peratus setahun melalui berbagai-bagai inisiatif.

Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan berhubung dengan program keusahawanan generasi muda seperti *Global Entrepreneurship Community*, BAHTERA, GREAT dan sebagainya. Saya ingin mendapat penjelasan sejauh manakah program ini telah berjaya menarik minat generasi muda luar bandar dalam menyertai program-program usahawan ini?

Tuan Yang di-Pertua, keutamaan yang ketiga, mempersiaga modal insan. Saya ingin menyentuh berhubung dengan pelbagai program di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 bagi memperkasakan sektor pendidikan negara dengan peruntukan yang besar sebanyak RM41.3 bilion. Ini membuktikan komitmen dan kesungguhan kerajaan bagi membangunkan dan memartabatkan bidang pendidikan bagi melahirkan modal insan yang berkebolehan untuk mengisi keperluan modal insan negara maju menjelang tahun 2020.

Berhubungan dengan pendidikan, pertama, saya ingin membangkitkan sekali lagi cadangan pembinaan baru Pejabat Pendidikan Daerah Sabak Bernam. Cadangan ini telah lama dan sering dibangkitkan semenjak tahun 2009 lagi memandangkan keperluan yang amat mendesak. Tanggungjawab PPD adalah amat besar. PPD Sabak Bernam menguruskan 64 buah sekolah kebangsaan dan menengah iaitu SK sebanyak 35 buah; SJK(C) sebanyak 10 buah; SJK(T) sebanyak dua buah; SMK sebanyak lapan buah; SMA sebanyak tujuh buah; SMKA sebuah; dan SBR sebuah.

#### ■1850

Tanah bagi kompleks Pejabat Pendidikan Sabak Bernam ini sudah pun dikenal pasti. Saya mohon kerajaan supaya mempertimbangkan segera pembinaan Pejabat Pendidikan Daerah Sabak Bernam. Sabak Bernam juga memohon kerajaan untuk meluluskan cadangan untuk membina sekolah baru iaitu SMK Tebuk Pulai untuk menampung sebilangan besar pelajar di kawasan sekitar bagi menggantikan SMK Tunku Abdul Rahman Putera yang telah dijalankan pusat Tingkatan 6, manakala SMK Ungku Aziz tidak dapat lagi menampung bilangan pelajar yang terus bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalukan langkah kerajaan untuk mengurus perdana pendidikan teknikal dan vokasional memandangkan 46% pekerjaan menjelang tahun 2020 nanti adalah dari kalangan yang berkelayakan teknikal dan vokasional. Kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM4.8 bilion kepada 545 buah institut TVET di bawah Bajet 2016 ini. Sehubungan dengan ini saya menggesa kerajaan supaya memastikan kemudahan prasarana, infrastruktur semua kolej vokasional, politeknik dan kolej komuniti termasuk dari segi asrama.

Sehubungan dengan ini, saya ingin menyentuh berhubung dengan keperluan asrama di Politeknik Sultan Idris Sabak Bernam. Pada masa ini, Politeknik Sabak Bernam mempunyai seramai 4,379 orang pelajar dengan menyediakan kemudahan asrama bagi 2,500 orang pelajar sahaja. Manakala 1,800 orang pelajar lagi terpaksa menyewa rumah. Perkara ini agak

menyukarkan dan membebankan pelajar kerana kesukaran untuk mendapatkan rumah sewa dan kadar sewa rumah yang tinggi. Malah sewa rumah kos rendah pun mencapai RM1,200 sebulan.

Selain itu terdapat juga rungutan berhubung dengan gejala dan masalah sosial yang timbul kerana pelajar-pelajar ini tidak dapat diawasi oleh pihak politeknik kerana pelajar-pelajar ini tinggal di luar asrama. Selain daripada itu, politeknik ini mempunyai 307 orang pensyarah dan 90 orang kakitangan sokongan. Kedudukan politeknik yang agak pedalaman dan ketiadaan projek perumahan telah menimbulkan kesukaran kepada pensyarah dan kakitangan sokongan untuk mendapat rumah sewaan dan sebagainya.

Sehubungan dengan ini, saya mohon kerajaan agar menimbangkan untuk membina asrama pelajar bagi memenuhi keperluan seramai 1,800 orang pelajar Politeknik Sabak Bernam. Saya mohon kementerian agar menimbangkan untuk membina asrama kepada pelajar-pelajar Politeknik Sabak Bernam. Selain itu juga saya mohon agar kerajaan menimbangkan untuk membina rumah atau kuarters pensyarah dan kakitangan sokongan politeknik.

Berhubung dengan asrama pelajar, saya juga ingin menyentuh berhubung dengan Kolej Komuniti Sabak Bernam yang pada masa kini mempunyai 300 orang pelajar termasuk pelajar yang mengikuti latihan industri. Saya difahamkan Kolej Komuniti Sabak Bernam adalah antara lima buah kolej komuniti seluruh negara yang tidak mempunyai kemudahan asrama. Keadaan ini telah menyebabkan 300 orang pelajar terpaksa menyewa rumah. Bagi semester pertama, sebahagian guru telah mengambil inisiatif membantu mendapatkan rumah dan seterusnya mengawasi pelajar-pelajar ini.

Walau bagaimanapun, pelajar-pelajar ini terpaksa mendapatkan rumah sewa sendiri bagi semester kedua dan seterusnya. Keadaan ini telah menyukarkan pelajar malah yang lebih membimbangkan adalah masalah sosial yang timbul seperti pergaulan bebas, dadah dan sebagainya. Selain itu, terdapat seramai lebih 120 orang pengajar dan kakitangan Kolej Komuniti Sabak Bernam.

Saya mohon agar Kementerian Pendidikan membina asrama untuk 300 orang pelajar Kolej Komuniti Sabak Bernam. Bukan sahaja memberikan kemudahan penginapan yang lebih selesa dan kehidupan yang lebih teratur kepada pelajar-pelajar ini selain mengatasi masalah disiplin dan gejala sosial pelajar. Selain itu, saya juga mohon agar kerajaan dapat menimbangkan untuk menyediakan kemudahan perumahan untuk pengajar dan kakitangan Kolej Komuniti Sabak Bernam.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berhubung dengan kebolehpasaran graduan yang dianggarkan lebih 50,000 orang graduan masih belum mendapat pekerjaan setelah enam bulan tamat pengajian. Walaupun peluang pekerjaan agak terbuka luas masa kini, namun saingannya adalah sengit antara graduan universiti awam (UA) dan universiti swasta. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, khususnya Kementerian Pendidikan, bilangan dan peratus graduan universiti awam dari universiti swasta yang gagal mendapat pekerjaan selepas enam bulan tamat pengajian. Apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan khususnya graduan daripada universiti awam?

Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya saya menyokong langkah kerajaan meningkatkan penguasaan bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris melalui Program Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkuuhkan Bahasa Inggeris. Saya ingin mendapat penjelasan daripada kerajaan berhubung dengan program-program yang sedang dan akan dijalankan bagi mencapai matlamat memartabatkan bahasa Malaysia dan memperkuuhkan bahasa Inggeris.

Strategi yang keempat iaitu memperkasakan agenda bumiputera. Saya seterusnya ingin menyentuh berhubung dengan keutamaan keempat Bajet 2016 ini iaitu memperkasakan agenda bumiputera, khususnya berhubung dengan peruntukan sebanyak RM3.7 bilion kepada MARA, termasuklah menaja pengajian 72,000 orang pelajar bumiputera di peringkat pendidikan tinggi. Saya dapati peruntukan ini adalah kurang berbanding dengan 2015. Tidak dapat dinafikan dengan peranan yang dimainkan oleh MARA dengan membangunkan usahawan bumiputera dan memperkasakan agenda bumiputera, khususnya daripada segi pendidikan.

Pada masa kini MARA menjadi harapan dan sandaran ibu bapa bagi memastikan anak-anak melanjutkan pelajaran. Saya berharap kerajaan menyediakan peruntukan yang lebih besar kepada MARA bagi membaiayai atau penajaan pelajaran di bawah MARA, terutama bagi meneruskan program sedia ada seperti Program IB Banting. Selain itu, pelajar-pelajar juga mendapat tempias dengan penurunan nilai ringgit masa kini yang telah menjaskas kos sara hidup pelajar yang sedang menuntut di luar negara.

Dalam memperkasakan agenda bumiputera ini, saya ingin mendapat penjelasan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ataupun MITI, sejauh manakah kesan perjanjian *Trans-Pacific Partnership Agreement* ataupun TPPA terhadap memperkasakan agenda bumiputera. Apakah jaminan kerajaan bahawa kepentingan usahawan bumiputera ini terus terbelia.

Tuan Yang di-Pertua, keutamaan kelima iaitu meringankan kos sara hidup. Saya seterusnya ingin turut menyentuh berhubung dengan keutamaan kelima dan terakhir dalam Bajet 2016 ini iaitu meringankan kos sara hidup. Saya mengalu-alukan langkah kerajaan untuk menyediakan peruntukan sebanyak RM600 juta kepada TEKUN untuk usahawan bumiputera dan masyarakat India. Saya ingin mendapat penjelasan bilangan usahawan yang telah mendapat manfaat daripada Skim Pinjaman TEKUN dan setakat manakah kejayaan TEKUN dalam melahirkan dan membangunkan usahawan bumiputera.

Saya ingin juga mendapat penjelasan berhubung dengan Amanah Ikhtiar Malaysia yang mendapat peruntukan sebanyak RM200 juta bagi kemudahan pembiayaan mikro kepada isi rumah B40. Sejauh manakah Program Pinjaman Mikro Amanah Ikhtiar ini dapat meningkatkan pendapatan kumpulan B40, khususnya dari penduduk luar bandar termasuk di kawasan Sabak Bernam.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat mengalu-alukan langkah kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM50 juta kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk program latihan kemahiran dan kerjaya untuk program peningkatan pendapatan. Saya memohon agar KKLBW memanjangkan program ini di Parlimen Sabak Bernam agar lebih ramai belia yang

terlatih dan penduduk luar bandar dapat meningkatkan pendapatan. Sabak Bernam sedia untuk memberi sepenuhnya kerjasama bagi menjayakan program ini.

Saya juga mengalukan langkah kerajaan yang menyediakan peruntukan sebanyak RM852 juta kepada RISDA dan FELCRA untuk melaksanakan pelbagai program peningkatan pendapatan dan produktiviti golongan pesawah, pekebun kecil dan penoreh getah. Dalam hubungan ini, saya ingin membangkitkan tentang pesawah dan pekebun kecil seperti pekebun kecil kelapa, koko dan kelapa sawit yang tidak berkemampuan untuk meningkatkan pendapatan mereka walaupun mempunyai banyak masa yang terluang. Saya ingin mendapatkan penjelasan, apakah langkah kerajaan khususnya KKLBW untuk meningkatkan pendapatan pesawah dan pekebun kecil?

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang begitu prihatin kepada golongan pesawah seperti inisiatif meningkatkan mutu padi dan hasil tuaian mereka. Saya juga mengalukan cadangan kerajaan untuk melaksanakan inisiatif pemututan sebenar padi dan penambahbaikan skim subsidi harga padi mulai 1 Januari 2016 yang akan dinikmati lebih 155,000 orang pesawah. Usaha murni kerajaan ini menunjukkan keprihatinan dan komitmen kerajaan untuk meningkatkan pendapatan pesawah.

#### ■1900

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalukan langkah kerajaan dalam Bajet 2016 ini untuk menyediakan persekitaran penduduk yang selesa terutamanya membina dan membaik pulih rumah daif di kawasan luar bandar oleh KKLW dengan peruntukan RM150 juta. Projek seperti inilah yang begitu dekat di hati rakyat. Parlimen Sabak Bernam telah mengenal pasti lebih 50 buah rumah daif yang memerlukan untuk dibina dan dibaik pulih.

Saya mohon kepada KKLW agar dapat meneruskan peruntukan ke kawasan Parlimen Sabak Bernam. Saya turut ingin menyentuh berhubung dengan pemilikan rumah melalui pelbagai projek dan program seperti Rumah PR1MA, Program Perumahan Rakyat oleh Jabatan Perumahan Negara dan Rumah Mesra Rakyat dan Rumah Idaman Rakyat oleh Syarikat Perumahan Negara. Saya mohon kepada kerajaan khususnya melalui Jabatan Perumahan Negara dan SPNB untuk membina rumah di kawasan Parlimen Sabak Bernam.

Saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang komited untuk menyediakan perkhidmatan kesihatan yang terbaik, antaranya peruntukan sebanyak RM52 juta bagi operasi 328 Klinik 1Malaysia sedia ada dan pembukaan 33 Klinik 1Malaysia baru. Sehubungan dengan ini, saya mohon kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan untuk mengadakan Klinik 1Malaysia di kawasan Parlimen Sabak Bernam yang masih belum mempunyai Klinik 1Malaysia. Berhubung dengan aspek kesihatan, saya ingin membangkitkan tentang cadangan membina Pusat Kesihatan Sabak Bernam yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan termasuklah Klinik Kesihatan Sungai Besar dan Klinik Kesihatan Sabak Bernam. RMKe-9 telah berlalu, kini RMKe-11 menjelang namun projek yang telah diluluskan masih belum nampak bayangnya.

Rakyat terus tertanya-tanya tentang projek ini. Sehubungan dengan ini aspek kesihatan ini saya ingin membangkitkan tentang Pejabat Kesihatan Daerah Sabak Bernam yang terus menyewa di Pejabat Daerah Sabak Bernam, Sungai Besar semenjak tahun 1970 lagi. Setelah 45 tahun masih lagi menyewa di Pejabat Daerah Sabak Bernam di Sungai Besar, bayangkanlah kakitangan telah bertambah begitu juga tugas dan skop kerja tetapi ruang kerja tetap sama.

Walau bagaimanapun, kakitangan ini akan dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik. Tanah seluas lima hektar telah pun dikenal pasti di ladang Air Manis Sabak Bernam dengan anggaran kos RM30 juta. Saya berharap kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan Malaysia mempertimbangkan dengan serius permohonan Yang Berhormat Sabak Bernam.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan langkah kerajaan, bagi mempertimbangkan, meningkatkan keselamatan dan ketenteraman awam dalam negeri antaranya dengan pembinaan IPD baru dengan peruntukan RM155 juta. Sehubungan dengan ini saya ingin membangkitkan tentang cadangan membina Ibu Pejabat Polis Sabak Bernam yang telah dipohon semenjak 2007 lagi. IPD Sabak Bernam telah diwujudkan semenjak 3 April 1983 lagi. Perkembangan Perbadanan Sungai Besar dan Sabak Bernam begitu pesat. Kawasan pentadbiran IPD Sabak Benar iaitu kawasan seluas 98,160.71 hektar dengan jumlah penduduk lebih 131,000 orang. Saya ingin mendapat penjelasan Kementerian Dalam Negeri berhubung dengan cadangan Ibu Pejabat Polis Daerah Sabak Bernam.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan keselamatan dan ketenteraman awam ini, saya mohon Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mempertimbangkan dan menyediakan jeti bagi kegunaan Jabatan Balai Bomba dan Penyelamat Sabak Bernam yang dianggarkan RM300,000. Keperluan jeti ini amatlah mendesak khususnya bagi tugas-tugas penyelamat dan sebagainya. Saya sendiri mengalami keadaan sukar dan mencemaskan apabila menyelamatkan mangsa kerana kesukaran pasukan bomba mendaratkan mangsa kerana air cetek disebabkan ketiadaan jeti khas.

Berhubung dengan keselamatan dan ketenteraman awam ini, saya juga ingin menyentuh berhubung dengan tragedi bot karam di perairan Sabak Bernam yang berlaku pada September 2015 lalu yang telah mengorbankan 64 orang termasuk wanita dan kanak-kanak. Sehubungan dengan ini saya ingin membangkitkan isu memperdagangkan manusia ataupun *human trafficking* yang menjadi masalah kepada negara. Kedudukan Malaysia yang strategik dan keadaan ekonomi negara yang stabil telah menjadikan Malaysia bukan sahaja sebagai negara transit tetapi juga sebagai negara destinasi.

Kesan memperdagangkan manusia ini bukan sahaja untuk memberikan imej yang buruk kepada negara terutama dari segi keselamatan sempadan, keberkesanan undang-undang, faktor politik dan ekonomi. Kerajaan telah memperkenalkan *Human Trafficking Act [Akta 670]* pada tahun 2007. Kemudiannya akta ini dipinda 2010 bagi memperketat lagi daripada segi undang-undang bagi menyekat aktiviti memperdagangkan manusia. Walau bagaimanapun, jenayah berdagang manusia terus berleluasa. Sementara itu Malaysia perlu terpaksa menghadapi laporan daripada US Department of States bagi Great Level Tier umpamanya tahun 2014.

Desa berkedudukan *tier* ketiga iaitu kedudukan terendah daripada pematuhan kepada peraturan dan undang-undang memperdagangkan manusia. Sehubungan dengan ini, saya ingin mendapat penjelasan kerajaan bilangan mangsa pemerdagangan manusia dari tahun 2007 hingga tahun 2015 terkini. Bilangan yang telah didakwa mengikut Akta Trafficking ini *Personnel and Anti-Smuggling of Migrants Act*. Apakah langkah kerajaan bagi memperbaiki *great high level* dan sejauh manakah keberkesanan *Anti-Trafficking in Persons and Anti-Smuggling of Migrants Act* tahun 2007 dalam mengawal dan membendung pemerdagangan manusia.

Saya ingin menyentuh berhubung dengan perkhidmatan awam. Saya mengalu-alukan langkah kerajaan untuk penambahbaikan 252 skim Sistem Perkhidmatan Awam dan langkah kerajaan untuk melantik secara tetap pegawai lantikan *contract of service*. Saya berharap langkah kerajaan ini akan meningkatkan produktiviti dan integriti penjawat awam. Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan langkah kerajaan memberikan pelepasan cukai terkumpul. Sebanyak RM1,500 untuk ibu dan RM1,500 lagi untuk bapa. Langkah ini adalah selari dengan hasrat untuk melahirkan masyarakat penyayang. Saya berharap kerajaan akan menimbulangkan untuk menaikkan kadar pelepasan cukai ini memandangkan kos penjagaan ibu bapa yang terus meningkat seperti kos pembantu rumah perubatan dan sebagainya.

Akhir kalam saya mengharapkan segala perancangan dan strategik dalam Bajet 2016 akan dapat dilaksanakan dengan lancar, amanah dan bertanggungjawab supaya dapat memberi manfaat kepada semua rakyat jelata tanpa mengira kaum, agama dan fahaman politik supaya bersama-sama kerajaan untuk membina negara Malaysia yang maju dan berpendapatan tinggi. Sekian terima kasih, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Gopeng.

#### **7.07 mlm.**

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut terlibat dalam perbahasan Bajet 2016. Bajet 2016 adalah tahun pertama dalam Rancangan Malaysia Kesebelas dan merupakan langkah pertama dalam pusingan terakhir menjelang tahun 2020. Bajet ini telah memperuntukkan sebanyak RM265 bilion dan antaranya RM52 bilion untuk pembangunan. Semasa pembentangan RMKe-11, lima bulan sebelum ini iaitu pada 21 Mei 2015 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menetapkan beberapa sasaran ekonomi makro khususnya pertumbuhan KDNK sebanyak 5% hingga 6% setahun dan pendapatan negara kasar per kapita pada USD15,000 menjelang tahun 2020. Jelas Bajet 2016 menunjukkan bahawa kedua-dua *indicator* ekonomi ini tidak akan tercapai. Pertumbuhan ekonomi dijangka hanya 4% hingga 5% dan KDNK per kapita mengikut Dolar Amerika.

Pada tahun 2014 adalah USD10,111 dan dijangka akan turun sehingga USD9,396 dan pada tahun 2016 bukan meningkat. Walaupun kedudukan ekonomi dalam keadaan yang tidak

menentu dan kritikal, bajet kali ini adalah bajet seperti biasa iaitu *business as usual*, dengan izin. Gajah di dalam bilik terlepas pandang, *elephant in a room*.

#### ■1910

Dua perkara yang mengaburi kedudukan ekonomi tidak diberikan perhatian yang khusus dalam Bajet 2016. Pertama, kebetulan kedudukan ekonomi negara di ambang krisis. Kedua, hutang 1MDB sebanyak RM42 bilion dan wang RM2.6 bilion di dalam akaun peribadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kedudukan ekonomi negara memang di ambang krisis kerana nilai mata wang ringgit yang jatuh dan harga minyak mentah dan harga kelapa sawit dan getah yang kian menurun. Bajet 2016 sepatutnya mengambil langkah-langkah proaktif untuk mencegah krisis ekonomi akibat nilai ringgit merosot dan prestasi ekonomi negara-negara perdagangan utama Malaysia seperti China, Jepun dan Kesatuan Eropah yang tidak menentu.

Sasaran defisit 2016 adalah 3.1% daripada KDNK dan ini merupakan defisit selama 19 tahun berturut-turut. Akibatnya hutang Kerajaan Persekutuan telah meningkat sehingga RM647.5 bilion iaitu 54% daripada KDNK. Satu tahap yang paling tinggi sekali dalam sejarah. Sekiranya diambil kira hutang yang dijamin oleh kerajaan, *contingency liability* yang berjumlah RM175.8 bilion, jumlah tanggungan hutang adalah sebanyak RM822 bilion dan ini adalah 69% daripada KDNK. Seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kelana Jaya tadi tidak termasuk *letter of support* yang dijamin oleh kerajaan. Kos khidmat hutang setiap tahun adalah sebanyak RM26.7 bilion setahun dan ini tidak termasuk jumlah hutang 1MDB sebanyak RM2.7 bilion setahun.

Hasil kerajaan juga jatuh kerana harga minyak dan gas serta komoditi yang menurun. Harga minyak mentah dan gas menurun sebanyak 50%, kelapa sawit sebanyak 25% dan getah sebanyak 20% berbanding dengan setahun yang lalu. Hasil daripada minyak dan gas kepada kerajaan merosot sebanyak RM30 bilion. Walaupun kerajaan mengimbangkan pendapatan dengan pelaksanaan GST dan kenaikan tarif elektrik, harga petrol dan tol, ini bermakna rakyat biasa yang menanggung impak penurunan hasil minyak dan gas. Walaupun kerajaan berjanji untuk meningkatkan status ekonomi B40 pada realiti beban GST dan kenaikan harga barang adalah yang paling berat sekali untuk golongan B40. Oleh sebab pendapatan mereka yang rendah khususnya pendapatan boleh guna dengan izin, *disposable income* yang tipis.

Soalan saya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Daripada jumlah RM39 bilion keseluruhan hasil GST, berapakah peratusan GST yang dikutip daripada kalangan 12 juta orang rakyat B40 ini? Beban yang ditanggung oleh rakyat jelas terlihat dengan peningkatan hutang isi keluarga yang dahulunya 86.8% pada tahun 2014 kepada 88.1% KDNK pada akhir Ogos 2015. Kita sepatutnya mengharapkan satu bajet bertemakan intervensi krisis yang dapat meringankan beban kos sara hidup rakyat khususnya golongan B40. Satu bajet yang mengurangkan ketirisan dan perbelanjaan mengurus dan satu bajet yang dapat merangsang pertumbuhan ekonomi.

Soalan saya yang spesifik. Pertama, kenapa dalam suasana sedemikian, peruntukan untuk SPRM dikurangkan kepada RM250 juta. Kedua, apakah status pelaksanaan bajet

berasaskan *outcome* di kementerian-kementerian berkenaan? Kenapa dasar ini tidak diperluaskan kepada semua kementerian dan agensi kerajaan? Ketiga, kenapa program PLKN masih diteruskan dengan perbelanjaan RM360 juta dalam keadaan bajet yang menekan sedangkan jenis program baru ini boleh dilaksanakan oleh agensi-agensi yang sedia ada di Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Sumber Manusia ataupun di Kementerian Pendidikan.

Isu kedua yang menjadi gajah di dalam bilik adalah skandal 1MDB dan sumbangan RM2.6 bilion dalam akaun peribadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Skandal 1MDB dan sumbangan tersebut bagai jerebu yang mengaburi landskap politik dan ekonomi tanah air sehingga isu ini menjadi isu utama di dalam dan di luar negara. Semasa Persidangan Antarabangsa IACC pada 2 September hingga 4 September yang lalu, yang kebetulan anjuran bersama Kerajaan Malaysia. Isu ini dibangkitkan berulang kali.

Semasa persidangan tersebut, ucapan daripada Presiden *Transparency International*, José Ugaz dengan izin dia berkata, '*No one can be in Malaysia and not be aware of the corruption allegations of recent months and how damaging they are to the country. There is a corruption crisis here. In recent weeks, we have seen the Attorney-General who was critical of the government suddenly replaced, the 1MDB task force suspended, investigators at the anti-corruption commission arrested or transferred, and newspapers suspended for reporting on the matter*'. Ucapan Cobus de Swardt, *Managing Director, Transparency International* pula berkata dengan izin, '*Only the truth will restore trust. Malaysians deserve that urgently and the pain has to be stopped*'. Mengikut Elena Panfilova, *Vice-Chair Transparency International*, dengan izin '*...And we agree with the thousands of Malaysian people who took to the streets last weekend to support the call that the Prime Minister must answer that very simply question of the USD700 million that went into his personal bank account*'.

Dengan kritikan-kritikan sedemikian, di mana kah letaknya maruah kita sebagai rakyat Malaysia apabila Perdana Menteri Malaysia dimalukan secara terbuka di depan pintu kita sendiri. Sehingga kebenaran didedahkan, jerebu tidak akan berakhir. Malangnya sepanjang skandal tersebut, institusi-institusi seperti media SPRM, pejabat Peguam Negara, PDRM khususnya, Cawangan Khas, Bank Negara Malaysia diserang ataupun dilenyapkan. Institusi Parlimen yang seharusnya menegakkan keadilan juga gagal. Ahli Parlimen yang tidak bersetuju dengan tindakan Tuan Yang di-Pertua, dilarang menghadiri Parlimen. Ahli Parlimen yang bersuara di luar Parlimen pula disiasat dan *discharge* di bawah Akta Hasutan.

Jawapan kepada skandal RM2.6 bilion itu sebenarnya mudah dan pasti Yang Amat Berhormat Pekan ada jawapannya. Apa yang dituntut oleh rakyat adalah kebenaran. Kenapa susah sangat untuk mendedahkan identiti individu yang memberikan sumbangan RM2.6 bilion itu? Bagaimanakah SPRM dapat menentukan itu bukan suapan sekiranya identiti dan niat penderma tidak dikenal pasti?

Ke manakah baki wang tersebut pergi selepas akaun peribadi di *empower banking* Yang Amat Berhormat Pekan ditutup pada 30 Ogos 2013? Bagaimanakah SPRM boleh mengenal pasti

wang tersebut bukan kegunaan peribadi apabila baki wang tersebut tidak dapat dikesan? Kenapa perbelanjaan CSR sebanyak RM42 juta oleh SRC International Sdn. Bhd yang pernah menjadi anak syarikat 1MDB itu boleh masuk ke akaun peribadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya pasti jawapan-jawapan itu mudah sahaja. Dalam isu 1MDB, saya ingin merujuk kepada Laporan Tahunan 2013 dan 2014 International Petroleum Investment Company (IPIC).

■1920

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Sepang bangun.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada sahabat saya dari Gopeng.

Saya ingin tanya Yang Berhormat Gopeng berkenaan dengan wang RM2.6 bilion yang didepositkan dalam akaun peribadi Yang Berhormat Pekan, Perdana Menteri. Setuju tidak dengan saya, Yang Berhormat Gopeng, bahawa di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah, saya bacakan seksyen 23 iaitu kesalahan menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan. *[Membaca petikan]*

*“Mana-mana pegawai badan awam yang menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya melakukan satu kesalahan. Bagi maksud subseksyen (1), seseorang pegawai badan awam hendaklah dianggap...” - ini dipanggil presumption ya. “...Sehingga dibuktikan, telah menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan...” .*

Maknanya, berdasarkan seksyen ini, saya katakan bahawa memang ada *reasonable basis*, ada *foundation*, asas yang kuat untuk Perdana Menteri disiasat. Ini kerana beliau adalah seorang pegawai badan awam, Perdana Menteri.

Saya dah tanya tetapi belum ada jawapan lagi. Mungkin melalui Yang Berhormat Gopeng. Ada tidak polis siasat, paling kurang panggil Perdana Menteri? Setakat ini tidak ada. Kalau ada tentu sudah masuk dalam surat khabar dan sebagainya. Jadi kita kena tanya, kenapakah tidak ada siasatan dibuat? Paling kurang, panggil Perdana Menteri ambil keterangan. Saya hanya tegur sikit Peguam Negara sudah hendak panggil polis, Akta Hasutan. Ini melibatkan RM2.6 billion. Kalau polis pun tidak panggil, SPRM pun tidak panggil, maknanya apa hendak jadi pada negara kita? Minta komen. Terima kasih.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Sepang tersebut. Ini kerana, kalau kita lihat, sebagai penjawat awam- saya hendak tanya mereka yang memegang jawatan di *civil service*, misalannya mereka yang bekerja di JPJ, bekerja di kastam, bekerja di mana-mana termasuk juga pegawai

polis, sama ada mereka boleh simpan akaun peribadi dan terima derma daripada orang awam. Ini jawapannya jelas tidak boleh.

Dalam isu 1MDB, saya ingin merujuk kepada Laporan Tahunan 2013 dan 2014 International Petroleum Investment Company (IPIC), sebuah syarikat Kerajaan Abu Dhabi yang bersangkut paut dengan skandal 1MDB. Isu ini penting kerana 1MDB sedang menjalani penstrukturkan semula dan dalam usaha untuk jual aset jana kuasa elektrik di bawah Syarikat Edra Global Energy Berhad.

Laporan IPIC merupakan dokumen awam yang boleh diperoleh di laman web syarikat tersebut. Dalam Laporan Tahunan 2013, nota 34 di bawah tajuk “*Other liabilities*” dengan izin... [Membaca petikan]

*“As part of the state-to-state relationship between Emirates of Abu Dhabi and Malaysia, the Company agreed in 2012 to guarantee the obligations of certain subsidiaries of 1MDB, a strategic development company wholly-owned by the Government of Malaysia, in respect of two financings in the energy and power sector amounting to USD3.5 billion in total. In respect of these financings, the Company benefits from back-to-back guarantees and support from 1MDB and has secured for its Group the right:*

- (a) *to acquire up to a 49% stake in Powertek Investment Holdings Sdn Bhd; and*
- (b) *to acquire up to a 49% stake in the shares of 1MDB Energy Sdn Bhd which holds a 100% stake in Mastika Lagenda Sdn Bhd, a company which owns 75% stake in Kuala Langat Power Plant Sdn Bhd.”*

Dalam Laporan Tahunan IPIC 2014, nota 41 berkenaan dengan 1MDB guarantee dan ini merujuk kepada perkara yang berbangkit selepas laporan tahunan itu dibuat. Dengan izin... [Membaca petikan]

*“On 28 May 2015, IPIC, Minister of Finance Incorporated Malaysia and 1MDB entered into a binding term sheet that provides for the following principal matters...”*

Empat perkara. Pertama... [Membaca petikan]

*“On 4 June 2015, IPIC provided USD1 billion to 1MDB for 1MDB to utilize immediately to settle certain of its liabilities.”*

Kedua... [Membaca petikan]

*“From 4 June 2015, IPIC has assumed the obligations to pay (on an interim basis) all interest due under two IPIC guaranteed 1MDB financings amounting to USD3.5 billion in aggregate principal amount.”*

Ketiga... [Membaca petikan]

*“Upon the completion of the transfer of assets as described below, IPIC will directly assume liability for all payment obligations under the Notes and forgive certain financial obligations of the 1MDB Group to the IPIC Group.”*

Keempat... [Membaca petikan]

*“By 30 June 2016, IPIC is to have received a transfer of assets with an aggregate value of an amount which represents the sum of the Cash Payment, the Assumption of Debt and the Debt Forgiveness.”*

Jumlah keseluruhan aset tersebut adalah USD4.94 bilion bersamaan lebih kurang RM20 bilion. Sekarang kita diberitahu bahawa 1MDB akan jual Edra Global Energy Berhad yang menjadi pemegang syarikat-syarikat jana kuasa elektrik Powertek Investment Holdings Sdn Bhd dan 1MDB Energy Sdn Bhd.

Soalan saya, apakah kandungan *binding sheet agreement* pada 28 Mei 2015 di antara IPIC, *Ministry of Finance Malaysia* dan 1MDB? Khususnya, apakah aset-aset 1MDB yang akan diserahkan kepada IPIC menjelang 30 Jun 2016? Nilai aset-aset tersebut lebih kurang RM20 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan dua isu utama yang saya bayangkan sebagai “*elephant in the room*” yang tidak diberi perhatian dalam Bajet 2016.

Sebelum saya mengakhiri, saya ingin bangkitkan soal isu pencen untuk Angkatan Tentera Malaysia. Memang sumbangan Angkatan Tentera Malaysia untuk menjamin keselamatan dan keamanan negara harus kita hargai. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa pencen minimum untuk pesara yang berkhidmat sekurang-kurangnya 25 tahun akan mendapat pencen minimum RM950. Akan tetapi, kebanyakan pesara ATM bersara selepas 21 tahun dan bukan 25 tahun. Adakah mereka layak untuk menerima pencen minimum khususnya mereka yang berpangkat rendah, khususnya berpangkat prebet dan lans koperal?

Isu yang kedua berkenaan dengan pencen. Saya juga melihat adanya ketidakadilan dari segi pencen yang diterima oleh pesara ATM yang bersara pada tahun 1992 berbanding dengan mereka yang baru sahaja bersara. Walaupun gaji semasa bersara kian meningkat mengikut tahun, kenaikan pencen tidak setimpal untuk mereka yang berpencen 20 tahun yang lalu.

Sebagai contoh, seorang Pegawai Waran II yang bersara tahun 1992 menerima pencen sebanyak RM1,200 sebulan, manakala pesara yang baru sahaja bersara, walaupun dengan kelulusan dan pangkat yang sama, menerima pencen sebanyak RM3,840 sebulan. Tiga kali ganda kalau banding mereka yang bersara 20 tahun sebelum ini. Jadi bilakah MINDEF atau Kementerian Pertahanan akan selaraskan anomali dan ketidakadilan seperti ini?

#### ■1930

Isu terakhir sebelum saya tutup. Semasa pembentangan Bajet 2015 yang pada tahun yang lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah umumkan pengurangan cukai pendapatan syarikat kecil dan sederhana dari 20% kepada 19% dan cukai syarikat dari 25% ke 24% pada tahun 2016. Kedua-dua dasar ini tidak disebut langsung pada kali ini. Adakah kadar

cukai 2016, untuk cukai syarikat dan cukai pendapatan syarikat kecil dan sederhana yang diumumkan tahun lepas ini akan seperti mana yang diumumkan. Saya mohon penjelasan dalam isu tersebut. Akhir sekali saya menolak Bajet 2016. Sekian. [Tepuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Ranau.

### 7.31 mlm.

**Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]:** Okey, Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk turut membahas Bajet 2016 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang bertemakan ‘Mensejahtera Kehidupan Rakyat.’

Pertamanya, saya ingin mengalu-alukan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah membentang satu rangka bajet yang baik, sesuai dengan tema ‘Mensejahtera Kehidupan Rakyat’. Tuan Yang di-Pertua, kami di negeri Sabah mengalu-alukan peruntukan yang disediakan bagi Program 1Harga 1Sabah. Penambahbaikan sistem keselamatan di negeri Sabah, Lebuhraya Pan Borneo, subsidi baja padi huma ataupun padi bukit, skim pinjaman tanpa faedah melalui Simpanan Nasional bagi membina rumah panjang Program Khas Bumiputera Sabah, peruntukan khas bagi perkhidmatan tanah adat di negeri Sabah serta program meningkat perkhidmatan Klinik 1Malaysia yang menunjukkan bahawa kerajaan amat prihatin tentang kesejahteraan kehidupan rakyat negeri Sabah.

Namun demikian, atas soal membalas dan keluhan rakyat negeri Sabah saya merasakan bahawa ada ruang yang perlu kita lihat untuk menyejahterakan lagi kehidupan rakyat khususnya rakyat negeri Sabah. Tuan Yang di-Pertua, bagi menyejahterakan kehidupan rakyat yang saya sebutkan tadi izinkan saya meneruskan hujah dalam menyentuh kepada beberapa perkara yang begitu sinonim yang dekat dengan hati rakyat warga Malaysia di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua tiga tahun yang lalu, sejak pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu pada 1 Jun 2012 mengenai dengan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja mengenai pendatang asing tanpa izin di negeri Sabah. Rakyat negeri Sabah khasnya masih tertunggu-tunggu, tindakan yang diambil bagi mengatasi masalah pendatang tanpa izin di negeri Sabah.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, kehadiran ramai pendatang tanpa izin di negeri Sabah yang akhirnya memiliki dokumen pengenalan diri termasuk memiliki MyKad amatlah merunsingkan hati penduduk negeri Sabah khasnya di mana mereka bukan sahaja mengganggu gugat ketenteraman awam tapi juga keselamatan awam. Dalam MyKad yang mereka peroleh mereka juga merentasi sempadan. Seperti yang berlaku di Semenanjung di mana kes pengawal keselamatan dari Sabah iaitu warga Indonesia yang terlibat dalam kes samun dan pembunuhan pada 23 Oktober 2013 yang lalu.

Selain soal memainkan peranan dan keselamatan awam, pendatang asing tanpa izin juga telah menimbulkan banyak masalah sosial ekonomi dan kesihatan di negeri Sabah ini. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua dan juga Dewan yang mulia ini, saya juga difahamkan

daripada diberitahu bahawa ramai pendatang asing tanpa izin yang memiliki MyKad juga menerima kemudahan BR1M. Yang hanya sebenarnya diberikan kepada warga Malaysia.

Jadi bayangkan Tuan Yang di-Pertua, Kalau ada 1,000, 2,000 yang menerima BR1M daripada PATI ini ataupun pendatang tanpa izin ini kita sudah kerugian lebih kurang dua – tiga juta ringgit. Untuk pengetahuan di Dewan yang mulia ini, negeri Sabah masih ramai warga Malaysia yang di pendalamannya warga Malaysia di negeri Sabah ini yang belum mempunyai sijil beranak ataupun kad pengenalan. Oleh sebab masalah perhubungan dahulu.

Jadi inilah masalah sebetulnya yang saya ingin *highlight* kan di Dewan pada hari ini. Jadi oleh itu, Tuan Yang di-Pertua saya mohon di Dewan yang mulia ini agar kerajaan akan segera mengambil tindakan seperti berikut;

- (i) pendaftaran semula satu MyKad atau penukaran MyKad pada rakyat Sabah;
- (ii) membatalkan semua dokumen pengenalan diri MyKad yang telah dikeluarkan pada pendatang asing tanpa izin;
- (iii) membawa serta menghukum mereka yang terlibat dalam pengeluaran Projek IC dan pemalsuan dokumen MyKad; dan
- (iv) melaksanakan semua saranan yang terdapat dalam laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja mengenai pendatang asing tanpa izin di Sabah dengan kadar yang segera.

Saya percaya bahawa dengan menyelesaikan masalah ini, yang akan sedikit sebanyak akan menyejahterakan kehidupan warga Malaysia di negeri Sabah. Tuan Yang di-Pertua, negeri Sabah adalah merupakan pemegang rekod insiden kemiskinan yang tertinggi di Malaysia. Mengikut dokumen yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri bagi tahun 1970 hingga 2014 menyatakan bahawa di negeri Sabah kadar kemiskinan ini masih lagi di paras 3.9%.

Manakala apa yang telah dinyatakan dalam bajet Yang Amat Berhormat ialah bahawa kadar kemiskinan negara telah menurun kepada kadar 0.6%. Jadi jauh betul perbezaan dia. Kalau kita tengok perbezaan yang di negeri Sabah kadar kemiskinan-kemiskinan negeri Sabah dengan negeri-negeri lain di Malaysia sungguh jauh perbezaan dia. Misal kata kalau di negeri Sarawak dan Kelantan, kadar kemiskinan hanya 0.9%, di negeri Pahang dan Perak hanya 0.7% dan di Terengganu 0.6%, Negeri Sembilan 0.4%, Kedah dan Pulau Pinang 0.3%, Perlis dan Selangor masing-masing 0.2%. Jadi menunjukkan bahawa Sabah masih lagi memegang rekod insiden kemiskinan yang tertinggi. Ya, sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Yang Berhormat Sungai Siput.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Yang Berhormat Ranau, Tuan Yang di-Pertua. Ini kadar-kadar kemiskinan yang disebut tadi ini adalah berdasarkan pada satu paras garis kemiskinan yang begitu rendah bolehkah kita terima RM800 ataupun RM1,000 untuk satu keluarga sebagai paras kemiskinan ataupun adakah itu terlalu rendah *because if it's*

*too low* nampaknya kita okey tidak ada kemiskinan. Tapi macam di Kuala Lumpur RM3,000 pun tidak cukup untuk satu keluarga. So, itu soalan saya.

**Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]:** Ya. Terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput. Saya fikir itu jugalah merupakan satu masalah. Tapi saya rasa dalam keadaan serba ini yang menyebabkan kadar kemiskinan ini lebih tinggi ialah salah satu daripada faktor dia ialah kos kehidupan yang tinggi. Jadi ini adalah faktor-faktor yang menyebabkan kadar kemiskinan itu masih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat negeri Sabah merungut malah para pengunjung di negeri Sarawak, Semenanjung yang berkunjung di Sabah juga merungut bahawa kos barang dan makanan di negeri Sabah adalah terlalu mahal berbanding dengan mana-mana negeri di Malaysia ini yang dikatakan lebih kurang 20% atau 30% lebih mahal.

Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, kalau di Semenanjung sini satu bungkus Maggi Mi harga dia hanya 90 sen tapi di Sabah RM1.60.

#### ■1940

Begitu juga dengan ikan sardin *mackerel* yang basah. Saya lihat di supermarket sini hanya RM4.90 tetapi di negeri Sabah RM6.60. Jadi, cukup besar perbezaannya. Kita sedar bahawa perkara ini berlaku disebabkan oleh beberapa perkara seperti kertas polisi yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Keningau serta kedudukan geografi negeri Sabah yang menyebabkan kos pengangkutan yang meningkat.

Dengan pengenalan *Goods and Services Tax* atau GST, bahang kenaikan harga barang amat dirasakan di negeri Sabah. Akan tetapi bila saya bercakap begini Tuan Yang di-Pertua bukan bererti kita tidak menyokong GST. Oleh kerana GST ini adalah sesuatu yang boleh dan dapat menstabilkan kedudukan kewangan negara. Rata-rata petani, pekebun, peladang, penjaja serta orang ramai merayu agar satu kaedah dapat dilakukan bagi menurunkan harga barang serta kos kehidupan di negeri Sabah agar tidak terus dihimpit dengan kemiskinan.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah memperuntukkan sejumlah wang RM260 juta untuk mengimbangkan harga barang ini. Saya mohonlah agar lebih banyak yang disalurkan di negeri Sabah. Ini termasuklah pembinaan beberapa Kedai Rakyat 1Malaysia. Berhubung dengan Kedai Rakyat 1Malaysia ini, saya juga merayu kepada kerajaan supaya membina lebih banyak, misal kata di kawasan saya hanya satu buah Kedai Rakyat 1Malaysia. Apabila saya melawat di tempat itu, tidak banyak orang yang membeli barang-barangannya. Bila saya tanya, dikatakan bahawa yang pertama, barang-barang di sana tidak cukup. Kedua, kualiti barang di sana tidak bagus. Oleh yang demikian, maka saya mintalah supaya ini diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, program kesejahteraan penduduk luar bandar yang telah digariskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Bajet 2016 amatlah bertepatan sekali dan dinanti-nantikan. Kita telah beberapa kali mengutarakan keluhan rakyat luar bandar mengenai dengan masalah infrastruktur luar bandar yang telah menyekat aktiviti ekonomi dan kehidupan harian mereka, namun hanya sebahagian sahaja yang telah didengari.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, di kawasan saya misal kata kawasan pedalaman masih banyak kampung-kampung atau tempat yang tidak boleh kita lawati melalui jalan raya. Apa yang kita lakukan ialah dua caranya. Satu, berjalan kaki lebih kurang 10 kilometer hingga 15 kilometer. Kedua, melalui sungai dengan menaiki sampan-sampan kecil. Akan tetapi kadang-kadang bot-bot kecil ini, kalau di Sabah kita panggil bot walaupun sampan. Kalau musim hujan pun tidak boleh digunakan oleh kerana air sungai terlalu deras dan takut-takut bot itu hanyut. Kalau musim kemarau pula, juga tidak boleh digunakan oleh kerana air terlampau cetek. Kadang-kadang kalau kita guna bot untuk melawat kampung-kampung sana, kadang-kadang bukan bot yang angkut kita, kita yang angkut bot. *[Ketawa]* Saya fikir di Sarawak pun sama juga kadang-kadang. Sama saya rasa.

Jadi, inilah keperluan Tuan Yang di-Pertua bahawa peruntukan yang banyak harus diberikan kepada Sabah dan juga mungkin kepada Sarawak, saya rasa. Hampir sama sahaja. Ya, dipersilakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, ustaz? Semenjak bila pula *ambo* ustaz? *[Ketawa]*

Terima kasih Yang Berhormat Ranau. Beginilah Yang Berhormat Ranau, saya cakap terus terang sahajalah, tiap-tiap tahun kita dengar kisah yang sama dan tiap-tiap tahun kita dengar janji daripada pihak sebelah sana bahawa ia akan berubah. Tiap-tiap tahun. Akan tetapi kita semua tahu benda ini tak berlaku. Saya merasakan bahawa sebenarnya negara kita ini telah terlepas satu peluang keemasan pada 2008, 2009 dahulu bila sekiranya pihak Ahli Parlimen daripada Sabah dan Sarawak menyokong pada ketika itu Pakatan Rakyat, kita boleh ada satu perubahan dan pertukaran.

**Beberapa Ahli:** *[Bersorak]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Adakah hingga hari ini, ini sudah 50 tahun sudah Yang Berhormat Ranau, 50 tahun. Bukan dua tahun, tiga tahun, sudah 50 tahun. Apa yang diceritakan oleh Yang Berhormat Ranau sepatutnya memang tidak sepatutnya berlaku. Akan tetapi sampai bila hendak berpegang dan mengharapkan kepada UMNO dan Barisan Nasional sedangkan tiap-tiap tahun tertipu. Tidakkah lebih baik dalam tahun ini bila undi untuk bajet ini dikemukakan, wakil rakyat dari Sabah dan Sarawak mengambil satu sikap yang tegas, tolak bajet itu dan berilah perubahan, peluang untuk perubahan, selamatkan Malaysia, selamatkan Sabah dan Sarawak.

Kalau tidak, sampai bila hendak begini? Tahun depan macam ulang lagi. Saya boleh jamin, tahun depan dia ulang lagi, tahun selepas itu akan ulang lagi. sampai bila-bila pun akan berulang. Tukar sahajalah. Beri peluang. Beranikan diri. *Insya-Allah.*

**Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]:** Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Yang sebenarnya, kerajaan memberikan peruntukan yang banyak tetapi oleh kerana kawasan negeri Sabah dan Sarawak ini terlalu besar. *[Tepuk]* Maka sudah tentulah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Ranau.

**Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]:** Kita tidak dapat melaksanakan dalam satu masa yang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Ranau. Yang Berhormat Shah Alam yang tidak berubah. *[Ketawa]*

**Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]:** Saya harap Yang Berhormat Shah Alam berubah lah.

**Seorang Ahli:** Pergi Amanah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya hairan dengan jawapan daripada Yang Berhormat Ranau yang mengatakan bahawa sebenarnya peruntukan itu besar. Sekiranya itu benar, maka apakah masalahnya? Kalau benar bahawa peruntukan itu besar dan ia mencukupi, sudah bertahun-tahun di bawah Barisan, ini bukan cerita baru. Yang Berhormat Ranau sendiri pun telah kalau tidak silap saya menjadi Menteri, ditukar.

Lalu apa sebenarnya masalahnya? Kenapa agihan kekayaan dan pembangunan itu tidak boleh dilakukan secara adil di antara Semenanjung Malaysia. Di Semenanjung Malaysia pun ada negeri-negeri yang terbiar. Itu pun kita tidak nafikan. Akan tetapi Sabah dan Sarawak ini memang yang saya hairan, dalam keadaan terbiar begitu sekali tetap menyokong dengan begitu setia. Itu saya tidak faham. Apa yang menakutkan orang Sabah dan Sarawak untuk berubah?

**Seorang Ahli:** Eh! Duduklah.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]:** Yang Berhormat ya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Apakah pandangan Yang Berhormat Ranau? Apa ini suruh duduk, suruh duduk. Yang Berhormat Ranau beri saya bangun, kenapa pula Yang Berhormat Parit Sulong pula hendak bising? *[Dewan riuh]*

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]:** Yang sebetulnya, orang Sabah dan orang Sarawak ini tidak boleh *diinstigated*. Kita masih kuat menyokong Barisan Nasional. *[Tepuk]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Walaupun Barisan Nasional...

**Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]:** Dan kita tidak...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Mengkhianati rakyat Sabah dan Sarawak. Walaupun begitu? Sampai bila-bila? Kalau begitu, Yang Berhormat Ranau saya cadangkan lah, tak perlulah datang mengadu mengeluh, datang tiap-tiap tahun, buat apa? *[Dewan riuh]* Because no matter how badly they treat you, dengan izin, you tetap sokong. Ini lah masalahnya.

**Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kena ajar. Kena ajar Kerajaan Pusat. Barulah betul.

**Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir saya tidak perlu jawab lagilah. Saya sambung. Tuan Yang di-Pertua, jadi saya berharap peruntukan RM1.4 bilion – nah tengok, banyak duit ini yang diberikan kepada Kementerian Luar Bandar akan disalurkan ke Sabah dan Sarawak. *[Tepuk]* Ini dia! Masih ada di sini. Cuma kita minta tambah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Itu janji lagi. tiap-tiap tahun dia janji begitu. Tak ke mana. *[Dewan riuh]* Dua-dua lah, Sabah dan Sarawak tetap sokong. Itulah masalahnya. Cuba gertak sekali. Kata “*Tak beri, kita tukar*”. Barulah bagus.

**Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]:** ...Ini sudah RM1.4 bilion.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat Shah Alam parti apa ya? Awak parti apa?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tengoklah skrin. Takkan tak boleh baca. Sudah jelas.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Yang Berhormat Shah Alam sudah lompat. Dari PAS pergi Amanah. Berubahlah! *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Jadi macam orang gila.

**Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap peruntukan sebanyak RM878 juta bagi bekalan elektrik luar bandar dan juga peruntukan RM560 juta bagi bekalan air luar bandar juga diagih-agihkan dengan saksama kepada Sabah dan juga Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini sepertimana yang kita sedia maklum, Sabah telah dilanda gempa bumi dan khususnya Ranau di kawasan saya. Gempa bumi ini telah mengakibatkan banyak kerosakan.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **Mempengerusikan Mesyuarat**]*

#### ■1950

Kerosakan infrastruktur asas, kerosakan bangunan-bangunan dan juga menyebabkan kehilangan nyawa kepada pendaki Gunung Kinabalu. Oleh hal demikian, maka saya memohon di Dewan yang mulia ini supaya kerosakan-kerosakan iaitu kerosakan bangunan-bangunan sekolah, kerosakan bangunan-bangunan hospital dan kerosakan masjid juga kerosakan jambatan dan juga jalan-jalan raya itu dapat dipulihkan.

Dan saya berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan kerana memperuntukkan jumlah kewangan untuk banjir dan juga gempa bumi. Jadi saya mintalah supaya Ranau itu diagihkan dengan peruntukan untuk tahun hadapan. Mintalah. *[Disampuk]*

**Beberapa Ahli Dewan:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]:** Jadi Tuan Yang di-Pertua, *[Disampuk]* saya juga minta Kementerian Pendidikan yang telah diberikan peruntukan sebanyak RM 41.3 bilion, supaya dapat membaiki sekolah menengah kerajaan SMK Ranau, SMK Menengah Agama Mohamad Ali dan juga sekolah-sekolah lain yang telah rosak akibat bencana alam yang telah berlaku itu.

Di samping itu juga, Tuan Yang di-Pertua saya juga merayu agar lebih banyak prasekolah, sekolah rendah kerajaan, sekolah menengah kerajaan dan sekolah menengah kerajaan agama dapat dibina di negeri Sabah agar tidak ada seorang anak Malaysia di negeri Sabah yang ketinggalan dalam matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia daripada 2013 sehingga 2025.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat negeri Sabah khususnya amat berbesar hati dengan pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 10 Ogos 2015 yang lalu, ketika melancarkan program mengibarkan Jalur Gemilang di Padang Merdeka, Kuching, mengenai Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan bahawa Kerajaan Persekutuan akan memberikan kuasa autonomi yang besar kepada negeri Sabah dan Sarawak.

Bagi mencapai matlamat ini, rakyat negeri Sabah merasakan bahawa semangat Perjanjian Malaysia harus dihormati dan dilawat semula yakni bagi mengembalikan semangat perjanjian itu sendiri yang mana kita percaya akan dapat menambat hati dan jiwa rakyat negeri Sabah khususnya.

Hari ini kedengaran rungutan di kalangan rakyat bahawa negeri Borneo Sabah dan Sarawak masih tersisih tetapi saya rasa Kerajaan Barisan Nasional sedang melakukan sesuatu yang baik untuk kedua-dua negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat negeri Sabah mengalu-alukan pelantikan beberapa orang pegawai dari Sabah untuk menganggotai Kementerian Persekutuan. Sebagai contoh, ialah pelantikan Datuk Mohammad Mentek sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah menjadikan beliau sebagai anak negeri Sabah yang pertama yang menjawat jawatan Ketua Setiausaha.

Kita juga bersyukur kerana semakin ramai di kalangan rakyat negeri Sabah kini menjawat jawatan Ketua Jabatan Persekutuan serta Agensi Kerajaan Persekutuan di negeri Sabah. Namun demikian, mengharap agar dengan kuasa autonomi yang lebih besar yang akan diberikan kepada negeri Sabah dan Sarawak. Lebih ramai lagi rakyat negeri Sabah akan dilantik sebagai ketua setiausaha, timbalan setiausaha, ketua-ketua pengarah dan juga ketua-ketua jabatan agensi persekutuan di negeri Sabah ini.

Tuan Yang di-Pertua, kuasa autonomi yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga hendaklah merangkumi perkara yang ada kaitan dengan imigresen. Ini amatlah perlu bagi mengekang kemasukan pendatang asing tanpa izin ke negeri Sabah khasnya dari negara jiran Filipina dan Indonesia. Sebagaimana yang kita baca dan dengar dalam pendengaran Jawatankuasa Siasatan Diraja mengenai dengan pendatang asing tanpa izin di negeri Sabah. Ramai yang didakwa telah mendapat kad pengenalan atau kewarganegaraan Malaysia sama ada melalui pintu belakang ataupun di depan.

Kita percaya bahawa sekiranya kuasa autonomi berkaitan dengan imigresen diberikan kita akan dapat mengawal lebih banyak akan kemasukan pendatang tanpa izin seperti mana yang dilakukan di negeri Sarawak. Semoga penurunan kuasa autonomi di negeri Sabah dapat dibuat dalam masa yang terdekat ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Penampang bangun Yang Berhormat Ranau.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Okey, Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Ranau. Berkenan dengan kuasa autonomi, ada dua soalan saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Ranau, Tuan Yang di-Pertua .

Berkenaan dengan kuasa autonomi bukankah dengan izin *we have been deprived of that for many years and that is the same government that is giving you this so called autonomy and it is still taking time. A committee is being formed, discussion had been done, but I think, apa, I mean, saya punya pendapatan, my pendapat, sorry.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Pendapatan is *income*.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** *I don't have any, Sir. Anyway, my pendapatan is it taking to slow, I think this government should just give it to Sabah right now. In fact, dengan izin lagi Tuan Yang di-Pertua, that demand should be made the status assembly, so that it'll be recorded that all members of state assembly in Sabah have put in on record , this is what Sabah wants? And no one can pull that anymore.*

Kedua adalah berkenan dengan imigresen. Pada saat hingga ke hari ini, imigresen masih, imigresen memasuki Sabah– masih dalam kawalan Sabah. *We can stop people from entering Sabah.* Tetapi di Labuan, bila dia masuk ke Sabah tiada menghentikan orang memasuki Sabah melalui Labuan. *Now that is big concern bagi Sabah.* Terima kasih.

**Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]:** Terima kasih Yang Berhormat Penampang. Saya fikir persoalan ini termasuklah semua apa yang dinyatakan tadi oleh Yang Berhormat Penampang dan ini saya fikir sedang dilaksanakan. Saya telah diberitahu bahawa jawatankuasa akan ditubuhkan untuk membincangkan perkara-perkara ini termasuklah kuasa-kuasa imigresen yang telah dinyatakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan ini juga saya ingin merayu agar penubuhan jawatankuasa khas bagi mengkaji hak negeri Sabah untuk menerima 40% hasil bersih negeri Sabah yang dipungut oleh Kerajaan Persekutuan juga dipercepatkan. Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada Bajet 2016, saya sekali lagi mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana walaupun keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu dan harga minyak yang menurun tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan dapat membentangkan bajet yang saya kira menepati keperluan keseluruhan rakyat dan menepati tema 'Mensejahtera Kehidupan Rakyat', dengan kata-kata demikian Tuan Yang di-Pertua, maka saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Taiping.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana mengizinkan saya bangun untuk membahasakan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2016. Tuan Yang di-Pertua, walaupun tema utama belanjawan kali ini adalah 'Mensejahtera Kehidupan Rakyat' tetapi setelah mengupas isi kandungan sebenar pembentangan belanjawan kali ini, ia boleh dirumuskan sebagai defisit panjang, hutang tinggi, pembangunan kurang dan rakyat pula menanggung kesusahan.

Tuan Yang di-Pertua, pertama, belanjawan kali ini menyaksikan sekali lagi satu bajet defisit dan ia adalah defisit untuk 19 tahun berturut-turut. Ini merupakan satu rekod baru tetapi bukan rekod yang membanggakan sebaliknya rekod yang membimbangkan kita semua. Jumlah defisit kali ini dijangka mencelah RM41.5 bilion dan sekiranya seperti amalan lazim Kerajaan

Barisan Nasional dengan pembentangan belanjawan tambahan, jumlah defisit sebenar akan lebih tinggi dan lebih membebankan.

Tuan Yang di-Pertua, kali terakhir Malaysia mempunyai bajet imbangan ialah pada tahun 1998 ketika Dato' Seri Anwar Ibrahim memegang jawatan Menteri Kewangan tetapi mulai saat beliau dianiayai dan dipecat sehingga kini tanah air kita terus terjerumus ke dalam kancang defisit. Belanjawan defisit yang berpanjangan terbukti kerajaan yang ada hari ini tidak cekap dalam pengurusan kewangan fiskal dan lemah dalam mengurus perbelanjaan secara berhemah.

Kedua, Rang Undang-undang Perbekalan kali ini walaupun memperuntukkan RM267.2 bilion tetapi yang mengkhawatirkan rakyat jelata adalah ledakan hutang negara yang semakin menggunung. Dengan defisit yang berpanjangan, kos membayar hutang negara dijangka akan meningkat daripada RM23.5 bilion sehingga kepada RM26.6 bilion. Dengan kata lain, 1/10 belanjawan kali ini adalah digunakan untuk membayar hutang Kerajaan Barisan Nasional dan bukannya untuk membangunkan negara.

#### ■2000

Tuan Yang di-Pertua, selain kos membayar hutang negara semakin meningkat, jumlah hutang negara juga dijangka akan meningkat dari RM589 bilion menjadi RM627.5 bilion, satu peningkatan sebanyak 7.7%. Kadar peningkatan hutang negara ini bukan sahaja melebihi kadar pertumbuhan ekonomi yang dijangka pada paras 4.5%, sekiranya kita mengambil kira *contingent liability* yang ditanggung oleh kerajaan termasuk hutang 1MDB yang dijamin oleh kerajaan. *Contingent liability* kerajaan telah mencecah paras RM168.9 bilion.

Sekiranya kedua-dua ini diambil kira bersama, jumlah hutang negara sebenar ialah RM757.9 bilion iaitu 68.9% daripada jumlah KDNK. Dengan kata lain Tuan Yang di-Pertua, jumlah hutang negara kini telah melebihi paras bahaya ataupun *statutory ceiling* yang dibenarkan oleh Akta Aturcara Kewangan iaitu hutang tidak boleh melebihi paras 55% daripada KDNK. Dengan hutang sekeliling pinggang adalah amat dikesali.

Belanjawan kali ini gagal mengemukakan mekanisme atau dasar baru inovatif untuk memotong pembaziran, pemborosan, ketirisan, mahupun penyelewengan. Sebaliknya, peruntukan kepada SPRM pula dipotong sebanyak RM43 juta. Dengan kata lain, kini setiap anak Malaysia terpaksa menanggung hutang RM26,618 akibat daripada jasa Barisan Nasional. Hutang negara dijangka akan meningkat lagi kerana pimpinan kerajaan yang lemah dan kini jelas korup dan tidak bermoral.

Ketiga, daripada jumlah RM267.2 bilion yang termaktub dalam Rang Undang-undang Perbekalan kali ini, 80.5% ialah belanjawan mengurus dan hanya 19.5% sahaja diperuntukkan untuk tujuan pembangunan. Paras yang rendah ini mencerminkan kekangan kewangan yang sedang dialami oleh kerajaan akibat daripada pembaziran, pemborosan dan penyelewengan yang berulangan. Ia tidak menepati wawasan negara untuk menjadi negara maju kerana kurang dari 20% bajet yang diperuntukkan untuk tujuan membangunkan negara.

Keempat Tuan Yang di-Pertua, selain daripada defisit hutang dan belanjawan pembangunan yang berkurangan, memandangkan kerajaan menjangkakan akan mengutip RM39

bilion daripada cukai GST, jumlah cukai barang ini semestinya akan menjadi satu beban yang berat kepada rakyat jelata, khususnya 4.7 juta isi rumah yang berpendapatan rendah. Ini kerana tanpa mengira miskin atau kaya, semua pihak adalah wajib membayar 6% GST. Dengan hasil RM39 bilion, ia bermakna kini GST telah menjadi sumbangan utama hasil pendapatan negara. GST, “*Government Say Thank You*” tetapi rakyat pula akan terpaksa menanggung kesusahan.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia kini dalam krisis. Akibat daripada keruntuhan moral pemimpin kerajaan dan penyelewengan yang berleluasa, nama baik Malaysia bukan sahaja tercemar, integriti badan kerajaan terhakis, malahan kehidupan rakyat semakin tertekan dan ekonomi negara kini semakin rapuh dan dilimpahi dengan pelbagai skandal, krisis dan cabaran. Keadaan ekonomi negara kini berada di ambang kegawatan, nilai wang ringgit menjunam, wang rizab negara kian menurun, ledakan hutang negara semakin menggunung dan sebaliknya harga barang semakin naik dan subsidi minyak dan gula pula dihapuskan.

Mengikut laporan *Bloomberg*, mata wang ringgit kini telah menjadi mata wang yang mengalami kejatuhan paling teruk di Benua Asia, lebih teruk daripada Rupiah Indonesia dan Thai Baht. Akibat kejatuhan wang ringgit yang tidak berhenti-henti, bukan sahaja harga barang import naik melambung, malahan ada pusat membeli-belah di London dan New York yang dilaporkan enggan menerima kad kredit yang dikeluarkan oleh bank di Malaysia.

Berbanding dengan US Dolar, ringgit telah mengalami kejatuhan lebih 31% sejak tahun lepas, sekali gus menjadikan ringgit *the worst performing currency in ASEAN*, dengan izin. Bagaikan jatuh pula ditimpa tangga, wang rizab Bank Negara turut mengalami nasib yang sama. Rizab Bank Negara telah berkurangan lebih 20% dan mengalami kejatuhan daripada paras USD130 bilion ke USD93 bilion. Satu kejatuhan yang besar, sebanyak USD37.6 bilion.

Menurut laporan Bloomberg, *among the emerging markets Central Bank Reserve*, Malaysia mengalami kejatuhan rizab yang paling teruk, lebih teruk daripada Indonesia yang mengalami kejatuhan 9.1% dan Bank Pusat Turki yang mengalami kejatuhan 81%. Kejatuhan rizab wang negara yang ketara bukan sahaja menjelaskan *status credit rating* negara kita serta kemampuan negara untuk membayar hutang, malahan ia akan membawa kesan buruk ke atas keyakinan pelabur-pelabur antarabangsa terhadap negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, berpaling kepada tema utama belanjawan kali ini iaitu ‘Mensejahtera Kehidupan Rakyat’. Setelah dikupas isi kandungannya, adalah didapati bahawa peruntukan untuk 18 kementerian telah mengalami pemotongan dan yang mengalami potongan paling besar ialah Kementerian Pengajian Tinggi sebanyak 24%. Peruntukan kepada Kementerian Kesihatan juga dipotong sebanyak RM300 juta. Sebaliknya, Jabatan Perdana Menteri pula mendapat peruntukan tambahan sehingga melebihi paras RM20 bilion. Satu rekod perbelanjaan yang tertinggi. Adakah ini wajar? Adakah ini adil? Adakah ini maksud “Mensejahtera Kehidupan Rakyat”?

Saya di sini ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Pekan, di bawah peruntukan Jabatan Perdana Menteri, ada peruntukan RM309 juta untuk Projek Khas, apakah tujuan Projek Khas ini? Dewan yang mulia ini perlu tahu. Ada lagi RM1.3 bilion di bawah Kepala Projek Mesra

Rakyat, apakah butir-butir terperinci projek-projek tersebut? Ini perlu dikemukakan dan dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini.

Apa yang lebih perlu mendapat perhatian serius adalah ada RM3 bilion Dana Fasilitasi. Dana Fasilitasi RM3 ribu juta. Apakah tujuan ini? Siapa ada kuasa? Di manakah duit ini akan pergi? Saya rasa adalah selaras dengan prinsip akauntabiliti dan ketulusan, Yang Amat Berhormat Pekan perlu kemukakan *details* dan juga butir-butir ini kepada Dewan yang mulia ini sebagai mengangkat dan menghormati martabat Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan dan modal insan adalah teras pembangunan negara. Oleh itu, saya rasa terpanggil untuk membangkitkan peruntukan kepada sekolah yang telah dipotong RM300 juta. Tahun 2015 RM800 juta diperuntukkan tetapi tahun hadapan jatuh RM300 juta menjadi RM500 juta. Perkara ini melibatkan kebajikan ratusan ribu anak-anak murid. Kerajaan harus berjimat dalam perkara lain seperti pembelian jet baru untuk Perdana Menteri dan bukannya memotong peruntukan kepada pihak sekolah yang memainkan peranan penting untuk menentukan masa hadapan negara.

Adalah perlu saya bangkitkan di Dewan yang mulia ini, walaupun kini kita berbahas tentang bekalan untuk tahun 2016, tetapi telah dilaporkan bahawa daripada jumlah RM800 juta yang diperuntukkan kepada sekolah tahun ini, sehingga kini, hari ini sudah penghujung Oktober, masih ada lagi lebih kurang 90% jumlah bilangan sekolah belum menerima peruntukan yang sepatutnya sudah lama disalurkan.

Sebagai contoh, dari jumlah RM50 juta yang diperuntukkan kepada 1,285 buah sekolah SJK(C), sampai penghujung bulan Oktober, hanya RM20 juta sahaja yang diterima oleh pihak sekolah dan baki RM30 juta masih sabar menanti. Apabila ditanya, Timbalan Menteri Pendidikan memberi alasan *miscommunication*. Akan tetapi pada hakikatnya, semua orang tahu kerajaan sudah kekeringan dana akibat kepincangan pengurusan.

Tuan Yang di-Pertua, kelewatan pemberian peruntukan kepada sekolah bukan sahaja menjelaskan operasi harian pihak sekolah, kesejahteraan dan kebajikan murid-murid sekolah pun nyata akan terjejas. Saya minta perhatian serius dan tindakan segera dari Kementerian Kewangan supaya peruntukan tahun ini dengan segera disalurkan sebelum sekolah bercuti pada bulan hadapan.

Sebelum itu, saya juga ingin meminta kerajaan menepati janji. Di kawasan saya, SJK(C) Hua Lian (2), Menteri Pendidikan yang dahulu sebelum dipecat sudah janji sebelum pilihan raya hendak beri dana pembinaan sekolah RM1.5 juta. Kini jawatan pun sudah dilucut tetapi duit tidak ada, sekolah tengah bina. Saya harap perkara ini tidak berulang lagi. Janji mestilah ditepati bukan dimungkiri, mahupun ‘dicapati’.

## ■2010

Tuan Yang di-Pertua, walaupun bajet kali ini bertema “Mensejahtera Kehidupan Rakyat” tetapi setelah dikupas nyatanya ia adalah “*indah khabar dari rupa*”. Bukanlah seperti yang disifatkan oleh Ahli Parlimen Mersing, di mana Yang Amat Berhormat Pekan umpama roti canai

yang bertelur. Sebaliknya pemotongan beberapa peruntukan kepada golongan miskin perlu mendapat perhatian serius dan diperbetulkan segera.

Pertama, saya perhatikan bahawa dalam Rang Undang-undang Perbekalan kali ini, Kumpulan Wang Amanah Pelajar-pelajar Miskin telah dipotong 95% daripada jumlah RM200 juta yang sepatutnya diperuntukkan kini dipotong menjadi RM10 juta sahaja. Kejatuhan peruntukan secara ketara kepada pelajar-pelajar miskin semestinya akan membawa keadaan parah kepada kebijakan pelajar-pelajar kurang mampu dan keadaan ini mesti diperbetulkan.

Kedua, peruntukan subsidi kepada rakyat di bawah Kementerian Kewangan akan dipotong sebanyak 45% dari RM19.34 bilion menjadi RM10.63 bilion. Suatu pemotongan sebanyak RM8.7 bilion.

Ketiga, pemotongan peruntukan kepada institut pengajian tinggi awam (IPTA). Peruntukan kepada Kementerian Pengajian Tinggi akan mengalami pemotongan sebanyak 24% dan jatuh kepada RM13.37 bilion. Akibat dari pemotongan peruntukan ini, *funding* kepada universiti awam akan berkurangan sebanyak RM1.44 bilion dengan Universiti Malaya mengalami potongan jumlah yang terbesar iaitu 27.3%, diikuti dengan Universiti Malaysia Terengganu iaitu 23.76% dan Universiti Teknologi MARA sebanyak 23.7%. Sama ada pemotongan besar ini akan membawa kesan parah kepada kejatuhan mutu pendidikan universiti tempatan dan kenaikan yuran kepada mahasiswa-mahasiswi akan kita perhatikan.

Tuan Yang di-Pertua, keempat, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi juga mengalami pemotongan peruntukan sebanyak 60.76% dari jumlah RM1.66 bilion, jatuh kepada RM651 juta sahaja. Kejatuhan nyata ini adalah kerana RM1950 juta yang diperuntukkan untuk *Cooking Oil Price Stabilization Scheme* akan dimansuhkan dan ini akan membawa kesan secara langsung kepada harga pasaran minyak masak pada tahun hadapan. Akibat pemotongan skim kestabilan harga minyak masak ini yang mula diperkenalkan pada tahun 2007, rakyat jelata akan terpaksa menanggung kesan kenaikan harga minyak masak dan kehidupan harian mereka akan semakin tertekan.

Kelima, peruntukan kepada Kementerian Pengangkutan akan dipotong sebanyak 14.1% ataupun RM648 juta kepada RM3.95 bilion. Potongan RM648 juta kali ini adalah daripada subsidi kerajaan kepada kereta api KTM dan tiket penerbangan kepada kawasan pedalaman. Secara spesifik, subsidi kepada tiket KTM akan dipotong RM27.9 juta dari RM52.9 juta jatuh kepada RM25 juta sahaja. Subsidi kepada tiket penerbangan kawasan pedalaman juga akan dipotong sebanyak RM5 juta menjadi RM155 juta. Akibat pemotongan subsidi kepada rakyat, kos pengangkutan awam dijangka akan meningkat.

Keenam Tuan Yang di-Pertua, peruntukan kepada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air akan mengalami pemotongan peruntukan sebanyak RM605 juta kepada jumlah peruntukan RM2.2 bilion. Yang jelas adalah pemotongan RM150 juta subsidi bil elektrik kepada keluarga miskin. Sebelum ini keluarga miskin yang menikmati bil elektrik percuma RM20 setiap bulan kini menyaksikan kebijakan mereka dipatahkan.

Sebagai natijah, jelas belanjawan kali ini adalah tidak bertepatan dengan tema utama yang diuar-uarkan sebaliknya ia adalah indah khabar daripada rupa dan bak kata pepatah Melayu, “*angkut bakul masuk sendiri*”. Tuan Yang di-Pertua, ketika pembentangan bajet kali ini Menteri Kewangan dari Pekan menggunakan alasan bahawa kerajaan sedang mengalami kekangan kewangan dan terpaksa berjimat dan berbelanja secara berhemah. Akan tetapi, semalam kita baru dimaklumkan oleh Yang Berhormat Pandan, jet penerangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan isteri kesayangannya telah membelanjakan kos RM40 juta dalam tempoh enam bulan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, adakah ini dipanggil perbelanjaan berhemah? Sedangkan potongan elaun Raja dipotong, di mana Perdana Menteri Netherlands dan Perdana Menteri Singapura boleh menaiki kapal terbang atas tiket *business class* tetapi Malaysia serba boleh. Akan tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serba tidak boleh.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu apabila kerajaan mengalami kejatuhan hasil dan amat memerlukan duit untuk membayar hutang, Menteri Kewangan pula memberikan status pengecualian *income tax* selama 10 tahun kepada syarikat *monster*, 1MDB serta anak syarikat 1MDB. Apakah keistimewaan 1MDB, selain hutang RM42 bilion? Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga menerima derma dari 1MDB? *On what ground that 1MDB had this special privilege? Answer!*

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan kali ini secara nyata gagal menangani masalah pemborosan, pembaziran, ketirisan dan penyelewengan dalam pengurusan wang rakyat yang merupakan suatu amanah yang cukup besar. Sekiranya kerajaan berpegang kepada prinsip ketelusan, amanah dan penuh akauntabiliti, saya ingin membuat tiga cadangan seperti berikut.

Pertama, pinda Akta Rahsia Rasmi 1956. Undang-undang sejak zaman British ini telah menjadi senjata pihak berkuasa untuk menutup segala salah laku dan segala rasuah yang berlaku dalam kerajaan. Perjanjian konsesi tol tidak boleh diumum kerana OSA. Gaji dan emolumen Lembaga Pengarah 1MDB tidak boleh diketahui umum kerana OSA. Harga pembelian jet dan senjata sistem pertahanan awam tidak boleh diketahui oleh Ahli Parlimen kerana OSA. Segala sahaja yang dianggap bercanggah dengan kepentingan pihak berkuasa OSA dijadikan pelindung dan akhirnya yang menjadi mangsa adalah rakyat dan negara. Oleh yang demikian, undang-undang kuno ini wajib dipinda segera selaras dengan ketelusan pentadbiran kerajaan dan integriti agensi kerajaan.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, isytiharkan harta anggota Kabinet di Parlimen. Mengikut contoh satu sistem Parlimen Westminster, Perdana Menteri dan anggota Menteri adalah penjawat awam. Oleh yang demikian tanggungjawab mereka adalah terhadap rakyat yang membayar gaji mereka. Atas asas ini dan selaras dengan amalan mencegah rasuah serta membina integriti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan anggota Kabinet adalah wajib mencontohi Kerajaan Negeri Pulau Pinang isytiharkan harta mereka kepada Dewan yang mulia ini. Pengisytiharan harta akan membantu Perdana Menteri dan anggota Kabinetnya membersihkan nama dan reputasi mereka. Negara Amerika

Syarikat, British, Taiwan, Jepun, Korea telah pun melaksanakan amalan ini dan Malaysia harus mengikut teladan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, ketiga, gubal undang-undang baru mengawal *political funding*. Sudah tiba masanya Dewan yang mulia ini memulakan langkah reformasi mengubah undang-undang baru, mengawal pembiayaan tajaan ataupun pemberian derma untuk semua parti politik. Model negara Jerman yang memberikan peruntukan rasmi kepada parti politik mengikut jumlah peratusan undi yang diraih oleh sesebuah parti harus dicontohi. Semua kutipan derma wajib dimasukkan dalam akaun rasmi parti dan bukan mana-mana akaun peribadi. Langkah ini perlu diambil demi membela nama baik negara khususnya selepas terbongkarnya kes RM2.6 bilion yang dimasukkan ke dalam akaun peribadi Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, manifesto Barisan Nasional pada pilihan raya yang dahulu adalah “Janji Ditepati”. Saya pun menaruh harapan yang tinggi, segala janji yang dibuat akan ditepati. Akan tetapi apabila saya meneliti dan mengimbas kembali, sudah sabar menunggu lebih dua tahun. Dalam manifestonya kata janji tol akan turun berperingkat-peringkat tetapi terbukti ‘janji dicapati’.

Kedua, dijanjikan harga kereta akan turun 30%, sekali lagi janji dicapati.

Ketiga, janji Akta Hasutan akan dimansuhkan, tetapi terbukti lagi bukan sahaja tidak dimansuhkan tetapi sebaliknya diperkasakan. Satu lagi janji dimungkiri.

Keempat, dijanjikan subsidi minyak, gula akan dikekalkan untuk rakyat. Akan tetapi hanya berkuasa sahaja, subsidi gula dan minyak semua dimansuhkan. Ini terbukti kerajaan janji di capati. Ini roti canai tidak bertelur, bukan roti canai ada telur.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya ingin membawa perhatian khususnya kepada negeri Perak. Dalam senarai projek-projek *first priority* yang telah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mana NKRA Aeropolis Malaysian Vision Valley, LRT, MRT, *airport* baru, naik taraf *airport* dan lain-lain. Akan tetapi amat kecewa.

## ■2020

Sebagai Ahli Parlimen di negeri Perak yang mempunyai Timbalan Perdana Menteri dan enam orang Menteri. Perak sebagai negeri kedua terbesar di Semenanjung tetapi dalam projek *first priority* apa-apa pun tidak ada, kosong. Orang India cakap ‘*yille pochi*’. Satu projek utama pun tidak ada. Oleh sebab itu saya rasa ini adalah kelalaian amanah yang dipegang oleh Timbalan Perdana Menteri. Saya harap beliau dapat datang untuk membawa berita baik kepada lebih dua juta penduduk di negeri Perak.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya akhiri ucapan saya, saya ingin juga membawa perhatian di mana pada belanjawan lepas, Perdana Menteri telah mengumumkan di mana cukai syarikat untuk SME akan turun daripada 20% menjadi 19%. Untuk cukai syarikat 25% menjadi 24%. Akan tetapi semasa pembentangan bajet pada minggu lepas, langsung tidak disebut. Saya harap pada penggulungan nanti di mana janji ini dapat dikekalkan. Ini kerana rakyat telah– beban hidup rakyat cukup berat. Saya harap kerajaan dapat pegang teguh pada kepada janji ini.

Sebelum saya berakhir, ingin saya berpantun sedikit. Tuan Yang di-Pertua;

*Negara kita kaya dan raya,  
Tetapi rakyat hidup kian terhimpit,  
Bagaimana negara hendak berjaya,  
Hutang negara berbukit-bukit.*

*Cantik sungguh si ikan laga,  
Jadi tarikan dua budak kota,  
Hakikat GST menaikkan harga,  
Kerajaan barang naik kian berdusta.*

*Pemimpin hidup berbangga-bangga,  
Hidup mewah bagaikan Raja,  
Harga naik disalahkan peniaga,  
Salah kerajaan didiamkan sahaja.*

*GST tiada untuk udang galah,  
Orang kaya selalu makan,  
Jika Najib enggan bersara,  
PRU nanti rakyat tumbangkan.*

Saya mohon penjelasan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sipitang.

## 8.22 mlm.

**Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Diiringi ungkapan sehati sejiwa, saya rekodkan ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih atas peluang dan kesempatan yang diberi bagi menyertai perbahasan ke atas Bajet 2016 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan di depan sidang yang terhormat di Dewan yang mulia ini, pada Jumaat lepas bersamaan 23 Oktober 2015.

Dengan harapan kita semua mendapat petunjuk dan hidayah, saya akan cuba ketengahkan pandangan-pandangan dan cadangan untuk dikongsi bersama. Mudah-mudahan ia menjadi penyuluhan di sepanjang perjalanan kita untuk membahagiakan rakyat jelata. Beberapa topik keutamaan daripada lima keutamaan yang diutarakan melalui Bajet 2016, "Mensejahtera Kehidupan Rakyat".

- (i) memperteguh ketahanan ekonomi negara;
- (ii) meningkatkan produktiviti dan inovasi dan teknologi hijau;
- (iii) mempersiaga modal insan;
- (iv) memperkasa generasi putera; dan
- (v) meringankan kos sara hidup rakyat.

Saya mendengar penuh teliti dan membaca teks berkali-kali. Dapatannya saya jelas dan pasti biarpun dalam suasana sukar bagi Bajet 2016 tetap membugar merangkum kesungguhan daya usaha pimpinan bagi memperkuatkkan pertumbuhan, menjamin keseimbangan sosial hidup rakyat sehingga ke peringkat akar umbi sampai ke desa nun jauh yang terpencil.

Sesuai dengan sifatnya sebagai bajet pertama di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas yang dibentangkan 21 Mei lepas, Bajet 2016 menjadi petunjuk kepada pencapaian sasaran makro dalam langkah kita ke hadapan ke arah mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Biar apa pun tanggapan dan persepsi sahabat-sahabat kita di seberang sana yang disampaikan dalam perbahasan yang penuh emosi dan berapi-api, saya optimis malah sangat meyakini bahawa daya usaha yang diikhtiaran oleh pimpinan yang dipintal dalam dokumen Bajet 2016 ini mampu mengubah ruang horizon kehidupan rakyat dan meletakkan Malaysia sebaris negara maju dari benua-benua yang lain.

Jauh di hadapan Bajet 2016 ini membuka lebaran segala peluang dan potensi dengan segala kemudahan dan insentif semua segmen masyarakat yang dibantu. Daripada golongan pesawahan, pekebun kecil, penoreh getah hingga kepada usaha mensiapsiagakan modal insan sebagai persiapan bagi Malaysia mencapai kejayaan sebagai negara maju berpendapatan tinggi. Di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, misalnya sejumlah RM41.3 bilion diperuntukkan pada tahun hadapan untuk membina 30 buah sekolah rendah, 27 sekolah menengah, empat MRSM, lima sekolah asrama penuh. Kita berharap ia dapat mempercepatkan pelaksanaan sekolah satu sesi.

Di samping meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris, kemudian bantuan persekolahan dan makanan yang melibatkan RM350 juta dan juga sarapan pagi. Sampai sarapan pagi pun diambil kira. Makan waktu rehat pun diambil kira, RM250 juta. Membangunkan dan menyelenggarakan fasiliti pendidikan RM500 juta. Sekolah kebangsaan, jenis kebangsaan Cina, Tamil, Mubaligh, asrama penuh, agama bantuan kerajaan, maktab rendah sains, pondok yang berdaftar, sekolah menengah Cina yang mengguna pakai kurikulum kebangsaan, di samping pelbagai program yang melibatkan untuk memantapkan pelan pembangunan di peringkat pendidikan pengajian tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, dari catatan angka-angka yang terpahat Bajet 2016 ini nyata Malaysia sedang berada di landasan yang kukuh, sedang bergerak mengikut kompas pelayaran menuju status negara maju tanpa membelakangkan perihal kebijakan rakyat. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan dalam pembentangan bajet menegaskan dengan jelas perenggan 177 tentang rupa wajah dan warna kemajuan negara serta sahsiah rakyat yang kita dambakan ketika mana memasuki gelanggang negara maju kelak dalam apa jua yang direncanakan seperti dokumen bajet ini, perihal kebijakan dan kepentingan rakyat adalah menjadi keutamaan.

Selain mengurus pengagihankekayaan secara adil demi kepentingan rakyat, Bajet 2016 turut menyesuaikan pendekatan model ekonomi sebagai enjin pertumbuhan untuk kita bergerak ke hadapan. Tertulis dengan terang dan jelas pemimpin dan pimpinan kita melakukan transformasi fundamental ekonomi dan mengubah paradigma pembangunan untuk menjadi lebih produktif. Apa yang jelas dan pasti Bajet 2016 memancarkan daya usaha, sesungguhnya luar biasa daripada pimpinan pemerintah yang berjiwa besar walaupun dengan penuh cabaran untuk

terus memperkuatkan ekonomi negara, membina daya tahan, menyanggah tempias gelombang ekonomi dunia.

Ini terbukti dengan penumpuan pada sektor produktif menjana pertumbuhan, umpamanya berasaskan pertanian dan sumber domestik selain daripada memperkasa perkhidmatan sosial rakyat seperti mengekalkan BR1M, memperhebatkan PR1MA dan perkara-perkara yang sewaktu dengannya. Matlamatnya menuju ke arah satu arah iaitu merapatkan jurang antara bandar dan desa. Menyeimbangkan pembangunan negeri dan wilayah dan mengharmonikan tingkat kehidupan rakyat antara miskin dan kaya, sambil tidak melupakan amalan sistem politik secara demokratik bertunjangan kesederhanaan ataupun *wasatiyyah* sebagai negara Islam yang *moderate*.

#### ■1740

Tuan Yang di-Pertua, mewakili rakan-rakan dari Sabah dan juga Sarawak saya merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT dan terima kasih seikhlasnya dari hati yang paling dalam kepada pucuk kepimpinan atas penyediaan peruntukan maha besar dan perhatian yang istimewa untuk kedua-dua negeri ini walaupun jauh di Laut China Selatan dalam Bajet 2016 yang telah dibentangkan.

Ini termasuk perkara utama yang keempat memperkasa agenda bumiputera pada peringkat ke-136 yang menyebut merangkumi pembangunan masyarakat bumiputera Sabah dan Sarawak. Secara ringkas terdapat tujuh penekanan diberi kepada Sabah dan juga Sarawak yang telah meletakkan lebih daripada RM29 bilion seperti:

- (i) Projek Pan-Borneo Sarawak dan Sabah, RM16 bilion untuk Sarawak dan RM12 bilion lebih untuk Sabah;
- (ii) Panculan GST bagi pengangkutan udara domestik ekonomi;
- (iii) Program baru penyediaan RM70 juta melalui BSN dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak untuk membina rumah-rumah panjang;
- (iv) Penyediaan RM70 juta sebagai subsidi baja padi huma, padi bukit untuk Sarawak dan Sabah;
- (v) RM250 juta Program 1Harga 1 Sarawak dan 1Harga 1 Sabah; dan
- (vi) RM115 juta bagi program khas bumiputera Sabah dan Sarawak dan meningkatkan perkhidmatan klinik bergerak 1Malaysia di Sabah dan Sarawak.

Kami menghela nafas panjang tanda syukur dan terima kasih kerana apa yang terpamer dalam bajet dengan jelas dalam tulisan ini ialah hadiah paling besar, paling istimewa dalam tawarikh atau sejarah Sabah dan Sarawak yang ditempatkan mengatasi negeri-negeri yang lain dan benarlah barangkali kata bintara pejuang dan nasionalis 3S bergabung membentuk satu kekuatan iaitu Sabah campur Sarawak campur Semenanjung menjadi negara Malaysia.

Membanci angka-angka ini yang jelas dan terang kita berharap janganlah lagi ada oportuniti politik cuba menangguk di air keruh. Berhentilah menabur nista kerana rakyat Sabah

dan Sarawak tidak lagi dapat dikaburi mata dengan umpan-umpan dan kata-kata yang manis daripada mana-mana pihak kerana kami tetapi bersama BN.

Tuan Yang di-Pertua, di hadapan sidang pada hari ini Yang Berhormat Sipitang menyambut baik langkah dan usaha untuk memperkasa bidang pendidikan sebagaimana penekanan di dalam Bajet 2016. Senada dengan matlamat tersebut kita mengharapkan tindakan proaktif dan lebih efektif diambil bagi mengangkat taraf pendidikan di Sabah khususnya yang selama ini masih tertinggal akibat bermacam hambatan dari segi dasar dan falsafah serta pelaksanaan dan penyampaian.

Dalam konteks negeri Sabah barangkali, sudah tiba masanya diwujudkan Jawatankuasa Khas Peringkat Negeri untuk mendapatkan input-input dan pandangan yang sesuai berhubung dengan penyelarasan pelbagai usaha dan projek pendidikan selain daripada mendengar suara rintihan dan masalah-masalah yang berkaitan dengan isu pendidikan agar ia dapat diselesaikan.

Kita di Sabah mempunyai Exco Pendidikan yang juga merupakan seorang Menteri yang diberi tanggungjawab untuk menyelaraskan dan membantu hal-hal yang berkaitan dengan pendidikan mungkin boleh dibawa dan diajak sebagai fungsi atau Pengurus Besar Jawatankuasa Khas dengan Kementerian Pendidikan.

Mengambil kira kekurangan tenaga pendidik dalam kalangan anak tempatan, kita menyarankan supaya kuota pengambilan pelajar dalam bidang pendidikan ini anak-anak Sabah ke IPTA/IPTS ditingkatkan selain daripada memilih mana-mana institusi pengajian tinggi Sabah sebagai salah sebuah tempat latihan perguruan bagi membolehkan pelatih memahami, mendekati, menghayati sosiobudaya masyarakat tempatan terlebih dahulu kerana cara ini dapat memupuk kecintaan mereka untuk menabur bakti yang lebih tulus dan ikhlas di Sabah selain dari Pusat Latihan Institut Perguruan yang sedia ada.

Kita menaruh keyakinan bahawa pendekatan sebegini mampu mengatasi isu kekurangan guru terlatih di Sabah. Perangkaan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah menunjukkan hampir 3,000 daripada 8,000 orang guru di Semenanjung yang sekarang mengajar di Sabah memohon untuk kembali ke negeri masing-masing. Isu guru Semenanjung memohon pulang ke negeri asal ini berlaku sejak berdekad-dekad lalu dan ia adalah antara punca kurang berkembangnya tahap pendidikan di Sabah kerana apabila guru baru daripada Semenanjung dihantar ke Sabah, mereka mengambil masa untuk menyesuaikan diri dengan sosiobudaya persekitaran dan geografi yang ada di Sabah.

Menerusi Jawatankuasa Khas ini kelak, isu-isu sebegini boleh dicari jalan penyelesaian yang terbaik malah matlamat mencapai 90% guru Sabah dan Sarawak terdiri daripada anak-anak tempatan boleh dicapai seperti mana di dalam tempoh 3 tahun seperti mana yang dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam lawatannya sewaktu Hari Malaysia baru-baru ini.

Sebagai tambahan, kita juga menyarankan agar kadar elauan perumahan guru-guru antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung diseragamkan atas semangat 1Malaysia. Mengikut perangkaan pada masa ini, guru di Semenanjung yang ditukarkan ke Sabah mendapat elauan perumahan sebanyak RM885 sebulan manakala guru dari Sabah dihantar ke Semenanjung

hanya mendapat eluan perumahan RM460. Ini memerlukan satu bentuk jawatankuasa dan penyelarasian dan teknikal daripada segi pentadbiran.

Kita menaruh harapan dan kepercayaan dan harapan setinggi gunung kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang baru untuk menangani isu-isu ini kerana beliau sesungguhnya amat memahami keadaan di bumi kami tempat beliau menabur bakti sebagai pendidik selama berpuluhan-puluhan tahun termasuk sebagai Pengetua SMK Gadung, sebuah sekolah dalam kawasan Parlimen saya.

Bagai ular menyusur akar tidak akan hilang bisanya maka harapan kami kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang baru dalam siri jelajah turun padang melihat menyelesaikan permasalahan sekolah-sekolah di daerah dan kampung-kampung pedalaman yang jauh dapat diteruskan seperti mana walaupun baru beliau menjadi Menteri Pendidikan beliau telah pun dua kali melawat termasuk...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Seputeh bangun, Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya mahu tolong. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Sipitang saya pernah berjumpa dengan graduan daripada kolej *Teacher's Training College* dari Sabah yang mana mereka telah tunggu lama, ada yang tunggu lebih daripada 1 tahun untuk *posting* tetapi mereka tidak dapat jawatan.

Akan tetapi kita lihat yang guru dari Semenanjung boleh pergi ke Sabah dan mendapat jawatan selain daripada guru, ada yang pengurus kantin pun datang dari luar dari Sabah. Adakah ini juga merupakan satu bentuk diskriminasi terhadap orang Sabah di bawah Kerajaan Barisan Nasional.

**Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang]:** Saya ingat ini bukan satu diskriminasi kerana pihak di sana pun sampai tekaknya mahu putus berteriak siang malam datang ke Sabah untuk mendapat apa yang dipanggil *political mileage* tetapi dalam hal ini saya ingat dalam konteks pendidikan ini kita hanya menyatakan supaya usaha-usaha yang lebih baik dalam memperkuuh pendidikan oleh kerana ramai guru Semenanjung yang balik.

Dalam hal yang sama mungkin kita masih kurang daripada anak tempatan tetapi dengan adanya usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan ini terutama sekali kita berharap kementerian dan menteri baru orang yang isterinya pun adalah orang Sabah dia dapat mengetahui terhadap isu-isu ini dan memberikan keutamaan dan saya percaya ia dapat laksanakan demi kepentingan rakyat Sabah dan ia dapat meningkatkan tahap pendidikan terutama sekali dalam keputusan-keputusan pendidikan di peringkat-peringkat SPM dan juga STPM dan sebagainya berbanding dengan sekolah-sekolah yang terdapat di Semenanjung.

■2040

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks pendidikan di kawasan saya, saya fokus di kawasan saya ialah kita ingin merujuk semula status cadangan menaik taraf Sekolah Menengah Pinggiran Omar ataupun dipanggil SMPO, Sipitang iaitu sekolah yang tertua dalam Parlimen

saya dan pejabat PPD Sipitang, Pejabat Pendidikan Daerah yang diperbuat daripada yang masih berada di takuk lama iaitu menggunakan papan. Kedua-dua perkara ini telah pun diisyiharkan oleh mantan Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Pendidikan yang terdahulu dalam satu majlis bersama rakyat di hadapan ribuan rakyat di Sipitang pada tahun 2013.

Saya ingin bertanya, sejauh manakah permohonan dan kenyataan yang kelulusan diberikan oleh mantan Menteri Pendidikan ini kepada Menteri Pelajaran kedudukannya kerana inilah satunya sekolah yang tertua dan masih lagi memerlukan satu kenaikan, naik taraf untuk memberikan keselesaan kepada pelajar-pelajar kita di peringkat Parlimen Sipitang. Saya ingin juga bertanya kepada Kementerian yang berkaitan dengan luar bandar yang telah saya suarakan beberapa kali dalam Dewan ini dan telah pun memohon peruntukan Jalan Mandolon Maligan, Jalan Maligan Long Pasia dalam pakej. Kalau tidak dapat dilaksanakan sekalipun, mungkin dalam bentuk pakej kerana kedua-dua jalan ini agak jauh tetapi mempunyai potensi dari aspek pelancongan dan ia masih dalam kedudukan yang *gravel*, tanah merah.

Yang kedua ialah Jalan Karangan Lumadan, Beaufort juga dalam Parlimen Sipitang dan juga Jalan Mintulut-Bengkalalak di ketiga-tiga jalan ini yang masih belum dinaik taraf ataupun berturap dan penduduk di sini masih belum menikmati kemudahan-kemudahan sejak merdeka dulu sampai hari ini dan sekali gus ia merupakan ketiga-tiga jalan ini yang saya rasakan masih belum di naik taraf. Yang lain-lainnya kita ucapan terima kasih kepada kerajaan yang telah pun melaksanakan tanggungjawab dan amanah sehingga jalan-jalan kampung, jalan-jalan yang berada di Sipitang ini berjalan dengan baik terutama sekali dari aspek jalan yang berturap ataupun naik taraf.

Di ruang Dewan ini juga Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik dan mengalu-alukan pengumuman bajet mengenai pelaksanaan Projek Pan Borneo bagi jajaran Sabah pada tahun hadapan bermula dan ia bermula di Sindumin dalam kawasan Parlimen Sipitang kerana Sindumin ini adalah merupakan kawasan sempadan cap pasport antara Sarawak dan Sabah dan daripada Sabah bermula di Sindumin kalau mengikut Bajet 2016 sehingga ke Tawau, kemudian ke seluruh Sabah. Untuk pengetahuan sekalian sebagai makluman, Sipitang ini adalah merupakan pusat pertumbuhan baru ekonomi.

Kerajaan negeri telah membangunkan Sipitang Oil and Gas Industrial Park, Taman Industri Minyak dan Gas dan dijangkakan anjakannya pada jangka panjangnya ia meletakkan satu pelaburan berbilion ringgit dan sebagai permulaannya telah pun dibangunkan sebuah projek dipanggil SAMUR Urea, RM4.6 bilion yang telah pun hampir 90% siap. Sudah semestinya ia menepati dalam pembangunan ini untuk memastikan projek pembangunan Oil and Gas Sipitang dan Kimanis seterusnya akan memberikan laluan yang lebih mudah dan akan membangunkan ekonomi lebih kukuh di samping pelancongan dan pembangunan ekonomi negeri Sabah secara menyeluruh.

Sebagai mengakhiri perbahasan ini saya tertarik dengan pernyataan Yang Amat Berhormat merangkap Menteri Kewangan yang mengajak sekalian rakyat menggenggam bara patriotisme atas kecintaan kepada Malaysia. Seperti tertulis dalam perenggan ke-203 dan saya

petik semula ucapan beliau, “*Kerajaan ini tanpa jemu-jemu dan putus asa ingin membuat kebaikan dan kebajikan kepada sekalian rakyat. Sejak dulu ke semua ini bukan terbina dengan mudah atau dalam sekelix mata. Ia menuntut kesungguhan dan pengorbanan atas nama kebaktian nusa dan bangsa*”. Sesungguhnya pernyataan ini perlu kita hayati bersama untuk bersatu kita teguh, untuk menganyam tikar perpaduan dan menyalakan obor perjuangan dalam daya usaha memajukan, membangunkan bangsa Malaysia serta tanah air dari Perlis hingga ke Sabah, dari Pekan hingga Sipitang.

Walaupun keadaan sukar serta suasana global yang mencabar dengan hasil kerajaan yang terjejas akibat penurunan harga minyak dan pasaran global, kelemahan nilai ringgit, namun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan membuktikan kemampuan mengurus ekonomi Malaysia sebaiknya menerusi kepimpinan yang pragmatik dalam Bajet 2016. Justeru itu marilah kita bersama-sama berikan idea dan pandangan dan pendapat untuk mencapai matlamat yang terpahat atas kepentingan rakyat, bukan untuk kepentingan politik yang singkat ataupun semata-mata memenuhi keperluan politik masing-masing.

Pentingnya bukan kepalang untuk kita mendukung teguh satu pimpinan yang telah diberi mandat oleh rakyat kerana inilah pilihan dan takdir sejarah politik. Jangan sesekali tergoda dengan momok sang petualang, padahnya bukan calang-calang. Nanti kelak ternoda masa depan anak cucu kita, layu tergadai di bumi sendiri. Kepada semua marilah kita bersama-sama menjayakan agenda murni yang dipasak dalam Bajet 2016 ini. Jangan kita terbawa-bawa dengan emosi dan fantasi tapi berfikirlah kita mengikuti kata hati, naluri kita sendiri.

*Dari Sipitang ke Kepala Batas,*

*Bawa beg sambil digalas,*

*Budimu PM tidak terbalas,*

*Sipitang menyokong tulus dan ikhlas.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Ya Yang Berhormat Kuala Krai.

#### **8.47 mlm.**

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Sejahtera. Pertamanya saya ucap terima kasih sekali lagi kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan giliran untuk saya berbahas sama. Bajet kita ini dibentangkan dalam suasana negara kita dilanda pelbagai cabaran walaupun belum ditakrifkan sebagai berada dalam krisis ekonomi tetapi dibayangkan oleh penganalisis ekonomi bahawa kita menghampiri ke arah itu.

Jadi tanggungjawab kita pada hari ini tidak berbeza daripada tahun-tahun sebelumnya ialah untuk memastikan kita dapat mengelakkan negara kita ini daripada jatuh dalam krisis ekonomi. Krisis-krisis yang lain macam alam sekitar kita, disebut oleh rakan-rakan masalah sosial kita, tidak boleh kita ketinggalan menangannya dalam masa yang sama.

Pakatan Harapan telah mengambil inisiatif untuk membawa kepada imaginasi rakyat cadangan bajet kita. Walaupun dalam keadaan kita tidak memerintah tapi tanggungjawab ini kita ambil bersama. Sebab itu antara *highlight* yang telah kita sebutkan oleh beberapa wakil daripada sebelah sini, antaranya ialah untuk memastikan satu isu besar yang menjadi buah mulut, bukan hanya kita negara ini tetapi di seluruh dunia dan menjadi sebahagian daripada perbahasan besar kita dalam Dewan sesi ini ialah isu 1MDB yang perkara pentingnya ialah hutang yang begitu besar dan didapati mungkin memungkiri tarikh-tarikh bayaran balik.

Bagi kita mencadangkan untuk ke sekian kalinya, untuk mengurangkan risiko pada masa akan datang, maka kita *wind out*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Parit Sulong bangun Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Baru hendak mula.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Saya cuma hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, sekejap saja. Saya tengok Yang Berhormat Kuala Krai dekat situ dia tulis Amanah, dia Parti Amanah Negara, jadi patutnya tulis PAN, sebab kalau parti PAS, dia tidak tulis Islam, tulis PAS. Ini saya hendak minta, hendak *point out that one*.

#### ■2050

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Untuk makluman Yang Berhormat Parit Sulong, dalam Perlembagaan kita, namanya ialah Parti Amanah Negara dan ringkasnya Amanah. Jadi itu nama kamilah. Jadi kalau bagi nama lain karang, macam-macam pula ceritanya.

Jadi kita mencadangkan supaya 1MDB ini di *wind up* dan diserahkan kepada satu pihak berkuasa seperti dulunya Danaharta untuk memastikan segala-gala asetnya dapat dilupuskan dan didapatkan balik wangnya supaya hutang-hutang dapat diselesaikan dan kita lupakan episod ini. Walaupun kita mungkin mengalami sedikit kerugian tetapi tidak akan terancam pada jangka masa panjang. Itu cadangan kita dan kita rasa ini antara cadangan yang baik kerana tidak ada nampak penghujung cerita 1MDB ini walaupun aset-asetnya sedang cuba dijual tetapi mungkin tidak akan dapat menarik minat yang banyak.

Kedua, ia agak penting. Kita bercakap mengenai Lebuhraya Pan Borneo yang begitu panjang dengan kos sampai RM28 bilion. Tidak ada mana-mana pihak yang boleh menolak kepentingan lebuh raya ini. Akan tetapi, saya hendak mencadangkan, kita di pihak sebelah ini mencadangkan kalau kita lihat 100 tahun yang lalu apabila pihak penajah kita memikirkan rangkaian jalan kereta api, tidak terfikir oleh kita bahawa ia akan buat suatu projek yang sebegini ekstensif, besar pada zaman itu. Dari utara ke selatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Putatan bangun ya.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Pecah di timur. Sekejap, habiskan ayat saya. Jadi mereka telah membina satu rangkaian kereta api. Sampai hari ini pun, rangkaian itu

kekal setelah lebih 100 tahun. Jadi ertinya, pemikiran pemerintah dulu begitu terpakai sampai hari ini tetapi kita hari ini tidak dapat memikirkan lebih daripada itu. Inilah masanya saya hendak mencadangkan supaya ditimbangkan. Daripada kita membuat satu *high speed rail Singapore* ke Kuala Lumpur yang mana 90% lebih ditanggung oleh negara kita kerana jalan kita panjang tetapi hasilnya mungkin akan dapat dinikmati dengan lebih oleh pihak Singapura. Apa salahnya kita *tawaqquf* kan program tersebut dan kita pindahkan idea pembinaan jalan kereta api ini ke Sabah dan Sarawak. Sila.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terpanggil dengan hujah perbahasan Yang Berhormat Kuala Krai. Memang sahabat yang baik kepada Putatan. Bila Putatan berhujah dulu pun, Yang Berhormat Kuala Krai minta laluan. Sekarang saya minta laluanlah. Saya tertarik sebab Yang Berhormat terlalu menyentuh soal *highway* Sabah iaitu *Pan Borneo Highway*. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Kuala Krai, apa lebuh raya rakyat kah? Lebuh raya rakyat daripada Gua Musang melalui Kuala Krai ke Kota Bharu tidak sampai-sampai. Tidak siap-siap. Berdebu lagi, berhabuk lagi. Jadi macam mana duitnya pergi? Dulu ada. Jadi apa pandangan Yang Berhormat soal *highway northway* yang belum siap-siap ini?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Dengar itu, Kerajaan Pusat. Bukan orang Kelantan yang membangkitkannya tetapi orang Sabah. Kalau lebuh raya di Sarawak, Sabah keseluruhannya ditanggung oleh Kerajaan Pusat, kenapa lebuh raya rakyat di Kelantan ini tidak boleh segera dibuat oleh Kerajaan Pusat. Kenapa dibiarkan begitu lama? Jadi ini persoalan yang memang saya tunggu-tunggu daripada Yang Berhormat Putatan. Pakatan kita tadi cukup berkesan. Elok juga berpaktat dengan Yang Berhormat Putatan.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub]: [Bangun]**

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Seterusnya kita mencadangkan supaya diwujudkan suatu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri bangun, Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Biarlah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawablah nanti. Ada masa untuk menjawab.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Sikit, sikit. Kalau, kalau...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tidak apa, tidak apa. Tidak kena dari segi protokolnya. Menjatuhkan sedikit kedudukan itu.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Berkaitan Kelantan tadi.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Memang banyak hendak cakap tentang lebuh raya sana itu. Tidak apa. Itu nanti Yang Berhormat Menteri tidak ditanya pun cakaplah nanti ya.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Tidak, tidak. Bagi atau tidak bagi ini?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tidak bagilah itu.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Terima kasihlah kerana tidak bagi.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Inilah sesi di mana Yang Berhormat Menteri minta bercakap. Banyak sudah ya.

*Endowment fund*, satu tabung daripada hasil petroleum ini kita wujudkan bagi negeri-negeri di Sabah dan juga Sarawak untuk masa depan kerana kita lihat suatu masa, hasil petroleum dan gas ini akan kekurangan dan akan habis. Kita pun dengar ada telaga-telaga yang hari ini dioperasi dengan semaksimum mungkin di satu, dua telaga untuk mengurangkan kos dengan meredakan operasi ini telaga-telaga yang lain kerana keadaan sudah begitu meruncing, harga petroleum kita. Jadi sebelum apa-apa berlaku kepada industri petroleum kita ini, segeralah kita wujudkan tabung *endowment* ini untuk membantu negeri-negeri yang pada ketika ini menikmati hasil yang banyak daripada petroleum ini.

Kemudian, seperti juga cadangan kawan-kawan kita yang lain, kita mencadangkan supaya GST ini dihapuskan dan inilah buku yang telah dibaca oleh Perdana Menteri kita tetapi bahasa mana yang dipakai sampai dia tidak jumpa cadangan kita untuk menghapuskan GST. *[Menunjukkan sebuah buku]* Dia kata kita menyokong GST. Oleh yang demikian, kita akan dapat mengembalikan balik suasana di negara kita ini di mana kerajaan akan memikirkan berbagai-bagai langkah untuk mendapatkan *revenue* ataupun hasil. Tidak hari ini mereka berbangga kita ada GST, maka kita dapat menyelesaikan masalah. Walaupun harga minyak jatuh, GST inilah yang membantu kita.

Saya khuatir kerajaan hari ini dan akan datang akan ketagihan dengan GST ini dan tidak boleh lagi hendak memikirkan langkah-langkah yang lebih baik, lebih banyak yang tidak melibatkan tekanan terhadap rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah untuk menambah hasil negara. Maka kita mencadangkan supaya GST ini dihapuskan. Maka fikirlah. Kita bermula dengan *zero rating* kerana kita tahu kerajaan telah melaburkan begitu banyak. Berbilion. RM5 bilion untuk mewujudkan sistem ini. Tentulah kalau kita tidak bertanggungjawab, kita kata hapus terus. Jadi bagaimana tentang pelaburan RM5 bilion ini? *Zero rating* adalah gerakan ke arah tersebut. Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh itu tadi sebagai beberapa *highlight* daripada cadangan Pakatan Harapan.

Seterusnya saya ingin menyentuh beberapa aspek di dalam bajet kita ini. Antara aspek yang ditegur banyak oleh rakan-rakan kita pada hari ini dan semalam ialah mengenai peruntukan-peruntukan kepada kementerian-kementerian yang keseluruhannya kecuali Jabatan Perdana Menteri mungkin. Yang lainnya mengalami kekurangan peruntukan yang amat ketara dan yang membimbangkan dan yang ingin saya sebut secara khusus ialah peruntukan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi yang mendapat kekurangan hampir 20% dari tahun lepas dengan jumlah belanja mengurus dan juga pembangunan sebanyak RM2.4 bilion kekurangan dari tahun lepas.

Tuan Yang di-Pertua, tentulah ini merupakan satu tindakan yang kita anggap tidak bertanggungjawab oleh Menteri Kewangan kerana pendidikan ini adalah suatu keperluan yang

kita rasa memerlukan pelaburan yang berterusan. Ada disebut bahawa RM1 yang kita laburkan pada hari ini, pulangannya RM6 pada masa yang datang. Begitu sekali ROI nya yang kita rasa bukan semestinya dari segi kewangan tetapi dari segi kebijaksanaan, kepandaian, peluang pekerjaan pada masa akan datang bagi *citizen* kita.

Jadi kita amat tidak bersetuju ia dikurangkan. Kita akan mengalami risiko ini, IPT-IPT ini. Misalnya antara yang akan awal-awal terjejas ialah aktiviti penyelidikan kerana emolumen takkan kita hendak kurangkan. Takkan kita hendak mengurangkan tenaga-tenaga pekerja.

## ■2100

Jadi, risiko-risiko mengenai ini boleh menyebabkan IPT-IPT kita kurang mengeluarkan hasil-hasil intelektual yang boleh meletakkan universiti-universiti kita ini pada kedudukan yang dihormati oleh dunia.

Selain daripada itu, yuran kemasukan ke universiti juga mungkin akan naik kerana universiti dikehendaki untuk mencari dana mereka sendiri. Walaupun mereka ini IPTA, tetapi bila yuran naik, ia akan memberikan kesan kepada pengambilan terutamanya pada kursus-kursus yang mengenakan kos yang tinggi seperti perubatan, kejuruteraan dan kursus-kursus profesional yang lain. Ini akan menyebabkan kemasukan yang berkurangan.

Ditambah pula dengan sumber pembiayaan seperti biasiswa dan PTPTN pun semakin berkurangan. Apa lagi kalau di IPTS. IPTS akan terkesan lebih teruk kerana PTPTN terus dikurangkan. Kita mendapat rungutan kalau di IPTS itu mengenakan bayaran bulanan asrama RM150 sebulan pun sudah menjadi punca anak-anak kita keluar daripada IPT tersebut kerana ibu bapa yang pada keadaan biasa menghantar anak mereka dengan tidak perlu memberikan pembiayaan bulanan terpaksa mencari, kalau tak-bukannya banyak, RM150 ke RM200, itu pun sudah memberikan tekanan dalam keadaan GSTnya lagi. Jadi kemasukan ataupun...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang bangun.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** ...Keciciran, keluar akan bertambah. Silakan..

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya daripada Kuala Krai.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Kuala Krai, saya rasa di sana wujudnya satu masalah yang betul-betul *real* iaitu *to be fair*lah dalam isu bantuan PTPTN ini. Kita tahu di sana bila wujudnya skim PTPTN ini, ada juga pihak-pihak yang mengambil kesempatan untuk mendapatkan keuntungan dengan *compromise the quality of education* dengan izin, apabila mereka menubuhkan kolej-kolej yang dengan begitu mudah sebab mereka tahu di sana adanya PTPTN yang akan boleh memberikan sumber kewangan untuk mereka beroperasi. Jadi kita lihat pertambahan kolej-kolej swasta yang tidak terkawal ini menyebabkan sedikit sebanyak ia memberi kesan kepada pelajar, kepada kualiti pendidikan dan sebagainya.

Jadi, adakah Yang Berhormat Kuala Krai merasakan bahawa pihak kerajaan ini mereka oleh sebab hendak mengatasi masalah ini dengan kewujudan kolej-kolej swasta yang saya katakan tadi yang tidak bertanggungjawab ini dan akhirnya kerajaan tidak dapat atasi masalah itu, dikurangkan jumlah peruntukan kepada jumlah pinjaman ini? Jadi setuju dengan saya, sepatutnya ada satu langkah komprehensif untuk menangani masalah ini, bukan dengan mengambil jalan singkat dengan mengurangkan. Jadi yang terkesan ialah para pelajar ini dan ibu bapa yang hantar pelajar ini. Terima kasih.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Ya, ia macam *vicious cycle*. Kekurangan bantuan ataupun biasiswa ataupun PTPTN akan menyebabkan kekurangan kemasukan dan akan *sacrifice* kualiti dan menghasilkan graduan-graduan yang mungkin tidak dapat menepati keperluan pasaran. Akan tetapi, kita yakin kerajaan boleh membuat pemantauan melalui Jawatankuasa Pemantauan Kualiti untuk memastikan kualiti tidak diabaikan oleh sama ada pihak IPTS ataupun IPTA sendiri. Jadi, ia boleh dibuat dan saya akan cadangkan beberapa cara untuk *top up* kepada kekurangan PTPTN ini.

Sebaiknya PTPTN ini dilengkapkan ataupun diberikan 100 peratus untuk yuran pengajian. Di pihak kami, kami mencadangkan dulu pendidikan percuma. Akan tetapi oleh sebab kerajaan hari ini *insist on* PTPTN, boleh teruskan sebagai satu cara menepati keperluan *hundred percent* pelajar itu, itu cukup baik, tetapi kalau dikurangkan, kita boleh mencadangkan beberapa pendekatan yang lain.

Saya hendak menyebutkan masalahnya dulu. Ada lebih kurang 475,000 pelajar kita yang habis Tingkatan Lima masuk ke dalam satu kelompok yang memerlukan beberapa tindakan. Mungkin 150,000 daripada mereka berjaya mendapat tempat di IPTA, politeknik kah ataupun kolej-kolej komuniti. Seramai 100,000 lagi masuk ke IPTS kerana mungkin kekurangan ruang di IPTA. Ada yang lebih kurang 50,000 pula masuk ke dalam pasaran tanpa sebarang keterampilan, skil yang membolehkan mereka mendapat satu pekerjaan yang baik ataupun gaji yang lebih baik.

Jadi mereka ini akan berada di tingkat bawah dalam piramid pekerjaan ini. Ia ada lagi 200,000 yang perlu diberikan perhatian. Masuk IPTA pun tidak, hendak masuk bekerja pun tidak, masuk IPTS pun tidak. Jadi kalau setahun lebih kurang dalam 200,000 ini terkumpul, kalau menjelang tahun 2020, kita mungkin ada satu juta orang yang terumbang ambing tanpa keterampilan, tanpa satu ijazah pun atau pun sijil dan tanpa arah masa depan.

Kita hendak mencadangkan beberapa penyelesaian. Pertamanya, yang mudahnya, yang walaupun mudah tetapi tentulah kerajaan merasa ini berat iaitu mengembalikan PTPTN untuk cover 100 peratus daripada yuran pembelajaran anak-anak kita termasuk yuran asramanya supaya ibu bapa tidak mempunyai sedikit pun rasa kegusaran untuk menghantar anak mereka ke universiti. Kita khuatir kalau ada sedikit sahaja beban, mereka mengambil langkah yang paling tidak bijak iaitu menghentikan pendidikan anak-anak mereka.

Kemudian, fikirkanlah satu sistem atau cara alternatif untuk menambah kepada keperluan PTPTN ini. Kita ada dalam sistem kita, zakat ada. Zakat hari ini di sebahagian majlis agama memang ditadbirkan untuk pendidikan tetapi mungkin hanya untuk wang ataupun yuran

untuk memulakan pembelajaran ataupun kursus-kursus asas, persediaan, *foundation* tetapi tidak membantu keseluruhan pendidikan. Jadi, apalah kiranya kalau boleh pihak berkuasa agama di semua negeri memikirkan supaya zakat ini diberikan sebagai bantuan pendidikan yang lengkap untuk anak-anak asnaf yang sangat memerlukan.

Begitu juga kita rasa antara satu cara lagi yang kita lihat boleh dilaksanakan dan banyak dilaksanakan oleh universiti-universiti yang terkenal di seluruh dunia seperti Harvard, Stamford atau di Australia, mana-mana universiti ialah dana Alumni mereka. Dana Alumni ini adalah besar bagi sesetengah universiti dan mereka boleh membiayai pengajian pelajar-pelajar yang masuk ke universiti mereka. Kita mempunyai kelompok Alumni semua universiti yang ramai. Kerajaan boleh memberikan insentif supaya para Alumni ini boleh menyumbang dan mendapat rebat kah ataupun kelonggaran cukai supaya mereka dapat menyumbang. Contohnya, dalam masa dua tahun memberikan lebih kurang RM2,000 secara bulanan sedikit demi sedikit sampai mencapai jumlah tersebut.

Kalau UiTM ini yang kita tahu mempunyai Alumni yang cukup besar kerana mereka menerima masuk ramai, jadi yang menjadi Alumni pun besar, kalaular mereka ada sejuta orang dengan RM2,000 seorang memberikan sumbangan kepada alma mater mereka, dan begitu juga universiti lain, saya yakin mereka akan mempunyai dana yang besar yang boleh menampung pembelajaran anak-anak kita. Itu satu langkah yang saya rasa perlu digiatkan. Sudah ada. Saya yakin sudah ada Alumni UiTM di mana saya berada dulu pun sudah ada tetapi tidak agresif dalam mobilisasikan pengumpulan sumbangan daripada para bekas-bekas pelajar mereka.

Kemudian, satu kelompok yang 50,000 yang masuk ke pasaran pekerjaan yang saya sebutkan tadi mereka ini tidak ada latihan. Jadi, pekerjaan yang mereka buat pun tentulah tidak memberikan pulangan yang tinggi. Saya mencadangkan supaya kerajaan memikirkan modul-modul latihan kepada kumpulan ini. Mereka sedang bekerja. Sudah tentulah kalau hendak suruh mereka masuk ke kolej-kolej, tentulah akan menyekat pekerjaan mereka. Akan tetapi, difikirkan bagaimana pihak-pihak swasta mungkin untuk menyediakan kursus-kursus yang akhirnya memberikan mereka skil dan juga pengiktirafan melalui sijil supaya mereka lebih laku dalam pasaran pekerjaan.

## ■2110

Juga kepada 200,000 yang saya sebutkan terumbang-ambing tadi, latihan vokasional. Ini disebut di dalam bajet TVET yang begitu banyak peruntukan. Mereka ini, sekolah-sekolah diambil untuk mengikuti latihan-latihan yang tidak semestinya distrukturkan panjang dua, tiga tahun ataupun 18 bulan. Mungkin di peringkat enam bulan, satu tahun sudah mungkin memadai untuk mereka memperoleh *skill* yang bersesuaian dan akan dapat diterima oleh pasaran pekerjaan.

Ini juga 200,000 setahun ini boleh mengambil alih tempat pekerja-pekerja asing yang ada di negara ini secara berperingkat. Cuba bayangkan dalam masa lima tahun, satu juta kumpulan ini dapat mengambil alih satu juta daripada pekerja asing. Ini sudah tentu akan membantu kita

mengelakkan penghantaran wang balik ke negara luar di mana pekerja asing ini datang. Juga memberikan peluang kepada pekerja-pekerja kita bekerja.

Satu lagi perkara yang disebut dalam bajet ialah mengenai pendidikan teknikal dan vokasional yang bajetnya ditambah daripada RM3.8 bilion kepada RM4.8 bilion. Ini satu jumlah yang agak ketara besarnya, RM1 bilion tambahan. Akan tetapi jumlah yang disediakan kepada Tabung Pembangunan Kemahiran yakni dikendalikan oleh pihak swasta hanya sekadar RM350 juta iaitu tidak sampai pun 10%, lebih kurang 7% sahaja.

Walaupun negara kita, kerajaan kita sentiasa menggalakkan hubungan kerajaan swasta ini tetapi dalam konteks ini saya rasa tabung ini perlu mendapat sumbangan yang lebih besar untuk membiayai institusi-institusi latihan yang dikendalikan oleh swasta. Ini akan mengeratkan lagi hubungan *public private collaboration* yang merupakan suatu juga strategi yang dilakukan oleh kerajaan kita.

Kalau sebaiknya, paling tidak pun daripada RM350 juta ini kalau diberikan RM1 bilion, maka pembangunan kemahiran di sektor swasta ini akan dapat memberikan impak yang lebih besar. Kesannya ialah pihak swasta akan bersungguh-sungguh membuat pelaburan dalam infrastruktur mereka bagi menambah ruang latihan dan kemahiran kepada pelajar-pelajar kita tadi atau anak-anak kita yang keluar ke dalam pasaran ini.

Ia juga akan dapat mempromosi pertumbuhan industri kecil dan sederhana kerana adanya suatu program latihan yang menarik. Jadi, ini juga boleh membantu pembangunan SME dan boleh juga mengawal pembesaran sektor awam kita. Kalau tidak, semuanya akan menumpu kepada sektor awam kerana sektor swasta ini kurang ruang untuk dimasuki kerana tidak adanya peruntukan yang mencukupi. Maka, akhirnya sektor awam jugalah yang menjadi tumpuan, sektor awam kita akan menjadi *bloated* lagi, makin besar. Ini mungkin akan memberikan kesan juga kepada jangka masa panjang.

Di samping itu kita dapat mengelakkan mungkin berlakunya di mana kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan menjadi institusi “*gajah putih*” yang tidak dimanfaatkan sebesar-besarnya. Akan tetapi kalau dapat dichannelkan sebahagian daripada peruntukan kepada swasta, maka ia akan menjadikan sektor swasta ini lebih *vibrant* dan lebih dimanfaatkan. Produk-produk latihan ini juga akan memberikan peluang kepada anak-anak muda kita mengenal dengan lebih rapat keperluan-keperluan, keterampilan ataupun *skill* yang diperlukan oleh industri kita. Itu akan memberikan kesan yang baik kepada sektor pekerjaan ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai kehadiran pekerja asing yang begitu besar dan katanya 1.5 juta lagi akan dibawa masuk. Semacam sudah menjadi satu ketagihan kita, kalau tidak ada pekerja asing ini mungkin banyak sektor kita tidak dapat berjalan dengan licin. Dahulu semasa DEB dirangka, antara tunjangnya ialah untuk mengubah pengenalan *race* kita ini mengikut sektor ekonomi yang kita ceburi, akhirnya nampaknya berjaya sungguh.

Orang Melayu tidak lagi dikenali dengan sektor pertaniannya dan yang mengendalikan sektor pertanian ini orang Indonesia dan Bangladesh. Jadi, mungkin ini satu perkara yang akan

merubah budaya bekerja rakyat kita di Malaysia dan mesti ditangani segera. Maka, kita harus mengambil berat mengenai kemasukan pekerja asing ini dan kita kalau boleh distrukturkan semula perjawatan dalam sektor-sektor yang kini dikuasai oleh pekerja-pekerja asing. Bunyinya besarlah ya, hendak menstrukturkan semula perjawatan...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Kuala Krai boleh, sedikit.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Oh, ada bangun, sila.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebab pekerja asing, saya tertarik. Saya ingin minta penjelasan daripada sahabat saya daripada Yang Berhormat Kuala Krai, kalauolah pekerja asing ini kita hentikanlah, apa terjadi dengan industri pembinaan kita? Satu. Duanya, kalauolah kita tidak mahu lagi pekerja asing kerja di ladang kita, *what is going to happen with our perlادangan*, dengan izin. Jadi, saya minta penjelasan ini, ini amat serius keluhan Yang Berhormat ini yang pekerja asing ini kita tidak perlu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Boleh gulung Yang Berhormat ya.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Boleh gulung? Oleh sebab itu saya tidak mengatakan kita hentikan pengambilan pekerja asing. Kita ada pertambahan 200,000 dalam pasaran. Kalau ambil masa lima, enam tahun, kita akan dapat ramai yang akan sedikit sebanyak akan mengambil alih. Oleh sebab itu kita kena perkasakan anak-anak kita supaya mereka dapat mengisi, boleh mula pekerjaan yang lebih baik, pengurusan, pentadbiran dalam sektor-sektor ini. Mungkin tidak bermula daripada bawah terus, jadi mungkin ini akan dapat mengurangkan *remittance* balik ke negara-negara asal mereka apabila mereka dikurangkan sedikit demi sedikit.

Mungkin mula-mula kita selamatkan RM10 bilion, RM20 bilion, akhirnya kita akan dapat selamatkan lebih banyak. Kita cuba ikhtiarkan supaya pekerja-pekerja yang dikatakan *dirty, difficult, dangerous (3D)* ini tidak sedemikian, malah memberikan sedikit *glamour* kepada kerja-kerja ini supaya tidak dihindar oleh anak-anak kita sendiri. Mungkin juga kita reka ataupun kita cipta insentif-insentif cukai kepada mereka yang mengambil anak-anak yang kita latih daripada sistem teknikal dan vokasional seperti yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, di penghujung ucapan ini saya ingin membangkitkan isu-isu tempatan saya di Kuala Krai misalnya dan juga beberapa isu di tempat yang lain. Isu rumah banjir Tuan Yang di-Pertua, masih lagi di peringkat lambat diselesaikan. Kita tidak menyalahkan siapa-siapa, mungkin ada di sana masalah perolehan tanah dan sebagainya. Akan tetapi tidakkanlah hari ini sudah 10 bulan masuk 11 bulan, masih hanya lebih kurang 14% sahaja rumah-rumah yang dicadangkan siap telah siap.

Jadi, saya tidak nampak dalam bajet ini ada satu jumlah khusus, ada untuk banjir RM500 juta tetapi untuk apa kita belum tahu. Akan tetapi untuk rumah ini kalau disediakan jumlah 10% daripada itu pun saya rasa kita boleh dapat menyelesaikan rumah-rumah yang ada ini dengan kerjasama antara kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat supaya tapak-tapak rumah ini diperoleh.

Di samping itu, ada juga rakan-rakan kita yang minta dalam suasana ekonomi yang gawat ini Tuan Yang di-Pertua, tadi disebut polis yang pencen. Tentera yang berhenti tanpa pencen, jumlah mereka tidaklah besar tetapi dalam suasana kegawatan hari ini mereka mengharapkan supaya diberikan pertimbangan untuk mereka ini diberikan insentif ataupun sedikit pencen. Mungkin kalau pencen yang lain RM900, bagi mereka ini RM500 mungkin boleh melegakan sedikit keadaan ekonomi mereka. Mereka berharap sangat kita diberikan pertimbangan. Walaupun sebelum ini sudah ditanya, kerajaan tidak bersedia dan tidak ada cadangan tetapi mungkin masa ini kita boleh melaksanakannya dengan seberapa segera.

#### ■2120

Dan yang terakhir sekali Tuan Yang di-Pertua, di Kuala Krai masih lagi ada keperluan untuk Kementerian Pembangunan Luar Bandar menyelesaikan beberapa permintaan seperti jalan-jalan di kawasan-kawasan kampung, di kampung pemberian misalnya yang kalau banjir, jambatan tenggelam, tidak ada jalan keluar tetapi ada satu jalan yang boleh kita perbaiki misalnya boleh menyelesaikan beberapa masalah mereka. Ada satu yang terakhir betul ini, ada permintaan bagi kita memperjuangkan juga urusan *TalentCorp* yang diusahakan oleh kerajaan sejak empat ke lima tahun yang lepas ini. Saya ingin mohon penjelasan daripada kerajaan, apa kedudukan *TalentCorp* ini sama ada ianya berjaya atau tidak kerana suara yang disebutkan, kadar yang balik untuk memberikan sumbangan kepada negara kita tidak seperti yang diharapkan.

Oleh yang demikian, kita mungkin ubah strategi, tidak mengharapkan mereka balik tetapi mereka menggunakan *networking* mereka di luar negara untuk membawa majikan-majikan mereka membuat pelaburan ke negara kita ataupun teknologi yang mereka manfaatkan di negara mereka dibawa ke negara kita. Itu mungkin sumbangan warga kita di luar negara untuk membantu pembangunan negara kita ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa sudah sampai, saya ucap terima kasih atas peluang ini. Terima kasih.

#### 9.21 mIm.

**Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi kesempatan kepada saya untuk turut serta membahaskan Bajet 2016. Bajet 2016 ini merupakan pusingan pertama dalam lima pusingan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas untuk kita mencapai negara maju pada tahun 2020. Maka bertepatan dengan tema Bajet 2016 “Mensejahtera Kehidupan Rakyat” bertunjangan lima keutamaan utama yang memperuntukkan RM167.2 bilion dalam Bajet Negara 2016.

Tuan Yang di-Pertua, melalui bajet ini, banyak peruntukan disalurkan kepada Sabah dan Sarawak bagi memastikan projek yang dirancang dalam Rancangan Malaysia Kesebelas dapat dilaksanakan agar sebahagian kecil penduduk luar bandar mendapat bekalan elektrik, air bersih dan kemudahan asas lain. Ada pihak-pihak tertentu yang menuntut autonomi untuk Sabah dan Sarawak tetapi Tuan Yang di-Pertua, autonomi hanya akan bererti jika jurang pembangunan

dapat dirapatkan. Sabah dan Sarawak masih ketinggalan daripada segi prasarana dan kemudahan awam, pengangkutan awam, pembangunan modal insan dan perumahan.

Maka melalui Rancangan Malaysia Kesebelas dengan pelaksanaan projek pembangunan melalui Bajet 2016, kerajaan telah membuktikan bahawa Sabah, Sarawak akan terus menjadi keutamaan dalam menyediakan pelbagai infrastruktur agar jurang pembangunan antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung dapat dirapatkan. Melalui Bajet 2016 ini juga, kerajaan telah memperuntukkan RM260 juta untuk Program 1Harga 1Sabah dan 1Harga 1Sarawak untuk barang terpilih bagi mengimbangkan harga barang di Sabah, Sarawak dengan Semenanjung Malaysia.

Untuk Sabah Tuan Yang di-Pertua, banyak program pembangunan turut diperkasakan termasuklah bekalan air dan elektrik yang memperuntukkan jumlah sebanyak RM515 juta untuk elektrik dan RM877 juta untuk bekalan air bersih di seluruh Sabah. Projek Pan Borneo juga menjadi asas pengukuhan infrastruktur jalan raya di antara Sabah dan Sarawak dengan peruntukan RM28.9 bilion. Sesungguhnya Bajet 2016 ini adalah bajet yang menyejahterakan kehidupan rakyat Malaysia secara keseluruhan. Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan Bajet 2016 ini, saya ingin menyentuh berhubung isu-isu keutamaan yang dekat di hati rakyat kawasan Parlimen Silam.

Pertama, Lapangan Terbang Lahad Datu. Dalam ucapan Rancangan Malaysia Kesebelas baru-baru ini, saya telah menyuarakan tentang hasrat kawasan Silam ataupun Lahad Datu yang amat memerlukan sebuah lapangan terbang baru supaya pesawat-pesawat besar seperti Boeing 737 dan juga Airbus 320 dapat mendarat di lapangan terbang baru Lahad Datu. Seperti yang kita tahu, lapangan terbang yang ada sekarang ini sebenarnya dibina oleh tentera Jepun. Mungkin ada juga hikmahnya apabila Jepun datang, dia telah membina sebuah lapangan terbang di Lahad Datu pada 1943 dan kalau tentera Jepun tidak sempat datang ke Lahad Datu, berkemungkinan Lapangan Terbang Lahad Datu sehingga sekarang tidak akan terbina.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan balas oleh Menteri Pengangkutan dalam membahaskan Rancangan Malaysia Kesebelas, permohonan daripada Lahad Datu ataupun daripada Silam telah diperakui untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Namun apabila bajet dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari Jumaat yang lalu, hanya tersebut Lapangan Terbang Mukah akan dinaiktarafkan, dibesarkan dan juga lapangan terbang baru untuk Lawas.

Tidak tersebut Lapangan Terbang Lahad Datu yang baru walaupun telah diperakui oleh Menteri Pengangkutan. Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan saya untuk dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, saya telah mengatakan bahawa untuk memastikan bahawa Lapangan Terbang Lahad Datu itu terbina, Kerajaan Negeri Sabah telah menyediakan tanah seluas 1,000 ekar di kawasan Silabukan, Lahad Datu.

Kawasan ini masih tersedia untuk pembinaan lapangan terbang baru, oleh itu tidak ada masalah berhubung dengan tanah dan tanah ini sebenarnya telah dikaji selidik oleh Jabatan Penerbangan Awam Sabah dan telah didapati ia amat sesuai untuk pembinaan sebuah lapangan

terbang baru dan kawasan ini sebenarnya hanya lebih kurang 20 kilometer dari kawasan pusat bandar Lahad Datu.

Saya juga mengatakan bahawa memang amat penting lapangan terbang ini dibina sebab Lahad Datu sekarang ini sedang pesat membangun. Sebuah taman perindustrian yang baru yang telah dibina oleh Kerajaan Negeri Sabah di Lahad Datu yang dinamakan *Palm Oil Industrial Cluster* yang telah berkembang dengan pesat sudah hampir lima tahun sekarang, kawasan tanah yang diberi pada peringkat awal 1,000 ekar telah habis dibeli oleh pelabur-pelabur dan sekarang ini Kerajaan Negeri Sabah telah memberi lagi sebidang tanah 3,000 ekar untuk ditawarkan kepada pelabur-pelabur dan kita melihat bahawa perkembangan ini amat menggalakkan. Oleh itu, sebuah lapangan terbang baru perlu dibina sebab pelabur-pelabur yang merupakan jutawan-jutawan tidak minat untuk datang ke Lahad Datu dengan menggunakan pesawat-pesawat kecil seperti ATR.

Oleh itu, saya mengharapkan supaya lapangan terbang ini akan dapat dibina oleh kerajaan dalam tempoh masa tahun depan kalau boleh. Saya harap kerajaan akan menerima pembinaan lapangan terbang ini untuk tahun depan ataupun sekurang-kurangnya tahun 2017.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sambung esok Yang Berhormat.

**Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 28 Oktober 2015.

**[Dewan ditangguhkan pada jam 9.30 malam]**